

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 22

Rabu

19 April 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 130)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 19 April 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah benar kenyataan penganalisis ekonomi bahawa salah satu faktor untuk menarik pelabur dan “foreign direct investment” ke projek seperti MSC adalah perundangan dan dasar buruh yang sesuai dan fleksibel serta apakah langkah seterusnya yang diambil terhadap hal tersebut; dan
- (b) di antara dasar “security of tenure” dengan “produktiviti dan motivasi” mana satu pendekatan negara untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan buruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat bagi Santubong bahawa salah satu faktor untuk menarik pelabur dan “*foreign direct investment*” dengan izin ke projek MSC adalah perundangan dan dasar buruh yang sesuai dan flexible, memanglah benar.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah menggubal perundangan khusus bagi pelaburan dalam MSC. Peruntukan ini diwujudkan untuk melindungi dan menggalakkan pelaburan daripada luar dan juga daripada domestik. Malaysia merupakan di antara negara terawal di dunia mengamalkan perundangan Siber. Antara perundangan yang telah digubal ialah:

- (a) Akta Tandatangan Digital 1997;

- (b) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (c) Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997 yang meminda Akta Hak Cipta 1987 telah berkuat kuasa pada 1 April 1999;
- (d) Akta Jenayah Komputer 1997; dan
- (e) Akta Tele-perubatan 1997.

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk menggubal Akta Elektronik Dagang dan Akta Elektronik Aktiviti Kerajaan.

Dengan pelaksanaan MSC, kerajaan telah membuat komitmen kepada syarikat-syarikat berstatus MSC dengan memberi jaminan 10 "*Bill of Guarantees*" sebagai satu rangka perlindungan harta intelek dan undang-undang siber yang komprehensif bagi mempermudah dan membantu pembangunan sektor ICT dengan persekitaran multimedia.

Kerajaan menyedari hakikat bahawa pekerja berpengetahuan atau *knowledge workers*, dengan izin amat penting bagi kejayaan MSC. Oleh itu Malaysia tidak membataskan pengambilan pekerja asing dari mana-mana negara bagi syarikat-syarikat yang berstatus MSC. MDC juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelabur-pelabur memperolehi pekerja-pekerja berpengetahuan yang mencukupi dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan produktiviti dan kecekapan buruh bergantung kepada beberapa faktor, termasuk motivasi dan "*security of tenure*", dengan izin. "*Security of tenure*" boleh membuat para pekerja rasa terjamin, seterusnya meningkatkan komitmen pekerja terhadap organisasi. Walau bagaimanapun, faktor ini tidak memadai bagi memastikan peningkatan produktiviti.

Keupayaan pekerja menghadapi persekitaran yang sering berubah perlu dipertingkatkan bagi melahirkan pekerja yang produktif dan cekap. Budaya belajar sepanjang hayat dan dapat memastikan tenaga kerja yang *flexible* mampu menghadapi cabaran dan *marketability* dan *employability* pekerja dengan izin.

Kerajaan menggalakkan pelaksanaan sistem upah berasaskan produktiviti ataupun *productivity linked wage system*. Amalan sistem upah ini membolehkan para pekerja mendapat ganjaran dari penambahan keuntungan yang terhasil dari peningkatan produktiviti. Untuk meningkatkan produktiviti, pengetahuan, kemahiran serta sikap positif latihan dan pendidikan berterusan perlu dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak berpuas hati Tuan Yang di-Pertua dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi khususnya kepada jawapan (a) iaitu bahawa menyenaraikan nama undang-undang siber belum mencukupi memberi ruang untuk memajukan MSC.

Kalau kita baca sejarah *Silicon Valley* dengan apa yang dikatakan *another silicon valley* di negara Perancis iaitu di 'Glenobel' yang saya telah sebut telah menunjukkan dasar buruh bukan perundangan siber yang maksudnya. Persoalan saya ini tertumpu kepada dasar buruh, undang-undang dasar buruh yang berkehendakkan apa yang disebutkan tadi iaitu *knowledge worker*. Kalau *knowledge worker* dikehendaki kita mesti *flexible on the question of higher and fire* dengan izin.

Persoalannya meritokrasi, adakah kita menumpukan kepada meritokrasi. Ini persoalan saya. Kalau soalan *higher* dan *fire* tidak dibuat, meritokrasi tidak dapat diamalkan. Akhirnya persoalan saya tidak terjawab. Saya hendak bertanya soalan undang-undang buruh yang saya persoalkan ini adakah kita mengkhususkan atau hendak menggubal suatu perundangan khusus untuk MSC, untuk menyelamatkan MSC supaya dia jangan jadi 'Gelenobel' nanti pada suatu ketika.

Perkara ini akan hanya berlaku 20 tahun yang akan datang, kita akan hilang beribu bilion pelaburan yang tidak dijamin dengan *flexibility* perundangan buruh di sana. Itu persoalan saya, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, MSC masih dalam peringkat pembangunan dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa ada nampak kelemahannya dan perlu diperkuatkan. Undang-undang siber ataupun undang-undang buruh memang ada dan kerajaan sedia menggubal undang-undang yang baru untuk mematuhi keperluan industri ICT supaya perundangan berkenaan menjadi lebih lengkap. Tetapi seperti yang telah saya sebutkan iaitu kita masih dalam peringkat pembangunan dan kita mengalu-alukan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita semua dapat memajukan MSC ini bersama-sama. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham *frust* Yang Berhormat bagi Santubong oleh kerana MSC menghadapi risiko menjadi gajah putih pertama ICT di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang bukan sahaja Menteri tidak ada, Timbalan Menteri tidak ada, Setiausaha Parlimen sahaja yang ada. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan menteri MITI akan datang untuk menjawab dalam Rancangan Malaysia Kesembilan masa menggulung menunjukkan serius dalam perkara ini.

Mengenai soalan tambahan, bukannya benar bahawa satu sebab utama kenapa kita kurang berjaya untuk menarik FDI untuk MSC ialah oleh kerana rancangan kita khususnya k-ekonomi *master* pelan yang dilancarkan pada tahun 2002 sudah gagal. Sebanyak 126 perakuan semuanya tidak dilaksanakan. Saya ambil satu contoh dalam lima tahun ini mulai 2001 hingga 2006, antara cadangan “*a track some of the best brain into the public sector*”. Lima tahun adakah boleh bagi satu dozen nama *the best brain in the public service*. Jangan kata satu dozen malah satu pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak boleh, Yang Berhormat ada kata “*knowledge workers*” kalau kita tidak boleh menonjolkan *knowledge workers* yang terbaik sekali di dunia, bukannya MSC akan menjadi gajah putih ICT dunia yang pertama.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Tanjong.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Tanjong. Yang Berhormat bagi Tanjong ada di belakang. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Telah buat dua kenyataan yang salah. Yang pertama tuduhan Yang Berhormat bahawa MSC telah gagal dalam matlamatnya adalah tidak benar. Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam tempoh masa 10 tahun kebelakangan ini semenjak MSC ditubuhkan, sebanyak 1,421 buah syarikat berstatus MSC telah diluluskan di MSC. Antaranya 70 buah adalah syarikat multinasional dan 74 peratus adalah syarikat tempatan.

Yang Berhormat, kita bukan sahaja berjaya menarik pelaburan dari luar negara, yang penting sekali kita telah berjaya memupuk satu kumpulan syarikat ICT tempatan yang besar dan yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Mereka juga mampu

mencipta dan mengeluarkan produk-produk multimedia dan komunikasi yang bertaraf dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini 21 buah syarikat tempatan telah menyertai dalam pameran SIBIT 2006 di Hanover, Jerman dan SIBIT ini adalah pameran teknologi yang terbesar sekali di dunia. Ini telah menunjukkan bahawa kemampuan dan *capability* syarikat tempatan kita dalam ICT. Untuk makluman Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa tiada hadir SIBIT?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya juga hendak sebut sekali berkenaan kesalahan kenyataan Yang Berhormat yang kedua bahawa turun

Seorang Ahli Pembangkang: Dia mahu jawab. Dia mahu jawab. Bagi *chance* dia mahu jawab. Nanti dia jawab. Nanti dia jawab. Kasi dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, satu sudah cukup. Cukup. Cukup. Satu cukup. Yang Berhormat bagi Sekijang.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia sudah jawab *public brain*. Saya mahu satu nama, satu nama. Saya kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Saya benarkan dia

Seorang Ahli: Awaklah. Awaklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *the public brain's private sector*, satu nama sahaja. Satu nama sahaja.

Seorang Ahli: Tanjung Rambutan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lima tahun ada tidak? *One best brain in the public service* pun tidak boleh kah? Apa? Nama satulah?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan nombor dua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum itu, menteri akan datangkah? Menteri MITI akan datangkah untuk jawab Rancangan Malaysia Kesembilan atau dia akan hilang lagi. [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan menjadi semakin riuh*]

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Jangan layan dialah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya membenarkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab satu sahaja soalan tambahan, satu soalan tambahan sahaja. Cukuplah. Cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia pun tidak tahulah. Saya tahu dia pun tidak tahulah.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Diam-diamlah.

Seorang Ahli: Tetapi *Speaker help her*.

2. **Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah semua industri yang mengeluarkan sisa toksik di negara ini didaftarkan di bawah kementerian. Sejauh manakah pengawalan dibuat kepada syarikat-syarikat ini untuk melupuskan sisa toksik mereka di tempat yang ditetapkan atau dikhaskan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tidak memerlukan industri yang mengeluarkan barangan berjadual mendaftar di bawah kementerian ini. Namun begitu kawalan yang dibuat oleh kementerian, di bawah akta berkenaan adalah pihak industri dikehendaki memberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar mengenai jenis buangan berjadual dan kuantiti yang dihasilkan dari semasa ke semasa.

Industri berkenaan juga dikehendaki menyimpan inventori pengeluaran buangan berjadual mereka untuk tempoh tiga tahun bagi membolehkan pihak Jabatan Alam Sekitar memantau pengeluaran dan pelupusan barangan berjadual dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Selain daripada inventori, Jabatan Alam Sekitar juga mengesan pergerakan buangan berjadual melalui sistem pemberitahuan – “nota consignment” ataupun “*consignment note*”. Sistem ini membolehkan pihak Jabatan Alam Sekitar menjejak pergerakan barangan berjadual bermula dari premis pengeluar sehingga ke kemudahan pelupusan atau pengitaran semula.

Sistem ini dijangka dapat membendung aktiviti pelupusan haram buangan terjadual yang tidak mematuhi prosedur-prosedur di atas. Selain daripada meningkatkan penguatkuasaan dan perisikan, usaha-usaha lain yang sedang dijalankan termasuklah meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memasukkan

peruntukan hukuman tahanan reman dan penjara mandatori bagi kes pelupusan haram pembuangan terjadual dan satu peruntukan khusus untuk menggalakkan orang ramai memberi maklumat mengenai kegiatan haram berkenaan alam sekitar kepada agensi-agensi penguat kuasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamad [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan. Soalan tambahan saya mengapakah masa yang terlalu lama diambil oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengeluarkan ataupun mengalihkan sisa toksik yang dilupuskan secara haram.

Contohnya di dalam kawasan saya sudah hampir sebulan perkara ini dilaporkan tetapi sehingga kini kerja-kerja mengalihkannya belum lagi dilakukan dan saya juga ingin tahu apakah rasionalnya Jabatan Alam Sekitar melantik hanya dua syarikat sahaja sebagai panel untuk melupuskan sisa toksik untuk seluruh negara dan saya hendak tahu apakah syarat-syarat untuk membolehkan sesebuah syarikat untuk dilantik sebagai panel pelupusan sisa-sisa toksik ini.

Saya juga ingin tahu adakah Jabatan Alam Sekitar ataupun kementerian mempunyai peruntukan khas bagi mengendalikan kes-kes pelupusan sisa toksik ini secara haram. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Sebenarnya berkaitan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, memang kita telah mengambil lebih kurang sebulan untuk melupuskan. Memang pada dasarnya tidak membawa bahaya yang *immediate danger* dengan izin tetapi perkara sudah pun dibincangkan dengan Perbendaharaan pada hari ini untuk mendapatkan kos yang terlibat dalam pelupusan tersebut iaitu dianggarkan lebih kurang RM400,000 diperlukan untuk melupuskan sisa toksik yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Setelah mendapat persetujuan Perbendaharaan dalam mesyuarat pada hari ini maka kerja-kerja pelupusan akan dimulakan dengan segera. Berkaitan dengan perkara yang dikatakan kenapa dua syarikat sahaja yang diberikan konsesi ataupun hak eksklusif untuk pelupusan. Memang ada dua syarikat sahaja iaitu yang pertama ialah Kualiti Alam untuk seluruh Malaysia ataupun Semenanjung dan juga 'Track Nicken' bagi Sabah dan Sarawak kerana pada mulanya kalau kita lihat sejarah Kualiti Alam masa itu

apabila kita hendak mewujudkan sistem pelupusan yang sempurna, menelan belanja yang banyak iaitu lebih kurang RM350 juta diperlukan.

Kerajaan telah membuat suatu keputusan untuk memberikan kepada suatu syarikat supaya projek ini dapat berjaya dilaksanakan. Untuk menggalakkan mereka melibatkan diri di dalam peniaga ini mahu suatu konsesi yang eksklusif telah pun diberikan kepada mereka dan supaya mereka ini juga dapat menjalankan peniaga mereka ini dengan baik dan mungkin selepas tamatnya masa konsesi itu maka kita boleh menimbang penglibatan syarikat-syarikat lain kerana kita sudah ada suatu sistem yang spesifik dan teratur untuk pelupusan sisa-sisa toksik ini. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak nafikan bahawa kita ada dua sahaja syarikat yang beroperasi dan difahamkan bahawa caj yang dikenakan teramat tinggi. Ada banyak syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang cuba melarikan ataupun mengelak daripada membayar caj yang lebih dengan membuang sisa-sisa toksik di waktu malam.

Soalan saya, sejauh mana tahap pengawalan yang telah diambil kepada syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang terbabit dan berapa banyak yang telah didakwa. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah pun menerima banyak aduan mengenakan yang begitu tinggi tetapi adalah satu-satunya caj yang telah dipersetujui semasa konsesi diberikan. Namun demikian kita mengambil serius tentang pandangan banyak pihak industri juga tentang caj-caj ini dan kita sedang meneliti perkara ini secara mendalam untuk menentukan sama ada perkara ini boleh dikaji semula kerana buat masa ini, untuk pelupusan secara *landfill charge* yang dikenakan adalah sebanyak RM400 satu tan manakala untuk *incineration* iaitu sisa-sisa toksik yang begitu berbahaya dan perlu dibakar cajnya mungkin meningkat sehingga RM3,000 atau RM4,000.

Ini adalah di antara suatu perkara yang selalu yang dibangkitkan oleh pihak industri. Selain daripada itu juga masalah yang selalu berbangkit kerana kita lihat ada juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam kitar semula ini. Kitar semula ini dia cuba mengaut sedikit nilai daripada barangan buangan. Tetapi selepas dia mengaut hasilnya, selepas itu dia memberi aduan bahawa sebenarnya dia tidak dapat menanggung.

Sebenarnya kos ini adalah suatu kos yang harus ditanggung oleh pemilik ataupun pengeluar sisa toksik yang asal iaitu syarikat-syarikat yang besar.

Namun demikian, kita akan mengawasi perkara ini dengan serius dan berkaitan dengan jumlah pendakwaan yang telah pun kita lakukan sebenarnya kes pelupusan haram untuk tahun 2005 ini adalah sebanyak 31 kes dan jumlah kes yang telah pun dibawa ke mahkamah ialah sebanyak 5 kes.

Untuk tempoh lima tahun daripada 2001 hingga 2005 jumlah kes pelupusan haram buangan berjadual adalah sebanyak 90 kes kesemuanya dan jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah untuk tempoh yang sama ialah 39 kes. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, sebelum itu izinkan saya mengalu-alukan rombongan Jawatankuasa PIBG dan guru-guru dari Sekolah Menengah Perempuan Temenggong Ibrahim, Johor dan Batu Pahat dan juga Jawatankuasa UMNO Bahagian Sri Gading. *[Tepuk] [Disorak]* Itulah Sri Gading kuat sangat, selalu bawa orang. Soalan saya No. 3.

3. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengenai jumlah pendatang asing yang masih lagi terdapat di negara ini yang mana kebanyakan bekerja sebagai buruh kasar walau pun tempoh proses penghantaran pulang telah lama tamat dan rakyat dari negara manakah yang paling ramai yang datang ke negara ini kini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah sebutlah perkara ini.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya takut ada pihak lain kita tidak dapat sebut, tidak adil dan sebenarnya pintu di sini memang terbuka. Sesiapa yang datang memang dialu-alukan. Terima kasih Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya masih terdapat pendatang asing yang tidak pulang ke negara asal mereka walau pun tempoh proses penghantaran pulang secara sukarela tamat pada 28 Februari 2005. Malah ada di antara mereka yang di hantar pulang ke negara asal mereka masuk semula sekali lagi secara haram ke negara ini.

Ini adalah disebabkan suasana dan keadaan yang ada di negara mereka yang menjadi faktor penolak untuk mereka kembali ke Malaysia. Sementara peluang pekerjaan di Malaysia menjadi tarikan untuk mereka terus mahu mencuba nasib di negara ini.

Jumlah sebenar pendatang tanpa izin yang berada di negara ini tidak dapat dianggarkan dengan tepat kerana kemasukan mereka adalah secara haram. Namun begitu, jumlah pekerja asing yang diambil bekerja di dalam pelbagai sektor di negara ini mengikut perangkaan Jabatan Imigresen pada 28 Februari 2006 adalah berjumlah 1,830,949 orang. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sekarang ini kita dapati pendatang-pendatang ini masih ramai seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya mahu tahu apakah kementerian Yang Berhormat telah pun melaksanakan tentang pengeluaran *calling visa* kepada pekerja asing berdasarkan *certificate of liability* ataupun CE dengan izin yang dikeluarkan oleh pihak MLVK kerana saya dapati ada pengeluaran *calling visa* dan urusan penyambung pasport dengan izin permit kerja berterusan walau pun tanpa CE. Sila Yang Berhormat jelaskan dan satu lagi kita dapati

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Satu cukup.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, *calling visa* hanya dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja asing atau pendatang asing tanpa izin, kita nampak bukan sahaja di Semenanjung bahkan di Sabah dan Sarawak tetapi masalah yang kita hadapi ialah mereka ini tidak dapat dikenali di mana mereka berada sama ada mereka ini secara sah, ada tauke-tauke atau mereka ini diberi pekerjaan dalam ladang-ladang yang kementerian tidak boleh dapat tinjau.

Seperti mana yang saya sudah soal dahulu dan mendapat jawapan yang sama adakah kementerian bercadang untuk memberikan suatu identiti kepada semua pekerja-pekerja supaya mereka ini dapat dikenali sebagai pekerja asing atau kita biarkan begitu

sahaja sebab kalau tidak ada identiti, tentu sekali mungkin apabila mereka ini berada dalam bandar atau luar bandar, kita tidak dapat mengesan mereka.

Adakah Kementerian bercadang untuk memberi suatu tanda identiti supaya apabila kita nampak, kita pantau, mereka ini boleh dikenali bahawa mereka ini pekerja yang sebenar atau pendatang asing yang tidak ada kebenaran untuk masuk.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pekerja-pekerja yang diambil secara sah sepanjang yang saya faham diberikan kad pengenalan sebagai pekerja yang sah dan untuk membezakan di antara yang tidak sah ini kadang-kadang bila mereka keluar, kemungkinan mereka tidak membawa kad yang berkenaan. Ini menyukarkan kita untuk membezakan di antara yang sah dan yang tidak sah.

Namun begitu, bagi menentukan supaya kita dapat mengawal atau membanteras pendatang asing tanpa izin ini operasi-operasi oleh Jabatan Imigresen dan RELA diteruskan. Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini sahaja Jabatan Imigresen telah menjalankan sebanyak 790 operasi di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Operasi ini dalam bandar, di luar-luar bandar tidak ada operasi, polis tidak berani masuk ke luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ini jawapan telah diberikanlah. Yang Berhormat daripada kawasan Sri Gading. *[Disorak]*

4. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dibuat bagi mewujudkan perbadanan tanah-tanah terbiar di seluruh negara bagi dimajukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari wujudnya tanah-tanah terbiar di seluruh negara yang berpotensi untuk dimajukan. Walau bagaimanapun, ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan perbadanan tanah-tanah terbiar.

Ini adalah memandangkan pada masa ini di negara kita sudah pun terdapat sebuah agensi khusus untuk memajukan tanah terbiar iaitu Syarikat FELCRA Berhad.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah diberi keutamaan dan seluas 102,660 hektar tanah dijangka dipulihkan. Di sepanjang tempoh rancangan ini, FELCRA Berhad akan memainkan peranan penting dalam program tersebut dan ia akan dibantu oleh agensi kerajaan yang lain termasuk Jabatan Pertanian Semenanjung, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Industri Getah Sabah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESDAR) dan Sarawak *Plan Consideration and Rehabilitation Authority* atau FELCRA.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan juga kerajaan akan memperkenalkan program baru iaitu Program Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) bagi membangunkan semula tanah pertanian yang terbiar serta tanah yang tidak digunakan sepenuhnya khususnya untuk mengeluarkan makanan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk tujuan ini, satu pelan tindakan akan digubal bagi merangka dan melaksanakan projek ini di pelbagai kawasan yang sesuai.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Suatu jawapan sekadar jawapan, *[Ketawa]* dan ini bukan salah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila Yang Berhormat sebagai pihak kerajaan menjawab bahawa FELCRA Sdn. Bhd., orang kampung tidak ada kepercayaan kepada FELCRA. *[Disampuk]* FELCRA tidak telus, sudah tanam, tebang, tanam semula hutang peserta belum selesai.

Jadi, bagaimana rakyat dan kebanyakan masalah tanah terbiar kerana masalah pusaka, masalah faraid, masalah tidak berkemampuan, masalah proses di pejabat tanah yang begitu panjang dan rumit untuk membahagikan harta pusaka. Dan, jumlah ini jutaan dan kebanyakan tanah-tanah terbiar ini dari kumpulan orang-orang Melayu yang miskin, orang-orang Islam yang miskin, proses ini amat membebankan mereka hingga tidak ada kemampuan hendak menyelesaikan masalah pembahagian.

Jadi, itu sebab saya cadangkan kepada pihak kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri betullah jawapan Yang Berhormat tetapi kita merayu kepada kerajaan

agar menubuhkan satu perbadanan yang khusus bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah terbiar kerana masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Kalau boleh pandangan, cadangan, permintaan ini dipertimbangkan oleh kerajaan dan Kerajaan Barisan Nasional memang sebuah kerajaan yang menolong rakyat. Dasar ini boleh diperpanjangkan, Tuan Yang di-Pertua satu juta lebih.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:tanah terbiar menjadi yang tidak memberikan keuntungan kepada rakyat dan kalau tanah ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:dapat dimajukan. Ya, Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini lebih daripada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan ini terpaksa saya salut dengan berbagai-bagai hujah ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan kerajaan betapa pentingnya perbadanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri faham. Saya takut Yang Berhormat sendiri tidak faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sendiri memang yakin dia faham, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia pun hendak hujah ini sebagai hujah beliau....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, tidak perlu, tidak perlu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:untuk dikemukakan pada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan tambahan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila duduk cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Jadi, itulah harapan saya supaya apa yang saya rintihkan ini mewakili seratus ribu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itulah dia, Tuan Yang di-Pertua, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah panjang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas kepekaan dia dan saya harap apa yang saya cadangkan ini menjadi jawapan kepada beliau untuk dikemukakan kepada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jadi tidak payah jawapanlah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua. Dia pun tidak perlu jawablah kalau fikiran saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, tidak payah jawablah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:yang saya sebut tadi munasabah untuk diterima oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kuala Krau. Jawapan tidak payahlah, ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua,.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Tidak payah jawapanlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sebab tadi Sri Gading kata tidak payah jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Sebab sahabat saya dari Sri Gading dia membangkitkan perkara pertama sekali kata jangan sekadar jawapan. Itu saya agak sedih mendengar perkataan itu sebab kita di sini, kerajaan tidak pernah sambil lewa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak merendahkan Yang Berhormat

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti, Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:jadi kalau itu menyinggung perasaan, Yang Berhormat, saya keratlah perkataan itu. *[Ketawa]* Apa dia? Perkataan itu sahaja kerana maksud saya bukan kerana tidak payah, *[Disampuk]* saya *censored*, dengan izin, yang itu sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah! Ini penyampaian.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasal saya hormat sahabat saya ini, dia orang yang baik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat penyampaian ada sedikit salahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan salah macam kalau tidak berapa kena dengan pendengar dia, saya sunting sedikitlah jadi kita sunting. Bacalah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri akan terimalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Seperti mana yang kita maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan, di antara sebahagiannya telah menyebutkan bahawa ada masalah *delivery system* dalam kerajaan. Saya maksudkan mungkin Yang Berhormat faham perkara ini kerana dalam semua agensi yang ditubuhkan sudah tentulah dari segi pelaksanaan terdapat sedikit sebanyak cacat celanya dan ini kerajaan akui. Sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, *delivery system* ini mesti diberi penekanan untuk kita perbaiki.

FELCRA sebenarnya banyak berjasa kepada petani-petani terutamanya dari segi pemulihan. Kalau kita lihat, Yang Berhormat, sebagai maklumlah Dewan ini, bukan sahaja FELCRA tetapi saya sebut juga tadi agensi-agensi kerajaan yang lain bahkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menggubal ataupun melaksanakan Rancangan Bumi Hijau. Di samping itu, agensi-agensi wilayah yang lain juga, dalam waktu yang sama mengambil tindakan

untuk memulihkan tanah-tanah yang terbiar ini. Ini dalam Program Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi, tidak perlulah sebenarnya kita hendak, sekarang ini, menubuhkan satu agensi baru tetapi memadai kalau kita mempertingkatkan kecekapan ataupun memperbaiki di mana salah dan silapnya *delivery system* di dalam agensi yang berkenaan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krau sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang tanah-tanah terbiar ini juga melibatkan tanah-tanah pusaka yang disebutkan oleh Sri Gading sebentar tadi, di mana sejumlah RM900 ribu hak milik pusaka masih lagi belum dapat diselesaikan. Dan, nilai pasaran tanah rizab Melayu adalah sejumlah RM166 bilion dan daripada RM166 bilion tersebut sejumlah RM38 bilion tidak dapat diselesaikan dan menyebabkan kerugian kepada orang-orang Melayu akibat daripada kegagalan, kelewatan menyelesaikan tanah-tanah pusaka. Ini disahkan oleh kajian yang dibuat oleh Amanah Raya Berhad.

Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempercepatkan supaya tanah-tanah pusaka ini dapat dibangunkan dan langkah kerajaan untuk memperbanyakkan lagi jawatan pegawai-pegawai pusaka di peringkat daerah kerana sekarang ini pegawai-pegawai pusaka di peringkat daerah kadang-kadang terpaksa bertugas lima daerah dalam satu masa yang sama. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, ia di bawah tanggungjawab pejabat tanah.

5. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah pelaksanaan JQAF telah berjaya menghapus buta Al-Quran, jawi dan fardu ain di kalangan pelajar tahun 2 pada 2006 ini setelah setahun pelaksanaan JQAF di sekolah-sekolah yang terlibat.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain ataupun JQAF telah dirintis pada tahun 2004 dan diperluaskan ke 1,221 buah sekolah pada tahun 2005. Seterusnya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan program ini akan diperluaskan kepada 6,614 buah sekolah lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana program ini baru sahaja dilaksanakan kejayaan sebenar program JQAF ini masih belum boleh diukur kerana

objektif program ini menyasarkan murid-murid menguasai JQAF setelah tamat tahun 6. Walau bagaimanapun, sejak program ini diperkenalkan 2004 yang lepas didapati bahawa program ini mendapat sambutan dan kerjasama yang sangat baik daripada sekolah dan masyarakat setempat.

Hasil daripada pelaksanaan program tersebut seramai 78% daripada jumlah murid di bawah program ini telah dapat membaca Al-Quran, bertutur dalam bahasa Arab dengan menggunakan perkataan yang mudah, menulis dan membaca jawi serta menghayati amalan fardu ain. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, izin, boleh? Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan JQAF ini boleh membina generasi baru modal insan yang berakhlak mulia, keterampilan, mempunyai daya juang, mempunyai kasih sayang kepada bangsa, ummah dan negara. Maka, apakah Kementerian Yang Berhormat berhasrat, walaupun dalam jangka masa pendek tadi kita dengar hasil-hasilnya cukup baik dan harapan cukup baik, apakah berhasrat untuk melanjutkan JQAF ini ke peringkat menengah untuk memahami tafsir Al-Quran.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang hasil daripada JQAF kita boleh banggakan. Seperti mana saya nyatakan tadi bahawa program JQAF ini kita akan buat peringkat demi peringkat, di mana dua tahun yang lepas kita sudah mula dan kita tambah lagi pada tahun ini. Dan, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini peruntukan lebih kurang RM300 juta untuk kita membangunkan program JQAF ini dan sudah pastilah murid-murid yang telah mendapat latihan pada tahap 2 sekarang ini, sudah tentu apabila mereka ke sekolah menengah kita akan merancang bahawa ilmu yang mereka perolehi pada peringkat rendah ini akan terus dihayati sampai ke peringkat menengah. Terima kasih. Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa Bahasa Arab ini amat sukar tetapi begitu menarik perhatian hinggakan berapa orang Menteri Besar, Menteri Besar Perak, Menteri Besar Perlis telah pun mempelajari Bahasa Arab, [Disampuk] Menteri Besar Johor, ya. Mungkin ramai lagi yang amat tertarik dengan Bahasa Arab. Walaupun sukar, kita tahu, sehinggakan pelajar-pelajar di sekolah pun kadang-kadang kompelin kepada ibu bapa tentang kesukaran mereka. Ada yang hendak meninggalkan sekolah, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka bimbang tentang pembelajaran yang dibuat di sekolah rendah.

Soalan saya, apakah guru-guru yang layak untuk mengajar ini cukup bilangannya kerana ini amat penting untuk mengajar tulisan jawi, Bahasa Arab dan sebagainya. Dan, apakah pihak kementerian boleh melihat tentang kaedah yang begitu baik yang dilakukan oleh negara jiran kita seperti di Indonesia tentang kaedah pembelajaran yang begitu mudah untuk mengenali huruf, umpamanya. Jadi, apakah pihak kementerian akan melihat tentang kaedah yang lebih mudah untuk mempercepatkan mengenal. Mungkin bukan setakat orang Islam mungkin juga bukan di kalangan orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Selaras dengan Islam Hadhari. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut yang begitu peka mengenai perkembangan pendidikan anak-anak kita terutamanya dalam bahasa Arab. Dengan kaedah yang kita amalkan di sekolah sejak dua tahun yang lepas, seramai 12,997 murid telah pun mengikuti pelajaran bahasa Arab komunikasi. Daripada jumlah tersebut 77.1% murid telah berjaya dalam ujian yang dijalankan, sementara 22.9% berpotensi untuk berjaya. Ini menunjukkan kaedah yang kita ajar di sekolah mudah difahami oleh pelajar-pelajar kita.

Mengenai masalah guru untuk mengajar JQAF, sistem perguruan yang kita guna untuk guru-guru JQAF ialah sistem Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) di mana masa cuti, guru-guru ini akan pergi ke maktab selama dua minggu untuk berinteraksi dan praktikalnya dia buat di sekolah dengan dibimbing oleh guru agama yang sedia ada. Untuk pilihan atau kumpulan yang pertama 2004, iaitu seramai 3,600 guru telah pun kita latih di dalam JQAF ini dan untuk pengambilan yang kedua, kita telah pun mengambil seramai 3,700 guru. Jadi hari ini kita ada lebih kurang 7,700 guru yang telah pun kita latih untuk mengajar JQAF ini. Terima kasih.

6. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan peratus kampung dan rumah panjang di luar bandar yang sudah dibekalkan dengan bekalan elektrik dan rancangan kerajaan untuk menggunakan sungai-sungai yang ada untuk dijadikan sebagai kuasa mini-hidro seperti apa yang dibuat di negara seperti Australia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh kita cadangkan tidak tukar nama itu sikitlah? Nama yang pelik-pelik ini kita tukarkan kepada nama baik-baik. Saya cadangkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan di saat soalanlah.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Boleh cadang. Lubok Malaikat, boleh. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan penduduk-penduduk luar bandar khususnya dalam penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik. Bagi Semenanjung Malaysia, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengenal pasti rumah-rumah di kawasan-kawasan luar bandar yang sesuai untuk dibekalkan dengan elektrik secara sambungan ke grid.

Melalui pembayaran daripada Tabung Akuan Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE), kawasan-kawasan ini dibekalkan dengan kemudahan elektrik sungguhpun kos yang terlibat adalah tinggi. Begitu juga bagi kawasan yang jauh di pedalaman atau di pulau-pulau terpencil yang tidak dapat disambungkan ke grid disebabkan jarak yang terlalu jauh. Sistem hybrid solar digunakan sebagai alternatif bagi membekalkan elektrik walaupun kos pembekalan per kapita adalah tinggi. Bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, peruntukan pembangunan dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah juga digunakan untuk tujuan tersebut.

Memandangkan Ahli Yang Berhormat bagi Lubok Antu berasal dari Sarawak, sukacita saya ingin maklumkan bahawa bilangan isi rumah di Sarawak yang telah dibekalkan dengan elektrik di bawah skim elektrifikasi luar bandar, *rural electrification scheme* adalah berjumlah 77,773 dengan pecahan seperti berikut. Sistem elektrifikasi luar bandar bagi Rancangan Malaysia Keenam adalah 29,396 jumlah isi rumah, bagi Rancangan Malaysia Ketujuh adalah 25,497 jumlah isi rumah dan bagi Rancangan Malaysia Kelapan adalah 22,880 buah isi rumah.

Pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan, kira-kira 60% daripada kampung dan rumah panjang di kawasan luar bandar Sarawak telah dibekalkan dengan tenaga elektrik oleh *Sarawak Electricity Supply Cooperation (SESCO)*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka akan keperluan untuk menggunakan sumber tenaga alternatif dalam penjanaan elektrik bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sumber bahan api fosil. Melalui program jana kuasa kecil tenaga yang boleh diperbaharui oleh *small* ataupun *Small Renewal Energy Power Program (SREPP)*, penjanaan elektrik melalui hidro berskala kecil yang tidak melebihi 10 megawatt turut digalakkan.

Bagi negeri Sarawak, kerajaan negeri telah mengemukakan cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengkaji potensi sumber tenaga alternatif bagi penjanaan tenaga elektrik termasuk melalui sistem hidro berskala kecil khususnya, bagi membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan yang terpencil. Kerajaan negeri akan melaksanakan projek hidro berskala kecil sekiranya kajian yang dilaksanakan mendapati bahawa ia sesuai untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong, sebelum itu saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Lubok Antu dan Yang Berhormat bagi Larutlah. Kalau kedua-dua mereka tidak puas hati nama kawasan ini, boleh buat rayuanlah kepada ini SPRlah. *[Ketawa]* Santubong, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini kena buat *referendum*lah di kawasan Lubok Antu, kalau hendak tanya, tukar nama itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak soal satu soalan tambahan berhubung dengan mini hidro. Saya selalu mengulang persoalan pentadbiran kerajaan ataupun apa sahaja bersifat intelektual ataupun *educational*. Kita tidak mempunyai data dan maklumat yang khusus. Apabila kita hendak buat, kita serah kepada syarikat-syarikat buat penyelidikan.

Jadi kita mempunyai sejarah yang mana mini hidro di Sarawak gagal, oleh kerana kita tidak mempunyai data maklumat. Kalau di kampung, *cluster* kampung ini, di mana letaknya mini hidro boleh dibuat? Kalau kita lihat di Singapura, pentadbiran dia mempunyai semua data-data maklumat ini, cukup. Kalau di England kita melihat data-data maklumat hal air, hal api, mini hidro, semua dia buat. Macam itulah juga di

Australia. Tetapi kenapa kita sudah begitu lama, negara kita berkemampuan dan berkepakaran tidak mengguna pakai modal insan yang ada di negara kita untuk menyelidiki dan membuat data maklumat kita mencukupi.

Apabila pelaksanaan hendak dibuat, data maklumat kita telah mencukupi sebagai garis panduan kepada kerajaan untuk menguruskan dana kerajaan atau kewangan kerajaan untuk memberi kesan yang lebih kepada masyarakat umum. Apa jawapan Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, ya?

Beberapa Ahli: Santubong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Santubong. Saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini kementerian menerima banyak permohonan-permohonan untuk membina mini hidro. Walau bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi, kementerian sentiasa membuat kajian sama ada *viability* mini hidro itu sesuai dari segi ekonominya ataupun tidak. Oleh sebab itu, kerajaan tidak dapat memenuhi segala permintaan oleh mana-mana pihak untuk membuka mana-mana mini hidro dengan begitu mudah dan kerajaan sentiasa mengkaji dengan terperinci walaupun permintaan itu banyak.

Kerajaan juga tidak memandang remeh permohonan ini kerana kita menggalakkan penggunaan mini hidro ini kerana kita yakin, kita tahu pada masa akan datang *fossil fuel* ini tidak akan bertahan lama. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kita tahu, walaupun hybrid solar, memang sesuai untuk kawasan-kawasan yang terpencil dan sebagainya. Saya difahamkan oleh rakan-rakan di Sarawak, banyak lagi kawasan rumah panjang dan sebagainya belum mempunyainya. Begitu juga dengan kawasan orang Asli di Semenanjung. Soalannya, berapakah jumlah minimum yang diperlukan untuk mendapatkan *solar hybrid* tadi. Dan dari segi kos, berapakah jumlah kos satu rumah untuk dipasangkan hibrid solar tadi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera yang sentiasa memperjuangkan nasib masyarakat tidak kira siang dan malam, walaupun di bandar dan di desa-desa.

Beberapa Ahli: Whoaa!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Bera, sebenarnya solar hybrid ini adalah satu sistem yang menggabungkan antara generator, bateri dan juga tenaga suria. Ini untuk menggantikan sistem *solar stand alone* yang mana sistem *solar stand alone* ini hanya bergantung kepada tenaga suria yang hanya mampu bertahan untuk empat jam.

Manakala, sistem solar hibrid ini boleh bertahan 24 jam dan yang lebih canggihnya, dia boleh dikawal secara *remote* di Kuala Lumpur. Katalah Yang Berhormat bagi Bera hendak pasang satu di Bera, di Kuala Lumpur boleh menggunakan *remote control*. Bila tidak ada matahari, boleh dionkan *generatormya* dan ini boleh memastikan bahawa bekalan itu berterusan selama 24 jam.

Dari segi kawasan minimum ataupun kosnya, memang menjadi hasrat Kerajaan Malaysia sebagaimana yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu bagi mengurangkan jurang pembangunan masyarakat bandar dan luar bandar, yang mana kalau kita lihat sendiri peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi bekalan elektrik adalah berjumlah RM1 bilion berbanding dengan peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan pada Rancangan Malaysia Kelapan yang hanya berjumlah RM562 juta. Ini menunjukkan dua kali ganda jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk memastikan semua kawasan di luar bandar tidak kira dari segi bilangan penduduk. Walaupun kosnya sebenarnya tinggi, tidak menguntungkan kerajaan, kerajaan berharap akan terus memastikan bahawa seluruh rakyat di negara kita ini akan mendapat bekalan elektrik, insya-Allah, pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Terima kasih.

7. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan ada rancangan untuk menjadikan agensi-agensi "*off-budget*" seperti Petronas lebih telus dari segi kegiatan mereka selaras dengan prinsip ketelusan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan agar semua agensi kerajaan mengamalkan prinsip ketelusan dalam pentadbiran. Oleh itu, setiap agensi perlu akur dengan prosedur yang telah ditetapkan

oleh kerajaan. Kerajaan juga dari semasa ke semasa menggariskan langkah-langkah dan garis panduan yang bersesuaian agar semua agensi lebih telus selaras dengan prinsip ketelusan.

Di samping itu, setiap agensi akan dikawal selia oleh wakil kerajaan yang ditempatkan dalam lembaga pengarah agensi-agensi tersebut. Sebagai contoh, di dalam Lembaga Pengarah Petronas, terdapat wakil kerajaan iaitu dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) dari Jabatan Perdana Menteri, dari Kementerian Kewangan dan dari Unit Penyelarasan Ekonomi ICU, Jabatan Perdana Menteri. Agensi-agensi ini juga perlu mengemukakan laporan kewangan yang diaudit oleh juruaudit bertauliah.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Soalan tambahan. Selain daripada menyediakan garis panduan yang pada keseluruhannya tidak ramai yang mengetahui. Selain daripada melantik wakil-wakil kerajaan yang pada keseluruhannya hanya bertanggungjawab pada Jabatan Perdana Menteri, maksud saya apakah tidak perlu kita memikirkan cara-cara yang lebih berkesan untuk memastikan tidak ada penyalahgunaan dalam pengurusan syarikat-syarikat besar seperti Petronas.

Saya bertanya begini Tuan Yang di-Pertua, kerana pada suatu masa dahulu, Pertamina hampir bankrap, kerana Pertamina hanya dikawal oleh beberapa orang tertentu. Oleh sebab itulah, Allahyarham Tun Abdul Razak memastikan bahawa kawalan itu di bawah jagaan Perdana Menteri. Itulah latar belakang *Petroleum Development Act*. Persoalan saya, ialah selagi kita ada Perdana Menteri yang baik seperti sekarang, alhamdulillah, tidak ada masalah. Tetapi kalaulah suatu hari nanti kita ada orang yang menjaga Petronas itu, orang yang tidak amanah, apakah kawalan, apakah rancangan kerajaan memastikan perkara ini tidak berlaku. Itu maksud saya dari segi kawalan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya faham masalah barangkali kerisauan Yang Berhormat. Tetapi soalan itu nampaknya sebagai andaian Yang Berhormat mengatakan selagi ada Perdana Menteri yang baik seperti itu alhamdulillah dan kita pun ada Perdana Menteri Yang Berhormat baik. Seperti mana yang kita maklum bahawa, Akta Pembangunan Petroleum 1974 menggariskan panduan di mana keseluruhan pentadbiran Petronas dari segi masa kini dan masa hadapan Petronas adalah terletak di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Maka, setakat ini tidak ada apa-apa masalah yang kita hadapi. Di samping itu dari segi proaktifnya, kita telah ataupun Petronas sendiri melalui pentadbirannya sentiasa menghantar pegawai-pegawai pergi ber*confront*, berseminar, kursus-kursus bagi memastikan bahawa mereka sentiasa mengikut peraturan *corporate governance* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dengan itu syarikat-syarikat *off-budget* ini seperti ada bilangan 77 syarikat di bawah MKD dan ada lebih 50 di bawah khazanah, dan bolehkah Yang Berhormat terangkan baru-baru ini dengan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini berapa syarikat inilah *off-budget* akan terlibat di dalam pelaburan swasta itu, RM200 bilion ini.

Kerana kita memang penting sekali adakah kita galakkan pelaburan swasta daripada bukan GLC atau pun melalui GLC. Ini memang satu perkara yang penting kerana jumlah perbelanjaan itu besar pelaburannya dan juga dengan adanya peraturan yang disebutkan Yang Berhormat tadi, apakah bilangan orang di dalam Kementerian Kewangan untuk memantau semua syarikat ini. Kerana saya nampak tu, Kota Baharu dia ada banyak orang dia nak memantau tetapi dia memang mengalami kesusahan tapi MK itu Menteri Kewangan itu, soalan ada, ada satu soalannya saya tadi..

Seorang Ahli: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini sambungan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah sambung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak payah sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah sambung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ini bukan jambatan Singapura.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri itu jawab dengan tepat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan sudah dibuat tak payah sambung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah buat keputusan tidak perlu sambung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasihlah [*Ketawa*].

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bahawa syarikat-syarikat yang ditubuhkan tertakluk kepada akta-akta yang berkenaan, begitu juga tertakluk juga di bawah Akta Syarikat (ROC) dengan izin. Jadi, peraturan-peraturan ini mesti dipatuhi dan dalam hendak memastikan juga bahawa supaya ia dapat dikawal dengan baik ini adalah amalan setiap hari bahawa tiap-tiap syarikat kita ada audit bertauliah untuk memastikan bahawa semua yang ada di dalam perjalanan sepanjang tahun itu adalah mengikut peraturan dan ketentuan yang ditentukan oleh prosedur-prosedur. Mengenai jumlah itu Yang Berhormat, saya minta notislah kerana tidak ada maklumat itu pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara

yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[18 April 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

11.12 pagi.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini atas usul RMK-9. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya rasa sudah banyak isu dan juga keluhan dan contoh telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini berkenaan dengan sistem penyampaian awam yang kita alami sekarang.

Baru-baru ini saya telah pun membaca satu laporan undang-undang. Laporan undang-undang yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini menunjukkan bahawa wujudnya satu pertikaian di antara sebuah syarikat dengan Jabatan Alam Sekitar sebuah negeri, yang mana saya tidak dapat ingat tapi wujudnya satu kes yang mana salah satu sebab wujudnya pertikaian antara syarikat ini dengan Jabatan Alam Sekitar ialah kerana kegagalan Jabatan Alam Sekitar untuk membalas sepucuk surat sahaja. Oleh kerana atas kegagalan Jabatan Alam Sekitar untuk membalas sepucuk surat dia telah pun memesongkan cara pemikiran bagi syarikat itu dan dalam keputusan penghakiman yang diberikan oleh hakim kanan di Mahkamah Rayuan itu dia telah pun menyatakan bahawa mengapakah begitu susahya bagi Jabatan Alam Sekitar untuk membalas surat itu sahaja yang telah pun menjadikan satu sebab yang membangkitkan pertikaian antara kedua-dua pihak.

Sebenarnya ini juga salah satu contoh yang menunjukkan bahawa wujudnya dalam sektor perkhidmatan awam yang mana sistem penyampaian awam ini memang

memberikan satu masalah yang besar dan daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi adalah jelas menunjukkan bahawa salah satu cabaran yang kita harus harungi bagi memastikan kejayaan bagi RMK-9 ini adalah bagaimana kita dapat menekankan, menyempurnakan atau pun mengatur semula sistem penyampaian awam ini. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, dari segi kita hendak mengubah sesuatu dan tidak ada gunanya jika kita hanya menyatakan perubahan fikiran atau pun anjakan paradigma, saya rasa yang penting sekali ialah satu struktur, penstrukturan semula. Dan saya percaya salah satu cara yang kita boleh buat ialah dengan wujudnya KPI, bukan sahaja di peringkat agensi kerajaan, bukan sahaja di GLC-GLC tetapi juga di dalam perkhidmatan awam.

Saya percaya dengan wujudnya *key performance index* (KPI) yang boleh diguna pakai ke atas individu-individu, anggota-anggota pentadbiran dari peringkat JUSA iaitu jawatan utama sektor awam sampailah ke peringkat bawahan inilah yang dapat memberangsangkan supaya mereka dapat memberikan prestasi yang baik yang boleh memberikan usaha supaya mereka tidak menggagalkan hasrat pihak kerajaan. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini wujudnya satu cadangan bahawa mungkin adalah baik bagi negara kita mewujudkan sistem *ombudsman* bagi perkhidmatan awam. Saya rasa,..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan..

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai cadangan KPI bukan sahaja untuk GLC tetapi juga perkhidmatan awam, adakah Yang Berhormat pun bersetuju bahawa mungkin kita perlu KPI untuk semua menteri-menteri - menteri Kabinet. Oleh kerana kita tengok baru-baru ini bahawa Kabinet dengan sebulat suara memutus untuk membatalkan jambatan - *crooked half-bridge*. Walhal beberapa tahun dahulu Kabinet dengan menteri-menteri yang nampaknya serupa, sama sebulat suara pun buat keputusan untuk membina *crooked half-bridge* tanpa apa-apa sebab diberi kenapa semua *hundred eighty* - sungguh pun saya setuju, saya setuju bahawa *crooked half-bridge* tak patut di bina *unilaterally*. Tetapi, apa asas-asas untuk Kabinet sekarang sebulat suara membatalkan *crooked half-bridge* yang beberapa tahun dahulu di bawah Perdana Menteri Dr. Mahathir sokong sepatutnya ada sebab atau adakah kita di

Malaysia kita ada satu Kabinet dengan izin, a *Cabinet of dummies*. A *Cabinet of dummies* tahu sokong sahaja, tak tahu apa-apa sebab. Bukankah ...satu KPI transparensi dan akauntabiliti.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebenarnya fikiran Yang Berhormat bagi Ipoh Timor atas isu ini adalah sealiran dengan fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itulah sebabnya di bawah RMK-9, memang wujudnya satu jawatankuasa pemantauan yang mana Yang Amat Berhormat begitu serius sekali berkenaan dengan prestasi yang akan ditunjukkan oleh menteri-menteri dan juga anggota-anggota penyampai awam. Sebenarnya fikiran itu sama, tapi hanya cara penyampaian berlainan sahaja...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek sahaja. Penjelasan. Sedikit saja.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, ...*[Disampuk]* *Tiam-tiam*lah. Dia kacau Tuan Yang di-Pertua, saya baru bangun sudah kacau. Yang Berhormat bagi Seputih suka kacaulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan angka tunjuk, petunjuk prestasi utama yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebentar tadi, saya percaya kerajaan telah memberi perhatian dengan terperinci sekali pertama, di dalam wilayah tumpuan utama (*key focus area*) untuk sama ada para menterinya daripada Perdana Menterinya hinggalah kepada pegawai kerajaan di peringkat pelaksana dasar ke peringkat pembantu am rendah.

Key focus area tadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya percaya juga telah mengambil kira:

- (i) kualiti dan daya pengeluaran;
- (ii) kuantiti;
- (iii) *interpersonal skill*; dan
- (iv) *intrapersonal* (ketepatan masa, ketepatan daya pengeluaran dan sebagainya)

Jadi, pada pendapat Yang Berhormat adakah satu konsep yang begitu besar ini, yang menekankan kepentingan kepada daya pengeluaran produktiviti seseorang anggota kerajaan itu boleh difahami oleh pegawai-pegawai kerajaan di peringkat bawahan tentang apakah sebenarnya petunjuk prestasi utama (KPI) ini di dalam kaitannya ke arah produktiviti. Boleh Yang Berhormat berikan penjelasan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya dalam soalan Yang Berhormat tadi telah pun memberikan sebahagian daripada jawapan kepada soalan itu dan saya percayalah, Tuan Yang di-Pertua bahawa sebenarnya anggota-anggota pentadbiran ini mereka...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya minta sikit penjelasan.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Tunggu, tunggu sekejap. Tunggu sekejap, nanti saya bagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Sebenarnya anggota-anggota pentadbiran dalam perkhidmatan awam, mereka telah pun tahu bahawa wujudnya nilai-nilai yang baik ini, tapi cuma apakah perangsangan yang kita kena bagi, apakah *push factor* yang kita kena bagi. Itulah saya akan bawa isu itu ke *inner factor* yang saya akan bentangkan kepada Dewan iaitu sistem *ombudsman*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta?

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Janji bagi. Janji bagi tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Baik

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Larut, dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh, janji tak diikuti - kotakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yalah, nanti dia bagi Yang Berhormatlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kota, Kota mahu mengotakan janji itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yalah, ini Kota Melaka..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia, kalau..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...lupa kota, mana ada lagi kota!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak lupalah, nantilah nanti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kita tahu bahawa KPI atau Jawatankuasa Pemantauan, ketelusan kerajaan untuk memastikan pelaksana Rancangan Malaysia Kesembilan, bermakna kita tidak boleh lagi soal remeh temah, birokrasi, kerja tidak siap, kelewatan tanpa sebab dan sebagainya supaya jentera bergerak. Kita tidak mahu ada sahaja alasan. Bila alasan ini timbul masalah penangguhan projek akan berlaku dan ini akan menyebabkan banyakkah kegagalan yang akhirnya pembangkang akan mengambil kesempatan. Saya nampak bahawa Ketua Pembangkang mungkin cemburu selepas mereka kalah di Kota Melaka. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa KPI ini merupakan faktor dalaman bermakna kita dapat mengatasi masalah sistem penyampaian awam ini kerana faktor dalaman ini unit KPI dapat memastikan bahawa

tidak akan berulangnya masalah ini yang mana wujudnya juga, tidak silap saya lebih kurang 38 projek daripada RMK-8, yang kena disambung ke dalam RMK-9. Saya percaya dengan sistem ombudsman yang saya akan kemukakan kepada ..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh, ya? Sudah dijanjikan.

Tuan Wong Wai Chee [Kota Melaka]: Setengah minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sikit saja. Ya. Yang Berhormat ada kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sealiran dengan fikiran saya mengenai satu jawatankuasa pemantauan menteri-menteri dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu ada kriteria-kriteria KPI-KPI untuk menteri-menteri.

Oleh kerana kita tidak mahu *dummy* menteri-menteri dalam Malaysia semacam kes *crooked half-bridge* atau semacam Islam Hadiri menjadi *driving force* dalam Rancang Malaysia Kesembilan dan apabila kita tanya menteri-menteri kenapa mereka bersetuju sama mereka ada dapat perundingan mereka pun tak boleh jawab, kata rahsia rasmi.

Bukankah ini semua menunjukkan bahawa kita nampaknya ada menteri-menteri *dummy* yang kita tidak mahu. Kita mahu menteri-menteri yang boleh bertanggungjawab kenapa mereka sokong sama ada *crooked half-bridge* atau kenapa Islam Hadhiri *driving force* atau kenapa memorandum sembilan menteri-menteri bukan Islam tidak di bincang dalam Kabinet.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasihlah diucapkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor yang begitu prihatin untuk memastikan bahawa kerajaan Barisan Nasional akan lebih berfungsi dengan lebih baik lagi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soalan itu agak panjang tetapi jawapannya pendek sahaja iaitu seperti mana yang telah pun dihuraikan oleh rakan saya Yang Berhormat Tangga Batu. KPI memang mempunyai faktor dan mempunyai kriteria-kriteria yang kita boleh ambil untuk menilai prestasi seseorang Menteri ataupun seseorang Timbalan Menteri dan selanjutnya. Saya rasa penghurai itu telah pun

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kedah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap, nanti saya bagi peluang. Saya belum sentuh sistem *ombudsman* lagi sebab kesuntukan masa. Sistem ombudsman ini bukan satu perkara yang pelik.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sebelum *ombudsman* Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ok.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, berkenaan dengan sistem penyampaian sebelum perkara *ombudsman* ini saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat berkenaan dengan program-program yang telah dijalankan oleh perkhidmatan awam. Selama yang saya tahu banyak program yang telah dibuat oleh perkhidmatan awam melalui INTAN dan sebagainya sebagai Sijil ISO 9000, kemudian program e-kerajaan, piagam pelanggan, e-perkhidmatan awam, pengurusan kualiti menyeluruh dan sebagainya tetapi kita lihat segala program ini tidak pun memberi kesan kepada sistem penyampaian yang baik. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat dan mendapat penjelasan dari Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya kerajaan melantik satu Suruhanjaya Penambahbaikan Perkhidmatan Awam ini untuk memberi idea-idea baru untuk menambah baik perkhidmatan dalam kerajaan dan juga sistem penyampaian supaya sebelum *ombudsman* ini diadakan bermaknanya perkhidmatan awam ini kita kena improve dahulu sebelum *ombudsman* dilaksanakan dalam negara Malaysia. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Sebenarnya saya rasa kita tidak perlulah menubuhkan satu Suruhanjaya yang hanya mengenal pasti atau mengesahkan apa perkara yang kita sudah pun tahu selama ini kerana saya rasa apa yang kita perlukan ialah mengadakan satu struktur satu susun atur yang mana satu susun lapis yang kita boleh masukkan sistem *ombudsman* dalam negara kita. Kerana seperti mana yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, sistem *ombudsman* ini bukan suatu perkara yang pelik. Ini merupakan satu fenomena, satu sistem yang telah pun lama wujud di negara-negara Komanwel lain dan setahu saya di Australia telah pun wujud sejak tahun 70-an dan juga ia wujud di Britain, Canada dan negara-negara Scandinavia yang semua ini merupakan negara-negara maju. Jika kita hanya asyik berbincang dengan anjakan paradigma, gaya perubahan minda dan

sebagainya tetapi jika kita tidak mengadakan atau mewujudkan satu sistem yang boleh yang betul-betul dapat membantu kita mengatasi masalah ini maka kita tidak akan berganjak daripada tempat yang asal.

Jadi saya rasa ini merupakan satu cadangan yang baik yang mana sistem *ombudsman* ini kita haruslah bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan ia mempunyai kuasa untuk menerima aduan, mempunyai kuasa untuk menyiasat dan juga mempunyai kuasa untuk membuat cadangan kepada Menteri-menteri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Jika wujudnya penyelewengan, jika wujudnya prestasi yang tidak baik mengikut KPI yang telah pun saya nyatakan tadi dan inilah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat '*think out side the box*'. Kita memerlukan satu badan satu sistem *ombudsman* yang bebas yang *independent* yang boleh mengawal selia, yang dapat memantau sebetul-betulnya sebenar-benarnya apa yang sebenarnya berlaku kegagalan di mana-mana bahagian dalam perkhidmatan awam kita.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, minta mencelah mengenai *ombudsman*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya beri peluang kepada Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Melaka, kita pun sedia maklum bahawa ada tiga perkara yang selalunya terlibat dalam sesuatu perancangan iaitu sistem, proses dan manusia. Kita bangkitkan soal terlalu banyak pekeliling, terlalu banyak akta, terlalu banyak piagam dan sebagainya. Setiap kegagalan kita menuding jari kepada sistem yang ada. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai proses dan juga manusia kerana ketiga-tiga elemen ini harus ada untuk menentukan kejayaan perancangan itu. *So what happen*, apa jadi dengan soal proses dan juga elemen kemanusiaan dalam hendak menentukan bahawa sesuatu perancangan itu - kita tidak boleh setiap kita pada pandangan saya kegagalan itu kita mengubah sistem, kita mengatakan sistem itu gagal. Apa bezanya antara kita tidak mahu ada sahabat saya dari Larut cakap terlalu banyak pekeliling, terlalu piagam dan sebagainya. Hari ini kita memperkenalkan macam-macam seperti Jawatankuasa Pemantauan, *ombudsman* dan sebagainya serupa juga Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh jawab terus? Sikit sahaja Yang Berhormat, saya tambah. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat sudah sampai masanya JPA kita kena rombak balik, susun

semula sebab pengisian jawatan-jawatan kosong peringkat Daerah, kita sebut pasal pegawai daerah. Penolong-penolong pegawai daerah tidak diisi jawatan, mengambil masa yang lama dan ini sudah tentu menyebabkan kelembapan dan kelewatan sistem penyampaian apatah lagi kalau kita ada KPI dan pemantauan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Pengisian jawatan itu mengambil masa yang begitu lama banyak sangat birokrasinya. Kalau bolehlah kita minta kerajaan Ketua Setiausaha Negara yang pada hari ini terima kasih telah mula turun ke bawah memantau kementerian-kementerian. Tetapi pengisian JPA ini terlalu ketat sangat. Kalau perlu jawatan-jawatan yang perlu segera disegerakan. Kenapa mesti mengambil tempoh yang begitu lama? Sedangkan JPA ini adalah merupakan nadi kita. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya JPA ini dirombak disusun semula sesuai dengan masa kini yang perlu bertindak dengan lebih pantas supaya sistem penyampaian pemantauan jawatankuasa yang kita wujudkan ini, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat menuju ke sasaran. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terakhir kepada Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya percaya apabila Yang Berhormat mencadangkan sistem *ombudsman* ini diperkenalkan. Beliau telah mengkaji dengan mendalam keupayaan dan keberkesanan sistem *ombudsman* ini. Tetapi apa yang saya fahamkan seperti yang disebut sedikit oleh Yang Berhormat tadi bahawa sistem *ombudsman* ini hanya mempunyai kuasa untuk mengesyor, tidak boleh mengambil tindakan. Kalau begitu pada pandangan saya kuasa yang ada pada *ombudsman* ini hampir sama dengan institusi yang sudah ada iaitu Biro Pengaduan Awam yang mana biro apabila menerima laporan daripada pelanggan yang tidak puas hati akan merujuk perkara ini kepada Jabatan yang berkenaan. Jadi apa salahnya kita perbaiki institusi yang ada ini Biro Pengaduan Awam ini diperluaskan kuasanya bagi membolehkan ia merujuk terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau kepada pihak lain supaya lebih berkesan. Kalau *ombudsman* pun saya tengok tidak banyak beza. Dia tidak ada kuasa untuk bertindak. Cuma mengesyor dan sebagainya. Sila. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, suka atau tidak suka jika kita masih mengekalkan susun lapis yang sedia ada saya rasa kita tidak akan berganjak daripada itu. Jika kita tidak membuat perubahan secara drastik kerana

apabila kita berbincang dengan isu sistem penyampaian awam ini sudah berapa tahun kita bincang, sudah lama kita bincang. Ini bukan masalah yang tiba-tiba wujud satu dua tahun ini. Ia sebenarnya merupakan satu tunggakan masalah, bertahun-tahun lamanya. Dan jika mekanisme yang sedia ada ini dapat menangani masalah ini maka kita tidak akan lagi berbincang dengan *Public Delivery System* pada masa ini. Dan saya rasa kita haruslah membuat satu rombakan yang secara drastik.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Parit, syor hanya syor tetapi tidak ada kuasa menggigit, saya tahu tetapi dari segi undang-undang apabila dia membuat satu syor dia kena mengesyorkan kepada pihak Menteri tetapi dari segi undang-undang kita hanya setakat mengesyorkan kepada Menteri. Dia tidak boleh menjadi pendakwa dan pada masa yang sama dia menjadi hakim pula.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kedah bangun tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat ucapan banyak lagikah?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ada lebih kurang 15 minit lagi.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada saya ingin mencadangkan supaya menumpukan kepada teks ucapan sebelum Yang Berhormat ditegur nanti dan terpaksa memberhentikan Yang Berhormat kalau masa sudah sampai.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sikit sahaja berkenaan dengan ombudsman.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya bagi 20 saat.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan *ombudsman* adalah satu perkara yang lama. Ini telah pun dilaksanakan di Sweden pada tahun 1809 lagi tetapi pelaksanaannya diteruskan di New Zealand, Kanada dan Australia. Tetapi nampaknya *ombudsman* ini nampaknya tidak berapa sesuai di Malaysia kerana apa yang ada sekarang ini Biro Pengaduan Awam jadi kalau kita tidak saya cadangkan kepada Yang Berhormat supaya kita perkemaskan sistem penyampaian kita barulah *ombudsman* dilaksanakan dan *ombudsman* itu tidak semestinya cadangan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat menurut negara-negara maju seperti mana di Sweden dan di negara-negara lain tetapi mesti disesuaikan dengan keadaan semasa di Malaysia. Sebab itu penambahbaikan bagi perkhidmatan awam perlu kalau tidak

ombudsman pun tidak boleh melaksanakan tugas-tugasnya, hanya untuk mengesyorkan kerana dia tidak ada gigi untuk menggigit. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi mekanisme yang sedia ada telah pun lama menunjukkan bahawa wujudnya kegagalan di bahagian tertentu dalam perkhidmatan awam kita. Saya tidak menyatakan semua seluruh perkhidmatan awam itu gagal tetapi saya menyatakan sebahagian daripada sektor itu sebenarnya gagal. Jika kita tidak mengambil peluang ini untuk memberikan satu perubahan secara drastik sampai bila kita kena tunggu? Dalam pepatah Inggeris *“if you don't take the chance we have no chance at all”*. Itulah sama apa yang saya sedang kemukakan kepada Dewan yang mulia ini

Saya beralih ke Islam Hadhari pula. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Islam Hadhari telah pun menjadi satu pedoman dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya rasa ini adalah satu nilai yang baik kecuali prinsip yang pertama sebab ia ada sepuluh prinsip iaitu Keimanan dan Ketakwaan kepada Allah dan sembilan yang lain itu boleh diguna pakai oleh warga-warga kita yang bukan Islam. Cuma satu kekhawatiran, dalam pada ini Tuan Yang di-Pertua saya rasa dalam negara kita wujudnya golongan tertentu yang mana mereka dalam proses *‘islamization* iaitu proses pengislaman, ini dan saya rasa ia telah membangkitkan kekhawatiran di kalangan komuniti bukan Islam kerana misal kata baru-baru ini wujudnya satu permintaan yang menyatakan bahawa wanita-wanita dalam perbarisan yang kena memakai tudung. Saya rasa ini adalah satu bagi sesetengah orang mungkin ia merupakan satu perkara yang kecil tetapi ia membawa maksud yang cukup besar kepada warga-warga kita bukan Islam. Kerana setahu saya pemakaian tudung ini adalah untuk menutup aurat tetapi bagi warga-warga yang bukan Islam ia sebenarnya merupakan satu kod pemakaian baju yang sebenarnya bukan merupakan selera bagi golongan bukan Islam.

Saya rasa ini haruslah kita mengambil kepekaan ke atas keperluan dan juga perasaan bangsa-bangsa ataupun warga-warga kita yang bukan Islam dalam negara kita. Jika kita melaksanakan dasar ini secara paksaan ia hanya akan melahirkan rasa tidak suka hati ataupun perasaan kebencian sahaja. Ia tidak akan membantu perpaduan dan juga integrasi nasional dalam negara kita.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti saya bagilah. Dan selanjutnya PBT baru-baru ini juga mengeluarkan kehendak mereka yang menyatakan mereka mungkin akan memberikan satu garis panduan atau mereka akan menggubal undang-undang *by law* yang akan melarang setakat manakah tingkah laku yang kita boleh buat dan apa yang kita tidak boleh buat. Tingkah laku *for example* berpelukan ke atau bercium di tempat awam ke mungkin akan dijadikan satu kesalahan jenayah pula. Saya rasa dalam Malaysia pada hari ini disebabkan negara kita merupakan negara sekular dan saya rasa perlulah kita mewujudkan satu alam sekitar sekular juga kerana wujudnya kepelbagaian dari segi agama, budaya dan sebagainya.

Apakah gunanya apabila kita menggubal sesuatu undang-undang *by law* yang begitu kontroversial. Saya rasa ini tidak akan membantu warga-warga kita. Ia hanya akan dapat menyuntik satu pokok kontroversi dalam masyarakat kita dan sebenarnya dalam negara kita sudah wujud Undang-undang Kanun Keseksaan (*Out Raging Public Modesty*). Ia telah pun lama wujud. Kita boleh menyuruh polis menyuruh menguatkuasakan undang-undang itu. Tidak perlulah kita suruh PBT pula untuk menggubal undang-undang *By Law*. Seolah-olah mereka tidak ada kerja lain. Ini bukanlah satu perkembangan yang baik yang kita alu-alukan. Ini merupakan satu perkembangan yang negatif sebenarnya bagi saya. Silakan jiran saya Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Saya tertarik dan terpanggil apabila Kota Melaka tadi mempertikaikan soal tudung itu kerana saya difahamkan bahawa tudung itu tidak ada paksaan tetapi hanya semasa perbarisan supaya ada *uniformity* dengan izin. Salahkah itu? Dan sedarkah atau tidak Kota Melaka kalau hari ini kita lihat yang dipakai oleh polis yang dipakai oleh askar kita daripada dahulu sampai sekarang di *beret* tu ada Allah-Muhammad dan dipakai oleh semua agama dan semua bangsa yang selama ini dipakai tidak ada *problem*. Hanya soal tudung pada hari ini yang semua orang hendak mempertikaikan, apa logiknya?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa logiknya enteng sahaja iaitu apabila kita katakan tidak ada paksaan ataupun ada paksaan saya rasa masalahnya ialah dia telah pun mewajibkan semua orang apabila perbarisan. Jika ini bukan paksaan apakah ini?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan, Ledang.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Dan pada masa yang sama uniform, saya faham uniform tapi uniform itulah menunjukkan kita seharusnya mempunyai tahap kepekaan yang tinggi ke atas uniform ini kerana uniform ini telah pun menyuntik satu unsur keislaman dalam semua ahli dalam uniform itu dan saya rasa ini bukanlah satu cara yang betul untuk kita apabila kita ingin memupuk perpaduan dan juga integrasi nasional tapi pada masa yang sama kita telah pun melahirkan satu perasaan waswas di kalangan ahli-ahli perbarisan itu. Dan dalam negara kita....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kalau kita lihat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh terus.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu, tunggu dahulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:Timbalan Yang di-Pertua kita....

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap, tunggu sekejap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:uniform dia pakai songkok, *it doesn't make....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak anggap ini songkok. Ini *head gear* ada ini....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Ketawa*] Serupa juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sama, tidak sama.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Apa tidak sama pula Tuan Yang di-Pertua. Sama Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sama.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Seperti mana yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, masalah tudung ini memang ia walaupun mungkin dari segi perspektif warga Islam dia menganggap ini satu perkara yang kecil. Tetapi dia cukup membawa satu maksud yang besar kepada komuniti dan jika kita ada satu tahap

kepekaan yang tinggi, maka kita tidak akan melaksanakan dasar ini dan bukankah pada masa yang sama....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu dahulu. Bukankah pada masa yang sama jika kita wujudkan satu pasukan perbarisan yang mempunyai pelbagai bangsa dan pelbagai kepercayaan kepada agama bukankah itu telah pun mengesahkan bahawa negara kita negara sekular iaitu negara yang dapat mengambil kira semua pandangan berkenaan dengan budaya, bahasa dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebelum saya gulung....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Maaf, tidak ada masa lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya gulung, saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat gulung, gulung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya kena gulung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka kita sesampan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, tidak payah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya gulung, sekarang saya kena gulung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sesampanlah!

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya kena gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebelum saya....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sesampailah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebelum saya undur diri...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekapal! Sekapal!

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Itu dalam kafeteria.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekapallah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya undur diri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak sekapal, di luar baru sekapallah. Kita ada tugas yang lebih pentinglah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tugas lainlah. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya undur diri, saya juga ingin mengemukakan beberapa soalan yang ringkas sahaja kepada kementerian-kementerian kerana tahun lalu saya ingat ada isu-isu berkenaan dengan CTOS dan juga dengan basis yang mana ia telah pun menyebabkan kesusahan kepada ramai peminjam dalam negara kita dan saya ingin tahu apakah tindakan yang telah pun diambil oleh Kementerian Kewangan ke atas syarikat-syarikat ini yang telah pun menyusahkan begitu ramai peminjam-peminjam sehinggakan nama-nama mereka disenaraihitamkan dan selalu mengalami kesusahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dan saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil dan apakah tindakan itu dan bila tindakan itu diambil dan jika tiada tindakan diambil, mengapa tidak ada tindakan diambil. Soalan kedua ialah dari segi peruntukan perbelanjaan bagi sektor *transport* daripada perangkaan yang saya perolehi daripada *transport* iaitu 32.5 bilion untuk RMK-9 iaitu lebih kurang 14.8% daripada jumlah peruntukan perbelanjaan RMK-9 yang kita akan belanjakan dalam sektor *transport* iaitu pengangkutan dan soalan saya ialah daripada penjimatan RM4.4 bilion yang kita boleh jimat daripada subsidi minyak adakah RM4.4 bilion itu termasuk dalam RM32.5 bilion itu ataupun ia merupakan sebagai tambahan kepada peruntukan yang sedia ada kepada sektor pengangkutan.

Soalan ketiga iaitu mengikut kementerian. Peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam RMK-8 hanya RM7.2 bilion sahaja. Tetapi dalam RMK-9 wujudnya RM29.6 bilion iaitu lebih kurang empat kali. Adakah ini bermaksud tanggungjawab dan skop kerja bagi JPM telah pun meningkat sebanyak empat kali? Mengapa? Saya tidak faham kerana daripada peruntukan JPM telah pun mendapat 13.5% daripada jumlah peruntukan yang diberikan untuk RMK-9.

Selanjutnya soalan saya kepada Kementerian Pelajaran iaitu bagi RMK-8 *allocation* dengan izin yang diberikan kepada sektor pendidikan dan juga latihan ialah RM22.67 bilion. Tetapi perbelanjaan yang sebenarnya ialah RM42.37 bilion di bawah RMK-8. Dan seperti mana yang saya katakan tadi sistem penyampaian awam ini bukan sahaja boleh menyebabkan penyelewengan tapi ia mungkin juga boleh menyebabkan pembaziran.

Jadi saya ingin tahu daripada kementerian apakah sebabnya wujud satu perbezaan yang begitu besar RM22.67 bilion di bawah RMK-8 *allocation* dengan izin, tetapi perbelanjaan sebenarnya di bawah RMK-8 ialah RM42.37 bilion. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, soalan akhir sekali....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan. Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Soalan terakhir ialah daripada peruntukan RM50.5 bilion yang diberikan untuk sektor pendidikan saya ingin tahu berapakah pecahan peratusan yang boleh dapat bagi SK, bagi SJK(C), bagi SKJ(T) dan daripada rancangan yang ingin membina 180 buah sekolah rendah dalam RMK-9, berapa banyakkah SK akan dibina pecahannya, berapa banyakkah SJK(C) akan dibina dan berapa banyakkah SJK(T) akan dibina. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Temerloh. Ya, Yang Berhormat bagi Temerloh sila.

11.37 pagi.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya seperti rakan-rakan yang lain juga Tuan Yang di-Pertua ingin mengucapkan tahniah dan

syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini dan saya menganggap Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai satu gagasan pembangunan ekonomi yang amat besar, menyeluruh dan menarik sekali.

Saya menjangkakan Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita berbelanja tidak lebih daripada apa yang kita telah belanjakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kelapan kita berbelanja sebanyak RM170 bilion tapi jangkauan saya meleset apabila diumumkan Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak RM200 bilion akan dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini dengan izin, *beyond expectation* Tuan Yang di-Pertua dan saya rasa cukup gembira sekali atas kesediaan kerajaan untuk berbelanja menghadapi suasana ekonomi yang tidak menentu pada hari ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita pernah berbelanja kurang daripada apa yang kita belanja sebelumnya. Rancangan Malaysia Keempat kita berbelanja sebanyak RM48.3 bilion tetapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima kita berbelanja kurang daripada itu kerana pada ketika itu keadaan ekonomi dunia meleset akibat kenaikan harga minyak. Jadi Rancangan Malaysia Kelima kita berbelanja hanya RM35.3 bilion sahaja kurang daripada Rancangan Malaysia Keempat. Jadi alhamdulillah ini jelas membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional mempunyai misi yang amat jelas, kaedah yang bernas, dan keazaman politik dengan izin *political will* yang tegas untuk membangunkan negara dan menyejahterakan rakyat. Tidak ada siapa boleh mempertikaikan misi Kerajaan Barisan Nasional yang jelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit beberapa komen untuk dibuat. Pertama sekali, saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita sasarkan inflasi 2.5%. Saya ingin tahu apakah asas kita tentukan 2.5% ini. Pada hari ini sahaja inflasi sudah hampir 4%, lebih daripada 4%. Saya bimbang kalau kita tidak tentukan asas yang kukuh kita takut nanti kita *under estimate* dengan izin angka-angka ini dan ini boleh menjejaskan keseluruhan prestasi Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Saya baca buku ini Tuan Yang di-Pertua, buku yang terbaru sekali keluar, tajuknya "*The Coming Economy Collapse*". Dia menjangkakan harga minyak akan naik sampai USD200 *per barrel* dalam masa lima tahun akan datang ini dan saya juga

hampir-hampir bersetuju dengan pendapat ini kerana daripada tahun 2001 sampai ke tahun 2005, harga minyak sudah naik daripada USD30 hingga ke USD70 *per barrel*, dan bayangkan kalau harga minyak naik USD200 *per barrel* sudah tentu kadar inflasi akan naik selari.

Ini telah berlaku dalam zaman *depression* tahun 30, tahun 50, tahun 70, tahun 80-an dan inilah benda yang paling ditakuti sekali oleh perancang-perancang ekonomi oleh mana-mana negara. Kenaikan harga minyak yang tinggi diiringi dengan kadar inflasi. Kita hendak lawan macam mana? Kita hendak *accelerate gross* dengan izin, hendak *fight* kenaikan harga minyak, inflasi lagi naik. Kita hendak tekan inflasi naik kadar bunga yang *suffer* yang akan sengsara orang ramai. Terutama orang yang pinjam bank beli rumah, yang pinjam bank beli kereta dan sebagainya.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: *Mortgage* orang yang *mortgage*, sekejap ya... *mortgage* ini akan *suffer*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Sebab itu di negeri Jerman, dalam buku ini ditulis saya boleh baca dalam buku ini, nanti-nanti saya bacakan kerana ini penting sangat ini. Saya takut nanti kita hendak *comfort ourselves* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita hilang perhitungan kita beri angka yang tidak betul mana dia ya, dalam Bahasa Arab saya ingat nanti saya tengok dulu. Dia menulis di Jerman tahun 32, kenaikan harga minyak yang tinggi diikuti dengan inflasi sehingga kepada peringkat *hyper inflations*. Apabila *hyper inflations*, *hyper inflations* ini ialah kenaikan harga dengan izin *consumer price index*, 100% selama tiga tahun berturut-turut.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Ini dipanggil *hyper inflations*. *Hyper inflation* naik, harga minyak naik sehingga membunuh ekonomi Jerman, membunuh kelas menengah dan itulah kebangkitan *Hitler*

di Jerman, dalam buku ini ditulis. Jadi jangan main-main, saya minta sungguh saya hendak tahu apa asas kita tentukan unjuran inflasi 2.5% dalam tempoh jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan. Okey sila saya hendak bagi yang mana satu? Okey, Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya memang kagum apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tetapi baru-baru ini Bank Negara telah menyatakan bahawa mereka mempunyai alat tertentu untuk mengawal inflasi. Salah satu daripadanya ialah mereka menggunakan kadar bunga ataupun *interest rate* dengan izin negara ini dan juga menggunakan orang kata apa *exchange rate* ataupun kadar pertukaran mata wang ringgit kita. Adakah Yang Berhormat ingin bersetuju dengan pendapat bahawa kedua-dua alat ini boleh mengurangkan ataupun sekurang-kurangnya kita boleh mengawal inflasi ini daripada lebih tinggi lagi walaupun harga minyak akan mencecah USD200 per *barrel* kalau ini berlaku apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tidak boleh Yang Berhormat. Kalau harga minyak naik sampai ke USD200, kita gunakan *interest rate factor*, kita gunakan *exchange rate factor* untuk hendak lawan inflasi, *not possible*. Yang hanya tentunya kita berhadapan ialah *a destructive* keadaan kemusnahan ekonomi sesebuah negara *depression*. Inilah yang berlaku, ini sejarah kita boleh tengok tahun 30, tahun 50, tahun 70, tahun 80 inilah keadaannya. Tetapi kalau kita jangka sekarang *then* kita boleh pelan, kita boleh rancang. Saya takut nanti Perdana Menteri berhasrat hendak belanja RM200 bilion, saya cukup bangga dengan pengumuman ini saya cukup bangga.

Tadi dalam TV pun saya bercakap saya kata tidak pernah dalam sejarah negara ini kita berbelanja sebanyak ini untuk membangunkan negara, membangunkan ekonomi negara. Tetapi kita harus ingat kita ada masalah lain kita ada musuh-musuh lain. Musuh lain dalam masa 10, 20 tahun ini ialah bagaimana kita menguruskan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a destructive forces of inflation and depression*. Ini dia, tidak ada maknanya kalau kita terpaksa berhadapan dengan keadaan ini kita hendak naikkan *interest rate*, orang ramai akan tumbang habis.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Saya ingat dalam Dewan ini semua kita ini ada *mortgage* belaka dengan bank. Sama ada hutang rumah, hutang kereta. Barangkali beli gelang isteri, isteri kedua, ketiga pun di tangan bank juga. Semuanya ada *mortgage* belaka, hampir semua. Tidak naikkan kadar *interest*, inflasi akan terus naik, harga minyak naik bagaimana kita hendak lawan. Ini situasi, ini ditulis dalam buku ini dan banyak majalah-majalah lain saya baca, *the battle for the next 10, 20 years* Tuan Yang di-Pertua dengan izin saya hendak *repeat*, adalah bagaimana menguruskan *destructive forces on inflations and depression*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang berminat Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perancangan yang baik, saya bersetuju dengan Yang Berhormat ialah membuat unjuran-unjuran semasa dan masa depan. Jadi berkaitan ini ialah punca kewangan dan inflasi. Saya selalu mendengar pemimpin negara menjangkakan harga minyak ini naik setakat USD100 satu tong, ini yang selalu disebut dijangka mungkin dalam lima tahun.

Jadi Yang Berhormat bagi Temerloh, adakah kita sudah silap mendapat maklumat berkenaan dengan kenaikan harga minyak ini ataupun Yang Berhormat menjangkakan kemungkinan berlaku perang di Timur Tengah. Ini yang menjadikan harga minyak sampai USD200 dan begitu juga dengan *inflation* kita selalu dengan izin selalu disebutkan bahawa tidak melebihi lima *percent*, lima peratus. Bagaimana Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak kata angka ini salah sebab itu saya hendak tahu bagaimana unjuran itu dibuat. Kalau Yang Berhormat tengok dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini disebut, unjuran dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, inflasi 2.5%. Saya hendak tahu apa asasnya. Adakah kita mengambil kira faktor kenaikan harga minyak? Kalau Yang Berhormat kata 100USD pun kita mati. Dengan izin *that's no way to survive*, USD100 sahaja *per barrel*. Kita sekarang nasib baik sedikit pasal kita masih

next exporter tetapi hanya 10 tahun 20 tahun lagi. selepas itu kita jadi *next, next exporter*. Ini disebut ini. *How you can drive when all cost USD200 a barrel?* Jadi USD100 pun kita mati tidak payah USD200 lagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lagi Yang Berhormat bangun.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Jadi saya tidak kata unjuran ini tidak betul, tidak jauh sekali. Saya hanya hendak tahu apa asanya digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam bangun, Kuala Terengganu bangun. Hendak bagi yang mana?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Saya bagi Ayer Hitam dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi tentang sasaran kita kadar inflasi pada 2.5% dan saya juga meneliti hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan senario kenaikan harga minyak itu mungkin tidak diambil kira. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat yang arif dalam bidang ekonomi.

Adakah cara pengiraan atau metodologi kita mengira kadar inflasi di Malaysia ini berbeza dengan praktis di dunia ataupun adakah kita menyedari bahawa hakikat krisis tenaga sedang berlaku dan kenaikan harga minyak itu adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan memandangkan bekalan minyak sudah semakin menurun. Saya hendak minta pandangan apakah istimewanya cara atau metodologi kita mengira kadar inflasi. Adakah ia berbeza dengan yang lain?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat saya tidak fikir ada perbezaan tetapi saya tidak tahu asasnya bagaimana kita mengira pasal kita sekarang ini *next exporter* minyak, sama ada kita kira okey kita eksport harga mahal, kita beli balik minyak mentah dengan harga yang mahal. Tetapi kita jangan lupa kita juga mengimport barang-barang pembuatan dari luar negara, *machinery* dan sebagainya. Ini semua tertakluk kepada kadar inflasi, tidak dapat elak. Dan kita hendak

harapkan harga minyak akan turun ke depan ini tidak mungkin sudah. *Supply* dengan izin pembekalan minyak dunia makin kurang. Apa pula kalau betul Iran diserang oleh Amerika lagi teruk. Amerika berperang di seluruh negara hari ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: [*Bangun*]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: *...is for oil* dengan izin, kerana minyak. Bukan kerana hendakkan Iraq, hendakkan Afghanistan hendakkan Iran hendak buat apa? *Is for* minyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat, Kuala Kedah dengan Jerai.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Saya bagi dahulu Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu, baik, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya terpanggil bila Yang Berhormat menggunakan istilah tadi tu, dengan izin, *destructive forces* tadi, iaitu unsur-unsur yang akan memusnahkan segala perancangan pembangunan ekonomi kita. Saya juga rasa gusar bila saya membaca artikel-artikel dalam jurnal tempatan mahupun luar negara. Bahawa *target* kita untuk mencapai KDNK sebenar pada kadar purata 6% setahun dalam rancangan ini, sama ada ia boleh tercapai ataupun tidak? Selain daripada faktor *inflasi* yang telah disebut tadi. Apa pandangan Yang Berhormat sebagai seorang yang meramalkan tentang peluang-peluang pembangunan ekonomi ini?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih. Saya bukan peramal Yang Berhormat tetapi kita mungkin boleh capai 6% *growth*, tidak ada masalah, rasa saya boleh kerana kita eksport *palm oil*, kita eksport minyak dan sebagainya. Tetapi di Amerika hari ini, ia menyiapkan dirinya, ia *prepare*, dengan izin, merancang *inflation double digit*, *double digit* ini erti mungkin 10% ke atas, Amerika. *Bush* sekarang ini menyediakan perancangan bagaimana menghadapi, bagaimana Amerika menghadapi keadaan dunia dalam lima tahun akan datang dengan *double digit inflation*? Jadi, kalau Yang Berhormat kata kita hendak capai 6% *growth*, KDNK tetapi inflasi 10%, susah kita.

Negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi kurang daripada kadar kenaikan inflasi, negara itu *suffer, suffer a lot*, dengan izin. Kita pernah tengok Philippines, Pakistan, Afghanistan dahulu, Indonesia, pertumbuhan ekonomi 12%, inflasi 28%. Apa hendak jadi?

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua lagi yang bangun, Yang Berhormat, Kuala Kedah dengan Jerai.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Temerloh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpandangan sama iaitu kita tidak boleh menghalang kenaikan harga minyak. Sebenarnya kenaikan harga minyak ini pun dicipta oleh Amerika sendiri dengan mengadakan masalah-masalah di seluruh dunia Islam yang mempunyai minyak. *Reserve* minyaknya banyak tetapi ia hendak guna minyak negara lain dulu, akhirnya ia akan menguasai dunia dengan menggunakan minyak. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kerajaan kita demi menghadapi, kita sudah tahu cabaran harga minyak ini akan mendadak naik dan kita tidak boleh menghalang. Dan, kita satu hari nanti terpaksa menaikkan juga harga kos minyak dan ini akan menyebabkan rakyat gusar dan merasa gelisah.

Kita juga kena bersedia *mind set* kepada, minta maaf, saya tidak boleh guna sudah bahasa Inggeris. *[Disampuk]* Kita kena *setkan* atau minda orang-orang kita supaya menerima hakikat apabila harga minyak naik, dunia naik, kita terpaksa naik. Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kerajaan supaya mencari alternatif kepada guna bahan-bahan bakar ini. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini harus peka dan bertindak cepat supaya kita dapat mempertahankan kos harga bakar ini di masa akan datang. Macam sahabat saya Arau, dia ada pokok jarak dia, kita ada kelapa sawit dan sebagainya tetapi setakat ini saya dengar kita hanya bercakap, boleh, boleh, tetapi tidak ada satu pun kenderaan yang menggunakan kelapa sawit atau menggunakan buah jarak ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang hal ini?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, kita kira, *forget about the Amerika*, kita lupakan Amerika, macam mana kita hendak buat Temerloh?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey, okey. Saya hendak sebut tadi alternatif *energy* tetapi Yang Berhormat bagi Jerai sudah sebut, itu saya setuju. Kita harus melihat sekarang ini bagaimana kita hendak cari alternatif *solve of energy*. Nuklear, biodiesel, kelapa sawit? Kalau kita yakin ini boleh merupakan pengganti kepada sumber tenaga, kita majukan. Kita tidak boleh lagi bergantung dengan minyak, 20 tahun kita akan jadi *net importer*. Lebih teruk 20 tahun kita tidak tahu bagaimana keadaan dunia 20 tahun akan datang. Dan, ini yang akan kita hadapi.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Kuala Kedah sila.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Kuala Kedah.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Tadi saya tertarik bagaimana Yang Berhormat begitu kagum dengan peruntukan yang diberikan sebanyak RM200 bilion bagi Rancangan Malaysia Kesembilan sedangkan Rancangan Malaysia Kelapan hanya RM170 bilion. Dan, kemudiannya Yang Berhormat menyatakan bahawa kita akan menghadapi *destructive forces* iaitu inflasi dan juga *depressionnya*, dengan izin.

Jadi, tidakkah rancangan yang kita merancang ini Tuhan saja menentukan masa depan tetapi apa yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, RM200 bilion, pertambahan sebanyak RM30 bilion ini adalah untuk menampung kos-kos yang telah kita lalui dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana banyak projek yang telah gagal dilaksanakan. Dan, juga mengambil kira inflasi dan juga kenaikan harga bahan-bahan binaan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak jumpa dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyebut RM200 bilion itu untuk menampung kos kenaikan inflasi, tidak ada. RM200 bilion itu peruntukan pembangunan yang akan digunakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi, ini kaedahnya, saya hendak sebut sekali lagi, saya tidak katakan unjuran yang diberi 2.5% kenaikan inflasi itu tidak betul, saya tidak kata begitu, ya. Saya hanya hendak tahu apa asasnya kita tentukan? Apa asasnya? Kerana saya takut, itulah, saya sebut tadi

Amerika sendiri merancang *double digit inflation*. Saya takut nanti kalau kita buat kesilapan dari segi angka ini, kalau kita *overlook*, dengan izin, dari segi ini. Jadi, apa yang kita rancang akan gagal. Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Kalau kita lihat sejak hari-hari ini, bank-bank dan syarikat kewangan giat atau rancak memasarkan produk kredit kad dan juga pinjaman peribadi dengan cara yang mudah. Jadi, adakah amalan ini sesuai dalam keadaan ekonomi kita sekarang? Mohon penjelasan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ini di antara aktiviti perniagaan yang seperti ini di antara *push factor*, dengan izin. Faktor yang boleh menolak cepat kenaikan inflasi. Sekarang tidak dapat sudah, kuey tiow tidak lagi RM1.50 tidak dapat. Pergilah makan, tidak dapat. Satu teh tarik tidak dapat 30 sen sudah satu gelas, sate 80 sen sekarang. Ini yang mudah sahaja kita tengok, yang mudah saja. Bagaimana kita hendak bercakap gagasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini? Kuey tiow saja tidak sama lagi sudah harganya, teh tarik tidak sama lagi dah, air tebu tidak sama lagi dah, ini RM200 bilion kita hendak cakap.

Ini saya bimbang kerana saya lihat Perdana Menteri ikhlas sungguh untuk hendak bangunkan negara ini. Ikhlas sungguh tetapi saya hendak pastikan maklumat kita betul. Sebab itu saya sebut pagi tadi dalam TV, saya kata Rancangan Malaysia Kesembilan ini boleh, Perdana Menteri kata, "Okey, ini saya bagi ini, RM200 bilion kerajaan hendak belanja". Minta Ahli-ahli Yang Berhormat luluskan di Parlimen, kita luluskan di Parlimen. Tetapi ianya tidak akan jadi makna apa-apa kalau pelaksana dasar tidak melaksanakan dengan baik, memberikan maklumat yang tepat dan rakyat tidak memberikan kerjasama. Contoh yang mudah saja, dalam RM200 bilion ini setiap RM1 kita belanja, 20 sen akan pergi kepada sektor pendidikan kerana Perdana Menteri hendak pastikan rakyat Malaysia ini semuanya mendapat ilmu dalam keadaan suasana persekitaran sekolah yang terbaik.

Saya cukup tersentuh, Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri mendengar pandangan kita, MP semua, supaya Sabah, kita tidak kira belanjalah, Tuan Yang di-Pertua, belanja di Sabah supaya sekolah-sekolah di Sabah, di Sarawak, anak-anak di Sabah, di Sarawak mendapat pendidikan sama seperti anak-anak di Semenanjung Malaysia. [Tepuk] Alhamdulillah, diluluskan tetapi kalau kita ada sekolah,

sekolah yang baik, bertingkat-tingkat, bekalan elektrik kita penuhkan, semua infrastruktur kita penuhkan. Kalau ibu bapa tidak hendak hantar anak sekolah, apa hendak jadi? Tidak berjalan juga ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat tidak menyebut bahawa fakta tadi yang kita bimbang maklumat tidak betul, yang perlu diperbetulkan. Kerana akhirnya kita yang memimpin akan terjerumus kepada yang tidak tepat sasarannya. Dan, tadi Yang Berhormat sebut tentang di antara projek-projek yang perlu kita tangguh seperti, apakah Yang Berhormat lihat jambatan Tambak Johor ini, untuk menghubungi Singapura ini yang kita sudah tangguh di mana pandangan Perdana Menteri, demi kepentingan rakyat supaya wang yang hendak kita gunakan itu boleh digunakan untuk membiayai projek-projek lain yang lebih penting yang perlu kita lihat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, saya setuju dengan apa Yang Berhormat katakan. Tidak salah kita batalkan keputusan yang telah kita buat, tidak salah.

Pada saya, Perdana Menteri membuat keputusan yang tepat. Bukan sahaja dari segi duit yang sepatutnya diguna itu boleh diguna untuk belanja Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak kiralah. Tapi, lebih penting dari itu, buat apa nanti kita berhadapan dengan masalah, dah start projek sampai tengah-tengah laut, terpaksa tangguh pula. Ini pembaziran sumber.

Saya ingat, ini yang Perdana Menteri fikirkan, pembaziran sumber. Keseluruhannya, rakyat mengatakan, okey tak perlu, jabatan ini tidak perlu. Yang banyak dibangkitkan, oh ini kita tunduk dengan Singapura, takut dengan Singapura. Tak timbul soal itu, tak salah langsung. Pemimpin yang baik, tak salah dia buat keputusan setelah dengar pandangan orang ramai, pandangan di bawah. Tak sesuai keputusan itu, dia boleh batalkan. Itu pemimpin yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua lagi bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Mana dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran dan Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih rakan saya dari Temerloh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat setuju tidak, bahawa memang menjadi kebiasaan ataupun amalan, sama ada pegawai tinggikah, pegawai rendahkah, memberi gambaran yang seronok sahaja, yang elok-elok kepada boss dia, kepada Menteri. Iaitu satu projek contoh dia, melibatkan kewangan berbilion-bilion. Dia beri gambaran semua okey. Menteri pula, tidak segan-silu tidak pula menyiasat, terus percaya dengan laporan yang dikemukakan oleh pegawai dan sehingga satu hari projek yang digambarkan indah itu telah menjadi musnah. Akhirnya kerajaan menanggung kerugian. Minta pandangan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu lagi *destructive forces* ini. Selain daripada inflasi dan juga *depression* tadi ini. Kita berikan gambaran yang baik, ini okey Dato' Seri, ini okey Y.B. Minister, ini okey, okey, okey. Padahal keadaan tidak seperti itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak okey?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tidak okey, ya. Saya ingat ini di antara perubahan minda yang Perdana Menteri minta di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga lagi bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Kita mesti berani mengakui yang betul, memberikan penjelasan yang betul. Saya nak ikut, hai, macam ini tegur kerajaan betul tak betul inflasi? Entah Perdana Menteri marah, entah Pak Lah marah? Tapi saya terpaksa nak buat macam mana? Kerana saya tengok, saya tak yakin.
[Menyampuk]

Saya ikhlas, saya tak yakin 2.5% inflasi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tak mungkin! [Menyampuk] Buat apa? Kalau saya simpan, esok akhirnya terbukti betul, saya menyesal. Saya yakin, saya ingat ini satu pertanyaan yang wajar, saya kira ditanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Kembali kepada soal maklumat tadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam mengumpul dan mengutip maklumat ini, khususnya di peringkat EPU, ada kalanya pegawai-pegawai yang menjalankan kajian ini, tidak betul. Sebagai contoh, dalam *household survey* yang telah dibuat digunakan untuk merangka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai dia tidak masuk kampung di pedalaman dan akhirnya maklumat-maklumat yang telah didapati, tidak betul. Akhirnya digunakan maklumat yang sebelum Rancangan Malaysia Kelapan.

Satu lagi Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, satu pendekatan baru untuk mengira garis pendapatan kemiskinan, sekarang ini *footbase* yang memerlukan sedikit ilmu. Jika sekiranya, pegawai-pegawai tidak dilatih untuk mengenal pasti yang miskin dan sebagainya, akhirnya maklumat yang kita dapat itu tidak betul. Kalau maklumat itu tidak betul, akhirnya program, projek dan sebagainya, akan juga tidak akan betul. Adakah Yang Berhormat sedar?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Betul, betul. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Maklumat ini penting sekali. Yang Berhormat sebut tentang garis kemiskinan tadi. Kita sedang hendak buat pengunjuran baru garis kemiskinan ini. Saya difahamkan RM501 barangkali, di bawah paras RM501 dia miskin dah. Saya hendak ingatkan, pada harga minyak kelapa sawit RM1,200 satu tan, pendapatan peneroka-peneroka felda di seluruh negara, RM500. Ertinya, kalau kita garis kemiskinan kita RM501, bila harga minyak kelapa sawit RM1,200, seluruh peneroka felda di negara ini akan berada RM1 di bawah paras kemiskinan, erti miskin. Ini semua kita kena tengok. Tapi adakah dia betul-betul miskin? Tapi kalau kita dah gunakan asas itu, kita terpaksa tentukan dia miskin. Ini benda-benda macam ini, kita, kita, saya tak tahulah apa nak sebut perkataan yang sesuai? Saya, kita hendak supaya benda ini, angka-angka pengiraan, maklumat ini tepat dan betul. Mana tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Beluran.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, sila.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Temerloh. Saya sependapat bahawa inflasi merupakan faktor yang harus diambil kira secara serius oleh kerajaan untuk menentukan Rancangan Malaysia Kesembilan, program-program yang dapat dilaksanakan. Tapi satu faktor yang juga akan memberi kesan terhadap pencapaian Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah faktor *expected income*. Bukan sahaja berdasarkan kepada kenaikan harga barang dan inflasi, tetapi keupayan kita, mekanisme jentera penggerak kita untuk menentukan *expected income* itu dapat benar-benar dijana oleh kerajaan. Soal penguatkuasaan, soal pungutan *income tax*, pungutan cukai dan sebagainya, yang harus dikemas kini oleh kerajaan. Dilihat secara menyeluruh untuk menentukan bahawa *expected income* yang dijangka akan dapat diterima dan digunakan dalam RM200 bilion yang disasarkan oleh kerajaan, benar-benar ada dalam kewangan kerajaan. Adakah itu juga menjadi kerisauan Yang Berhormat ?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat itu. Ini semua delivery system tadilah. Ertinya, kita harus percekapkan supaya kita dapat menjangka berapa pendapatan yang kita akan terima. Yang Berhormat dah, tadi dah sudah, sudah tadi. Okey, *lastlah* ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Last* Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Kembali kepada persoalan asas Yang Berhormat iaitu bagaimana kita dapat 2.5% dengan kadar inflasi? Sedarkah Yang Berhormat bahawa di dalam keadaan Malaysia ini, kita menggunakan satu mekanisme untuk mengawal barang-barang tertentu iaitu inflasi ada berkaitan dengan CPI, dengan izin iaitu *Consumer Price In Tax, right?* Tetapi dalam mekanisme ini, kita menggunakan, kalau tak silap saya lebih dari 20 barang yang telah dikawal harga tertentu dan ini tidak mencerminkan keadaan yang sebenar dan ada dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa sekarang kwee teow RM1.50 sen, ataupun teh tarik dan sebagainya. So, setuju tidak Yang Berhormat bahawa kita mesti membuat satu kaji semula, bahawa kita ini mekanisme kawalan barang-barang tetap ini tidak mencerminkan keadaan inflasi yang sebenar dan keadaannegara kita. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey, kita kawalan inflasi ini boleh kita buat. Kalau kenaikan harga ini setakat kenaikan harga biasa. Tapi kalau

kenaikan harga seiring dengan kenaikan sumber tenaga, kita kawal macam mana pun tak mungkin Yang Berhormat, tak mungkin. Jadi saya ingat itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Kedah Yang Berhormat, Kuala Kedah.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya? Kuala Kedah, dah sudah tadi, sekejaplah.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Ini berkenaan dengan inflasi Yang Berhormat. Nak tolong Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Dah cukuplah, cukuplah. Saya bagi kita masuk ..

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sebenarnya Yang Berhormat, kadar inflasi yang saya dapat jawapannya tadi, ..

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tak boleh, tak boleh. Ini floor saya, tak boleh terurus, saya kata tunggu, tunggulah.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Nak bagi peluang Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi, dia tak bagi.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tunggu, tunggu, tunggu. Okey saya nak pindah kepada pertanian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus gulung Yang Berhormat ya?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Gulung? Hai, gulung Yang Berhormat? Baru nak masuk ini Tuan Yang di-Pertua. Okey, ringkas sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu baru mukaddimah.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya! Saya nak bertanya dengan pihak kerajaan. Saya confuse sebenarnya sedikit ya? *[Menyampuk]* Keliru sedikit dengan izin. Adakah kita nak jadikan sektor pertanian ini sebagai sektor yang menjana pertumbuhan ekonomi, *to lead the growth*. Atau kita nak jadikan sektor pertanian ini untuk meningkatkan pendapatan petani terutamanya penduduk luar bandar, atau kita hanya nak menggantikan import? Saya ingat hala tuju kita kena jelas. Kita berbelanja besar ini. RM11.4 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian. 70% meningkat

daripada Rancangan Malaysia Kelapan. Tapi adakah kita telah bersedia? Adakah *missionary* kita *on the ground*, dengan izin?

Adakah kita telah meletakkan pegawai-pegawai kita? Hala tuju kita mesti jelas kerana pemahaman saya dalam sistem ekonomi Tuan Yang di-Pertua, setiap negaralah, ambillah, Jepunkah, Hollandkah, Eropahkah, Amerika mana-manalah, Dia bermula dengan sektor pertanian, *to lead the growth* dengan izin. Bila dah maju pertanian, hasil daripada pertanian dia pergi kepada pembuatan dan industri. Dah maju pembuatan, dah maju industri, dia pergi kepada *services*, kepada perkhidmatan. Tapi *agriculture*, dia masih pertahankanlah lagi untuk yang dia ada *niche product*, yang dia ada kekuatan.

Saya tidak fikir kita sekarang ini hendak pergi rangkup patah balik semula pergi, hendak *round* semula sistem ekonomi. Saya tidak fikir begitu. Akhirnya kita tutuplah MSC, kita tutuplah Kulim Hitech apa semua kerana kita hendak balik semula kepada *agriculture*. Saya tidak fikir begitu soalnya. Yang kita hendak tentukan sekarang ini supaya kita bangunkan pertanian ini di mana kita ada *niche product*. Dalam erti kata yang lain, *what is our* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *what is our fourth crop*. Apa *crop* keempat kita. Kita ada *rubber*, kita ada *palm oil*, kita ada koko. Ini kita sudah *niche product* kita. Satu lagi apa? Tanaman apa? Ini kita kena tentukan. Kalau tidak, kita meraba-raba. Saya tertarik dengan apa yang dibangkit oleh adinda saya Yang Berhormat bagi Bera hari itu. Tidakkah kita masih lagi hendak bagi orang kampung, satu bungkal serai, tanamlah, bagi tiga ekor lembu, ok ternak lembu. Lembu kurus pula itu. Saya tidak fikir kita hendak merancang pertanian kita.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Orang lain boleh dua kali, dia tidak boleh dua kali. Dia boleh dua kali, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat keliru dan wakil-wakil rakyat juga lagi keliru dengan perancangan Kementerian Pertanian. Kita tidak nampak ada perancangan asas seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Tidak ada hala tuju yang boleh meyakinkan pemimpin, boleh meyakinkan pihak-pihak

yang terlibat seolah-olah *backward* ataupun kembali ke belakang dengan Program Buku Hijau. Apa yang hendak kita hijaukan sedangkan hutan simpan pun sudah menjadi kering kontang. Jadi apa yang kita hendak hijaukan dengan memberi lembu kurus, kambing, ayam dan sebagainya. Kenapa tidak kementerian ini, memfokuskan sesuatu yang boleh menjadikan negara kita mempunyai hasil tertentu seperti yang dilakukan oleh negara-negara membangun. Eropah ini negara membangun, tetapi mereka mempunyai pendapatan dalam segi industri pertanian ini begitu lumayan sehingga negara kita kena membayar berbilion-bilion dalam produk-produk makanan mentah. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Betul, inilah perkara yang harus kita teliti. Hala tuju kita. Kita sebut, kita hendak jadi hub halal. Saya hendak bercakap pasal halal. Saya baca tengok angka statistik ada. Saya terkejut. Selama ini yang kita eksport halal ini dari segi *livestock*, kosong. Ternakan kosong, yang ada lima tahun lepas kita eksport ayam ke KFC Singapore, masa saya di KFC dahulu kerana KFC Malaysia ketika itu *control* KFC Singapore. Kita kata, *no, you* hendak jual ayam di Singapore, ambil ayam daripada kita. Itu angka dia. Yang lain kosong. Kita harus tentukan sekarang ini. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, peningkatan dari segi kita hendak jadi *livestock exporter* ini, kita hendak jadi *next livestock exporter*. *Livestock* apa yang kita hendak eksport? Yang halal yang kita eksport selama ini adalah sayur-sayuran, buah-buahan, makanan dalam plastik dan ikan. Benda yang memang sudah halal kita eksport, halallah. Tetapi *livestock* kosong.

Jadi kita harus sekarang ini tentukan. Itu yang saya bangkitkan kerana adakah saya sebut tadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adakah *machinery* kita *on the ground*? Adakah kita telah kenal pasti? Ini belanja yang besar. Perdana Menteri mempunyai harapan yang paling besar terhadap sektor pertanian. Tetapi kita, pegawai harus tentukan *direction* kita ke mana, hala tuju kita ke mana *to lead the growth* atau setakat hanya untuk hendak kembangkan sektor pertanian yang begitu sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Sedikit sahaja, Yang Berhormat. FAMA merupakan pusat pemasaran kita.

Dalam kita bercakap mengenai globalisasi, pemasaran antarabangsa, menteri pun sudah pergi ke negara Arab dan baru-baru ini kita tengok dalam televisyen, produk-produk yang kita hendak pameran tetapi petani kita macam itu juga. Jadi, apakah FAMA itu tidak mainkan peranan atau perlu kita ubah suaikan FAMA ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Minta sedikit.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Supaya lebih global, lebih canggih dan lebih hebat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Temerloh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Bagi, bagi, bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sambung sedikit Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Orang yang bawa usul tidak dapat bercakap Ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sambung sedikit, sambung sedikit.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ok, ok. Sila, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: FAMA yang di sebut tadi, bukan kata FAMA, Kementerian Pertanian. Kita pun hairan, yang main peranan ini petani, yang pergi melawat luar negara pegawai! *[Ketawa]*

Daripada dahulu sampai sekarang, pegawai juga yang pergi, balik. Dia pergi seronok ke? Seharusnya dia kena bawa petani-petani yang berdaya maju supaya mencontohi ladang-ladang di sana, ternakan-ternakan di sana, lebih-lebih lagi ahli-ahli Parlimen ini pun kena bawa. Kita dapat menyampaikan pada rakyat? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Temerloh:

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ok, betullah itu. Saya setujuah itu. Kadang-kadang fokus kita hilang. FAMA ini, saya yakin di bawah pimpinan pengerusi baru, Yang Berhormat bagi Kudat akan ada anjakan paradigma dari segi peranan FAMA. *[Disorak]* Tetapi FAMA sebelum ini saya kecewa, saya cukup kecewa.

Saya bangunkan tiga taman pertanian di kawasan Parlimen saya. Dengan Menteri datang, saya ingat Menteri ketika itu Yang Berhormat Dato' Norwawi Affendi datang. Kita buat satu tempat khas menteri untuk duduk tengok keadaan. Akhirnya semua tutup. Ya, tutup. FAMA beli, dia beli bukan sebagai ... dia pun jadi orang tengah juga. jadi macam peruncit juga. *[Ketawa]* Saya terus terang kata, betul hakikat yang sebenar. Dia peruncit juga. Hendak main di pasaran global macam mana, kalau di peringkat daerah Temerloh you peruncit di Temerloh? Hendak main global? *No way!*

Beberapa Ahli: *No way, no way.*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Saya bagi tahu Datuk Abdul Rahim Yang Berhormat bagi Kudat, saya bagi tahu dia, saya kata benda-benda macam ini harus diperbetulkan. FAMA harus *identify*, ok, Temerloh sesuai untuk tanaman ini, di Kinabatangan sesuai untuk ini, di Larut sesuai untuk ini, di Kapit sesuai untuk ini dengan suhu tanahnya dan pastikan ada pasaran.

Daerah saya Tuan Yang di-Pertua, pengeluar ikan patin yang terbesar dalam dunia. Tempat lain memang tidak adalah, di Amerika tidak ada ikan patin dan talapia. Talapia itu saya ubah nama, saya beritahu orang kampung di Temerloh, jangan panggil talapia, kerana kalau talapia ini orang tidak makan, tukar '*red snapper*' - Ikan merah. Eksport sekarang, Singapura beli. Sekarang kita hantar ke Hong Kong, *testing* melalui Jardine. Yang Berhormat bagi Kudat tahu, testing di Hong Kong. Tetapi masih tidak ada satu jalinan pemasaran yang kuat. Saya tidak puas hati dari segi peranan FAMA dalam aspek itu.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih kerana Yang Berhormat bagi saya peluang kedua. Selama ini Yang Berhormat bagi Temerloh, FAMA ini difahamkan mereka ini pembeli terakhir, bermakna selepas petani gagal mencari pembeli, barulah *approach* ataupun barulah berjumpa dengan FAMA untuk menjadi pembeli terakhir. Adakah pendekatan itu masih sesuai dengan keadaan sekarang, Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tidak, sudah tidak sesuai. FAMA hari ini harus melihat mana pasaran luar negeri yang barang-barang kita boleh dieksport, apa yang dia hendak. Saya ambil contoh yang kecil sahaja. Yang Berhormat

Pengerusi FAMA pun tahu permintaan *dragon fruits* yang merah itu, daripada Hong Kong itu, betul tidak Yang Berhormat? Begitu besar. Jadi kata, "*Unlimited. You name it how much you have?*" dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*we will take it.*" Tetapi, kita masih belum majukan secara besar-besaran.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis, sila gulung.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Sekejap, sekejap. Sedikit Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sedikitlah, bolehlah bagi sedikit. Yang Berhormat bagi Temerloh pun kurang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada orang lain yang hendak bercakap lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh, apakah benar dakwaan mengatakan bahawa kita dalam kerja-kerja mengglobalkan produk-produk pertanian ini kerana ada kelemahan dari segi pengangkutan udara kerana kita tidak cukup, dengan masalah di MAS ataupun ada alternatifnya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, barangkali itu satu daripada masalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat, tambang MAS Kargo ini mahal.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Barangkali, barangkali.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya ingat hendak suruh Air Asialah buat ini. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Boleh, ok. Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua *point* lagi. Satu, *knowledge worker knowledge economy* ini. Ini sumber kekayaan baru. Saya tertarik dengan buku yang ditulis oleh Thomas Frackman ini. Dia kata, *the world is flat now*. Dunia ini sudah jadi *level playing field*, bukan *round* lagi dunia sekarang. Dia mengambil contoh India. Dahulu kalau kita sebut India ini, kita sentiasa mengangap negara yang tidak maju.

Anak-anak muda India keluar daripada universiti mestinya hendak pergi ke Amerika, hendak bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional di Amerika – IBM, Microsoft dan sebagainya. Itulah cita-cita dan angan-angan dalam hidup anak-anak muda di India yang keluar daripada universiti. Hari ini tidak ada lagi. Dia tidak payah lagi bercita-cita hendak pergi ke Amerika. Kerana apa? Kerana syarikat-syarikat besar multi nasional dari Amerika datang ke India. Hari ini kalau orang India telefon orang Amerika, orang Amerika akan jawab dahulu, *Namaste!*. Orang Amerika pun sudah terpengaruh dengan budaya India. Kerana apa? Kerana ilmu atau *knowledge*.

Hari ini di Hyderabad dan Bangalore, boleh dikatakan semua *housewife*, suri rumah tangga ini bekerja. *Call center* yang paling banyak sekali dalam dunia di India. Kalau saudara pergi ke Amerika, pergi ke England, pergi ke mana-mana, hilang kredit kad, telefon tanya hendak ganti *credit card*, saudara ingat orang yang jawab itu ada di Amerika. No! Dia di Bangalore atau di Hyderabad. Kerana apa? Kerana *knowledge*, ilmu. Ini yang harus kita bangunkan sepatutnya. MSC kita harus main peranan. Tadi tanya soalan pasal MSC, saya hendak bangun juga. Betul kita ada MSC. Kita lebih dahulu daripada Singapura, lebih dahulu daripada negara lain mewujudkan MSC, tetapi *follow throughnya* tidak cukup, dengan izin.

Kita ada infrastrukturnya, kita ada *hardwarenya*, kita tidak ada *brain*. *Brain* kita tidak ada. *Software*nya kita tidak ada di MSC dan kita tidak ambil daripada luar. Dahulu kita bawa 26 orang masuk daripada luar, anak-anak dari India kita tangkap. Kita panggil balik anak-anak Malaysia di luar negara, kita bukan tidak ada yang terkenal di luar negara. Yang balik berapa orang? 30 orang. Akhirnya tinggal dua orang. Dua orang itu pun sudah hendak balik juga. Kerana apa? Kerana *environment* tidak sesuai. Mereka ini bekerja di Silicon Valley dengan *sophistication* dari segi peralatan, dengan pemikiran yang begitu canggih dan sebagainya, balik ke Malaysia duduk di Putrajaya, tengok tidak ada apa-apa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada DAP sahaja.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ha, ada DAP sahaja barangkali. *[Ketawa]* So hendak buat macam mana? Dia balik. Kita, *knowledge* ini, tuan-tuan ya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Allah, tuan-tuan pula, Tuan Yang di-Pertua. Maaf, Tuan Yang di-Pertua ya. *[Ketawa]* Maaf, maaf, Tuan Yang di-Pertua ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu boleh berhenti bercakap itu, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak berani. Graduan ICT kita banyak yang menganggur. Bayangkan kita *produce* berapa ramai graduan ICT sama ada menganggur atau bekerja di McDonald, KFC atau Domino's Pizza. Kerja-kerja *outsourcing* kita, memproses data dan sebagainya di kementerian-kementerian dan jabatan, kita bagi kepada syarikat luar. *Outsource* tenaga luar. Mengapa tidak diberi kepada syarikat tempatan? Ini seharusnya kita lakukan kalau kita hendak bangunkan ICT kita. Kalau kita tidak hendak, *forget about it*, tutup MSC, tidak payah. Kita pergi balik ke sawah, pergi balik tanam padi dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak tahu tanam padi juga.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tidak tahu juga hendak tanam padi. Yang Berhormat bagi Kinabatangan cakap pasal padi, tidak tahu tanam padi pun. *[Ketawa]* Dan kita harus lakukan ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang *last* sekali, ini *biotech*. *Biotech* ini betul. *potentialnya* cukup besar tetapi ia mengambil masa yang begitu lama. Singapura sudah bangunkan *biotech* ini 20 tahun dahulu dengan dia punya *life science*. Ia anggarkan boleh menjana USD350 bilion *revenue* daripada *life science* dalam bidang perubatan dan sebagainya. Pada hari ini, 2005 ini ia sudah boleh dapat USD3.56 bilion. Ia sudah maju sekali dalam *biotech*. Kita baru hendak mula, memakan masa yang lama.

Kita perlukan pegawai-pegawai dan kakitangan yang boleh membuat *research* dalam bidang ini dan minat *research* ini bukannya boleh dibuat-buat begitu. Saya kira, kita orang Malaysia ini, anak-anak kita di universiti, tidak *train* untuk minat *research* ini. Contoh yang paling baik, Taman Negara di negeri Pahang, 130 juta tahun lebih tua daripada Taman Negara Congo dan Amazon. 130 juta tahun lebih tua! Di Amazon dan di Congo, beribu *research* dibuat oleh orang Amerika dan kebanyakan *food supplement*

yang Ahli-ahli Yang Berhormat makan, termasuk Yang Berhormat Datuk Speaker makan itu, sumber-sumber spesiesnya semua datang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya belum makan, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Belum makan lagi, okey. Semuanya datang dari Amazon dan juga taman negara di Congo. Taman Negara kita 130 juta tahun lebih tua. Saya pergi tanya tok batin, "Ada yang dari universiti?". Tidak ada. Dia datang hendak berenang tangkap ikan sahaja. [Ketawa] Ada yang diberitahu, dia kata, "Dato', saya ada satu produk namanya 3K. Lebih baik daripada Tongkat Ali, lebih baik daripada ginseng. Tetapi saya hendak buat apa. Saya makan sendiri, saya syok seorang sahajalah." [Ketawa] Tidak ada orang datang buat *research*.

Tasik Bera digazet sebagai satu daripada '*taman ransa*' yang tertua di dunia. Tempat Yang Berhormat bagi Bera ini. Kerajaan Denmark *maintain* tempat itu dan Kerajaan Denmark hantar dia punya *scientist* pergi buat *research*, beratus ribu spesies dalam tasik itu. Kita tidak ada! Saya tanya, "Ada tidak daripada UiTM ke?" Tidak ada! Tidak pergi! So macam mana kita hendak bangunkan *biotech*? Ini harus kita perhatikan dan teliti kerana kalau kita tidak lakukan ini, kita rugi nanti.

Tuan Yang di-Pertua, *last* saya hendak baca ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum penghabisan, saya hendak perbetulkan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sampai hari ini saya masih tanam padi, Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Okey, okey. [Ketawa] Saya setuju. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat peribahasa ini daripada peribahasa Afrika dalam satu majalah yang cukup menarik. Saya hendak bacakan peribahasa ini. Setiap pagi di Afrika, antelop – antelop ini kijang ya – akan bangun dan kijang tahu ia mesti berlari lebih pantas daripada seekor singa kerana kalau tidak, kijang akan dibunuh dan dimakan oleh singa. Di waktu yang sama, setiap pagi di Afrika, singa akan bangun dari tidur dan singa tahu dia mesti berlari pantas menangkap kijang kerana kalau tidak, singa akan mati kebuluran. Tidak kirasama ada kita kijang atau singa, apabila matahari terbit kita mesti mula berlari. Terima kasih. Saya mohon menyokong. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak tentukan berapa orang lagi hendak bercakap?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Oleh kerana ramai lagi yang hendak bercakap, saya ingin hadkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 10 minitlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...lebih kurang 10 minitlah, Yang Berhormat, untuk bercakap.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, kena ikut peraturan kalau hendak mendapat peluang bercakap. Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sila.

12.28 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan belanjawan 5 tahun mendatang yang komprehensif. Terima kasih bagi pihak rakyat khususnya daerah ataupun kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Menyambung ucapan daripada Yang Berhormat bagi Temerloh, Sabak Bernam juga ingin memperingatkan bahawa produk yang terpenting yang ingin dipromosikan oleh Sabak Bernam ialah ikan puyu ataupun ikan betok, satu-satunya jenis ikan air tawar yang paling sesuai ditenak oleh Sabak Bernam. Oleh kerana itu kita sangat berharap kepada pihak FAMA supaya apabila ternakan ini semakin banyak, pastikan pasaran ataupun harga yang stabil harus diwujudkan demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Sabak Bernam ingin memberikan fokus, yang pertama berkaitan dengan isu salah guna dadah. Salah guna dadah atau dadah telah pun diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara, tetapi perhatian dan layanan terhadap masalah ini sebenarnya sangat berbeza, malah tidak ada satu bentuk *urgency*, dengan izin, tidak ada satu bentuk kesegeraan untuk menangani masalah ini yang semakin meruncing di negara kita. Sehingga sekarang data rasmi daripada NADI AADK

menunjukkan daftar 283 ribu rakyat negara ini terjebak dalam salah guna dadah. Malah setiap tahun antara 2,500 hingga 3,000 terus bertambah.

Dengan segala usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, dengan segala kesungguhan yang telah dibuat, dadah terus merebak dan bertambah di mana sahaja di seluruh negara ini. Oleh sebab itulah, Sabak Bernam ingin mencadangkan perkara yang pertama supaya agensi antidadah atau AADK, satu-satunya agensi yang diberikan tugas khusus untuk mencegah, merawat dan juga memulihkan pesakit dadah ini supaya diperkasakan. Perkara yang pertama.

Apa yang kita lihat AADK yang sepatutnya bekerjasama dengan Jabatan Polis, khususnya narkotik, kita dapati tidak nampak satu permuafakatan yang jitu di antara keduanya. Jadi, ini telah menimbulkan masalah yang jelas antara dua agensi yang diberikan tugas khusus untuk mengatasi masalah pencegahan dadah ini tidak nampak kerjasama yang jitu. Saya sebenarnya merasakan sangat dukacita.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:kerana saya baru menerima surat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:ataupun jawapan dari Kementerian Dalam Negeri yang menyatakan bahawa mereka menafikan sekeras-kerasnya tidak ada kerjasama antara jabatan yang jitu. Jadi, penafian ini bagi saya adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan kerana kita telah memberikan beberapa saranan supaya kedua agensi yang sangat penting itu dapat mencegah bekalan dadah ini dalam erti kata yang sebenarnya.

Ini kerana kalau najis dadah ini tidak dapat disekat bekalannya, memang sangat sukar, amat sukar untuk kita menyelesaikan masalah salah guna dadah. Malah hasrat kita untuk mencapai dadah sifar menjelang 2015 merupakan satu angan-angan semata-mata. Sila, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyuarakan perkara dadah beberapa kali di dalam

Dewan yang mulia ini, dadah dan syabu ini adik-beradik. Ini kerana apabila kita sentuh tentang hal dadah atau syabu, di Sabah kita sudah suarakan beberapa kali bahawa benda ini dijual secara terbuka, secara terbuka di mana kalau ada pihak-pihak yang berkuasa mahu tahu boleh datang ke kawasan saya, saya boleh tunjukkan di mana mereka menjual dadah atau syabu ini secara terbuka.

Kalau kita katakan di sini, ada cara ini mereka katakan ini omong-omong sahaja, tidak betul. Jadi, kita mahu supaya mungkin satu gerakan untuk membasmi pengedaran ini dengan secara besar-besaran. Kita mahu pihak polis, antidadah kebangsaan, semua agensi kerajaan, termasuk majlis-majlis perbandaran bekerjasama untuk kita beritahu di mana dadah atau syabu ini dijual secara terbuka, Tuan Yang di-Pertua. Secara terbuka!

Jadi, kita berani berhadapan dengan pihak berkuasa untuk menyatakan bahawa mereka tidak menjalankan tugas dengan begitu baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Yang terpenting sekali daripada kenyataan Yang Berhormat bagi Kalabakan ialah kerjasama yang sebagaimana, ini harus diatur oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan. Ini kerana agensi ini satu-satunya agensi yang diberikan tanggungjawab secara khusus. Jadi, AADK inilah yang harus mengadakan permuafakatan dengan Jabatan Polis, begitu juga dengan PBT, begitu juga dengan Jabatan Kastam, begitu juga dengan Jabatan Imigresen dan jabatan-jabatan yang lain.

Malah, kita ingin menyatakan, menegaskan di sini perlunya kerjasama yang erat antara pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan pihak sekolah. Ini kerana di peringkat sekolah pelajar-pelajar yang rajin ponteng ini harus diberikan perhatian, kerana pelajar ponteng daripada sekolah pastinya mereka tidak melakukan perkara yang positif. Oleh sebab itulah agensi antidadah, AADK ini yang merupakan *lead agency*, dengan izin, agensi yang utama yang perlu menyelesaikan masalah salah guna dadah ini, perlu mengambil tindakan yang khusus, yang lebih daripada biasa.

Kalau apa yang dibuat oleh AADK sekarang ini dilaksanakan, walaupun dengan ditambah duit, ditambah perjawatan, kalau cara yang dilaksanakan itu cara yang sama, saya pasti sebenarnya bahawa masalah salah guna dadah ini sebenarnya bukan hendak disifarkan, hendak dikurangkan pun tidak boleh. Oleh sebab itulah saya sangat berharap supaya agensi ini, agensi antidadah ini harus memperkasakan, dipertingkatkan perkhidmatannya.

Yang keduanya ialah permuafakatan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya sering kali menyatakan bahawa masalah belia kita terjebak dalam gejala sosial negatif ini ialah kerana belia tidak diberikan, ataupun tidak dibantu dengan kerjaya mereka dalam tempoh yang agak lama. Jadi, kalau belia ini menganggur dalam tempoh yang agak lama untuk mereka ini terjebak dalam gejala negatif cukup mudah. Oleh kerana itu saya ingin menyatakan lagi sekali, bagi saya ini selain daripada peranan KBS – Kementerian Belia dan Sukan ia juga harus menjadi agenda khusus kepada Agensi Antidadah Kebangsaan.

Saya telah menerima aduan daripada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan dan kita harap pihak kerajaan memberikan perhatian:

- (i) mereka kekurangan tenaga pakar - mereka telah memohon perjawatan untuk AADK untuk beberapa ketika. Saya merayu pihak kerajaan supaya pengisian jawatan dalam agensi antidadah ini disegerakan. Dan, kita difahamkan bahawa di dua institusi sekarang, di KUIM dan juga di Universiti Malaysia Sabah telah diwujudkan satu bentuk pengajian yang ada kaitan dengan mengatasi masalah salah guna dadah. Oleh kerana itu, kita berharap supaya lagi sekali pihak AADK ini diberikan perhatian yang khusus;
- (ii) dari segi peruntukan – walaupun dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan telah dinyatakan tentang masalah gejala sosial yang semakin meningkat, tetapi kita tidak begitu jelas tentang suatu peruntukan yang khusus bagi mengatasi masalah salah guna dadah yang merupakan musuh nombor satu negara.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Jadi, kita sangat berharap supaya pihak kerajaan dapat memberikan perhatian khusus sebagai satu pengiktirafan bahawa ia adalah musuh nombor satu negara yang boleh menghancurkan

perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan sendiri jika tidak diberikan perhatian. Sila, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya lihat Yang Berhormat memang tidak pernah berputus asa di dalam mengutarakan usul-usul ataupun cadangan-cadangan yang konstruktif bagi menangani isu dadah ini. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kurang lebih 37 tahun kita telah berhadapan dengan isu dadah ini dan sehingga hari ini kita masih lagi melihat seolah-olah kita bergerak di dalam satu kitaran, kejam ke atas, kejam ke kanan, kejam ke bawah, kejam ke kiri, dan tidak pernah ada suatu ketika di mana kita dapat secara tetap pendirian kita menyatakan masalah ini akan selesai pada waktu ini, pada saat ini.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, hari ini kalau kita lihat kita bercakap tentang dadah ini tanpa segan silu tidak seperti suatu ketika dahulu di mana kita merasa segan untuk menceritakan tentang gejala dadah, sama ada ia melanda kaum keluarga kita, masyarakat ataupun kawasan dalam pengaruh kita. Masalah dadah ini jika kita masih lagi berada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa dia terhad, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap saya hendak minta Yang Berhormat, sebab dia banyak buat penganalisan, Tuan Yang di-Pertua, dan saya yakin Yang Berhormat boleh memberi jawapan.

Kalau hari ini kita melihat di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, Kementerian Pelajaran khususnya masih lagi tidak menyatakan secara tetap pendiriannya tentang bagaimana boleh memberikan kesedaran kepada anak-anak ini tentang bahayanya gejala dadah ini jika dadah ini melanda mereka di peringkat kanak-kanak. Jadi, apakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya menyediakan satu skema pendidikan tentang bahaya dadah ini bermula dari darjah satu secara berterusan sehingga tamat tingkatan lima ataupun enam atas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, dalam konteks ini saya terus menjawab beginilah. Sebenarnya pihak AADK telah pun mengambil satu langkah yang proaktif mewujudkan satu kelompok kaunselor yang

berkaitan dengan masalah dadah ini untuk pergi ke sekolah-sekolah mulai sekolah rendah dan ini harus diteruskan. Malah kalau boleh sebagai satu nilai tambah kepada apa yang disebutkan oleh sahabat saya itu, selain daripada patut ada modul, sebenarnya di sekolah ini telah pun ada entiti hal ehwal murid (HEM), di mana kaunselor memberikan perhatian secara khusus kepada masalah pelajar-pelajar kita di sekolah termasuklah mengenai dadah.

Hanya saya setuju supaya satu fokus yang khusus diberikan kerana kaunselor ini sebenarnya mereka ini lebih khusus kepada masalah psikologi, andragogi dan pedagogi. Jadi, kemungkinan maka ada satu jabatan yang khusus untuk masalah dadah ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Silakan, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya rasa terpanggil dengan program-program yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tetapi saya lihat masyarakat kita orang Malaysia ini, kalau kita terangkan sangat ataupun memberi penerangan di peringkat sekolah, timbul pula perasaan dia hendak mencuba.

Itulah sebabnya sudah 30 lebih tahun kita memerangi dadah ini, kita tidak ke mana. Benda ini semua akan *back fire*, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya tengok pada tahun 2004 saya telah mengemukakan kas-kas. Kedai-kedai restoran semua hendak saman saya. Hari ini dia mencari saya dia hendak belanja saya makan pula. Lagi banyak kedai mamak dibuka lebih penuh orang pula kerana hendak cuba makan kas-kas.

Yang ini kalau kita terangkan kepada anak-anak murid kita di sekolah-sekolah tentang dadah, dia pula akan mencari dadah dan mencuba menghisap dadah. Mengapa tidak kita hari ini, kita fokuskan untuk memberi pelajaran secukupnya untuk ibu bapa tentang bahaya dadah dan dia bersama-sama dengan kita menjaga anaknya, akan lebih baik daripada kita turun ke bawah kepada anak-anak kepada budak-budak ini, kita terangkan kepada dia, kita tunjuk contoh dadah dan sebagainya, dia akan mencari dan mencuba.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Nanti dahulu, dengan izin, ini masalah perkara yang boleh meruntuhkan tamadun negara, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin itu boleh diberikan perhatian tetapi kita tidak harus kecewa.

Program dan aktiviti, agenda kita memerangi dan menangani masalah guna dadah ini mestilah pelbagai. Pasti daripada pengalaman lebih 21 tahun yang lalu apabila najis ini diumumkan sebagai musuh nombor satu negara, ada dalam proses kita memerangi dadah itu kejayaan, kegagalan, kejayaan, kegagalan. Jadi, dalam konteks Islam sendiri, kegagalan itu merupakan suatu proses pembelajaran.

Oleh kerana itu, dalam konteks ini kita minta pihak yang berwajib, saya ingin mengulangi supaya diperkasakan Agensi Anti Dadah ini supaya agensi ini boleh memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang seperti ini. Dalam kempen kesedaran umpamanya termasuklah Kempen Enam Jahanam apabila artis mula digunakan. Kita dapati memang ada pandangan yang negatif mengenai perkara ini kenapa artis digunakan kerana ramai artis terjebak dalam masalah ini.

Tetapi kita harus ingat bahawa apabila kita mengumpulkan ataupun menjalankan suatu kempen untuk mendatangkan ramai kumpulan sasar yang sebenarnya, ini suatu masalah. Oleh kerana itu, kita harus berterima kasih kepada orang-orang seni ini yang boleh turut sama dalam agenda menangani dadah yang meramaikan perhimpunan itu, di mana kita boleh melaksanakan kempen itu dengan lebih berkesan. Saya dahulukan sahabat saya daripada Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah bagi jalan, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya melihat apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi bahawa pangangguran dan sebagainya tetapi saya melihat kepada *variety* di dalam pendidikan kita pada hari ini, yang tercicir di dalam pendidikan, yang ada kelas daripada sekolah menengah di kelas D, kelas E, kelas F ini, yang kita tidak

tahu ke mana arah tuju mereka ini, yang sepatutnya saya rasa kalau hendak masuk ke sekolah teknik, tidak cukup sekolah. Hendak pergi ke sekolah vokasional pun susah hendak dapat ke sekolah vokasional. Hendak belajar pertanian pun bila sudah habis Tingkatan 5 hendak pergi ke ILP pun sudah susah dan sebagainya.

Saya rasa perlu ada dibuka sekolah-sekolah dalam bentuk *variety* untuk kemahiran mereka ini di peringkat sekolah lagi apabila dia tamat sekolah nanti dia sudah ada kemahiran-kemahiran walau pun tidak dapat melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Kalau itu dapat dilakukan, masalah belia kita terjebak dalam gejala sosial akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri saya harap saya tidak diganggu

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *Last* sekali. Pendek sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang paling akhirlah. Ini Setiausaha kepada Jawatankuasa Anti Dadah.

Beberapa Ahli: Kena bagi, kena bagi.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Kita selalu sebut bahawa dadah ini adalah musuh nombor satu negara. Itu sahaja yang kita ulang. Tetapi kalau kita lihat dari segi strategi, taktik perang dan sebagainya untuk memerangi dadah itu tidak begitu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, kita ingin terus syorkan kepada Agensi Anti Dadah dan juga Jabatan Narkotik supaya menubuhkan pusat memerangi dadah dan salah satu daripada, insya-Allah, dalam tempoh sebulan Jawatankuasa Anti Dadah peringkat BN-BBC ini akan melawat pusat operasi ini. Kita anggap ini sebagai kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, Sabak Bernam ingin menarik perhatian agar Jabatan Narkotik Polis ini juga diberikan perhatian dari segi perjawatan dan peruntukan untuk menangani masalah salah guna dadah dan cadangan daripada Sabak Bernam ini telah pun saya suarakan bagaimana kita harus mewujudkan cerita kejayaan dalam konteks menangani dadah. Seharusnya pihak Agensi Anti Dadah ini mewujudkan suatu bentuk

zoning, meletakkan kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan hitam, kawasan kelabu, kawasan putih.

Kalau ini diberikan perhatian, sebagai contoh umpamanya kalau diwujudkan suatu jawatankuasa khusus menangani dadah di peringkat kampung, kalau saya mengambil contoh di Sabak Bernam kita ada 45 buah kampung maka kita akan dapati bahawa kita boleh menyelesaikan masalah salah guna dadah itu mengikut kampung kerana unit kecil ini sebenarnya mudah dikawal.

Oleh kerana itu, syor ini saya harap dapat diberikan perhatian yang secara khusus supaya pegawai Agensi Anti Dadah ini memberikan perhatian kepada agenda menangani masalah salah guna dadah mengikut unit kecil.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara pendidikan saya hendak sebut sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit sahaja. Saya memohon. Saya merayu sangat kerana ini ada kaitan. Saya harap di peringkat sekolah entiti kaunselor harus diperkasakan kerana entiti inilah ataupun jawatan inilah sebenarnya yang boleh membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin yang sebenarnya semakin meningkat. Maksud saya, perkasakanlah institusi kaunselor sekolah-sekolah, sekolah menengah dan juga sekolah rendah.

Dalam konteks belia, berikan perhatian terhadap kerjaya mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baram.

12.47 tgh.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil kesempatan mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 31 Mac 2006.

Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu misi nasional ke arah Wawasan

2020, di mana kita hanya mempunyai 15 tahun sahaja lagi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan kerajaan kerana mengeluarkan satu rancangan yang cukup komprehensif yang dirangka merangkumi lima teras utama yang disebutkan dalam ucap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan teras utama yang telah ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka saya ingin sentuh beberapa perkara sahaja yang kena mengena dengan pembangunan luar bandar khasnya kawasan saya di Baram.

Kami penduduk-penduduk di kawasan Baram memang mempunyai besar harapan agar Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan terus membawa satu lagi kebaikan untuk negara dan kawasan kami di Baram juga. Ini bermakna kerajaan akan berusaha untuk meneruskan kesinambungan pembangunan yang belum ataupun yang sedang dilaksanakan di Rancangan Malaysia Kelapan dan seterusnya merancang lagi projek-projek yang penting untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Perkara pertama ialah pembinaan infrastruktur jalan. Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur jalan adalah satu faktor yang boleh melicinkan pembangunan rakyat di sesebuah kawasan. Di kawasan Baram ini setakat ini, kerajaan telah membina hanya sebuah jalan tar iaitu jalan daripada Simpang Mahamod di Jalan Miri/Bintulu ke Beluru dan terus ke Sungai Temam sepanjang 32 kilometer sahaja.

Mulai dari Sungai Temam ke Sungai Teru terus ke Long Lama, jalan ini yang dianggap sebagai jalan utama di Baram adalah ke tahap batu ataupun tanah sahaja. Oleh sebab itu, saya memohon kepada kementerian dan kepada kerajaan supaya jalan ini dinaik taraf dan ditarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Daripada jawapan kepada soalan saya berkenaan dengan jalan ini tempoh hari, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sentiasa menjawab bahawa permohonan saya bagi pembinaan jalan ini telah dikemukakan kepada kerajaan dan yang menetapkannya ialah EPU. Jadi saya mengambil peluang ini untuk merayu kepada EPU supaya meluluskan pembinaan naik taraf jalan Beluru - Long Teru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah sentuh perkara ini kerap kali dalam Dewan yang mulia ini dan kali ini saya betul-betul berharap agar kerajaan akan mempertimbangkan naik taraf jalan ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta supaya projek jalan baru dibina untuk menghubungkan pekan Marudi dengan Long Lama dan juga jalan Long Lama ke Hulu Baram iaitu melalui Kampung Long Laput, Long Miri, Long Pilah, Long Kasih sampai ke Long San dan seterusnya ke Lio Match mengikuti tebing Sungai Baram di mana letaknya banyak rumah-rumah panjang yang sekarang ini menggunakan Sungai Baram sebagai pengangkutan.

Saya juga menyarankan supaya jalan-jalan besar kayu balak dari pekan Lapuk ke Hulu Baram iaitu Ke Long San, ke Lio Match dan seterusnya Bareo dan ke Hulu Tinja dan jalan kayu balak Long Lama ke Long Dian dan seterusnya ke Limbang diambil sebagai jalan rasmi supaya penduduk-penduduk di kawasan pendalaman boleh menggunakannya secara rasmi. Perkara ini penting kerana pengguna-pengguna jalan tersebut boleh berpeluang untuk membeli insurans bagi diri mereka sendiri dari kenderaan mereka apabila menggunakan jalan tersebut. Saya minta supaya Kementerian Pengangkutan ambil tindakan atas cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek jalan besar itu banyak lagi kampung-kampung di kawasan Baram yang belum mempunyai jalan perhubungan dengan jalan besar iaitu hubungan dengan jalan yang dibina oleh kerajaan ataupun jalan kayu balak. Oleh sebab itu saya memohon supaya pembinaan jalan-jalan luar bandar termasuk PJK diteruskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Perkara yang kedua saya ingin menyentuh berkenaan dengan meningkat kualiti hidup rakyat. Tuan Yang di-Pertua, seperti juga kawasan-kawasan luar bandar yang lain Baram juga memerlukan banyak projek yang boleh meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat. Projek-projek ini termasuk bekalan elektrik, bekalan air bersih, projek-projek ameniti sosial, projek pemindahan Kampung Derma Panjang, projek menangani masalah alam sekitar yang berpunca daripada penanaman kayu berleluasa dan operasi kilang lapisan kayu dan pembalakan, semua projek-projek ini perlu dikaji dengan mendalam supaya pembekalan elektrik, air bersih dan usaha untuk melindungi alam

sekitar itu cukup memuaskan bagi kebaikan penduduk-penduduk dan rakyat sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perhubungan di kawasan Baram sangat kurang, saya juga memohon supaya kerajaan memperluaskan perkhidmatan telekomunikasi melalui Telekom, Maxis, Digi ataupun lain di pendalaman Baram. Begitu juga saya menyarankan supaya Kementerian Penerangan menghebatkan lagi siaran radio, khasnya Radio Kenyah di RTM Kuching supaya pendengar-pendengar yang tinggal di kawasan pendalaman boleh menikmati siaran radio yang cukup baik.

Perkhidmatan kesihatan adalah amat perlu untuk menjamin bahawa rakyat kita sentiasa hidup dalam suatu keadaan yang sihat tanpa dilanda oleh penyakit-penyakit yang boleh menyusahkan hidup rakyat. Orang yang sakit tidak mampu menjadi seorang yang produktif. Memandangkan hakikat sebegini rupa, maka kerajaan perlu ambil tindakan untuk memberi perkhidmatan kesihatan di seluruh negara lebih-lebih lagi di kawasan saya di Baram. Oleh sebab itu saya ingin memohon supaya tiga lagi klinik-klinik baru di bina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu di Long Anap, Hulu Baram, di Long Panai, Hulu Sungai Tinja, Baram dan di Long Makaba atau di Long Jikitan, Sungai Silat di Hulu Baram juga. Begitu juga saya minta supaya pusat kesihatan di Long Lama dapat dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerana projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tetapi di tangguh oleh kerajaan. Saya telah menyuarakan permohonan projek-projek ini kerap kali dalam Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang lepas.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh ialah membasmi kemiskinan dan meningkat pendapatan penduduk-penduduk luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan tanah. Kenyataan ini lebih tepat lagi jika kita tumpu ke negeri Sarawak ataupun negeri Sabah. Di negeri Sarawak seumpamanya kaum etnik seperti Iban, Melayu, Bidayuh, Melanau, Kenyah, Kayan, Kelabit, Lembawang, Penan dan Orang Ulu yang lain memiliki tanah NCR yang luas lebih kurang dua juta hektar besar. Kebanyakan tanah NCR ini belum diusahakan dengan sepenuhnya untuk mendatangkan hasil yang boleh meningkatkan lagi pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar. Pendekatan-pendekatan yang telah diamalkan oleh negara kita untuk membasmi kemiskinan adalah nampak amat berkesan. Malaysia telah menunjuk kepada dunia bahawa negara kita telah berjaya mengurangkan kemiskinan daripada satu tahap yang tinggi ke tahap 3.7

peratus dan kemiskinan tegar 1.2 peratus pada tahun 2004. Kita dimaklumkan di Dewan ini bahawa kerajaan akan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhannya daripada 2.8 peratus dan membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, atas kenyataan tersebut saya menyokong usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan tanah terbiar di negara ini dengan pendekatan berkesan yang boleh membawa hasil yang lumayan kepada pihak pelabur dan pemilik-pemilik tanah. Projek seperti projek pembangunan tanah NCR di negeri Sarawak, projek pusat pertumbuhan desa, projek IDP, projek-projek yang diusahakan oleh SALCRA, FELCRA, FELDA dan projek-projek pembangunan desa yang lain perlu dikekalkan, dipergiatkan dan diperkembangkan di kawasan-kawasan yang mana sesuai. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kawasan luar bandar ini menjalankan rancangan-rancangan di tempat tertentu seperti kawasan Baram supaya tanah terbiar yang luas itu dapat dibangunkan. Tindakan ini akan membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar dan seterusnya mengurangkan jurang nisbah pendapatan penduduk-penduduk luar bandar dengan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan adalah satu bidang yang berpotensi untuk dibangunkan dan diperkembangkan di luar bandar supaya menyumbang kepada pembasmian kemiskinan di kawasan tersebut. Dari segi ini kawasan Baram memang mempunyai potensi yang besar kerana disanalah letaknya Gunung Mulu, Mulu National Park menjadi *world heritage* kita, Logan Bunut National Park satu tasik yang mempunyai sistem ekologi yang unik, gunung-gunung, bukit, dataran tinggi yang cukup indah dan iklim yang sejuk, Batang Sungai Baram yang cukup mencabar dan baik untuk *white water rafting*, kumpulan etnik bumiputera Orang Ulu yang mempunyai budaya mereka yang tersendiri yang cukup menarik dan pengeluaran kraf tangan yang berpotensi untuk di pasaran di pasaran negara ataupun di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan potensi yang baik seperti ini saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya mempergiatkan lagi usaha pembangunan industri pelancongan ini di kawasan luar bandar khususnya di kawasan Baram kerana bidang ini boleh meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk tempatan pada masa akan datang menerusi *home stay ecotourism* dan sebagainya.

Perkara yang keempat ialah pembangunan insan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk mempergiatkan lagi pembangunan model insan di negara ini mulai daripada peringkat sekolah, tadika dan sampai ke peringkat universiti. Saya berharap pada usaha ini akan di laksanakan di seluruh kawasan luar bandar di negara ini. Di kawasan saya di Baram sekolah-sekolah tadika belum ada secara meluas dan sekolah-sekolah rendah dan menengah pun masih belum mempunyai cukup kemudahan yang memuaskan seperti pembekalan elektrik dan pembekalan air bersih dan lain-lain yang selalu disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga dari segi pengajar-pengajar dan guru-guru yang kurang mahir dalam bidang metodologi pengajaran ICT dan lain-lain. Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bandar perbezaannya sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan perbezaan ini di antara sekolah luar bandar dan bandar kerajaan perlu ambil tindakan yang sewajarnya untuk membangunkan sekolah-sekolah di luar bandar, membaiki bangunan dan rumah kediaman guru-guru dan membekalkan kemudahan ICT seperti komputer dan bahan-bahan pengajaran lain yang belum mencukupi. Guru-guru perlu diberi latihan yang cukup supaya mereka ini dapat memberi pengajaran dalam bidang ICT dan juga ilmu pengetahuan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian pendidikan yang dibuat bagi kawasan Baram tempoh hari penduduk-penduduk di kawasan itu masih memerlukan sebuah lagi sekolah menengah yang boleh meringankan kesesakan di Sekolah Menengah Bakong di Baram. Oleh sebab itu Sekolah Menengah Tinja telah diluluskan untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Malangnya sekolah ini belum lagi dibina. Justeru itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran adakah kementerian bercadang untuk membina SMK Tinja di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Saya menyoalkan perkara ini kerana setakat ini semua murid-murid daripada kawasan Sungai Tinja terpaksa ditempatkan di SMK Bakong. Keadaan ini telah memberi satu kesesakan kepada SMK Bakong yang mungkin menjejaskan prestasi sekolah tersebut jika SMK Tinja tidak dibina dengan segera. Atas permintaan penduduk-penduduk di Baram juga, saya juga ingin meminta supaya sebuah sekolah vokasional atau komuniti kolej di bina di Baram. Sekolah vokasional atau komuniti kolej akan memberi peluang kepada pemuda dan pemudi serta penduduk-penduduk di

kawasan tersebut berlatih dalam bidang kemahiran, teknikal dan ICT, pertanian ataupun industri berasaskan tani.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung, Yang Berhormat?

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Saya ingin sentuh sedikit, sudah hampir habis. Pembangunan pertanian. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penduduk di luar bandar bergantung sangat kepada kegiatan pertanian. Oleh sebab itu usaha kerajaan untuk membangunkan pertanian di negara ini adalah dialu-alukan lebih-lebih lagi oleh penduduk-penduduk di luar bandar. Bagi petani-petani di Baram kebanyakan mereka ini masih mengamalkan penanaman padi bukit. Justeru itu saya menyarankan kepada kerajaan supaya mencari jalan alternatif bagi mereka ini untuk meningkatkan kehidupan mereka. Saya percaya tanpa pendekatan yang kreatif dan baru mereka ini akan tercicir dari arus pembangunan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya kerajaan terus melaksanakan pusat pertumbuhan desa di Long Lama dan pekan Long Lama itu dinaiktarafkan sebagai satu pusat daerah pentadbiran yang penuh supaya kerajaan dapat lebih dekat lagi dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Pusat pertumbuhan desa ini akan membawa pembangunan secara komprehensif di kawasan itu termasuk pembangunan pertanian, kemudahan awam, kemudahan infrastruktur dan lain-lain. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta juga supaya agensi-agensi kerajaan seperti SALCRA, FELCRA, FAMA dan pelabur-pelabur swasta menjalankan kajian di kawasan Baram supaya projek-projek ekonomi yang besar boleh diusahakan berkongsi dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Dengan ucapan demikian saya memohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cheras, sila.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan merancang untuk melaksanakan 378 projek infrastruktur yang menelan belanja RM18.6 bilion ringgit yang mewakili 280 projek jalan kos 17.3 bilion ringgit dan 98 projek membina bangunan dan infrastruktur kos 1.3 bilion ringgit. Dari 280 projek jalan sebanyak 180 projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kelapan bernilai 10.7 bilion ringgit dan 100 projek baru bernilai 6.6 bilion

ringgit. Sama ada semua projek Rancangan Malaysia Kesembilan mampu dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang tempoh rancangan atau akan menjadi seperti projek Rancangan Malaysia Kelapan masih menjadi tanda tanya walaupun kerajaan berazam untuk mengadakan tender terbuka dan menyegerakan projek utama. Adakah projek tersebut akan benar-benar menguntungkan rakyat atau membebankan rakyat. Untuk mencari jawapannya marilah kita meninjau dua projek mega

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya habiskan ayat ini. Dengan gabungan kos keseluruhan 3.8 bilion ringgit yang sedang berjalan sekarang di Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita sambung petang ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada jam 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras.

2.32 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beberapa projek mega dengan gabungan kos keseluruhan iaitu RM3.8 bilion yang sedang giat berjalan di ibu kota sekarang ialah pertama Projek Lebuh Raya Khusus Kuala Lumpur-Putrajaya yang menelan belanja RM1,697.3 juta yang mana RM1,402.3 juta ialah kos pembinaan dan bakinya RM95 juta ialah kos pengambilan tanah. Kerajaan perlu menanggung kos pembinaan RM976.71 juta untuk jarak lebuh raya dari Bulatan Kampung Pandan hingga ke Taman Teknologi Malaysia dan juga kos pengambilan tanah berjumlah RM295 juta manakala jarak dari Taman Teknologi Malaysia ke Putrajaya.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Cheras. Cheras boleh minta penjelasan sedikit? Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Cheras sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak ucapkan selamat datang kepada pemimpin-

pemimpin masyarakat wanita Padang Rengas [*Tepuk*] bos dia ada sini. Selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semualah semua kita ucapkan selamat datanglah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul saya hendak tanya. Saya hendak tanya betul-betul Yang Berhormat Cheras

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Come on* lah Seputeh bagi lah peluang. Kita ucap selamat datang apa salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini DAP tidak ada budi bahasa menghormati Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk makluman Dewan hanya ada 10 minit sahaja.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul saya hendak tanya dia. Yang Berhormat Cheras telah menyebut tentang kos pembangunan jalan-jalan besar, lebuhraya, ratus-ratus juta ringgit. Yang Berhormat Cheras juga menyebut tentang kos pengambilan tanah. Adakah Yang Berhormat Cheras hendak sebut juga tentang kesemua jalan-jalan raya ini kita tidak ada peruntukkan untuk senggaraan. Itu yang saya hendak tanyakan apa cadangan Yang Berhormat Cheras?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya belum sampai ke persoalannya, sabarlah. Ya, di mana saya ya? [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah, boleh gulung, boleh gulunglah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: RM295 juta manakala jarak dari TTM ke Putrajaya lebuhraya atas tanah ditanggung oleh syarikat konsesi yang diberikan kontrak Maju Holding berjumlah RM425.59 juta. Ini bererti kerajaan kena tanggung 70% kos pembinaan dengan menggunakan hasil kerajaan yang dibayar oleh rakyat dan baki 30% sahaja ditanggung oleh Maju Holding dan mendapat kemudahan pinjaman *soft loan* lagi.

Maju Holding diberi hak mengutip tol selama tempoh 40 tahun pada kadar yang ditentukan kemudian.

Adakah pembinaan lebuhraya ini adil dan munasabah kepada rakyat yang mana mereka perlu membiayai 70% kos pembinaan dan selama 40 tahun perlu berdepan dengan pembayaran tol sedangkan syarikat konsesi tidak mengeluarkan modal yang besar. Mengapakah ini terjadi? Apakah kerana projek ini ialah projek kroni bekas Perdana Menteri yang tidak boleh dihalang untuk diberhentikan oleh Perdana Menteri sekarang walaupun beliau sedar bahawa perjanjian konsesi pembinaan lebuhraya tidak menguntungkan dan merugikan rakyat. Sekali lagi rakyat menjadi mangsa projek kroni seperti mana yang berlaku ke atas projek Lebuhraya Utara-Selatan dan lain-lain. Jika bukan untuk meng"kaya"kantabung syarikat kroni apakah logik kutipan tol yang perlu dibebankan ke atas rakyat selama empat dekad akan datang.

Projek yang kedua ialah projek mengatasi banjir di Kuala Lumpur Smart yang menelan belanja RM2,168 juta yang mana sebanyak RM1,547.3 juta ditanggung oleh kerajaan dan RM679.7 juta sahaja ditanggung oleh syarikat Mengurus Air, Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. syarikat konsesi. Kerajaan juga perlu menanggung kos pengambilan tanah berjumlah RM227 juta dan kos perunding RM15 juta. Sebahagian terowong yang mempunyai dwifungsi untuk pengurusan tempatan banjir dan jalan raya sejauh tiga kilometer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung, gulung.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan saya cuma berucap satu minit sebelum makan tengah hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak lebih daripada.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Boleh *check time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah hadkan 10 minit.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Sri Aman tidak perlulah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tadi saya mula pada 3.40 minit sekarang cuma lima minit tambah satu minit cuba.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus, terus, teruskan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya harap masa yang diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua pun dianggap sebagai *injury timelah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tarik baliklah sangkaan jahat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sekali lagi apakah logiknya kerajaan terpaksa menanggung kos pembinaan 68% dan syarikat konsesi hanya memikul kos 32% serta hak mengutip tol selama 40 tahun. Ini memang sesuatu perniagaan yang tidak pernah rugi kerana *volume* kenderaan yang masuk dan keluar bandar raya Kuala Lumpur ini semakin bertambah. Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti caj tol ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa seperti yang dinikmati oleh PLUS yang membawa kepada kenaikan caj tol yang membebankan rakyat. Rakyat tidak berupaya untuk membantahnya kerana kutipan tol adalah mandatori dan sesiapa yang ingkar membayarnya akan didakwa di mahkamah. Isi kandungan dua perjanjian konsesi projek lebuh raya dan terowong tidak boleh diketahui oleh rakyat kerana dicap oleh OSA. Dan tender projek pula adalah secara tertutup bagi kepentingan syarikat kroni.

Saya rasa sungguh kesal terhadap projek-projek yang baru saya sebutkan ini kerana benar-benar merugikan rakyat Malaysia. Perjanjian adalah berat sebelah, menguntungkan dan memihakkan kepada syarikat konsesi. Saya faham kerajaan boleh bersetuju dengan syarat-syarat yang menyusahkan Perbendaharaan Negara dan pembayar cukai semata-mata mahu menolong syarikat-syarikat kroni. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang mahu mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cemerlang, gemilang dan terbilang. Maka kerajaan sekarang hendaklah memastikan bahawa projek-projek sedemikian ini tidak berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan hendaklah projek-projek yang bersih dan bebas kroni dan rasuah. Oleh itu adalah molek jika kerajaan mengkaji semula perjanjian konsesi tersebut ke arah memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada bagi mengelakkan rakyat dari berterusan menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin menggesa kerajaan untuk mengkaji kemungkinan membeli balik projek-projek itu dengan tujuan untuk mengecualikan lebuh raya khusus Kuala Lumpur-Putrajaya dan Terowong *Smart* dari kutipan tol. Kerana pada masa sekarang, sekeliling Kuala Lumpur ada terlalu banyak kutipan tol berjalan dan membebankan rakyat. Lebih-lebih lagi tidak ada logik, kedua-dua projek ini diswastakan sedangkan kerajaan terpaksa memikul kos pembinaan sampai ke tahap 70%.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin timbulkan di sini juga ialah mengenai strategik pembangunan perumahan di bawah RMK-9 yang menetapkan bahawa menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dengan memberikan penekanan lebih kepada kesesuaian lokasi dan persekitaran tempat tinggal yang kondusif. Saya ingin memberi titik berat kepada kesesuaian lokasi PPR di bawah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, masalah setinggan ialah masalah nasional dan saya mendapati dalam buku RMK-9 tidak sentuh langsung tentang setinggan, seolah-olahnya kerajaan telah menafikan kewujudan masalah setinggan dan penempatan semula mereka. Saya sebagai wakil rakyat di ibu kota ini tiada satu hari punlah yang saya atau rakan-rakan saya bebas dari masalah setinggan dan kerumitan penempatan semula mereka. Tidak ada setinggan di negara ini yang gemar tinggal di kawasan setinggan tetapi desakan hidup yang menyebabkan mereka terpaksa memilih menjadi setinggan.

Saya akui bahawa bilangan penduduk setinggan semakin menurun setahun demi setahun sehingga matlamat setinggan sifar mencapai sasaran. Tetapi kita perlu melayani mereka dan menangani masalah mereka dengan bijak dan berprihatin kerana kebanyakan mereka adalah peneroka bandar. Saya ingin menimbulkan masalah lima kumpulan setinggan dalam kawasan saya yang menanti pemindahan ke rumah PPR.

Masalah yang ditimbulkan ialah kesemua lebih 250 keluarga dari lima kawasan setinggan iaitu Kampung Landasan Kereta Api, Jalan Pudu Ulu, Kampung Cheras Baru, Jalan Satu dan Jalan Tiga Chan Sow Lin telah diugut dan diancam oleh DBKL melalui amaran bertulis, berbau kejam dan zalim bahawa tindakan keras memaksa mereka berpindah ke PPR akan diambil selepas 3 April ini, jika mereka tidak mengakur arahan

DBKL, walaupun pemindahan paksa ini akan menjejaskan kebahagiaan keluarga mereka.

Saya ingin memberitahu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengutuk sekeras-kerasnya apa jua corak dan bentuk pemaksaan, menekan dan menindas rakyat yang tidak berdosa seperti mereka. Bagi setinggan-setinggan tersebut tadi, yang saya wakili, mereka tidak dapat menerima tawaran rumah PPR asal atas sebab yang cukup tulen dan munasabah. Saya ingin berkata di sini, ketika kelima-lima kumpulan setinggan dari kawasan-kawasan yang tertentu yang tadi saya sebut itu, mereka telah ditawarkan PPR yang jauh sangat dari tempat asal mereka, dan ini akan menimbulkan banyak masalah baik pun pekerjaan, perniagaan, penjajaan ataupun persekolahan anak-anak.

Dalam ekonomi yang sungguh lembap sekarang, keluarga setinggan yang terlibat yang kebanyakan mereka berpendapatan rendah akan menjejaskan kehidupan mereka. Saya telah menyeru kepada DBKL supaya bersimpati dengan mereka tetapi alasan DBKL menolak tawaran PPR yang berdekatan kerana tiada lagi rumah PPR berhampiran mencukupi untuk menempatkan mereka. Tetapi saya ingin mohon perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri bahawa tidak ada sebab dan mengapa mereka mesti dipindahkan segera kerana projek-projek, melainkan satu projek di Kampung Cheras Baru yang akan terlibat dalam projek.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: kolam tebatan banjir. Yang lain semua boleh tunggu masanya. Misalnya, satu projek dipanggil Kompleks '*Direct Turap*' penguatkuasaan DBKL, projek ini dijangka akan bermula hanya pada tahun depan dan sebelum tahun depan ini, pada akhir tahun ini, satu kawasan PPR yang baru akan siap dibina di Jalan Lapangan Terbang Lama dan kesemua penduduk-penduduk yang kena berpindah itu menerima tawaran, bersetuju dengan PPR, Jalan Lapangan Terbang Lama ini jika mereka ditempatkan semula di situ.

Maka, saya minta simpati dan perikemanusiaan dari pihak kementerian supaya kesemua lebih 250 keluarga ini ditawarkan PPR di Lapangan Terbang Lama yang akan siap beberapa bulan nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Johor Bahru.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sini, sini. Sini ada banyak.

2.46 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidaklah banyak hendak berucap dalam perbahasan ini. Hanya hendak menyentuh tentang soal dua institusi yang penting dalam negara kalaulah kita ke depan ketika kita berdepan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang pertamanya, dari segi Institusi Perkhidmatan Awam Negara. Kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, institusi perkhidmatan awam ini mungkin sudah lama dan seperti mana badan-badan yang lama akan menjangkiti sakit lama. Sebab itu, saya rasa bahawa kalau kita lihat kepada perkhidmatan awam, kita lihat bahawa adanya masalah 'budaya selesa' yang berlaku di kalangan perkhidmatan awam, di mana, selama ini tumpuan mereka, kebanyakan daripada pegawai-pegawai mereka ialah kepada masalah dalaman mereka dan bukan kepada soal penyampaian yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Kedudukan itu dianggapkan sebagai kedudukan yang merupakan kuasa dan bukan kedudukan yang membawa dengan tanggungjawab. Oleh itu, saya hendak mencadangkan agar kita memberi tumpuan kepada proses untuk meremajakan perkhidmatan awam ini. Kalaulah kita hendak betul-betul melihat bukan sahaja setakat perancangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi juga kalau kita hendak betul-betul menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini satu langkah yang berkesan ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Saya memberi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan, satu cadangan yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa kepada kita ialah untuk disatukan atau digabungkan peranan Suruhanjaya Sekuriti dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini satu cadangan yang amat baik. Lebih-lebih lagi kalau kita mengetahui bagaimana umpamanya Suruhanjaya Syarikat itu sendiri sudah pun menunjukkan kesan daripada masalah satu perkhidmatan awam yang agak tua dan agak mempunyai budaya selesa di kalangannya.

Perdana Menteri sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa tertinggi mengenai dengan urus tadbir korporat dan jawatankuasa tertinggi ini mengadakan mesyuaratnya empat kali setahun, setiap suku tahun dan melaporkan terus kepada

Perdana Menteri. Pada tahun yang pertama, jawatankuasa ini bermesyuarat tetapi akhir-akhirnya jawatankuasa ini yang diwakili oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan juga *Unit Commercial Crime* atau Unit Jenayah Komersial dari PDRM.

Akhirnya selepas setahun Jawatankuasa Tertinggi ini tidak dapat bermesyuarat kerana Suruhanjaya Syarikat Malaysia menghantar pegawai yang rendah untuk menghadiri satu mesyuarat yang diadakan oleh jawatankuasa tertinggi yang ditubuhkan semata-mata oleh Perdana Menteri untuk melihat kepada masalah jenayah korporat. Pada pandangan saya, kalaulah pegawai kerajaan sama ada menjadi pengerusi kepada SSM dan juga Ketua Eksekutif kepada SSM tidak mahu menghadiri mesyuarat sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri dan juga yang melaporkan kepada Perdana Menteri untuk tujuan membanteras jenayah korporat

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Dalam tengah-tengah ayat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Johor Bahru pergi lebih jauh, saya panggil Johor Bahru boleh? Boleh panggil Johor Bahru, ye? Ok.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada tikus ke di sebelah sana? Tadi kita menyebut tentang perkhidmatan awam, saya bersetuju tentang JPA yang agak lapuk tentang sistem yang diguna pakai. Umpamanya kalau kita tengok tentang pengisian jawatan kosong, sebagai contoh yang begitu lambat kemudian kadang-kadang kenaikan pangkat, kita tidak menafikan tentang kenaikan pangkat ini hanya lebih kepada rakan-rakan rapat dan ini kadang-kadang menyebabkan kekecewaan dirasai oleh pegawai-pegawai lain yang merasakan mereka sepatutnya di tempat tersebut. Kadang-kadang cadangan yang dibuat kepada kepimpinan kita, orang yang sepatutnya tidak lagi meneruskan perkhidmatan diberikan lagi...

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Penjelasan apa yang Ahli Yang Berhormat bagi Larut minta?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yalah, itu sebagai contohnya. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa *delivery system* kita ini umpamanya kalau kita pergi jauh sedikit kepada EPU.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa ini? Ada tikus di sebelah sana?

Seorang Ahli: Gajah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Gajah, ya! Tak apalah. Umpamanya EPU sebagai contoh dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sedangkan EPU ini sepatutnya lebih kepada usaha pemantauan dalam segala perancangan termasuklah apa juga yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi. Terima kasih.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak menyambung balik ayat saya yang tergantung tadi kalau boleh. Sebenarnya kalau saya lihat bahawa dari segi sikap pegawai tertinggi di dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sudah begitu. Sebuah jawatankuasa tertinggi yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri tidak dihadiri dan telah menerima satu sambutan secara sepi, apatah lagi layanan mereka sebagai sebuah agensi kerajaan terhadap pengadu-pengadu atau mereka yang bermasalah.

Selepas daripada ucapan Yang Amat Berhormat di dalam Dewan Rakyat mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, seorang warga biasa datang berjumpa saya dia mengadukan tentang masalah dia dengan SSM. Dia sudah menulis surat 7 kali dalam masa 15 bulan kepada SSM, satu surat pun tidak dijawab. Kalau sudah bersikap angkuh terhadap arahan daripada Perdana Menteri sudah kelihatan apatah lagi layanan yang diberikan kepada orang ramai. Kepada saya ini menunjukkan tanda-tanda perlunya dilaksanakan keremajaan di dalam Perkhidmatan Awam itu sendiri kerana Perkhidmatan Awam merupakan satu institusi yang penting di dalam sistem pentadbiran negara dan sistem politik negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya? Terima kasih kami punya bos kawasan Johor Bahru. Saya juga melihat dan hendak bertanya penjelasan daripada Yang Berhormat, saya sering melihat dan kita sering mendengar bahawa cara JPA melantik, contohnya Ketua Pengarah ataupun KSU yang sudah

hendak bersara satu tahun kemudian dia lantik Timbalan KSU atau Timbalan Pengarah itu hendak bersara lebih kurang dua tahun lagi. Seolah-olah kenaikan pangkat mereka hanya untuk melayakkan mereka mendapat elaun persaraan sebagai jawatan tertinggi itu dengan tidak melihat sejauh mana mereka boleh berkembang. Kalaulah saya Timbalan Pengarah hendak bersara dua tahun lagi sudah tentu saya berfikir saya tidak akan berfungsi lagi sejauh mana pun saya bekerja saya tidak akan sampai ke mana-mana, sampai dua tahun saya sudah berhenti. Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Soalnya sama ada saya bersetuju. Inilah di antara masalah apabila kita mempunyai badan atau institusi yang hanya melihat kepada masalah dalaman dan tidak kepada soal bagaimana hendak menyampaikan perkhidmatan seperti mana yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka secara efektif dan berkesan dan dalam masa 5 tahun atau 15 tahun yang akan datang ini proses peremajaan Perkhidmatan Awam itu mesti dilaksanakan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa masalah yang mungkin yang dihadapi oleh Perkhidmatan Awam ini ialah kalau tidak adanya tindakan disiplin, adanya kita biasa dengar tentang cara *carrot and stick* dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu kita memberikan hadiah kepada mereka yang berjaya dan sambil itu ada juga kayu memukul untuk membuatkan mereka bekerja. Tetapi dalam Perkhidmatan Awam lebih banyak kepada *carrot* daripada penggunaan kayu itu. Mereka tidak mahu mengambil tindakan disiplin kepada mereka yang melakukan kesalahan ataupun mereka yang tidak bekerja. Cara ini akhirnya timbul budaya selesa dan inilah satu masalah, satu cabaran kepada negara kalau kita hendak bergerak kepada Wawasan 2020. Jadi sebab itu kalau dapat kita galakkan kepada proses keremajaan bagi institusi ini saya rasa akhirnya yang mendapat faedahnya ialah negara itu sendiri.

Perkara yang seterusnya,

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan atau minta penjelasan?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah hujah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Bagaimana pandangan Yang

Berhormat tentang sistem pendidikan dan juga sistem perjawatan dalam negara kita kalau kita bercakap tentang keberkesanan Perkhidmatan Awam. Sebagai contoh, ramai sahabat-sahabat *batch* saya dahulu lulus Sarjana Muda Teknologi Pertanian bila bekerja selepas keluar dari universiti dia menjadi pegawai di Jabatan Imigresen. Kemudian ada yang lulus Sarjana Muda dalam bidang pengajian sastera bekerja sebagai Pegawai Kastam. Jadi sudah tentu bagi saya sistem ini tidak membantu kepada masalah yang ada pada hari ini bagaimana tidak berkesannya sistem Perkhidmatan Awam di negara kita. Di antara faktornya adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya begini, kita mengikuti modul pentadbiran dan sistem politik daripada *Westminster* atau Great Britain. Modul politik kita ialah berasaskan kepada satu mandat yang diberikan kepada Parlimen dan sebuah Perkhidmatan Awam yang kuat dan bebas. Ini menimbulkan masalahnya sendiri kerana sebenarnya di negara-negara Barat umpamanya United Kingdom sudah pun berlaku perubahan kepada modul dan struktur yang kita gunakan sebagai contoh. Tetapi di sebaliknya kita berhadapan pula dengan keadaan di mana semuanya diletakkan dalam satu kotak dan metriknya hanya begitu tertutup sehingga kita tidak dapat melihat perbezaan di antara mengikut profesion masing-masing. Kalau kita lihat kepada masalah polis ia tidak juga di bawah kotak yang sama.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya minta kerjasama kerana masa terhad jadi saya ingin mencadangkan supaya kita berikan masa sepenuhnya untuk Yang Berhormat bagi Johor Bahru menyelesaikan ucapan beliau. Cukuplah, cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ketua BBC ini kena bagi satu jam.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk berlaku adil kepada rakan-rakan saya yang belum berucap. maka kita lanjutkanlah kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa tak apa, sudah buat keputusan saya minta ahli yang lain tidak ganggu Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kepada Pengerusi BBC kita panjangkanlah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah ganggu, biarkan Yang Berhormat Johor Bahru meneruskan ucapan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Saya bukan hendak mengganggu. Sebenarnya saya hendak bertanya penjelasan kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan proses peremajaan Perkhidmatan Awam ini. Cuma tadi Yang Berhormat Johor Bahru sekerat jalan beritahu kena ada proses peremajaan.

Penjelasan yang saya hendak minta ini, apakah mekanisme untuk meremajakan perkhidmatan awam ini. Itu sahaja saya hendak minta.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada soalan tadi saya hendak berikan penjelasan bahawa kita sebenarnya menggunakan model daripada Model sistem politik dan sistem pentadbiran daripada Great Britain. Tetapi sambil mereka sudah berubah....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita belum berubah!

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:kita belum berubah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi sebab itulah kita harus melihat kembali bagaimana kita hendak meremajakan perkhidmatan awam kita. Kita tidak boleh mengatakan bahawa semuanya mesti ikut JPA atau mengikut satu struktur yang ditetapkan oleh JPA. Kita mesti melihat kepada keperluan-keperluan yang tertentu. Umpamanya dari segi pasukan polis sudah pasti ia memerlukan satu skim gaji dan terma pekerjaan yang berbeza daripada seorang yang duduk dalam pejabat dan begitu juga dengan perkhidmatan kedokteran, begitu juga dengan perkhidmatan profesional yang lain termasuklah guru-guru di mana ianya mesti dilihat semula untuk meremajakan perkhidmatan awam ini supaya adanya pengiktirafan kepada profesion, ada juga pengiktirafan kepada perbezaan dari segi kerja dan tanggungjawab bagi setiap perkhidmatan yang berasing.

Dan dengan cara itu barulah kita boleh berubah dan melaksanakan sesuatu yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Kalaulah kita diletakkan dalam satu kotak

samalah seperti Jabatan Parlimen. Kita diletakkan dalam satu kotak yang sama. Ianya sama dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam di jabatan-jabatan dalam perkhidmatan awam yang lain.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sudah tentu keperluan kita berbeza dengan jabatan-jabatan yang lain.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru terima kasih. Ini relevan Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil contoh, kita hendak melahirkan pakar-pakar penyelidik supaya peningkatan kepada R&D kita begitu hebat hendak melahirkan negara yang mengeluarkan produk *biotech* dan sebagainya.

Tetapi, pemikiran di JPA sekarang ialah penyelidik dengan ijazah sekian sama gaji dengan pegawai ekonomi misalnya sedangkan kita tahu untuk melahirkan penyelidik ini kita memerlukan orang yang sanggup duduk di makmal misalnya, menghabiskan masa berjam-jam. Tetapi mereka ini diberi dalam skim gaji yang sama oleh kerana kita tertakluk kepada skim yang sama. Ini yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru supaya kita memikirkan di luar kotak. Jangan fikir yang sama sahaja. Cara ini tidak akan selesai masalah kita. Mesti ada pendekatan yang radikal. Macam mana Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Betul Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bersetuju kita memerlukan tindakan yang radikal. Sebagai contoh yang telah saya berikan akhirnya pengerusi SSM dan Ketua Eksekutif SSM yang tidak menghormati arahan daripada Perdana Menteri. Apakah tindakan yang bakal dikenakan kepada mereka.

Saya rasa mereka akan dikeluarkan begitu sahaja, duduk biasa sahaja, dipindahkan kepada jabatan yang lain kerana di dalam perkhidmatan awam itu terdapat keengganan untuk bertindak terhadap kumpulan mereka dan dengan demikian apabila tidak ada tindakan disiplin terhadap kalangan mereka bermakna mereka akan selesai. Tidak takut untuk melakukan kesalahan atau lebih dahsyat lagi tidak takut kalau tidak buat kerja dan sebab itu sistem penyampaian kita akan menghadapi masalah. Yang radikal itu bermakna kita sanggup kalau hendak katakan dalam bahasa Inggeris *crack the whip*, *crack the whip* tidak boleh pakai lagi. Kita kena keluarkan pedang untuk pancung mereka sebenarnya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tindakan itu mesti radikal, mesti keras, mesti tegas untuk menentukan bahawa adanya perasaan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Pengerusi BNBBBC. Sebut fasal SSM seminggu lepas CEO SSM ini datang ke bilik rehat Parlimen dan dia bertemu dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tidak tahu kenapa Yang Berhormat bagi Kinabatangan panggil saya. Saya pun tidak kenal siapa dia. Dia beritahu saya mengenai mesyuarat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Lalu saya bagi tahu dia, "saya diberitahu oleh bos saya Pengerusi BNBBBC mengatakan you ini tidak hadir mesyuarat sebab mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pengerusi PAC. Kenapa SSM tidak hendak hadir, besar sangat ke you ini?". Saya tanya dialah.

Saya macam biasalah, saya tidak ada *break* punya. Dia pun terkejut dengan soalan saya. Dia kata," Ini bukan soal besar, saya hantar pegawai yang relevan dengan tajuk itu". Saya kata, " *This is not the question of* pegawai ini relevan atau tidak relevan. Mesyuarat itu ialah mesyuarat yang hendak menyelaraskan arahan daripada Perdana Menteri", sebagaimana Yang Berhormat bagi Johor Bahru sebut. "Pengerusinya adalah Pengerusi PAC, ketua Polis Negara dan juga *you*. Yang *you* tidak hadir kenapa?". Dia tidak boleh jawab. Saya kata, "Kalau *you* tidak boleh jawab yang ini *you* pergi jumpa dengan Pengerusi BNBBBC *you explain* kepada dia sebab dia pengerusi PAC". Saya hendak memastikan bahawa masalah ketidakseimbangan dalam syarikat korporat ini hendaklah diperbetulkan. Itu arahan Perdana Menteri. Soalan saya dia pergi jumpa Yang Berhormat atau tidak.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Itu tidak penting Tuan Yang di-Pertua. Sama ada dia berjumpa dengan saya atau tidak. Dia berjumpa dengan mana-mana rakan saya pun sama sahaja. Yang mustahak saya rasa ialah apa tindakan selepas ini kepada mereka yang mempunyai sikap seperti ini. Saya takut dan bimbang bahawa JPA hanya akan memindahkannya kepada satu jawatan yang lain. Tidak ada tindakan langsung.

Jadi bagaimanakah mesej yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh difahami oleh perkhidmatan awam bahawa kita tidak ada masa lagi. Kita sudah terlalu selesa sangat dan kalau budaya selesa ini dibiarkan berkekalan begitu dan tidak ada usaha untuk meremajakan perkhidmatan awam saya rasa kita akan berhadapan dengan masalah dan sebab itu kalau kita lihat pula kepada Parlimen itu sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini pun menyatakan bahawa usaha untuk memperkukuhkan peranan Parlimen....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru, saya minta penjelasan sedikit boleh? Sama ada meremajakan ataupun mendewasakan atau memamatkan. Boleh betulkan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, bukan. Ini hanya untuk pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak mustahaklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pembetulan. Hendak minta penjelasan ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau remaja maknanya kemudahan dia tidak ada matang macam sebelah sana. Dia macam tikus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mendewasakan macam kami ini macam kita termasuk Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Johor baharu.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam Tuan Yang di-Pertua itu mendewasakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau meremajakan macam sana macam Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Seputeh. Macam tikus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Johor Bahru bangun, Yang Berhormat kena duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tadi ada dua perkara. Sudah selesai satu, ada lagi. Yang kedua?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang kedua pasal memperkukuhkan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Haa! Bodoh!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Woo! Yang Berhormat bagi Larut tidak matang!

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya terima baik pandangan daripada rakan saya tetapi konsep remaja ini bukan bermakna kita berfoya-foya tetapi dari segi institusi itu mesti diberikan semangat yang baru.

Beberapa Ahli: Ya!

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Arahan-arahan baru. Itu dimaksudkan dengan keremajaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu lebih jelas.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih. Dari segi peranan Parlimen haruslah diambil kira kedudukan Parlimen. Dari segi politik Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah sebut Timbalan Yang di-Pertua atau speaker, terus Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Speaker perkataan Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kerusi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, sebut Timbalan Yang di-Pertua bila saya keluar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pun buang masa juga ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: No, ini menghormati kerusi.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Betul. Kerusi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila Yang Berhormat kata hendak hormatkan kerusi. Ini kerusi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Itu betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Itu betul Tuan Yang di-Pertua. Kita membetulkan konsep Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih. Saya mematuhi arahan. Kalau kita lihat kepada demokrasi negara kita sebenarnya merupakan demokrasi yang paling awal di dalam rantau ini. Kita lebih awal mengamalkan sistem demokrasi daripada banyak negara-negara jiran kita. Tetapi adakah kita masuk juga dalam masalah yang sama bahawa kita awal memulakan sesuatu tetapi akhirnya kita ketinggalan oleh rakan-rakan dan negara-negara jiran kita. Dan sebab itu kalau kita lihat kepada Parlimen hari ini soal yang di hadapan kita Tuan Yang di-Pertua, ialah soal bagaimana hendak memperkukuhkan peranan Parlimen sebagai satu institusi yang terpenting dalam negara ini.

Dan sudah pasti ia memerlukan kita melihat kepada soal-soal dari segi perkhidmatan dari segi kewangan yang harus ditadbir sendiri oleh Parlimen. Saya difahamkan oleh rakan-rakan dalam Perkhidmatan Awam, dia kata kalau kita hendak menjadi sebuah jabatan yang mengendalikan kewangannya sendiri, bajet kita mesti RM1 bilion satu tahun dan kerana ikut ukuran itu maka ukuran Perbendaharaan kerana ita tidak mempunyai bajet RM1 bilion maka soal pengurusan kewangan ini tidak terletak di Parlimen tetapi terletak dengan Jabatan Akauntan Negara.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cameron Highlands bangun.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Cameron Highlands, silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bharu. Saya ingin penjelasan dari segi keutuhan Parlimen yang sekarang menentukan autonomi

kewangan adalah satu jabatan di bawah eksekutif dan kenapakah tidak kita mempunyai keutuhan politik untuk memastikan bahawa perkara kebebasan Parlimen sebagai satu institusi tidak dapat diperkukuhkan. Adakah ini kerana kita terlalu menggunakan budaya kita yang lembut yang harus berbicara, yang sentiasa bersopan-santun dalam sebarang rundingan dan satu lagi penjelasan, baru-baru ini isu IPCMC tekah dikemukakan dan *ombudsmen* sekarang menjadi buah mulut yang sepatutnya menjadi satu landasan untuk kita bincang bersama kerana, sekejap Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya kita tuju kepada satu.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okey, okey saya balik kepada keutuhan Parlimen saya balik kepada keutuhan Parlimen.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta atas semangat mulia Dewan ini saya dibenarkan berucap sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan ucap Yang Berhormat tidak boleh ucap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tanya penjelasan, tanya penjelasan kerana IPCMC adalah satu kuasa Parlimen. Kita yang merujuk kita yang diberi kuasa kepada kita tetapi tindak balasnya tidak sebegitu. Saya minta adakah ini jadi landasan bahawa kita kompromi juga sendiri dari segi keutuhan Parlimen sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta penjelasan.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua ini yang menjadi masalah minat terhadap masa-masa saya berdiri di sini saya minta maaflah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat oleh sebab hujah Yang Berhormat nampaknya disambut baik.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Oh begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya terpaksa berikan masa lebih sedikit. Tidak cukup? Perlu lagikah?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya sebenarnya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua pasal apa yang saya bawa ini bukan untuk kepentingan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya rasa kita pun bukan berbincang untuk kepentingan kita. Kita berbincang untuk kepentingan masa depan negara ini dan harusnya kita lihat kepada keutuhan Parlimen atau memperkukuhkan institusi Parlimen itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berapa minit diperlukan lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu jamlah.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tidak lama sahaja kalau saya tidak ganggu tidak lama. Insyaa- Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik kita bagi lagi sepuluh minitlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah, bagilah sekurang-kurangnya setengah jamlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab rakan-rakan yang lain hendak ucap.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rakan-rakan dia boleh mengalahlah ambil dia punya masalah.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Dari segi institusi Parlimen, sekurang-kurangnya Parlimen harus berkuasa terhadap soal pentadbirannya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Dan kewangannya sendiri dan barulah kita boleh menunjukkan kepada rakyat sambil kita bercakap kita mampu juga menguruskan Parlimen itu sendiri. Kita mengurus untuk selama lima tahun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila, sila.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Ketawa]*. Kerana kita bercakap dalam Dewan ini dengan nada yang marah, nada yang tinggi, nada yang keras, nada yang lembut, nada yang itu bahasa bercampur, Inggeris Melayu bercampur, ayat yang terpotong. Kita bercakap tentang berbagai-bagai perkara dan tetapi harus kita diberikan peluang untuk menunjukkan membuktikan kepada negara bahawa kita sebagai Ahli-ahli Parlimen boleh menguruskan Parlimen ini secara kita sendiri. Pertamanya dari segi soal sumber manusia, dari segi perjawatan dan kakitangan yang kita perlukan.

Kedua dari segi kewangan. Takkanlah kita juga tertakluk kepada peraturan Perbendaharaan bahawa kerana bajet kita tidak sampai RM1 bilion kita pun mesti ikutlah dengan jabatan-jabatan yang lain sedangkan kalaulah kita cuba bayangkan supaya Parlimen ini mempunyai *committee* bajetnya sendiri jawatankuasa bajetnya sendiri. Kita membincang bagaimana kita membelanjakan wang itu bagi kerja-kerja Parlimen. Bukankah itu menunjukkan bahawa kita ini lebih daripada hanya yang boleh bercakap atau hanya boleh menegur tetapi mampu untuk menguruskan diri sendiri. Itu maknanya demokrasi, kita menguruskan diri kita sendiri.

Dan sebab itu saya rasa haruslah Parlimen ini mempunyai kuasa dari segi pentadbirannya dari segi pengurusan kewangannya. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Tan Sri.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Oh Ya, Yang Berhormat Speaker, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya perubahan ini sudah berlaku di hampir semua Parlimen dalam negara-negara Komanwel. Hanya Malaysia sahajalah yang ketinggalan dan bagaimana akan kita maju ke depan kalau kita tidak percaya kepada Ahli-ahli Parlimen kita sendiri. Sebenarnya menteri mewakili kita, mewakili kita untuk memantau pentadbiran awam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Mereka datang kembali berjumpa kita untuk melaporkan kepada kita dan bukannya kita bermusuh ataupun adanya

perbalahan dari segi itu. Mereka mewakili kita dan mereka juga menjadi tingkap untuk menjelaskan dari segi apa yang dilakukan oleh pentadbiran.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat minta sedikit. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Apakah dengan pandangan kita pada menteri seolah-olah kita ingin bermusuh dengan mereka sedangkan kita mahu institusi Parlimen ini dihormati. Kalau hari ini kita bermesyuarat berjam-jam satu hari enam jam, berbulan-bulan untuk menggubal dan meluluskan undang-undang seolah-olah mereka tidak menghormati kepada kita semua.

Jadi apakah kita mahukan supaya berilah penghormatan kepada kita sebagai Ahli Parlimen penggubal dasar dan jangan disalahertikan bahawa kita hanya membahaskan perkara-perkara yang remeh dengan bahasa-bahasa yang kasar sedangkan kita tidak berbuat demikian. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Johor Bahru?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sambung sedikit. Yang Berhormat, Yang Berhormat ada menyebut tentang kuasa dari segi kewangan dan pentadbiran. Bagaimana dengan suara kita? Kebebasan kita membuat keputusan, misalnya dari segi Rang Undang-undang misalnya. Terdapat kadang-kadang di kalangan Ahli Parlimen sendiri agak kurang bersetuju dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan. Tetapi kerana Rang Undang-undang itu dibentangkan oleh eksekutif kita terpaksa menerima. Walaupun di dalam hujah semua mengatakan tidak bersetuju.

Begitu juga dalam satu kes dahulu kita telah putuskan di dalam Parlimen ini satu Rang Undang-undang. Selepas itu dibawa ke Dewan Negara diluluskan tetapi kuasa eksekutif tiba-tiba membuat keputusan, menangguk gazet dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat merasakan apabila kita hendak memperkasakan Parlimen bahawa kita mesti diberi kebebasan sepenuhnya termasuk di dalam soal Rang Undang-undang sama ada menerima atau menolak?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, kebebasan itu merupakan satu perkataan yang sungguh indah, penuh dengan emosi tetapi saya rasa bahawa kebebasan bermakna kita menguruskannya dengan baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat sebelum pulang. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, walaupun masa kita rasa terhad tetapi perkara ini perlu. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Johor Bahru, apa yang membebaskan pemerintah supaya tidak boleh mempertabatkan Dewan yang mulia ini seperti dewan-dewan Parlimen yang lain dalam seluruh negara. Kalau di negara-negara membangun, Ahli-ahli Parlimen dia dihormati, boleh membuat keputusan, kita selaku penggubal dasar di sini seolah-olah kita dipegang oleh satu agensi yang tidak mahu mengiktiraf akan kewujudan kita. Apa agak-agaknya punca dia sehingga boleh berlaku dan tidak ada jalan penyelesaian?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bharu]: Pendekatannya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa sebenarnya kita harus mempercayai kepada kemampuan Ahli-ahli Parlimen untuk menguruskan Parlimen.

Bersama dengan wakil-wakil daripada kerusi depan, wakil-wakil daripada eksekutif kerana kalau kita tidak dipercayai untuk menguruskan sendiri institusi ini. Bermaknalah kita hanya akan tinggal, dilihat sebagai mereka yang berbicara, hanya memberikan pandangan tetapi tertakluk kepada soal-soal dan kepentingan-kepentingan yang mungkin kita tidak faham. Saya memberi satu contoh

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang Menteri kita telah diberi jawatan tambahan sebagai Menteri Undang-undang. Macam mana, adakah itu baik kalau Parlimen ini dijaga oleh seorang Menteri? Kalau kita badan yang terunggul, saya rasa kita tidak harus ada Menteri menjaga kita. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya Menteri yang menjaga Parlimen ialah menjaga bagi pihak kerajaan, *government business* iaitu hal ehwal kerajaan yang perlu dibentangkan. Memanglah kerajaan juga, pentadbiran juga harus mempunyai wakil untuk

menguruskan bagi pihak mereka. Saya memberi satu contoh bagaimana sebenarnya kebebasan untuk bersuara itu memang dihormati, patut sangat dihormati. Tetapi ianya juga merupakan sesuatu yang mesti diuruskan dengan baik.

Ketika saya Menteri dulu, berbelas tahun dahulu, saya juga yang membawa Rang Undang-undang Keluarga Islam. Dan, ketika itu dalam perbahasan pembacaan kedua, beberapa Ahli Parlimen telah membantah dan menyatakan pandangan-pandangan yang menimbulkan keadaan yang tidak tenang. Dan, kerana itu saya sendiri membuat keputusan untuk menarik balik rang undang-undang itu sebelum ia diluluskan oleh Dewan Rakyat. Walaupun di peringkat perbahasan, bacaan kali yang kedua. Dan, setelah itu diadakan perbincangan untuk membetulkannya dan ini masih boleh dilakukan dan tidak merupakan satu-satu kehilangan maruah atau terjatuhnya kedudukan ataupun menghina kepada pihak pentadbiran.

Jadi, sebab itu saya rasa bahawa perundingan yang diperlukan sangat sebelum ianya, semasa dan selepas atau sebelum perbahasan tentang satu-satu perkara masih boleh dilakukan. Selagi kita menghormati kedudukan institusi Parlimen ini sebagai satu tempat, satu badan yang memang patut diberikan kepercayaan, diberikan keyakinan. Selagi kita tidak mentadbirkan diri kita sendiri, walaupun dengan tidak adanya Akta Perkhidmatan Parlimen tetapi harus kita mentadbirkan diri kita sendiri. Dan, kita mesti sanggup juga mentadbirkan diri kita sendiri kerana ada perkara-perkara yang mesti dirujuk kepada jawatankuasa-jawatankuasa tetap di dalam Parlimen tentang soal pakaian umpamanya, *[Disampuk]* boleh dibawa dan dibincangkan di dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Kalau hendak dibuatkan perubahan. Soal makan minum, pengurusan kantin dan sebagainya boleh juga dikendalikan oleh Jawatankuasa Hal Dewan.

Kita mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa tetapi malangnya kalau kita tidak menggunakan jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk menguruskan hal-hal kita, sudah pasti pandangan satu pihak di sebelah sana akan menyatakan kita tidak boleh menguruskan diri kita sendiri. Sebab itu, ia merupakan tanggungjawab kita bersama untuk menunjukkan kita mampu menguruskan hal-hal Parlimen oleh diri kita. Pihak pentadbiran tetap akan mempunyai wakilnya. Dan, sebab itu saya rasa kita tidak boleh ketinggalan daripada melihat perubahan-perubahan yang sudah pun berlaku di negara-negara Komanwel yang juga merupakan asas bagi sistem politik negara ini. Kalau kita

boleh membetulkan perkhidmatan awam, kalau kita boleh membetulkan kedudukan Parlimen itu sendiri, sudah pasti, Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sikit, Yang Berhormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sudah pasti, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak ada masalah untuk bergerak ke depan menuju kepada Wawasan 2020.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sedikit, Yang Berhormat? Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebagai contoh negara Indonesia baru sahaja mengamalkan demokrasi tetapi Dewan mereka, MPR, DPR mereka di mana jawatankuasa dianggotai oleh Ahli-ahli Kongres dia, begitu berkuasa boleh menentukan hala tuju negara mereka termasuk perjalanan kementerian, Menteri dia sendiri, kewangan dia akan dibincangkan dalam jawatankuasa yang diduduki oleh Ahli-ahli Parlimen dia. Bagaimana negara kita?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah kerana sistem politik kita berbeza dengan Indonesia. Di Malaysia, kita hanya ada satu mandat sahaja iaitu di Dewan Rakyat. Di Indonesia, ada tiga mandat, presidennya ada mandatnya sendiri, DPR ada mandatnya sendiri, DPD pun ada mandatnya sendiri. Dan, ia bermakna kita mempunyai sistem politik yang berbeza tetapi sistem politik yang mempunyai satu mandat sebenarnya lebih kuat daripada satu sistem yang mempunyai tiga mandat berasingan. Bermakna bahawa segala-galanya di sini dan bukan bermakna bahawa Menteri umpamanya, dipilih oleh rakyat. Menteri dipilih oleh Perdana Menteri, Perdana Menteri datangnya duduk di kerusi Perdana Menteri di atas sokongan ramai Ahli-ahli Parlimen. Dan, adanya kebaikan, adanya kebijaksanaan dalam sistem satu mandat ini. Tetapi hanyalah kita harus menguruskannya, menambahbaikkan dari segi perjalanan institusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah saya membuat satu permintaan?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya hendak habis sudah ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah saya membuat satu permintaan kepada Yang Berhormat Johor Bahru?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak minta kerjasama Yang Berhormat bolehkah? Sila gulung. *[Ketawa]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya sudah habis dah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *Last* Johor Bahru.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak gulung, saya sudah gulung tadi. Saya baru sahaja hendak cakap terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, saya menyokong Usul ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tahu berapa ramai hendak berucap lagi? *[Disampuk]* Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat. Saya hendak tengok berapa ramai. *[Disampuk]* Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya akan ingatkan sebab tadi kerana ucapan dari Johor Bahru saya lihat memang disambut baik. Untuk memastikan semua dapat berucap, saya haraplah setiap Ahli Yang Berhormat dapat berucap 10 minit dan lepas itu kalau terpaksa kita lanjutkan sampai malam sikit, kita boleh mencadangkan demikian. Jadi sekarang, Papar sila.

3.27 ptg.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dahului ucapan saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang sungguh padat dan bertepatan dengan kehendak semasa negara ini. Paling menarik sekali bila Perdana Menteri menyatakan bahawa satu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ataupun BBPN akan ditubuhkan untuk memastikan setiap yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan memberikan impak terus kepada kumpulan sasaran dan dapat berjalan seperti yang dirancang atau dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua ketahui di negara ini penglibatan wanita tertumpu kepada sektor perkhidmatan, pembuatan, perdagangan, borong dan runcit dan juga bidang pertanian. Saya bersyukur dan berterima kasih kerana dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya melihat usaha baru kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Dan, apa yang menarik ialah usaha kerajaan untuk menggalakkan wanita berniaga, bekerja dan berurusan dari rumah.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya harus mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa undang-undang yang sedia ada di hampir semua bandar raya dan pekan seluruh negara boleh menggagalkan usaha murni ini. Saya ambil contoh, pihak berkuasa tempatan mempunyai syarat-syarat atau undang-undang yang tertentu yang tidak membenarkan rumah sebagai pusat ataupun aktiviti berbentuk komersial ataupun perniagaan. Apa gunanya wanita dibenarkan bekerja ataupun berniaga dari rumah sekiranya undang-undang yang sedia ada tidak membenarkan rumah atau tempat kediaman digunakan sebagai tempat yang sah untuk wanita berniaga atau mengusahakan perniagaan mereka.

Kita lihat sahaja masalah wanita bila mereka mahu memohon lesen perniagaan ataupun, dengan izin, *trading license* dari pihak berkuasa tempatan. Di borang-borang permohonan, pihak berkuasa tempatan akan meminta pemohon meletakkan alamat perniagaan tetapi bila pemohon menulis alamat rumah, pasti permohonan mereka ditolak atas alasan hanya lot-lot kedai yang telah *digazette* untuk perniagaan sahaja yang boleh ditulis dalam borang-borang ini. Saya berharap kementerian dapat memperhalusi serta dapat menangani perkara ini dengan seberapa segera yang boleh agar hasrat kerajaan untuk menggalakkan wanita yang bekerja atau berusaha dari rumah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh apa yang terkandung dalam teras ketiga bab enam belas yang menyebut bahawa dasar pembangunan ekonomi Malaysia telah dibentuk berasaskan komitmen kerajaan untuk memastikan semua masyarakat di Malaysia mendapat manfaat dan berkongsi setiap pertumbuhan ekonomi negara ini.

Namun begitu, saya merayu agar perkara ini dilihat dari beberapa sudut supaya masalah ketidaksamaan sosio ekonomi yang sedia ada dapat dinilai secara membina dan produktif. Misalnya kerajaan perlu meneliti langkah untuk menyusun semula masyarakat yang pada realiti, jurang perbezaan masih wujud di antara lapisan-lapisan masyarakat dan penduduk berbilang kaum. Sebagai contoh, kita tahu pada hakikatnya nikmat hasil daripada pertumbuhan ekonomi mempunyai jurang yang besar di antara penduduk yang tinggal di bandar dan mereka yang tinggal di luar bandar. Ini paling ketara sekali bila kita sebut mengenai kemudahan asas, kemudahan pendidikan mengenai cara hidup, infrastruktur awam dan yang lain-lain lagi. Walaupun di dalam

bandar sekali, jelas sangat jurang di antara yang miskin dan yang kaya, di antara mereka yang berada dengan yang kurang berada dan saya kluatir perkara ini sedang mewujudkan lapisan-lapisan darjat yang kurang sihat yang boleh membawa kepada masalah sosio ekonomi berterusan.

Mengapakah tidak dijalankan kajian menyeluruh yang conclusive dengan izin, dan secara terperinci untuk mengenal pasti mengapa perkara ini masih berlaku? Saya berpendapat kajian ini boleh dimasukkan sebagai salah satu *scoop of work* untuk Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ataupun BBPN yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Kemudian setelah kajian selesai, Badan Bertindak Pelaksanaan Negara boleh mengatur langkah agar masalah yang sama tidak berulang kali kedua dan jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada dan di antara bumiputera dan bukan bumiputera boleh dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

Bak kata pepatah, jangan dipatuk oleh ular yang sama buat kali kedua dalam lubang yang sama. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mewujudkan jawatan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hal ehwal wakaf. Ini merupakan langkah yang tepat, bagi memperkasakan institusi wakaf yang sering dianggap enteng selama ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa fasal ini bising-bising dalam Dewan? Ada shot circuit kah apa? Terima kasih Yang Berhormat dari Papar, Naib Ketua Puteri UMNO. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah seorang-seorangnya Yang Berhormat yang bercakap fasal wakaf. Sebenarnya Yang Berhormat Papar, saya ingat Yang Berhormat lebih arif, kerana wakaf adalah satu sistem dalam Islam dan ini adalah boleh kita gunakan wakaf ini sebagai pembangunan ekonomi orang-orang Islam dalam negara kita ini.

Saya ingin merujuk supaya pihak kerajaan dapat mengambil sedikit ini Yang Berhormat, minta masa sikit sahaja. Iaitu tentang wakaf Kolej Islam Malaysia. Kolej Islam yang dahulu dicadangkan oleh Majlis Raja-Raja supaya daripada Kolej Islam ini dijadikan Universiti Islam satu ketika dahulu, tahun 1955 kalau tak silap saya. Dan pada ketika itu banyak Duli-duli Yang Maha Mulia, Raja-raja telah mewakafkan harta pusaka

dan juga rakyat telah mewakafkan harta pusaka kepada penubuhan Kolej Islam ini. Kolej Islam hari ini pun duduk di tapak sebuah istana dahulu, Kolej Islam kita yang wujud pada ketika itu. Cuma yang saya ingin tahu sama ada harta-harta yang dimiliki oleh kolej Islam ini seperti rumah dan tanah Kolej Islam Malaya di Singapura. Rumah dan tanah Kolej Islam di Klang, rumah dan Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya, wang tunai, amanah dalam bank, saham-saham, bangunan Kolej Islam Malaya ini di Petaling Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Buat ucapankah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di mana? Saya meminta supaya benda-benda ini, wakaf-wakaf ini dipindah kepada wakaf ataupun unit wakaf yang diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berapa tempoh masa untuk Papar?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tahukah?

Puan Teresa Kok Sh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Cina].* Minta maaf, sudah cakap Cina. *[Ketawa].* You jangan kacaulah. You lagi kacau, kacau, kacau, kacau, apa ini? You tahukah apa wakaf? Hai ya!! Jadi, kerana benda wakaf ini, harta wakaf ini Tuan Yang di-Pertua, tak boleh. Kalau diwakafkan untuk Universiti Islam dia tak boleh guna untuk macam-macam hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sudah mengambil Papar untuk berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, tak apa, Yang Berhormat. Tidak, saya dah pakat dah dengan Yang Berhormat Papar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pakat, pakat, pakat, jangan bangunlah!!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Nak bincang masuk dalam ini, kerana itu hari saya tak sempat masuk. Jadi wakaf ini telah dibangkit oleh Papar, Papar banyak baguih, bukan macam nyut, nyet, nyut, nyet, apa ini? *[Ketawa sambil bermaksud kepada Yang Berhormat Seputeh].*

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya ingin menjadikan ucapan Yang Berhormat Jerai tadi sebagai

sebahagian daripada ucapan saya kerana saya ingin menyentuh pula mengenai hasrat kerajaan dalam membasmi kemiskinan. Saya pasti semua Yang Berhormat bersetuju jika saya katakan bahawa masalah kemiskinan masih menghantui negara kita, tidak kira tempat sama ada di bandar atau luar bandar dan kemiskinan tidak mengenal bangsa, umur dan kumpulan masyarakat. Sebagai salah satu langkah untuk membasmi kemiskinan, mungkin tidak keterlaluan jika saya mohon di sini agar program membasmi kemiskinan yang sedia ada yang dibawa ke hadapan daripada Rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu dikaji kesudahannya. Mungkin juga kajian ini perlu diletakkan dalam bidang kuasa Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ataupun BBPN ini.

Apa gunanya semua bentuk subsidi dan program-program seperti PPRT ataupun Program Pembangunan Rakyat Termiskin sekiranya kita tidak mempunyai rekod yang tepat mengenai hasil daripada program-program yang membantu rakyat yang termiskin ini. Mungkin ada kajian ataupun kajian-kajian yang telah dilakukan tetapi alangkah baiknya sekiranya hasil daripada kajian ini diedar kepada umum agar kesilapan-kesilapan lalu tidak akan berulang. Bukan itu sahaja, kerajaan sepatutnya juga mengkaji pelaksanaannya selama ini untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan itu serta impaknya kepada kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada, ada atau tidak satu sumber lengkap yang boleh menghuraikan secara terperinci perkara-perkara tersebut. Pertama, berapakah, peruntukan yang dibelanjakan tahun demi tahun dan kedua, apakah dan di manakah program-program membasmi kemiskinan telah dijalankan atau dilaksanakan? Yang ketiga, saya ingin tahu sejauh mana keberkesanan program-program ini dan sama ada ia telah berjaya mencapai sasaran ataupun dengan izin, *target* ataupun *objective* yang telah ditetapkan? Sekiranya kajian mendapati program yang sedia ada telah gagal, maka mengapa tidak disusun ataupun digubal langkah untuk mengatasinya? Janganlah dibiarkan kesilapan-kesilapan yang berlaku begitu sahaja atau mereka yang berwajib mengulangi program yang sama dari masa ke semasa sedangkan program berkenaan diketahui tidak mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya memang sudah ada kajian yang dibuat dan kajian ini mendapati ada program untuk membasmi kemiskinan yang berjaya, berkesan dan memberikan impak yang baik, maka mengapa tidak program-program ini dijadikan program contoh? Supaya pembasmian kemiskinan di seluruh negara dapat

diseragamkan. Dengan cara begini, Dewan akan dapat mengetahui program membasmi kemiskinan yang memberikan impak yang berbaloi dengan peruntukan yang kerajaan salurkan untuk program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik membaca inti pati Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana dicadangkan supaya setiap program yang dicadangkan kali ini mestilah program serampang dua mata, iaitu program yang ada *sustainable programme*, sebagai *supporting programme* dengan izin, atau program yang membantu program-program utama untuk jangka pendek dan jangka panjang. Kalau tidak silap pemahaman saya, ini bermakna setiap program atau projek yang dijalankan, mestilah mempunyai satu *minor objective* yang lain dengan izin.

Selaras dengan perkara ini, saya ingin mencadangkan supaya program berkenaan dapat menambah pendapatan agar keluarga sasaran ataupun yang terlibat sekurang-kurangnya boleh berdikari, malah boleh keluar dari garis kemiskinan. Contohnya, Program Bantuan Rumah ataupun PBR yang setakat ini membina rumah untuk ketua isi rumah termiskin yang terpilih. Program ini apabila berjaya dilaksanakan hanya dapat menyelesaikan masalah ketua isi rumah termiskin untuk mendapat bantuan rumah sahaja. Program ini hanya bersifat sementara. Ia dilihat sebagai bersifat sementara kerana kegembiraan ketua isi rumah termiskin serta ahli keluarganya hanyalah sementara kerana keluarga tersebut masih memerlukan bekalan air, lampu dan pembiayaan selanjutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Banyak lagi?

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Bagi saya lima minit Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati dan saya kasihi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan benarkan sesiapa minta laluan.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Peluang untuk berucap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan beri peluang.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Saya tak bagi peluang lagi, saya janji. *[Ketawa]* Dengan adanya *sustainable programme* yang dimaksudkan ini, akan dapat membantu ketua isi rumah termiskin dan keluarganya dalam usaha untuk meraih pendapatan untuk membantu keluarga masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan bersyukur di atas peruntukan sebanyak RM16.9 bilion untuk negeri Sabah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu satu jumlah peruntukan yang terbesar yang pernah diperolehi oleh negeri Sabah. Ini juga membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merealisasikan janjinya kepada rakyat negeri Sabah untuk memberikan peruntukan yang bakal memacu pembangunan yang lebih pesat untuk negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, apa yang saya ingin hujahkan di sini ialah mengenai ketiadaan pusat pembakaran sampah ataupun *incinerator* untuk bandar raya Kota Kinabalu.

Setelah membaca inti pati Rancangan Malaysia Kesembilan, saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesihatan rakyat negara ini selaras dengan perubahan epidemiologi dan demografi rakyat.

Bandar raya Kota Kinabalu sekarang mengeluarkan sehingga 400 tan sampah setiap hari dari tiga daerah utama iaitu Kota Kinabalu, Penampang dan juga Tuaran dan semua sampah ini dihantar ke satu tapak pelupusan sampah iaitu di Kayu Madang. Satu kawasan berdekatan dengan Pekan Telipot yang tidak jauh daripada Kota Kinabalu.

Saya membawa perkara ini kerana apabila tapak pelupusan yang mula digunakan sejak tujuh tahun yang lalu tapak pelupusan ini dijangkakan akan bertahan selama lima belas tahun, tetapi dengan kapasiti sampah yang dihantar ke tapak itu pada hari ini mungkin ianya boleh bertahan hingga tahun 2008 sahaja. Saya difahamkan bahawa pihak berkuasa tempatan dari Kota Belud pun sudah menggunakan tapak pelupusan yang sama dan ini merumitkan lagi kapasiti tapak pelupusan Kayu Madang ini.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan ini hanya mempunyai keluasan sebanyak 64.4 hektar sahaja dan ini adalah kawasan yang kecil untuk menampung sebuah bandar raya seperti Kota Kinabalu. Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari hakikat bahawa harga satu *incinerator* untuk sebuah bandar raya yang mempunyai kepadatan seperti Kota Kinabalu boleh mencecah sehingga RM200 juta hingga RM300 juta, tetapi isu masalah tapak pelupusan bukannya satu perkara yang mudah diterima oleh penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu sahaja berhadapan dengan masalah di mana apabila sesuatu tapak pelupusan sampah itu penuh dan kerajaan hendak membuka satu lagi tapak pelupusan sampah di tempat lain selalu sahaja ada bantahan dari penduduk-penduduk. Saya menyarankan agar perkara ketiadaan *incinerator* di Kota Kinabalu ini boleh ditangani dengan segera kerana perancangan dan pembinaan untuk *incinerator* boleh memakan masa tiga hingga lima tahun, manakala pada masa yang sama pakar telah menjangkakan tapak yang sedia ada di Kampung Madang akan penuh dan tidak boleh digunakan lagi penghujung tahun ini. Oleh itu, saya sekali lagi merayu supaya cadangan pembinaan *incinerator* untuk bandar raya Kota Kinabalu dapat dipertimbangkan oleh kerajaan di dalam mengimplementasikan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

3.43 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah hendak pergi tandas pun hendak cakap. *[Ketawa]*

Teruskan.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ok. Boleh saya mula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila-sila. *[Ketawa]*

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama saya ingin membangkit mengenai isu sistem pelajaran di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa syukur kerana kerajaan kita menyediakan peluang pembelajaran kepada semua rakyat. Namun demikian, bukan semua rakyat yang berpeluang untuk melanjutkan pelajar mereka ke tahap yang lebih tinggi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kadar keciciran di peringkat sekolah menengah boleh dikatakan pada tahap yang membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Januari awal tahun ini, di negeri Perak seorang remaja berumur 14 disyaki membunuh seorang warga tua berumur 60. di negeri Johor pada 8 April yang lalu, tiga orang lelaki yang disyaki berumur 19 hingga 20 tahun telah meragut seorang ibu yang hamil tujuh bulan. Mereka memukul dan menghentak perut ibu tersebut sehingga anak dalam kandungan ibu itu tidak sempat ke dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu insiden sangat-sangat menyedihkan. Satu gejala yang tidak dapat dinafikan ialah bilangan remaja terlibat diri dalam kesalahan jenayah semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu laporan spesifik diberitahu oleh Tuan Johari Ketua Polis Daerah Utara Johor Bahru, beliau berkata kes jenayah dilakukan oleh pelajar yang berumur antara 7 hingga 18 tahun di negara kita.

Tahun	Jumlah Kes
2003	1,429
2004	1,499
2005	1,607

Tuan Yang di-Pertua, pelajar yang ditangkap oleh polis ialah;

Tahun	Bilangan
2003	2,562
2004	2,713
2005	2,889

Dalam tiga tahun ini, pelajar-pelajar terlibat dalam kes salah guna dadah juga bertambah dari 59 orang ke 255 orang. Satu gejala yang sangat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah memberikan perhatian kepada kejadian-kejadian ini. Sekiranya kerajaan tidak mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah remaja, harapan untuk mencapai sebuah negara yang berwawasan akan terkandas disebabkan masalah remaja yang semakin serius. Saya mengambil kesempatan ini menyeru kerajaan supaya mendirikan lebih banyak sekolah vokasional ataupun sekolah teknik untuk memenuhi permintaan pelajar.

Saya menyokong satu cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani, ialah memindahkan peruntukan MLVK dijalankan oleh Kementerian Sumber manusia ke peringkat sekolah menengah. Kaedah ini bukan sahaja mengurangkan masalah keciciran pelajar, ia juga memberi peluang kepada pelajar yang lemah dalam akademik untuk berdikari, untuk memperolehi kemahiran dan dapat berdikari menjadi seorang anggota yang baik kepada negara.

Di samping ini saya juga berharap kerajaan menurunkan kelayakan kemasukan sekolah vokasional atau sekolah teknik supaya lebih ramai pelajar yang berminat dalam bidang ini menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 1980-an, pelajar yang gagal dalam peperiksaan SRP akan berpindah ke sekolah vokasional atau teknik untuk meneruskan pelajaran mereka sehingga Tingkatan Lima dan berpeluang menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman yang canggih ini dengan pelbagai teknologi, kerajaan kita harus memupuk ataupun melatih lebih ramai pelajar yang berminat dalam bidang ini tetapi saya juga berharap bahawa pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil sikap yang lebih agresif untuk menyelesaikan masalah keciciran pelajar. Saya percaya dengan mengamalkan sikap ini, sistem pendidikan negara kita pasti mengalami perubahan yang besar dalam sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era globalisasi, Kementerian Pelajaran haruslah lebih peka kepada perubahan yang kian canggih serta isu pendidikan sekiranya pihak kementerian dapat mengaturkan semula langkah pelaksanaan iaitu yang baik kita terus laksanakan, yang buruk kita cepat kitar semula supaya sistem pendidikan negara kita mendapat penghormatan yang lebih tinggi di rantau dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin beralih kepada pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan bercadang supaya membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana di seluruh Malaysia. Saya setuju dengan rancangan kerajaan yang mempunyai impian supaya setiap rakyat Malaysia mempunyai sebuah rumah tidak mengira rumah kos rendah ataupun rumah teres, asalkan semua rakyat mempunyai sebuah rumah.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Gelang Patah lebih kurang 100 ribu penduduk yang masih tinggal di kawasan rumah pangsa. Lebih kurang 300 bangunan rumah pangsa di kawasan saya. Kadar yang begitu tinggi telah membawa pelbagai masalah kepada kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya mendapat banyak aduan daripada penduduk rumah pangsa yang mengatakan mereka mengalami masalah tempatan yang berkaitan kebersihan, keselamatan dan segala masalah *maintenance*. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua.. .

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Boleh? Sedikit sahaja. Masalah setinggalan ini, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, saya rasa sudah sampai masanya kita di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini merancang supaya tidak ada setinggalan lagi dalam tempoh lima tahun akan datang kerana masalah setinggalan masalah yang lama belum selesai dan perlu diatasi untuk menunjukkan bahawa kita hendak menuju kepada negara maju, mesti setiap rakyat mempunyai tempat dan perumahan. Oleh itu apakah pandangan Yang Berhormat supaya dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita sifar setinggalan. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, masalah rumah setinggalan memang ada di kawasan saya juga, tetapi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan iaitu kalau kita hendak bina perumahan untuk rumah setinggalan ini, saya mencadangkan kepada kerajaan ialah jangan membina rumah pangsa lagi sebab rumah pangsa ini memberi atau membawa banyak masalah kepada kerajaan tempatan yang tadi saya sebut. Saya mencadangkan kepada kerajaan ialah kalau boleh kerajaan membina rumah teres sahaja untuk menggantikan rumah setinggalan.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Gelang Patah masih terdapat banyak bangunan rumah pangsa yang belum mendirikan jawatankuasa penduduk untuk menyelesaikan masalah penduduk. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mencadangkan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

mewajibkan PBT supaya mendirikan jawatankuasa penduduk di semua kawasan rumah pangsa untuk menyelesaikan masalah penduduk rumah pangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan bahawa pihak kementerian haruslah mengawasi semua pemaju dengan mengadakan kajian yang lebih mendalam iaitu pembinaan rumah teres atau rumah kos rendah harus bergantung ke atas permintaan penduduk serta peratusan penduduk yang tinggal di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengadakan projek membina...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: ...lebih banyak rumah kos rendah supaya impian semua rakyat menjadi kenyataan. Tanpa sistem yang lengkap dan teratur, projek pembinaan tidak akan tepat sasaran kepada semua penduduk. Yang pasti berlaku, kerajaan kita akan menanggung beban yang berat ini. Dengan ini saya menyeru bahawa pihak kementerian membatalkan projek-projek yang tidak mempunyai permintaan yang kuat serta terbina di kawasan yang terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya ingin membangkitkannya ialah mengenai Kementerian Kesihatan. Mempunyai badan yang sihat merupakan impian bagi semua rakyat jelata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruslah kepada cadangan Yang Berhormat ataupun permintaan Yang Berhormat kepada kerajaan kerana masa tidak mencukupi.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang Yang Berhormat hendak, mintalah. Keluarkan perkara yang diinginkan.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Okey. Tetapi peluang untuk menerima bantuan atau khidmat di poliklinik bukan hak bagi semua rakyat. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan bandar Parlimen Gelang Patah yang terdiri hampir 80% penduduk adalah daripada golongan bawahan. Mereka telah mengalami keadaan yang sulit untuk menerima rawatan di poliklinik. Bagi satu kawasan yang mempunyai penduduk lebih daripada 200 ribu penduduk, hanya dua buah poliklinik terdiri dari dua buah rumah kedai untuk memberikan perkhidmatan rawatan perubatan kepada penduduk.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, jumlah pesakit yang dirawat di setiap poliklinik sebanyak 250 sampai 300 orang setiap hari. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu mengambil kesempatan ini untuk memberi desakan kepada Kementerian Kesihatan supaya segerakan pembinaan poliklinik ataupun hospital yang berkualiti di kawasan Parlimen Gelang Patah. Saya juga minta jasa baik pihak kementerian dapatlah memberitahu bila agaknya projek pembinaan ini akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin bantuan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak akan melayan sebarang siapa yang ingin mencelah. Oleh kerana banyak saya hendak habiskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bijak, pandai.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: [Ketawa] Sekian, terima kasih. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini. Saya bangun untuk menyokong usul Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebagai wakil rakyat daripada Barisan Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah amat komprehensif dan bertepatan bagi tujuan menjana pembangunan ekonomi negara selaras dengan hala tuju wawasan tahun 2020.

Perancangan lima tahun yang terkandung dalam Rangka Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah sangat penting pelaksanaannya untuk kita mencapai pencapaian yang lebih pesat dari apa yang telah kita capai sepanjang pelaksanaan semua Rancangan Malaysia sebelum ini. Saya berdoa dengan penuh yakin bahawa dalam tempoh lima tahun yang akan datang tidak ada mana-mana kaum di negara ini yang akan terpinggir ataupun dipinggirkan seperti yang telah dijanjikan dari mengacapi nikmat serta manfaat yang bakal dijanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan menyokong strategi-strategi yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terutamanya berkenaan dengan pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar dan juga di kawasan bandar. Langkah proaktif kerajaan dalam pembangunan sumber insan, mengadakan pembangunan

infrastruktur untuk penduduk luar bandar seperti jalan raya, bekalan elektrik dan juga bekalan air bersih. Di samping itu, ada berbagai-bagai strategi yang digariskan untuk mempromosikan dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi negara selaras dengan pembangunan ekonomi serantau dan juga global seperti pembangunan ICT, bioteknologi, gas dan petroleum, automotif dan juga teknologi angkasa lepas.

Walaupun demikian, saya masih tertanya-tanya sebagai seorang wakil rakyat Barisan Nasional yang mewakili kaum Dayak Iban salah satu kaum yang terbesar di negeri Sarawak. Kenapa tidak ada sepatah perkataan pun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang menyebut perkataan Dayak Iban. Ini sungguh malang dan amat menyedihkan sekiranya kaum ini dikategorikan sebagai kaum lain-lain seperti yang dalam borang Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk mencetuskan isu perkauman di sidang Dewan yang mulia ini dan tidak terlintas sama sekali untuk menyinggung sesiapa pun. Namun demikian inilah hakikatnya sampai bila-bila pun kaum ini akan ketinggalan jika ia masih tidak ada identiti yang khusus terutama dalam pengagihan kekayaan negara yang saksama dan adil.

Jika kita mahu rakyat di negara ini termasuk Dayak Iban merasakan mereka sebagai bangsa Malaysia maka kerajaan haruslah komited dan proaktif serta mempunyai *political will* dengan izin, mewujudkan suasana yang dimaksudkan. Kerajaan harus berusaha sepenuhnya membawa mereka ke arah arus pembangunan perdana negara. Dengan kata lain mereka masih berdiri tidak sama tinggi dan duduk tidak sama rata dengan kaum-kaum utama yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada parti MIC dan seterusnya masyarakat India kerana telah dipersetujui oleh kerajaan, berkenaan dengan pengagihan 3% ekuiti pemilikan korporat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini adalah selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa tidak ada mana-mana kaum yang akan dipinggirkan dari mengacapi kekayaan negara Malaysia ini.

Sidang Dewan yang mulia, persoalannya di sini apa yang telah dan akan terjadi kepada kaum lain-lain ini, kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Tidakkah

mereka merasa kecewa kerana kerajaan tidak memperuntukkan perkara yang serupa seperti yang diagihkan seperti kaum India?

Walau pun kami turut tumpang gembira dengan usaha Kerajaan Pusat untuk mempertingkatkan ekuiti bumiputera daripada 18.9% kepada 20 hingga ke 25% menjelang tahun 2010 nanti. Pada pendapat saya, ketetapan ini adalah terlalu umum kerana terdapat beberapa soalan yang perlu diperjelaskan di sini seperti :

- (i) berapakah ekuiti pemilikan korporat bagi kaum bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak sekarang?;
- (ii) apa dan berapakah sasaran yang telah diagihkan kepada kaum bumiputera minoriti Sarawak dan Sabah atau adakah ia sama dengan kaum India? Dengan kata lain tidak ada perangkaan secara signifikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dapat menjelaskan isu berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu isu pemilikan ekuiti kaum bumiputera minoriti Sarawak dan Sabah perlulah diperbetulkan dan diperhalusi dengan lebih terperinci dan tersusun oleh kerajaan kerana perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Kongres Bumiputera Minoriti di Putra World Trade Centre (PWTC) pada bulan Februari tahun 2005 dan satu resolusi telah pun diserahkan kepada kerajaan dengan menetapkan sasaran pemilikan ekuiti sebanyak 3% menjelang tahun 2015 nanti.

Tetapi sehingga ke hari ini kerajaan masih belum memberi keputusan serta penjelasan yang konkrit. Paling memeritkan lagi, perkara tersebut tidak diperjelaskan sama sekali sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Oleh yang demikian, saya mewakili kaum bumiputera minoriti Sarawak dan Sabah merayu kepada sidang kali ini amnya dan kerajaan khasnya supaya mempertimbangkan isu pokok *fundamental issue* dengan izin. Kami berharap ada usaha yang kukuh dan strategi yang spesifik digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi mencapai hasrat serta impian kaum minoriti di kedua-dua buah negeri ini supaya impian ini dapat menjadi kenyataan.

Seharusnya dialu-alukan pelaksanaan, pemantauan dan seterusnya pencapaian yang telah dimaksudkan dipaparkan di dalam perangkaan rasmi kerajaan supaya dalam setiap program atau dasar kerajaan *Affirmative Action Program* dengan izin, dalam sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan perkara ini dapat diambil kira secara serius dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada tajuk Lain. Saya sangat mengalu-alukan pengurusan, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru memandangkan mekanisme ini dapat merapatkan jurang perbezaan dan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan penduduk. Pada awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di awal tahun 70-an kaum minoriti bumiputera Sarawak dan Sabah tidak dapat manfaat yang sewajarnya seperti yang diharapkan dalam dasar tersebut. Ini kerana peluang yang wujud pada masa itu tidak dapat dimanfaatkan oleh kaum minoriti bumiputera jika dibandingkan dengan kaum bumiputera Melayu disebabkan mereka masih jahil dalam serba-serbi seperti kekurangan dari segi pendidikan dan pendedahan tentang dasar tersebut pada mas itu.

Oleh yang demikian, kaum minoriti bumiputera Sarawak dan Sabah berada jauh ketinggalan dari segi ekonomi. Justeru itu, cadangan saya ialah pendekatan dan penekanan istimewa masih perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk merapatkan kaum minoriti bumiputera di Sarawak dan Sabah sebaris dengan kaum-kaum lain di negara ini. Jadi apakah jaminan kepada kaum ini supaya mereka akan mendapat manfaat yang maksimum seperti yang telah saya syorkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan agar sub unit pemantauan yang khusus diadakan dalam unit pemantauan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan kaum minoriti bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat manfaat yang maksimum dari pelaksanaan Rancang Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memohon bantuan daripada yang Tuan Yang di-Pertua, supaya saya tidak diganggu [*Ketawa*] akan tetapi saya melihat di hadapan saya rakan dari Sarawak juga Yang Berhormat bagi Sri Aman yang telah berhujah pada 5hb April atas perkara yang sama maka bolehlah saya beri dia peluang.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Sri Aman, sila.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan seperjuangan dari Kapit. Saya setuju dengan hujah-hujah Yang Berhormat dan kita telah difahamkan oleh Menteri bahawa penubuhan kontraktor kelas F sekarang telah dibekukan. Jadi ini saya rasa menyekat impian bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak untuk menubuhkan syarikat-syarikat kelas F. Dan kalaulah itu disekat untuk

yang lain yang baru hendak belajar berniaga ini setujukah Yang Berhormat kalau kita merayu kepada pihak kementerian bahawa kalaulah permohonan dari bumiputera minoriti yang baru hendak belajar berniaga ini kita jangan sekat penubuhannya sebaliknya berilah laluan supaya mereka juga dapat berkecimpung dalam kerja-kerja kontrak yang kecil ini.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju. Kerajaan perlu mengadakan kajian yang berterusan supaya pangkalan data *Economic Planning Unit* yang komprehensif dapat diwujudkan. Pangkalan data ini hendaklah diperincikan lagi mengikut etnik masing-masing. Ini bagi membolehkan setiap etnik yang dikelaskan di dalam kaum minoriti dapat dipantau secara efektif.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dan pembahagian ekonomi yang cekap, amanah dan adil pasti dapat mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara wlayah bandar dengan luar bandar serta perbezaan di antara kaum. Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersetuju dengan ramai yang berpendapat bahawa kejayaan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bergantung kepada pelaksanaannya. Ini memerlukan jentera pelaksanaan yang cekap, amanah serta adil. Saranan ini adalah selaras dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ingin melihat pembangunan yang mapan dan meluas serta dapat memanfaatkan pelbagai pihak terutamanya golongan sasaran bukannya sekelompok golongan mereka yang berpengaruh sahaja.

Oleh kerana saya diminta oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menggulung maka saya sekali lagi menyeru kerajaan agar betul-betul menumpukan perhatian serta tindakan kepada usaha menambahbaikkan sistem penyampaian supaya kesemua yang kita hendak dan sudah juga terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dicapai tiba masanya nanti. Adalah tanggungjawab kita semua termasuklah kawan-kawan kita dari pihak pembangkang yang sama-sama memperjuangkan serta membela nasib rakyat Malaysia bagi memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjaya kelak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tenom dahulu.

4.12 ptg.

Tuan Raime bin Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk membahaskan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras yang pertama telah membincangkan mengenai cara untuk meningkatkan nilai yang ditambah dalam ekonomi negara. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi penekanan dari sudut pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Perkembangan sebanyak 5% dalam sektor pertanian seperti yang disasarkan oleh kerajaan menjelang 2010 pasti tercapai dengan adanya program pertanian baru yang akan dibangunkan oleh kerajaan seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Memandangkan pada ketika ini masih ramai lagi penduduk di luar bandar yang mengamalkan pertanian tradisional maka wajarlah pertanian baru ini dibangunkan. Transformasi pertanian tradisional kepada pertanian secara moden yang menjurus kepada pembukaan dan penyatuan tanah terbiar untuk mengusahakan pertanian secara berkelompok dan berskala besar, pasti dapat menarik minat dan penyertaan penduduk luar bandar yang sekian lama mengamalkan pertanian tradisional yang bersifat sara diri sahaja.

Seperti di kawasan saya Tenom telah ramai penduduk yang memohon untuk menyertai program tanaman secara berkelompok namun kekangan dari peruntukan yang tidak mencukupi oleh Lembaga Industri Getah Sabah menyebabkan hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat menyertai projek ini. Dengan suntikan dan dana yang banyak dalam sektor pertanian pasti dapat membantu penduduk luar bandar untuk menyertai program seumpama ini.

Dengan sokongan peralatan teknologi moden dan penggunaan ICT dalam sektor ini pasti meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Saya yakin sekiranya kakitangan kerajaan dalam Jabatan Pertanian ataupun yang berkaitan dengan sektor pertanian khususnya di luar bandar mempunyai kemahiran dalam ICT pasti mempercepatkan penyampaian maklumat kepada penduduk luar bandar yang berkaitan pertanian yang diperolehi daripada ICT yang sememangnya menyediakan begitu banyak maklumat.

Di samping itu, latihan yang berterusan daripada pihak yang berkenaan akan mempercepatkan pemahaman dan pengetahuan kepada peserta untuk maju setapak

lagi dalam bidang pertanian dengan mempraktikkan pengetahuan yang diperolehi. Sekiranya aspek latihan dan penyampaian maklumat terus diabaikan maka usaha untuk membangunkan sektor pertanian di luar bandar hanyalah impian kita sahaja kerana mereka akan terus menerus mengamalkan pertanian secara tradisional.

Walau bagaimanapun, langkah yang drastik perlulah dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan pertanian dengan mempromosikan program-program yang dijalankan di luar-luar bandar bagi menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar. Oleh yang demikian saya berharap pihak yang terbabit akan memperbanyakkan program latihan yang berkaitan dengan pertanian di luar bandar khususnya di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Modal Insan seperti yang terkandung dalam teras kedua Rancangan Malaysia Kesembilan adalah merupakan aset penting negara dalam melangkah maju ke hadapan berbanding dengan negara-negara membangun yang lain.

Pelaksanaan untuk strategi meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan meningkatkan lagi kemahiran dan kualiti insan di mana adanya kemudahan yang lengkap dalam pendidikan terutamanya kemudahan ICT di peringkat prasekolah Rendah dan Menengah di Sabah. Memandangkan ketika ini masih banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah mempunyai kemudahan ICT yang kurang dan jauh ketinggalan maka saya berharap agar apa yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini seperti memberi penekanan dalam kualiti PNP termasuklah kemudahan ICT dapat dilaksanakan dengan telus oleh pihak yang terbabit agar pelajar sekolah di luar bandar dapat bersaing dengan pelajar sekolah di bandar.

Peruntukan sebanyak RM1.15 bilion oleh kerajaan dalam membaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur sekolah di luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak adalah bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk membina modal insan kelas pertama. Saya berharap agar sekolah-sekolah daif terutama di Sabah dan Sarawak dapat dikenal pasti dan diganti segera agar tidak ada lagi guru-guru di luar bandar yang merungut mengenai keadaan sekolah mereka. Apa yang pasti telah lama mereka mengadu dan melapur keadaan sekolah mereka namun hampa kerana aduan dan laporan yang diberikan hanya tinggal laporan kerana tiada tindakan yang diambil oleh pihak terbabit untuk mengubah keadaan tersebut.

Saya juga berharap agar pihak kementerian dapat menilai kembali sesi persekolahan di luar bandar yang mengamalkan persekolahan dua sesi iaitu sesi pagi dan petang seperti di kawasan saya di SMK Kemabong di daerah Tenom. Sekiranya penambahan kemudahan infrastruktur seperti bangunan sekolah dapat dibuat maka masalah dua sesi dapat dikembalikan kepada satu sesi persekolahan. Ini kerana kebanyakan pelajar di luar bandar yang berulang alik dari rumah ke sekolah adalah jauh dan ini boleh mengundang masalah yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu, tindakan kerajaan dalam menyediakan peruntukan untuk rumah guru di luar bandar juga amat bertepatan dalam meningkatkan nilai moral dan motivasi guru-guru luar bandar untuk memperjuangkan nasib pelajar-pelajar di luar bandar. Memang tidak dinafikan rumah-rumah guru yang terdapat di luar bandar khususnya di daerah saya pada masa ini masih belum mencukupi dan serba kekurangan terutama dari segi bekalan air bersih dan juga elektrik.

Saya juga mengalu-alukan agar sebuah sekolah berasrama penuh dapat ditubuhkan di kawasan saya memandangkan sekolah berasrama penuh pada satu ketika dahulu ada di Tenom telah ditutup. Ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan pelajar di kawasan pedalaman untuk bersaing dengan pelajar di bandar. Dengan pendidikan dan latihan guru yang berterusan diharap dapat melahirkan tenaga pengajar yang benar-benar berkualiti dan menyumbang kepada Pembangunan Modal Insan di negara terutama di Sabah dan Tenom khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kesihatan merupakan perkara yang penting dalam setiap kehidupan semua lapisan masyarakat. Justeru itu saya ingin membincangkan teras keempat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup di mana saya ingin memfokuskan dalam penambahbaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Disebabkan oleh kepentingan dalam aspek kesihatan maka saya ingin sidang Dewan yang mulia ini merenung kembali betapa sukarnya penduduk di luar bandar untuk memperoleh maklumat mengenai penjagaan kesihatan apatah lagi jarak yang beratus kilometer dari hospital mahu pun klinik yang terdekat.

Menyedari akan hakikat ini mengenai kesukaran penduduk pedalaman memperoleh maklumat dan juga kesukaran memperoleh rawatan penyakit maka saya berharap apa yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu

mengenai klinik bergerak dapat dilaksanakan di semua kawasan luar bandar. Selain klinik bergerak saya berharap agar perkhidmatan doktor udara juga dapat diwujudkan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk membantu mempertingkatkan penjagaan kesihatan di luar bandar yang sukar dihubungi melalui jalan darat. Ini kerana masih banyak lagi di kawasan luar bandar yang mempunyai jalan-jalan yang teruk dan sukar untuk dilalui oleh pacuan empat roda seperti di kawasan saya di Mukim Rundum. Sekiranya perkhidmatan doktor udara dapat ditambah bagi membantu klinik bergerak maka mudahlah bagi pihak kerajaan untuk menyebarkan maklumat dan memberi rawatan secara terus kepada pesakit yang memerlukan.

Di samping itu, saya juga berharap agar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini klinik desa dapat diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh dari hospital agar penduduk dapat memperoleh rawatan dan mengesan jenis penyakit yang dihadapi. Selain itu, kemudahan-kemudahan infrastruktur di klinik-klinik desa sedia ada harap dapat dibaiki dan mempunyai ubat-ubatan yang mencukupi.

Dalam menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan ini, saya telah terbeban oleh masalah pesakit kronik di luar bandar yang memerlukan kos rawatan yang tinggi. Saya berharap agar pihak-pihak hospital dapat memberikan perkhidmatan kecemasan kepada pesakit-pesakit kronik yang memerlukan rawatan seperti pembedahan tanpa mengenakan bayaran yang tinggi kepada mereka. Ini kerana kita sedia maklum bahawa penduduk di luar bandar di kawasan-kawasan pedalaman masih dilitupi oleh kepompong kemiskinan.

Persoalannya adakah Kementerian Kesihatan dapat menanggung kos rawatan mereka tanpa kerenah birokrasi di samping bantuan ihsan daripada mereka yang bersimpati. Saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan dapat menimbang kembali kos rawatan yang dikenakan kepada pesakit kronik luar bandar yang tidak berkemampuan.

Penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak adalah berketepatan dengan hasrat kerajaan untuk mencapai keseimbangan di antara kawasan luar bandar dan bandar. Secara tidak langsung diharap dapat mengatasi masalah kekurangan kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air bersih, elektrik, jalan raya di kawasan pedalaman negeri Sabah dan juga Tenom khususnya. Di samping itu, pembasmian kemiskinan tegar di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah pasti

terlaksana dengan pembangunan yang menyeluruh ke atas daerah-daerah yang telah dikenal pasti mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Satu sistem penyusunan masyarakat adalah satu kaedah yang bersesuaian seperti langkah-langkah kerajaan dengan tertubuhnya seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain agensi yang berusaha untuk membasmi kemiskinan di peringkat akar umbi.

Selain itu, penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah diharap dapat dilaksanakan dengan mekanisme yang teratur dan tersusun di mana ia dilaksanakan secara bersepadu tanpa adanya pertindihan tanggungjawab di antara agensi-agensi persekutuan dan juga negeri. Saya juga berharap agar kawasan Tenom tidak dikecualikan dalam penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah ini agar dapat mengurangkan jurang pembangunan dengan kawasan yang lain di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita perlu menekankan kepada sistem penyampaian dan pelaksanaan yang telah ditekankan dalam teras kelima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Seperti yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini bahawa sistem penyampaian dan pelaksanaan yang ada sekarang kurang berkesan dan banyak dikaitkan dengan sikap peringkat pelaksana iaitu terlalu banyak kerenah birokrasi.

Dalam menangani masalah ini, perubahan sikap dan ketelusan dalam melaksanakan tugas seperti mana yang telah ditekankan oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz iaitu kita ada idea yang baik dan sumber yang baik tetapi bagaimana hendak memastikan ia tidak di seleweng oleh birokrat atau korporat yang tidak jujur, dipetik daripada akhbar *Mingguan Malaysia 9 April 2006*.

Maka berbalik kepada pokok pangkal yang saya maksudkan tadi iaitu memastikan pelaksana dasar kerajaan haruslah bersifat jujur dan amanah di samping mempunyai komitmen yang tinggi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian dan pelaksanaan dasar secara berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Sudah hampir, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mempunyai perancangan yang baik dalam membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar sejajar dengan wawasan kerajaan ke arah pembasmian

kemiskinan tegar di samping merapatkan jurang pendapatan yang amat ketara di antara penduduk bandar dengan luar bandar, terutama bumiputera di Sabah dan Sarawak termasuklah Orang Asli di Semenanjung yang masih ketinggalan dalam koridor pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, perancangan secara teratur, terancang dan bersepadu ini tidak akan kesampaian kepada golongan sasaran sekiranya terdapat kepincangan seperti mana yang telah berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh itu, saya berharap supaya badan-badan kerajaan, badan-badan berkanun serta penglibatan pihak swasta dan masyarakat amnya sama-sama memainkan peranan dan bergiat aktif agar program yang telah dirancang ini dapat berjalan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ramai juga. Harap-harap Yang Berhormat sabar. Saya cuba aturkan supaya semua dapat berucap pada petang ini. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Seorang Ahli: Ha, bising sahaja dari tadi! Ha, sekarang!

4.25 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terkejut saya. Isu pertama yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan saya ialah tentang pengangkutan bandar. Selepas kerajaan menaikkan harga petrol 30 sen satu liter, kita diberitahu bahawa kerajaan akan menggunakan RM4.4 bilion yang diijamatkan setiap tahun ini untuk memajukan pengangkutan bandar. Ini bermaksud kerajaan akan menggunakan RM22 bilion dalam lima tahun yang akan datang untuk memajukan pengangkutan bandar.

Malangnya, peruntukan ini langsung tidak muncul dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam muka surat 4.1.2 dalam Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan jadual 18.8 menunjukkan kerajaan hanya memperuntukkan lebih kurang RM1.5 bilion bagi pengangkutan bandar dan bukannya RM22 bilion sebagaimana yang dijanjikan oleh kerajaan dalam lima tahun.

Sekiranya kita baca perenggan di bawah tajuk pengangkutan bandar dalam muka surat 404 kita akan mendapati selain daripada rancangan memanjangkan LRT di

kawasan bandar, peruntukan tersebut juga akan digunakan untuk membina beberapa jalan di bandar utama. Ini termasuk di Georgetown, Seremban dan Johor Bahru. Sekiranya RM1.5 bilion ini digunakan untuk membina begitu banyak projek termasuk membina jalan raya kita tahu ianya tentu tidak akan cukup dan kata-kata Timbalan Perdana Menteri untuk memajukan pengangkutan bandar ini pun tentu akan gagal.

Pada perenggan 18.31 pada muka surat yang sama, kita lihat objektif yang ingin dicapai oleh kerajaan dari segi peningkatan penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian adalah nisbah 30:70. Sebenarnya, matlamat ini adalah agak rendah berbanding dengan negara-negara maju di mana nisbah di antara penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan sendiri ialah 50:50 dan nisbah 50:50 sepatutnya dijadikan sasaran bagi negara kita, khususnya di Lembah Klang. Sekiranya kerajaan berikhtiar untuk mengurangkan penggunaan petroleum dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar.

Perenggan 18.32 dalam laporan Rancangan Malaysia Kesembilan berbunyi satu suruhanjaya akan ditubuhkan bagi mengawal selia sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab ke atas perancangan, penyelarasan dan pelesenan semua mode pengangkutan awam di Lembah Klang. Soalan saya ialah saya telah baca tentang cadangan untuk menubuhkan *Urban Transport Authority* yang mempunyai fungsi yang disebutkan di atas dalam kenyataan Menteri Pengangkutan pada dua tahun yang lepas. Tetapi nampaknya suruhanjaya ini belum ditubuhkan dan kerajaan sebenarnya tidak mengambil apa-apa langkah untuk menyelaras dan menangani masalah pengangkutan awam sehingga ia disebutkan sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin tanya apakah tarikh tamat ataupun *dateline* bagi penubuhan suruhanjaya ini supaya masalah pengangkutan awam di Lembah Klang dapat ditangani dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin tanya pihak kerajaan tentang satu laporan yang disiarkan di *News Straits Times* pada 16 April baru-baru ini, iaitu tentang kerajaan akan menggunakan RM10 bilion untuk memajukan sistem LRT Lembah Klang dan kos lain akan didapati dipungut daripada pasar permodalan (*capital market*). Apa yang saya rasa aneh ialah:

- (i) kenapakah pengumuman yang begitu penting ini dibuat oleh CEO Syarikat Prasarana Negara Berhad dan bukannya Menteri

- Pengangkutan. Apakah ini bermaksud bahawa Kementerian Pengangkutan sebenarnya belum diberi tanggungjawab ataupun tugas untuk memajukan pengangkutan awam di Lembah Klang;
- (ii) kenapakah wang perlu diambil daripada fasa permodalan. Apakah ini bermaksud kerajaan sekali lagi akan menswastakan pengangkutan awam dan tidak menerima atau belum belajar daripada kegagalan dalam penswastaaan sistem LRT, PUTRA dan STAR yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin minta Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi memberitahu Dewan yang mulia ini tentang projek *Saladin*. Kononnya flem itu telah memakan perbelanjaan sebanyak RM20 juta tetapi pihak berkenaan hanya mampu menggunakan wang yang begitu banyak untuk mengeluarkan filem *thriller* yang selama enam minit sahaja. Filem *Saladin* merupakan tugas asas *Creative Application Development Centre* ataupun CADC di MDeC untuk melangkaui masuk ke industri animasi antarabangsa dengan menggunakan bakat tempatan. Tetapi anehnya kononnya CADC membayar dolar Amerika Syarikat satu juta kepada seorang pengarang skrip *Hollywood* dan bukannya penulis skrip tempatan untuk menulis skrip penerbitan.

Mengikut sumber dalam industri filem, kosnya sebenarnya adalah jauh lebih rendah daripada angka ini. Selain itu pegawai MDeC juga menggunakan alasan ini untuk berulang-alik ke Amerika Syarikat sejak tahun 2000 dan ini telah memakan perbelanjaan yang amat tinggi manakala tiada apa-apa audit dijalankan terhadap projek *out sourcing* ini. MDeC membina *Creative Multimedia Lab* dengan kos RM5.2 juta atas alasan untuk menggunakan peralatan yang canggih dan mahal untuk mengeluarkan *Saladin*. Tetapi sebaliknya *Creative Multimedia Lab* ini hanya mampu mengeluarkan filem *thriller* selama enam minit sahaja selepas ia dirancang selama enam tahun. Akhirnya filem ini diberi kepada syarikat swasta iaitu *Silver Ann Sdn. Bhd.* dan *Imagine Studio Sdn. Bhd.* untuk menjalankan penerbitan.

Majalah *The Age* yang bertarikh 17 April tahun ini melaporkan bahawa *Silver Ann* membuat animasi itu dalam masa tiga bulan manakala *Imagine* membuat suara bunyian (*sound effect*) dalam masa dua minggu. Sekarang filem *Saladin* menjadi siri filem televisyen. MDeC ingin minta peruntukan dana lagi bagi projek ini dalam

Rancangan Malaysia Kesembilan. MDeC sebenarnya satu agensi kerajaan *one stop* yang ditugaskan untuk membantu kemajuan sektor ICT di Malaysia. Kenapakah agensi ini ingin membelanjakan wang yang begitu banyak untuk memasuki bidang penerbitan filem secara langsung dan bukannya menggubal dasar dan memberi insentif bagi syarikat swasta untuk menceburkan diri dalam bidang penerbitan filem ini. Bukankah tindakan MDeC ini merupakan salah satu penyalahgunaan wang rakyat dan korupsi secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin kerajaan telah banyak berkata ingin memperkukuhkan lagi peranan Parlimen dan Perdana Menteri kita pula telah berkata bahawa beliau membenarkan Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk bebas mengutarakan suara rakyat dalam sidang Parlimen dan isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi. Soalannya ialah kenapakah kerajaan dan Parlimen masih enggan mengadakan siaran langsung sidang Parlimen melalui televisyen seperti apa yang dilakukan di banyak negara maju.

Apakah yang ditakutkan yang dibimbangkan oleh kerajaan Barisan Nasional dan juga Ahli-ahli Berhormat *Backbenchers* di sini. Sehubungan dengan itu kita telah lama dengar daripada *Backbenchers* Barisan Nasional dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa Parlimen kita akan mengadakan siaran langsung sidang Parlimen melalui laman *web* ataupun *web casting* tetapi ia masih belum diadakan sehingga hari ini. Saya merasa kesal bahawa pembaharuan Parlimen langsung tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya tidak ingin berucap panjang lebar tentang pembaharuan Parlimen kita kerana saya hanya diberi sepuluh minit untuk berucap sekarang. Tetapi saya ingin bercadang supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa pun sudah habis Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Parliamentary Services Act* dipulihkan.

Sebagai langkah pertama Parlimen kita harus sekurang-kurangnya memulakan *web casting* dengan secepat mungkin. Selain itu saya juga ingin mencadangkan supaya Parlimen kita mencontohi laman *web* Parlimen di Australia supaya ia lebih interaktif dan lebih *uses friendly* supaya laman *web* kita boleh menjadi satu laman *web* yang suka dilawat oleh orang awam dan juga bagi *researches*. Ini bermaksud laman *web* Parlimen kita harus dijadikan sebagai satu perpustakaan dalam internet yang merangkumi segala

Rang Undang-undang yang telah diluluskan, video ucapan Ahli Yang Berhormat, Hansard harian kita dan semua maklumat yang berkaitan.

Saya ingin bertanya apakah Parlimen kita diberi bajet untuk melancarkan laman *web* Parlimen kita? Apakah Parlimen kita mempraktikkan sikap demokrasi dengan mengadakan perundingan dengan Ahli-ahli Berhormat sebelum ia dilaksanakan ataupun mana-mana kontraktor yang diupah supaya insiden seperti kebocoran bumbung bangunan Parlimen kita selepas diperuntukkan RM100 juta ini tidak akan berulang lagi. Jadi kami berharap kalau sekiranya ada apa-apa projek yang akan dilakukan dalam Parlimen kita semua Ahli-ahli Berhormat ini akan diberi peluang untuk menyumbang idea dan juga rundingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, penghabisan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita telah berkata bahawa Malaysia akan menandatangani perjanjian perdagangan bebas FTA dengan Amerika Syarikat pada akhir tahun ini. Golongan NGO dan cendekiawan amat prihatin dan bimbang terhadap FTA yang akan ditandatangani oleh Malaysia dengan Amerika Syarikat kerana banyak negara di dunia ini termasuk negara China yang menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat membuat kesilapan dari segi pengiraan mereka sehingga negara-negara ini mengalami kerugian dari segi keseimbangan perdagangan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan jangan menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat secara terkobar-kobar tetapi kerajaan harus memberi taklimat berkenaan dengan FTA yang terperinci kepada semua Ahli-ahli Berhormat di sini dan ia haruslah dibahaskan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini sebelum perjanjian ini dimeterai dengan Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memainkan peranan yang lebih gigih dan berusaha untuk meletakkan penjagaan alam sekitar sebagai

agenda nasional. Saya memuji menteri baru kita telah menunjukkan keprihatinannya terhadap isu alam sekitar khususnya berkenaan isu pengendalian sampah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin minta Jabatan Alam Sekitar supaya memainkan peranan yang lebih gigih untuk mendorong kerajaan tempatan dan rakyat untuk mempraktikkan kitar semula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh habis cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...dan menggalakkan kerajaan kita untuk menggantikan *incinerator* dengan *refuse-derived fuel* seperti yang dicadangkan oleh menteri baru kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila duduk dahulu, kita ada usul. Yang Berhormat Menteri sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap selesai membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok 20 April 2006”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Disetujui.

[Menyambung semula perbincangan atas masalah Usul Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Kawan.

4.38 ptg.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam membahar Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini disambut baik oleh rakyat Malaysia. Lagipun ia adalah kali pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia membentangkan satu rancangan yang amat menyeluruh dan boleh dikatakan ia telah menyentuh semua aspek pembangunan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, misi nasional yang dirangka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkumi lima teras utama. Dan bagi kelima-lima teras ini saya harap ia dapat dilaksanakan dan direalisasikan dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, selaku Ahli Parlimen Barisan Nasional saya akan memberi sokongan penuh kepada Rancangan Malaysia Kesembilan dan harap jangan ada mana-mana *napoleon* yang cuba ganggu-gugat di sini atau sana untuk menggagalkan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan sentuh beberapa perkara sahaja kerana kesuntukan masa, hanya 10 minit yang diberikan. Sejak kebelakangan ini, terdapat pelbagai isu yang timbul di mana berhubung *guide* dengan pasukan polis. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa keselamatan negara dan ketenteraman awam sangat mempengaruhi iklim politik dan iklim negara. Negara yang bebas daripada ancaman

dalam dan luar pasti dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menjamin kestabilan negara. Dan kadar jenayah di dalam negara akan ditangani dengan berkesan. Yang Amat Berhormat turut menyatakan langkah memperbaiki keberkesanan perkhidmatan polis amat diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31hb Mac yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana negara, tidak kiralah di mana, yang paling mustahak ialah keselamatan, *security*. Kerja-kerja polis memang berisiko tinggi dan saya rasa dengan izin *the Malaysian police are grossly under bed*. Dan memang jasa dan pengorbanan pihak polis harus kita kenangi juga.

Tuan Yang di-Pertua, gaji polis kita di Malaysia kalau dibandingkan dengan negara jiran memang amatlah rendah. Kalau kita ambil contoh di Singapura, kita banding dengan polis Singapura iaitu negara jiran kita. Jawatan konstabel, gaji permulaan ialah SD1612 untuk konstabel di *Singapore*. Malahan polis kita PDRM Malaysia, konstabel gaji permulaan hanya RM690. Dan bagi jawatan gaji permulaan inspektor di negeri Singapura ialah SD2740 di mana negara kita, Sing Dolar minta maaf ya. Dan polis kita hanya RM1095 sahaja. Tuan Yang di-Pertua, itu pun pasukan polis di negara jiran kita menikmati banyak kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam dunia ini hanya untuk sementara sahaja, *temporary*. Tetapi kalau gaji sikit, pendapatan yang diterima tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga itu pun susah juga, walaupun kita di sini untuk sementara. Tuan Yang di-Pertua, maka ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh ke?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat Batu Kawan walaupun dia daripada kawasan batu tapi dia berkawan. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan mengkaji semula skim gaji untuk pasukan polis supaya mereka bekerja dengan lebih bersemangat dan bertanggungjawab dan tidak memikirkan masalah kewangan rumah tangga mereka. Kerana Yang Berhormat kata tadi hidup sementara di dunia ini. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat Jerai, terima kasih. Itu memang yang nanti saya akan cadangkan, saya setuju 100% *agree with you*.

Walaupun tadi saya kata kita hidup untuk sementara, tetapi kalau wang tidak cukup pun susah juga. Tuan Yang di-Pertua, maka saya cadangkan kepada kerajaan untuk kaji semula struktur gaji Polis Diraja Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bintulu bangun Yang Berhormat.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Mestilah kita kawan. Yang Berhormat, saya boleh minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat, *you* ada cadangan ke berapa kita sepatutnya beri gaji polis inspektor ke ataupun GD itu semua?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Bolehlah, kalau boleh saya cadangkan jawatan konstabel permulaan sekurang-kurangnya RM1,500.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setuju, setuju, setuju.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Inspektor RM2,000 lah tidak apa.

Seorang Ahli: Inspektor?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: RM2,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setuju, setuju.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Batu Kawan. Saya hendak tanya pada Batu Kawan, apakah punca berlakunya rasuah di kalangan anggota polis? Disebabkan kerana gaji yang tidak begitu setimpal sebagaimana yang sering kali didakwa oleh pembangkang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat mana? Larut. Terima kasih Yang Berhormat Larut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada kata punca rasuah bukan banyak, sedikit sahaja. Mungkin 1 dari 2% dari anggota pasukan polis. Kalau hendak katakan rasuah, mana-mana pun ada rasuah, kita boleh tertuduh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini yang dituduh oleh pembangkang. Kita tidak pernah tuduh, pembangkang saja.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat, saya ada 10 minit saja Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin ..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Batu Kawan, Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Batu Kawan, *you* ada setuju atau tidak kalau kita boleh kaji balik semula kalau itu gaji semua naik, rasuah boleh turun atau tidak? Setuju atau tidak? Pandangan macam mana? Sekian, terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat Bintulu, saya rasa kalau katakan gaji cukup dan pakai pun cukup, buat apa hendak rasuah lagi?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh berhubung dengan *delivery system*. Sejak 1 Januari 2006, kerajaan telah memperkenalkan sistem subsidi e-diesel di mana para nelayan dapat membeli diesel dengan harga subsidi iaitu RM1 satu liter.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan di kawasan Parlimen saya sehingga kini menghadapi kesulitan untuk mendapatkan diesel. Nelayan di kawasan Parlimen saya terpaksa berulang alik ke Sungai Udang iaitu di Parlimen Nibong Tebal iaitu lebih kurang 100km untuk mendapatkan diesel subsidi. Dan ini telah menyebabkan peningkatan kos dan membuang banyak masa, kalau pergi - balik untuk dapat diesel, sekurang-kurangnya 3 jam kena buang masa untuk ulang alik.

Tuan Yang di-Pertua, ini masalahnya. Saya telah bagi surat kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan sini ada salinan dia fotostat. [*Sambil menunjukkan salinan surat*]. Dan saya pun minta, itu surat saya bagi pada 12hb Mac tapi sehingga ini tidak ada apa-apa jawapan lagi. Tapi walau bagaimanapun saya ingin ucap terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kerana beliau juga cuba bantu saya. Dia ada telefon bagi memperjelaskan isu ini tetapi saya minta SUPA cakap dengan Pengarah minta Pengarah hubungi saya, telefon saya, saya hendak bincang dengan dia. Tetapi sehingga kini Pengarah apa pun tidak ada telefon kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut cakap dengan dia punya Pengarah, Pengarah pun tidak mahu dengar dia cakap. Tuan Yang di-Pertua, mana itu *delivery system*? Apakah mereka ini ingat dia ini mini *napoleon*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pengarah tidurlah, belum bangun lagi.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, apakah ini Lembaga Kemajuan Ikan Pulau Pinang, dia tidak tahu kerja ke? Kalau tidak tahu kerja, seperti mana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri “*Out!. You go kita tukar orang*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, kena gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Batu Kawan, pasal dia Lembaga Ikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, tidak bagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia bukan Lembaga Nelayan, Lembaga Ikan. Dia Lembaga Ikan, dia jaga ikan, bukan dia jaga nelayan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contoh. Ini kad jemputan dari Lembaga Kemajuan Ikan Pulau Pinang, dia jemput Ketua UMNO Bahagian, Timbalan Ketua UMNO Bahagian, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Puteri. Ini jemputan kerana Menteri Pertanian ada satu perasmian di negeri Pulau Pinang, habis saya ingat Menteri mahu jumpa dengan AJK UMNO lah. LKIM hantar semua kad jemputan ini ke rumah saya, apakah mereka tidak tahu di mana alamat UMNO bahagian Batu Kawan?

[Dewan riuh seketika]

Saya bukan UMNO, kenapa semua hantar ke rumah saya.

Seorang Ahli: Jadi posmen.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja sebegini memang buat malu kepada Menteri.

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat dijemput atau tidak? Dia minta Yang Berhormat Batu Kawan tolong hantar suratlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kena ikut peraturan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Ini kerja senang saja tahu. Kalau hantar kad jemputan pun tidak tahu hantar, macam mana hendak buat kerja? Macam mana hendak pastikan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk berjaya? Betul tidak? Jerai betul ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sokong, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat. Masa dah sampai, Yang Berhormat.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya, apakah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang begitu banyak kepada Kementerian Pertanian. Mampukah mereka laksanakan rancangan-rancangan tersebut? Kalau *mindset* pegawai-pegawai tak tukar, saya rasa hingga ke Rancangan Malaysia Kelima Belas pun tak boleh berjaya lagi, berjaya. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ucap sekali lagi saya ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jutaan terima kasih kepada kerajaan, kerana akhirnya, kerana adanya jambatan kedua Pulau Pinang pun akan dibinalah. Terima kasih, saya pohon menyokong, ya, *thank you*.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Kedah. Hujung dahulu. Yang Berhormat ada peluang, sabar Yang Berhormat.

4.51 ptg.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan saya telah membaca buku Rancangan Malaysia Kesembilan, dan saya mendapati ia adalah satu kesinambungan kepada rancangan-rancangan Malaysia yang lain yang telah dilaksanakan oleh Perdana Menteri yang lalu. Melihat kembali sejarah dasar negara dalam kelapan-lapan rancangan Malaysia, didapati kesemuanya adalah baik belaka dari segi perancangannya. Tetapi, ada kekurangan dan kegagalan dalam beberapa segi.

Kita berharap Rancangan Malaysia Kesembilan ini bukan sahaja suatu rancangan yang sangat baik, tetapi pelaksanaannya juga mestilah baik dan sempurna supaya apa yang dibuat dan dirancang dalam Rancangan Malaysia yang dahulu tidak diulang-ulang dan ditanggung-tanggung kerana kegagalan pihak pelaksanaan dalam

sesuatu projek. Kekurangan dan kegagalan dalam melaksanakan sesuatu projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan hendaklah dijadikan sebagai sempadan dan tauladan kepada rancangan dan juga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kekurangan dan kegagalan melaksanakan 100% projek-projek Rancangan Malaysia Kelapan hendaklah dikaji dan diteliti supaya ia tidak berlaku lagi.

Pelaksanaan hanya 2% daripada 286 projek Rancangan Malaysia Kelapan di negeri Sarawak, adalah satu contoh yang terbaik untuk membuktikan bahawa sistem penyampaian yang tidak berkesan dan berlaku kebocoran di sana-sini dan ketirisan yang amat ketara. Ambil contoh pembinaan penjara di Kuching, Sarawak. Projek ini sesuatu yang amat mengecewakan kerajaan dan rakyat. Persoalannya, mengapakah ia berlaku? Diharap kementerian yang terbabit dapat memberi jawapan dengan sempurna dan akibat daripada kegagalan pelaksanaan projek ini mengikut jadual, maka kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan sebanyak RM43 juta.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta penjelasan boleh? Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sekejap ya, bagi saya habis sekejap ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat, dia belum bagi lagi.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terpaksa menambah lagi kos sebanyak RM43 juta untuk menyiapkan projek ini. Bukankah menanggungkan projek ini membuatkan kerajaan kerugian dan rakyat kerugian masa menunggu projek itu siap dan kosnya bertambah dari semasa ke semasa. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Tangga Batu.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Tangga Batu, sila. Sekejap ya, Kuala Krau.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekejap ya. Yang Berhormat Kuala Kedah menyebut tentang menasihatkan kerajaan supaya mengkaji kesilapan pada Rancangan Malaysia Kelapan supaya tidak berulang pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Bukankah saranan Yang Berhormat itu pun menunjukkan satu sikap re-active, tidaknya *pro-active*. Sepatutnya kegagalan

Rancangan Malaysia Kelapan itu telah dikaji pada Rancangan Malaysia Kelapan. Masa Rancangan Malaysia Kesembilan, baru nak kaji kesilapan Rancangan Malaysia Kelapan. Ini satu *re-active*, inilah yang menyebabkan kegagalan dalam sistem penyampaian itu tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sebenarnya, bukanlah reaksi *reactive* daripada saya. Oleh sebab Rancangan Malaysia Kelapan, kegagalan dalam pelaksanaannya belum lagi dilaporkan kepada kita, kegagalannya, sebab-sebab dan sebagainya. Maka sebab itulah saya menyeru supaya dikaji kembali dan di dalam pelaksanaan ini, sambil mengkaji sambil melaksana. Jadi oleh sebab tidak ada kajian dilakukan, mungkin telah dilakukan, tapi tidak dilaporkan kepada kita. Oleh yang demikian, saya merasakan laporan berkenaan rancangan kajian Malaysia Kelapan belum lagi diberitahu kepada kita, maka saya menganggapkan bahawa tidak ada kajian dilakukan. Sebab itu saya suruh dan juga menyeru kerajaan supaya mengkaji semula. Sila Yang Berhormat daripada Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat daripada Kuala Kedah. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kementerian dan kerajaan membentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, alasan-alasan kenapakah kegagalan berlaku di dalam Rancangan Malaysia Kelapan?

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Saya sebenarnya, memang menyambut baik jika sekiranya kerajaan melaporkan ke dalam parlimen, tetapi saya rasa Menteri yang berkenaan atau Perdana Menteri haruslah menjawab pertanyaan Yang Berhormat daripada Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong, Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Saya teruskan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kuala Kedah, sekejap. Sikit ya?

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Ya.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini Kuala Kedah sentuh tadi tentang kompleks Penjara Baru Mambong, itu nama dia yang sebenar. Semalam Perdana Menteri memang ada pergi dekat situ. Saya pun ada ikut bersama. Sejak daripada tahun 2001, saya menyentuh berulang kali tentang kompleks ini. Saya juga menulis surat

kepada kementerian, dua kali namun tak dapat jawapan. Saya memang telah memantau projek ini, *very closely*. Termasuk keadaan alam sekitar, tetapi kementerian tidak ada jawab. Sehingga, Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun lepas, pergi dekat situ. Selepas itu, dibincangkan dengan kontraktor. Kontraktor mengatakan bahawa peruntukan yang diberi belum lagi mencukupi. Sekarang, JKR memohon lagi lebih RM40 juta, lebih RM40 juta, lebih RM40 juta untuk menambah lagi nilai kontrak itu. Jadi persoalannya sekarang, sama ada kerajaan ingin meneruskan projek ini atau tidak? Ini adalah satu sistem pentadbiran yang memang tidak cekap sehingga projek ini terbengkalai. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Mambong. Maaflah sebab saya tidak tahu bahawa ini di kawasan Mambong. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat daripada Mambong patut berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pergi ke tempat beliau dan menyelesaikan masalah itu sehingga mungkin boleh diselesaikan dalam masa yang cepat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar daripada rakan-rakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan lain yang telah membahaskan berkenaan dengan sistem penyampaian dan juga perkhidmatan awam. Saya, daripada apa yang telah diucapkan dan dibahaskan oleh ahli Yang Berhormat lain, saya tertunggu-tunggu apakah reaksi daripada Ketua Setiausaha Negara berkenaan dengan penambahbaikan sistem penyampaian. Daripada sebulan yang lepas kita berbahas di Parlimen ini, sehinggalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri datang menjawab berkenaan dengan sistem penyampaian. Sehingga kini, tidak ada satu pun reaksi dan juga alasan-alasan diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara ataupun sekurang-kurangnya beliau menyampaikan kepada awam bahawa terdapat perancangan tertentu untuk menambahbaik sistem penyampaian.

Buat masa ini, kita hanya mendengar rungutan-rungutan sahaja. Tetapi sampai bilakah kita akan menunggu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengeluarkan satu rancangan untuk menambahbaik perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu saya lihat telah banyak program-program telah dibuat untuk memperbaiki sistem penyampaian, tetapi masih juga kurang berkesan. Program-program seperti mendapatkan sijil ISO 9000, program e-Kerajaan, Piagam Pelanggan,

Perkhidmatan Awam, Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan sebagainya telah pun dilakukan, tetapi tidak memberi kesan.

Sebab itulah saya menyarankan kepada kerajaan supaya menubuhkan satu jawatankuasa khas sama ada Suruhanjaya Diraja ataupun sebagainya untuk mengkaji semula kedudukan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memberikan komen-komen dan idea-idea baru supaya ia boleh diselaraskan dan diperbaiki untuk membaik pulih segala kesilapan dalam perancangan dan pelaksanaan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya bahaskan ialah berkenaan sektor pertanian. Saya memohon supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya mengkaji secara teliti kemiskinan petani-petani terutamanya di kawasan pertanian penanaman padi di negeri Kedah dan juga kawasan-kawasan yang lain. Selain daripada subsidi padi dan baja, kerajaan perlu mengkaji semula harga padi supaya ia dinaikkan kerana buat masa sekarang, harga padi terlalu rendah dan kos penanaman padi dan juga penuaian padi sangatlah tinggi. Purata pendapatan petani-petani miskin ini hanyalah RM100.00 sebulan bagi satu ekar. Ini adalah amat rendah dan di bawah garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan infrastruktur dalam pertanian penanaman padi seperti menambah tali air, jalan rentas ladang,.....

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:saliran dan sebagainya hendaklah ditingkatkan. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak perlu batuklah nanti jadi batuk betul susah. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, kebetulan saya batuk Tuan Yang di-Pertua, kerana pak tani-pak tani sekarang kebatukan kerana kekurangan pendapatan. Yang Berhormat, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat supaya negara kita mengurangkan kemasukan beras dariluar negara. Tetapi dengan sistem pengairan yang ada sekarang, apakah yang mungkin berlaku 10 tan satu hektar? Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya di luar kawasan MADA di negeri Kedah pun diberi keutamaan untuk pak tani-pak tani menanam padi dua kali setahun, macam mana pandangan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya itulah sasaran ucapan saya sebenarnya. Saya memohon kepada

kerajaan supaya melihat kembali kewujudan MADA ataupun Lembaga Pengairan Muda ini supaya ianya lebih berkesan dari segi pengurusan dan juga perkhidmatan kepada petani-petani. Sasaran MADA hendaklah kepada 10 tan sehektar r semusim, iaitu setiap enam bulan 10 hektar, daripada penanaman pada dapat dituai. Jadi untuk mendapat sasaran ini sangatlah sukar kerana prasarana yang ada sekarang amatlah tidak sesuai kerana tali air berkurangan dan juga jentera-jentera yang digunakan oleh petani-petani juga tidak sebagaimana yang dikehendaki oleh zaman moden ini. Kemudian amalan pertanian moden yang digunakan oleh petani-petani tidaklah seperti mana yang diharapkan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta sedikit.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sila, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya dari kawasan petani juga. Saya rasa pegawai-pegawai perlu mengubah sikap untuk turun ke bawah memberi bimbingan kepada para petani. Masalahnya ialah mungkin kita terlalu dibuai dengan kemudahan, terlalu bergantung kepada mengimport beras. Ini menyebabkan *mindset* dengan izin para pegawai sudah tidak lagi mahu membantu para petani kita untuk menanam padi. Hinggakan hari ini kita masih bergantung kepada keperluan import, akhirnya kita yang rugi terpaksa berbelanja besar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sememangnya kerajaan patut meningkatkan pengeluaran padi di seluruh kawasan MADA dan di luar MADA supaya negara kita tidak mengharapkan import beras dan padi dari luar negara seperti Thailand, Vietnam dan juga Burma.

Oleh yang demikian sarana daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman supaya MADA dikorporatkan harus di perinci dan juga diteliti sepenuhnya dan dikaji oleh kementerian supaya ianya menjadi satu rancangan dan juga penambahbaikan kepada MADA supaya MADA ini lebih efisien dan berkesan untuk membantu petani meningkatkan produktiviti dan untuk mengubah cara hidup mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, menggulung perbahasan ini saya mendoakan dan mengharapkan supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjalan dengan lancar dan dilaksanakan dengan sempurna. Mudah-mudahan 100% apa yang dirancang dapat dilaksanakan bukan hanya setakat 2% ataupun 3% sahaja. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit.

5.04 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan seperti mana yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini bukan setakat rancangan lima tahun, tetapi ia lebih merupakan kepada kesinambungan Dasar Ekonomi Baru yang telah dimulakan pada tahun 1970. Begitu juga Rancangan Malaysia Kesembilan ini amat penting kerana ia merupakan satu Misi Nasional, satu dasar dan rangka kerja pelaksanaan pembangunan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Jika kita teliti dan amati Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah merupakan lanjutan kepada dasar dan perancangan Wawasan 2020 yang telah dimulakan sejak tahun 991.

Setelah meneliti secara mendalam perkara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya merasakan cabaran yang besar menanti di hadapan rakyat Malaysia dan rakyat Malaysia perlu memberikan sokongan dan bekerja kuat ke arah menjayakan gagasan yang besar ini.

Saya menyatakan demikian kerana Rancangan Malaysia Kesembilan ini menjanjikan kemakmuran kepada semua rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah dan Sarawak sesuai dengan temanya Bersama Ke Arah Cemerlang Gemilang dan Terbilang. Dan setelah meneliti perancangan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dapati Rancangan Malaysia Kesembilan ini merupakan

satu perancangan yang lengkap, perancangan yang holistik yang mengambil kira suasana budaya, suasana politik, suasana ekonomi semasa dan unjuran-unjuran masa hadapan. Juga ianya mempunyai strategi yang lengkap di mana Yang Amat Berhormat telah membentangkan lima strategi atau lima teras untuk menjayakan rancangan ini.

Begitu juga kita mempunyai keyakinan, kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakan program ini yang dianggarkan RM200 bilion termasuk RM20 bilion daripada sumbangan swasta. Rancangan ini juga boleh jayakan melalui sumber manusia yang berkeupayaan untuk melaksanakan program ini. Akhirnya rancangan ini juga telah menentukan bahawa satu sistem pelaksanaan dan pengesanan atau pemantauan yang berkesan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi kebimbangan saya ialah beberapa isu yang dibangkitkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah merupakan isu-isu yang belum selesai yang telah wujud apabila kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dahulu. Hari ini masih wujud lagi isu kemiskinan dan kemiskinan tegar. Masalah ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum dan wilayah. Masalah isu melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Itu di antara isu-isu yang merupakan isu lama yang kita teruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Ini.

Jadi daripada apa yang saya sebutkan tadi, ini merupakan satu cabaran yang besar yang dihadapi oleh kita semua. Saya menganggap bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini merupakan cabaran utama kita yang memerlukan keazaman dan kesungguhan semua pihak dalam melaksanakan program ini. Tanpa sokongan yang kuat, kerja yang kuat daripada semua peringkat rakyat kita tidak akan berjaya. Saya perhatikan juga bahawa untuk melaksanakan ini kita memerlukan satu lompatan ataupun satu lonjakan yang kuat sehebat kalau boleh kita ibaratkan kita ini seharusnya mempunyai tenaga seperti tenaga peluru berpandu yang pantas, tepat dan mengenai sasaran, kalau tidak ini tidak akan tercapai Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga, saya katakan ini begini kerana yang hendak dicapai itu begitu besar membawa bagasi Dasar Ekonomi Baru dahulu yang tidak tercapai. Saya ibaratkan kalau kita ibaratkan bermain bola sepak. Ini Yang Berhormat bagi Larut suka dengar ini sebab dia orang kuat bola sepak. Ibarat kita dalam kecederaan masa kecederaan *injury time* dengan izin kerana kita hanya mempunyai 15 tahun Tuan Yang di-Pertua. 15

tahun untuk membangunkan menjadi negara maju. Oleh sebab saya ada sebut nama dia, Yang Berhormat, saya bagi peluang. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit, orang yang berpengalaman dalam pentadbiran awam. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat yang pernah menjawat jawatan dalam pentadbiran awam, apakah Yang Berhormat melihat keadaan semasa Yang Berhormat mentadbir dengan selepas Yang Berhormat menjadi ahli politik, jauh bezanya. Oleh itu saya sendiri hendak menyatakan di sini bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam ini perlu dirombak, perlu diubahsuai dengan keadaan sekarang. Tidak perlu kita tubuh suruhanjaya.

Kita minta Ketua Setiausaha Negara – belum lagi kita tengok Ketua Setiausaha Negara menemui pegawai-pegawainya untuk melaporkan apa yang telah kita bincangkan dalam Parlimen ini sejak hampir sebulan ataupun mungkin sudah lebih sebulan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat supaya *delivery system* ini atau sistem penyampaian ini perlu diberkesankan lagi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Kalau boleh Ketua Setiausaha Negara merombak balik segala kerenah birokrasi dalam perkhidmatan awam itu sendiri – pengisian jawatan kosong perlu disegerakan dan juga lantikan-lantikan yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat yang pernah ada pengalaman dalam pentadbiran awam.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut. Jadi untuk berlaku adil sedikit kepada Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara, saya ada terbaca surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila kita bercakap pasal ketidakupayaan agensi kerajaan ini memberikan perkhidmatan yang baik, mengatakan Ketua Setiausaha Negara telah mengarahkan ketua-ketua jabatan supaya turun padang. Jadi janganlah kita mengatakan Ketua Setiausaha Negara tidak berbuat apa-apa. Tetapi apa yang kita hendak sebenarnya lebih daripada itu iaitu satu perubahan yang radikal bertambah..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya tidak mengatakan Ketua Setiausaha Negara tidak melakukan sesuatu. Maksud saya, berkumpul. Saya patut bercakap dengan bahasa yang lebih baik tetapi sudah sampai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lupakah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, bukan lupa, Yang Berhormat. Sebab budi bahasa ini ia kadang-kadang memerlukan sedikit anjakan supaya mudah rakan saya, Yang Berhormat bagi Parit ini – nama pun sedap, Parit – bukan kita menafikan bahawa Ketua Setiausaha Negara tidak mengambil tindakan yang proaktif. Cuma kita mahukan perkara ini lebih *consistent*, dengan izin, berterusan, menampakkan bahawa kesungguhan Perdana Menteri yang mahukan agensi kerajaan atau pentadbiran awam ini benar-benar dapat menjalankan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Saya amat bersetuju seperti yang saya katakan tadi, kita berharap Ketua Setiausaha Negara sebagai ketua pentadbir negara kita..

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Supaya mengambil iktibar daripada apa yang dibincangkan di Parlimen ini. Ini merupakan suara rakyat, suara daripada seluruh pelosok negara yang berkehendakkan sistem perkhidmatan awam kita diperhebat, diperkemas dan diperbaiki yang mana kurang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah cara Yang Berhormat bagi Parit bermain bola. Terima kasih *[Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Lipis.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Jadi kita selalu bercakap tentang hendak buat perubahan radikal terhadap perkhidmatan awam. Di sini bagaimana kalau kita mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam seperti bentuknya yang ada sekarang ini dibubarkan. Fungsi, tanggungjawab dan segala tugas itu diserahkan kepada kementerian-kementerian di mana kita buat *decentralized*. Jabatan Perkhidmatan Awam yang ada hanya untuk menyelaras sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Saya katakan beginilah. Kita berkehendakkan supaya satu reformasi dibuat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Haa!

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Reformasi dibuat supaya...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bahaya itu, reformasi.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Reformasi pentadbiran awam.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Haa, okey, okey! *[Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Bukan reformasi yang satu lagi itu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okey, okey.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Jadi ini faedah kebaikan perkhidmatan awam itu sendiri supaya nama baik perkhidmatan awam itu terjamin dan mendapat kepercayaan rakyat. Perkara ini sudah ada, kurang keyakinan di sesetengah pihak terhadap perkhidmatan awam. Ini hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua. Inilah perlu diperbaiki. Yang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tiga hari kita dengar atau sebulan mengenai reformasi dalam perkhidmatan awam dan Yang Berhormat pun ada buat seruan terus kepada KSN patutlah ada perubahan dan lain-lain. Bukankah ini sangat aneh bahawa semua ini menentang dengan prinsip *parliamentary democracy* di mana apa yang kita bangkit di sini perlulah seorang dalam Dewan ini yang bertanggungjawab oleh kerana KSN bukan anggota dalam Dewan. Siapa bertanggungjawab mengenai KSN? Siapa bertanggungjawab mengenai perkhidmatan awam? Siapa?

Ada orang yang perlu jawab di sini. Bukankah dia Perdana Menteri sebenarnya, jabatan atau menteri-menteri dalam Jabatan Perdana Menteri? Dan bukankah... *[Disampuk]* Saya setuju mengenai bahawa perlulah satu *revamp* perkhidmatan awam tetapi siapa bertanggungjawab. Bukan kita kata KSN. Sepatutnya Kabinet yang bertanggungjawab supaya mengadakan atau melaksanakan perubahan dalam perkhidmatan awam. Tanpa itu, katalah bahawa mahu KSN melaksanakannya, inilah satu fiksyen. Inilah kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa Kabinet sudah gagal dalam tanggungjawab supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...melaksanakan revamp.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Okey, cukup Yang Berhormat. Okey, pandangan itu berbeza sedikit dengan saya. Oleh sebab itulah kita di sini, Ahli-ahli Dewan memberikan pandangan supaya perubahan berlaku, supaya pihak pentadbiran mendengar cadangan-cadangan kita dan supaya ada pembaharuan dalam perkhidmatan awam yang menjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Okey, satu minit lagi saya hendak, Tuan Yang di-Pertua. Di sinilah masalah kita ialah kemiskinan minda yang wujud di pelbagai golongan masyarakat sama ada dari segi pemimpin, dari ketua agensi, dari kita sendiri dan dari segi pemimpin masyarakat. Kemiskinan minda inilah yang menghalang kepada kejayaan kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan itu.

Oleh itu, saya mengharapkan semua pihak menyedari wujudnya kemiskinan minda ini supaya bersama-sama mengubah pemikiran, mengubah cara berfikir, mengubah cara bertindak dan sebagainya. Inilah yang kita hendakkan supaya dapat disusun satu perubahan yang total, dengan izin, dalam masyarakat kita.

Satu perkara sebelum saya tamat, Tuan Yang di-Pertua, tempat saya juga berlaku masalah projek terbengkalai ini. Jadi saya mengharapkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, projek ibu pejabat polis dan kuarters daerah Perak Tengah yang telah terbengkalai sejak tahun 2001.

Seorang Ahli: Dalam Parit?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Ya, dalam Parit. Sepatutnya projek ini siap pada tahun 2001, Tuan Yang di-Pertua, dimulakan pada tahun 1999. Projek bukan mahal, hanyalah sekitar RM20 juta tetapi hingga sekarang terbengkalai. Saya amat sedih dengan nasib 200 anggota polis daerah Perak Tengah yang menumpang di sana sini dan duduk di bangunan yang buruk.

Jadi saya mengharapkan kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan supaya mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah ini. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

5.18 ptg.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebelum itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan satu rancangan lima tahun untuk negara kita yang begitu komprehensif dan sewajarnya ianya telah mendapat sokongan dan juga sanjungan di negara kita.

Saya ingin menyentuh beberapa isu yang secara ringkas, lebih-lebih lagi masa yang diberikan adalah sangat singkat. Yang pertama saya ingin menyentuh isu pendidikan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa matlamat pendidikan adalah untuk memartabatkan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pada hari ini kalau kita melihat kepada generasi anak-anak muda kita yang lahir daripada pusat pengajian tinggi dan juga sekolah-sekolah menengah, mungkin kita bertanya sejauh manakah mereka ini telah berjaya mencapai matlamat yang telah dihasratkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak kementerian.

Ramai yang menganggur, ramai yang tidak ada kerja, ramai yang terlibat dengan masalah-masalah sosial dan ramai yang bermacam-macam. Oleh sebab itu saya suka mencadangkan sebagaimana yang telah disentuh juga oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah sebentar tadi supaya kita memperbanyakkan lagi sekolah teknik dan juga vokasional. Begitu juga dengan kemahiran-kemahiran yang lain dalam pertanian dan sebagainya supaya kita dapat melahirkan lebih ramai tenaga muda yang ada potensi untuk mereka cipta sumber-sumber baru di dalam negara kita. Bukan hanya kita bergantung kepada sumber-sumber yang sedia ada dan kita juga dapat memperkayakan pendapatan dan sebagainya, sebagai sumbangan kepada negara dan bangsa.

Saya juga ingin menyentuh mengenai isu budaya dan sukan. Kita melihat pada hari ini ramai belia yang mana seramai 12 juta di negara kita ini hampir 42 peratus ataupun 40 peratus daripada jumlah penduduk negara. Belia pada hari ini telah mendatangkan satu kekusaran kepada kita semua apabila ramai belia kita tidak ada pekerjaan. Tetapi kalau melihat kepada kebanjiran pendatang dari negara jiran kita yang datang bekerja di negara kita, kita tertanya-tanya apakah belia-belia kita ini tidak mampu untuk menjalankan kerja-kerja yang ada di dalam negara kita. Mereka mampu

tetapi mungkin minat mereka ini tidak ada. Mungkin satu budaya yang hilang dalam diri mereka, budaya ingin berbakti, budaya ingin menyumbang kepada negara, budaya ingin menyumbang kepada diri sendiri dan juga keluarga.

Oleh sebab itu, saya percaya suatu kaedah bagaimana kita hendak membudayakan generasi ini kerana mereka adalah generasi yang akan mewarisi negara kita, yang akan menjadi pemimpin dan pelapis kepada negara kita pada suatu masa nanti. Kalau dalam usia yang masih muda ini mereka terumbang-ambing sudah tentulah masa depan negara kita akan menuju kepada satu arah yang tidak menentu. Begitu juga

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih. Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak mencelah sedikit tentang belia ini. Kita biasa menuding jari apabila masalah kerosakan maruah, moral, kejahatan, jenayah dan masalah dadah, semuanya kita serahkan kepada belia. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, siapakah sebenarnya bertanggungjawab dalam hal ini.

Saya meletakkan belia ini sebagai jari manis. Jari manis ini biasanya memang sentiasa disukai oleh orang. Di sinilah duduknya cincin dan kalau kita lihat jari manis ini - kalau Yang Berhormat cuba, tidak boleh digerakkan sendiri, kecuali dengan lima jari ini. Lima jari ini diangkat barulah jari manis boleh diangkat. Ibu jari adalah pemimpin, ini sebagai ahli politik umpamanya .. (*mengangkat jari telunjuk*), jari hantu sebagai ibu bapa dan jari kelengkeng sebagai masyarakat. Siapakah yang hendak disalahkan apabila ini berlaku di kalangan belia? Terima kasih.

Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Kita tidak menyalahkan hanya kepada generasi belia sahaja, kerana mereka ini perlu kita kenali, kita perlu mengetahui cita rasa dan sebagainya tetapi penyelewengan ataupun kegelinciran yang berlaku mungkin daripada pembentukan yang silap dari beberapa sistem yang ada di dalam negara kita.

Kalau kita melihat, contohnya institusi keluarga, begitu juga dengan institusi sosial yang ada di kampung, JKKK, jabatan agama dan sebagainya yang akan saya sentuh selepas ini, mungkin kegagalan berpunca daripada sana. Sebab itulah belia-

belia kita pada hari ini, kita merasa cukup rugi dan kita merasa cukup sedih apabila suasana yang terjadi sedemikian. Sebab itu kita melihat di dalam bidang kebudayaan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Boleh? Tentang belia ini. Yang Berhormat saya tengok merungut dan merasa tidak senang hati tentang kedudukan belia di negara kita. Yang Berhormat, bolehkah berikan saya satu contoh, belia kita sedemikian rupa, belia negara mana yang kita hendak jadikan model dalam dunia ini, di mana kedudukan kita hari ini dan belia negara mana dalam dunia ini yang boleh belia Malaysia jadikan model atau mungkin kita sudah baik? Cuma kita rasa tidak puas hati saja. Boleh Yang Berhormat berikan penjelasan?

Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]: Saya tidak hendak mengambil contoh ataupun model daripada mana-mana negara tetapi kita perlu mengikut acuan kita sendiri kerana kita di sebuah negara yang berbilang budaya, berbilang kaum dan sebagainya mungkin kita boleh buat perbandingan di kalangan remaja belia yang ada dalam negara kita sendiri, sudah tentu belia bumiputera kita agak tertinggal jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai institusi keluarga kerana...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada masakah Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]: Saya ingat tidak ada masa. Saya teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun setuju.

Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]: Ya. Institusi keluarga - kita melihat institusi keluarga pada hari ini semakin berdepan dengan pelbagai cabaran; cabaran global, cabaran liberalisasi dan sebagainya dan cabaran kebendaan mengejar material sehingga kita melihat cabaran-cabaran ini telah menggoyahkan institusi keluarga sehingga di bandar-bandar dan juga di kampung-kampung, sehingga ibu bapa dan keluarga terpaksa meninggalkan rumah untuk mencari pekerjaan untuk menyara keluarga.

Di bandar, ibu bapa keluar bekerja dan anak tinggal di rumah dan bagi yang ada pendapatan yang lebih ada pembantu rumah dan sebagainya. Akhirnya anak-anak ini

mendapat pendidikan yang tidak formal di rumah masing-masing. Ini yang berlaku di dalam masyarakat kita pada hari ini yang sudah pasti dengan cabaran masa depan yang lebih besar lagi kita kawatir keadaan seperti ini akan menjadi lebih parah lagi.

Sebab itu kita tidak hairan pada hari ini berlaku pelbagai peristiwa yang menyayat hati. Kita tengok bagaimana kebakaran rumah yang ibunya tidak ada di rumah dan berbagai lagi yang kalau hendak disebutkan di sini. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya institusi keluarga ini perlu diperhebatkan supaya masing-masing mempunyai kesedaran supaya nilai sebuah keluarga itu dapat membantu memartabatkan masa depan, keluarga, masyarakat dan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Panjang lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dua perkara sahaja. Saya ringkaskan di sini iaitu JKK. JKK di kampung-kampung mempunyai peranan yang cukup besar sebagai mata dan telinga kerajaan, tetapi malang sesetengahnya yang berlaku, kita terbaca dalam surat khabar saban hari, contohnya ini apabila berlaku masalah di dalam masyarakat yang mana sesetengahnya itu bahkan tidak ada mesyuarat bulanan dan sesetengahnya tidak pula menjuruskan kepada masalah-masalah sosial dalam masyarakat kampung. Begitu juga untuk melihat kepada masalah keselamatan di dalam kampung masing-masing. Mereka hanya melihat kepada isu pembangunan, memohon untuk dewan sivik, memohon untuk jalan raya dan sebagainya.

Kesan yang seperti ini, kita melihat satu jurusan budaya yang tidak seimbang dalam masyarakat. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya satu pemantauan ataupun satu kaedah yang lebih terperinci supaya JKK di kampung-kampung ini dapat menjalankan kaedah-kaedah yang boleh melihat kepada kestabilan masyarakat dan sosial di kampung masing-masing. Sebab itu kita tidak hairan masalah penyalahgunaan dadah semakin meningkat.

Isu saya yang terakhir ialah Jabatan Agama Islam di negeri-negeri. Jabatan Agama Islam ini sepatutnya, saya mencadangkan dapat bersama-sama dengan masyarakat bagi memajukan isu-isu agama. Begitu juga dengan melibatkan diri di dalam kerja-kerja amal yang kita tengok pada hari ini, jabatan-jabatan agama tidak

begitu proaktif sehingga masyarakat hanya menjadikan tempat ataupun pejabat jabatan agama ini tidak dimasyarakatkan. Dengan cara memasyarakatkan jabatan ini saya percaya kerja-kerja kemasyarakatan berbentuk keagamaan itu menjadi lebih hebat lagi.

Begitu juga kalau kita melihat pada hari ini, isu produk-produk ataupun halal hub yang dibawa masuk daripada negara jiran, contohnya ubat gigi Darlie daripada Thailand. Mereka banyak membawa masuk dan memproses di sana kerana tenaga kerja yang murah, tetapi kita melihat sejauh manakah produk ini ataupun ubat gigi ini, walaupun kita nampak remeh tetapi sejauh manakah ia halal di sisi agama. Begitu juga kita melihat isu nikah kahwin yang berlaku akhir-akhir ini semakin hari semakin bercelaru.

Tuan Yang di-Pertua, kelima-lima perkara yang telah saya sebutkan ini adalah antara perkara yang menjurus kepada ketidakseimbangan masalah sosial di dalam negara kita. Oleh sebab itu masalah dadah yang menjadi masalah ataupun musuh nombor satu negara kita adalah berpunca daripada kelemahan institusi-institusi antara yang telah saya sebutkan tadi.

Musuh nombor satu ini, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri mewujudkan kembali Setiausaha Parlimen yang secara khusus bertanggungjawab mengenai masalah dadah kerana ia adalah musuh nombor satu yang semakin hari semakin mengancam negara kita.

Saya rasa itu sahaja ucapan saya dan yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak berpantun sebagai membalas budi daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Akar keladi melilit selasih,

Selasih tumbuh di hujung taman,

Kalungan budi junjungan kasih

Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Nerus.

5.30 ptg.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah manifestasi keikhlasan kerajaan di dalam menjayakan misi

pembangunan negara. Dalam erti kata Perdana Menteri telah memberitahu apa yang hendak dan akan dibuat dan sebanyak mana yang perlu kita buat.

Di dalam ucapan saya ini, saya ingin menjuruskan kepada perbincangan dan cadangan bagaimana kita perlu melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah memberikan apa yang hendak kerajaan buat untuk menjayakan misi besar negara ini bagi memajukan Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020. Saya tidak mahu rakyat beranggapan yang Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah *lampu Aladdin* dan Perdana Menteri kita pula ialah *superman*.

Kita sudah ada sejarah dan rekod bagaimana rancangan Malaysia yang lepas-lepas dilaksanakan dan dikesan baik buruknya. Dalam erti kata kita tidak mampu menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagai satu *trial and error*, dengan izin, kerana negara berada di ambang era globalisasi yang memerlukan negara membuat persiapan yang rapi di dalam kemantapan ekonomi dan tidak mampu membuat silap.

Saya melihat Rancangan Malaysia Kesembilan ini begitu padat dengan resipi-resipi kemajuan, kemanusiaan dan kebendaan yang menyeluruh. Kebimbangan saya ialah, yang pertamanya:

- (i) kemampuan pelaksanaan projek yang raksasa ini yang melibatkan hampir RM200 bilion. Saya tidak mahu Rancangan Malaysia Kesembilan ini dilihat seperti tongkang pecah, yu yang kenyang atau mendapat durian runtuh ataupun pembahagian harta pusaka;
- (ii) masih ada halangan atau kelemahan birokrasi atau autokrasi yang menyebabkan pengagihan projek pada sasaran menjadi tidak ekonomi, tidak adil ataupun tercicir.

Jentera kerajaan keseluruhannya sepatutnya pada masa ini telah pun bersedia untuk melaksanakan program-program Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Maksud saya, telah pun menyelesaikan kerja-kerja kajian semula tentang kegagalan rancangan Malaysia yang lepas, telah selesai menjalankan kajian atau membuat audit pengurusan, mengadakan visi, misi dan matlamat baru dengan strategi-strategi tertentu dan program-program tertentu dan jadual pelaksanaan yang tertentu dan sepatutnya Rancangan

Malaysia Kesembilan inilah yang menjadi permulaan kepada tindakan pembetulan kepada kegagalan Rancangan Malaysia yang lepas untuk kita pastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai tepat atau sebelum pada masanya.

Saya kira Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagai misi pembangunan negara, rakyat dan juga pemimpin masyarakat seharusnya diberi penerangan yang lebih jelas dan tepat bagi mewujudkan tanggungjawab bersama atau kekitaan di dalam memastikan rancangan Malaysia ini berada di landasan yang betul dan berjaya dijangka waktu yang dirancang. Biarlah tanggungjawab Rancangan Malaysia Kesembilan ini diberi sama rata kerana Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah hak rakyat dan demi untuk kesejahteraan rakyat.

Kerajaan hanyalah badan yang diamanahkan oleh rakyat untuk mengendalikannya bukanlah pendekatan yang diamalkan di antara kuli dengan tauke. Saya kira sifat ini mesti ditanamkan kepada rakyat bagi menyemarakkan semangat sayang kepada negara melalui tunjuk sikap bertanggungjawab terhadap setiap projek negara demi untuk kepentingan rakyat juga. Dalam erti kata pendekatan ala setia kawan di antara kerajaan dan rakyat mesti dieratkan.

Nilai-nilai setia kawan ini boleh diterjemahkan melalui perdebatan rakyat dari peringkat JKK kampung hingga hierarki kerajaan. Badan-badan seperti Biro Pengaduan Awam dan juga Badan Pencegah Rasuah mesti dilihat banyak memainkan peranan pencegahan daripada penangkapan. Maksud saya, biarlah BPR ataupun Biro Pengaduan Awam menjalankan tugasnya sebelum berlaku sesuatu kerosakan atau penyelewengan terhadap sesuatu projek.

Tidak ada kebanggaan atau kejayaan mutlak dengan hanya memaklumkan berjaya membuat tangkapan apabila berlaku sesuatu penyelewengan. Saya merasa bangga kalau pihak BPR ataupun Biro Pengaduan Awam berjaya mencegah dan menyelamatkan sesuatu angkara penyelewengan yang mungkin akan berlaku. Rancangan Malaysia Kesembilan juga diibaratkan sebagai kek yang terlalu besar, banyak godaan dan tikus-tikus sentiasa mengorek kek ini di waktu malam.

Ada tikus hitam dan ada juga tikus putih serta ada juga yang dua warna. Masing-masing mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Maka, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan juga rakyat untuk memastikan tikus-tikus ini tidak memakan kek yang besar ini dan menjadi rosak dan kotor. Kita harus menerima hakikat

melalui rancangan Malaysia yang lepas yang melibatkan projek mega dan juga projek terdesak. Kerajaan seharusnya belajar dan mengambil iktibar bagaimana pentingnya sistem tata cara dan kawal selia yang baik. Pegawai yang jujur berkait rapat dalam memastikan kejayaan sesuatu projek kerajaan atau akan menjadi gajah putih, kadang-kadang menjadi biawak hidup yang terpaksa dipikul oleh kerajaan dan juga ditanggung oleh rakyat bebannya.

Sebagai contoh projek Jambatan Tambak Johor. Di mana silapnya, diibaratkan kita terpaksa belayar dan terpaksa berpatah balik. Adakah kerana nakhodanya cuai atau kerana ombak terlalu besar? Dan, satu lagi yang kerajaan sedang hadapi ialah masalah TNB dan saya difahamkan TNB ini tergadai *body* dengan IPP di waktu janji manis dahulu. Saya harap melalui Rancangan Malaysia Kesembilan ini di bawah *project private financing*, dengan izin, jangan lagi ada pendekatan-pendekatan yang menyebabkan di lihat kerajaan dan rakyat Malaysia terlalu bodoh atau senang di kotak-katik.

Kita memang ingin melihat negara kita maju, rakyat senang dan negara aman. Tetapi maruah perlu dijaga kerana kita bangsa yang beradab, bukan mengejar kejayaan sehingga hingga hilang identiti sendiri. Saya kira Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah satu gerak kerja yang bercorak larian jarak jauh, kita tidak perlu gopoh tetapi laksanakannya dengan teratur dan tertib. Maksud saya, kalau projek Rancangan Malaysia Kesembilan ini di tender, tidak perlulah diberi kepada yang paling rendah, dengan alasan hendak berjimat tetapi akhirnya projek terkandas.

Dan, tidaklah juga diberikan kepada tender yang terlalu mahal. Kadang-kadang pegawai yang menilai projek itu, saya terpaksa mengambil ayat-ayat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seolah-olah menjadi *little Napoleon*, pelbagai syarat ditekan dan dikenakan. Saya juga mencadangkan jumlah tender yang bercorak sebut harga dinaikkan ke suatu jumlah yang lebih praktikal kerana melalui kaedah ini banyak projek kecil dapat dilaksanakan dengan begitu cepat, akibat tahap birokrasi yang rendah dan ini dapat mempercepatkan kesan positif Rancangan Malaysia Kesembilan kepada kumpulan sasaran.

Saya mencadangkan setiap kelulusan tender projek yang besar, keputusan pengerusi lembaga dan juga jawatankuasa tender ataupun sesiapa sahaja yang mengetuainya mesti dicatatkan sebagai *performance record*, dengan izin, terhadap

prestasi pegawai yang berkenaan yang diamanahkan dan diambil kira sewaktu kenaikan pangkat mereka. Dengan pendekatan ini, pegawai yang diamanahkan akan lebih bertanggungjawab dan tidak lepas tangan. Dalam melaksanakan kepentingan bumiputera dalam rancangan Malaysia ini, peranan toyol Melayu mesti dihapuskan. Pada zaman dahulu, toyol-toyol ini dipelihara oleh orang-orang Melayu untuk mencuri duit tetapi ketika ini toyol-toyol Melayu ini memainkan peranan sebagai pelobi dalam untuk mendapatkan projek-projek dan tatkala mendapat projek dia menjadi sebagai penunggu kepada orang-orang politik.

Saya mencadangkan kepada kerajaan agar memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen biasa menganggotai *committees* atau jawatankuasa-jawatankuasa untuk memantau perjalanan Rancangan Malaysia Kesembilan kerana pegawai atau Ketua Setiausaha Negara atau Ketua Setiausaha sudah terlalu banyak jawatankuasa-jawatankuasa yang disandang oleh mereka dan ini akan membuat mereka mempunyai beban tugas yang berlebihan.

Saya percaya Ahli Parlimen kita ini sudah ramai yang mempunyai kemahiran profesional dan juga akademik. Peranan Ahli Parlimen harus diubah mengikut keadaan semasa, bukan hanya jadi burung kakak tua. Lagipun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlulah membuat kerja mandur untuk memantau kemajuan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Jadilah sebagai pengurus, biar kami, Ahli Parlimen ini menjadi mandur membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memantau Rancangan Malaysia Kesembilan dan kalau berjaya kita sama-sama raikannya, dan kalau gagal kita tidak boleh salahkan kepada Perdana Menteri seorang sahaja kerana Ahli Parlimen pun sama-sama terlibat.

Kerajaan seharusnya mewujudkan satu mekanisme bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen melibatkan diri dalam proses *general monitoring of project*, dengan izin, melalui kerjasama dengan Parlimen Malaysia. Dengan demikian, Ahli-ahli Parlimen berperanan sebagai *watchdog*, dengan izin, kepada pelaksana Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan, kalau ada masalah yang rumit dapat terus dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan membuat Perdana Menteri lebih *hand on*, dengan izin. Dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua wanita lagi yang belum berucap. Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyediakan Rancangan Malaysia Ke-9 ini menyatakan bahawa kerajaan telah mengambil kira pandangan semua pihak termasuk rakyat di peringkat akar umbi dalam menggubal rancangan ini. Dan pihak kami di sini juga maka kemajuan mahukan rancangan pembangunan di bawah rancangan ini dapat dicapai dan tidak membawa kerugian atau kegagalan mana-mana projek di bawah rancangan ini.

Beliau Yang Amat Berhormat juga berkata adalah penting bagi saya untuk mendengar suara dan bisikan rakyat tentang perasaan mereka, kehendak mereka dan harapan mereka. Dan di sinilah saya ingin sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Sebab sebelum dan selepas pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 di dalam Dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyeru dan menggesa dan memberi amaran yang keras kepada pelbagai pihak termasuk pegawai kerajaan.

Yang Amat Berhormat berkata Rancangan Malaysia Ke-9 ini perlu digerakkan sekarang beliau juga berkata pemimpin politik dan kakitangan yang tidak mampu laksana RMK-9 ini berhenti dan berehat. Beliau juga kata mereka yang bakal terbabit di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini secara langsung agar tidak berfikir kepentingan diri tetapi utamakan masa depan kelangsungan hidup, *survivor* bangsa Malaysia. Beliau juga kata sektor perkhidmatan awam tidak memerlukan para pegawai yang cerewet suka menunjukkan kuasa dengan ringkas *Little Napoleon*.

Keprihatinan Yang Amat Berhormat ini saya menyokong beliau untuk menjayakan projek ini. Rayuan, gesaan, dan seruan ini semua ini memang sedap, tepat pada masanya. Disuarakan tepat pada masanya. Tetapi, persoalannya sekarang, pemantauan projek yang akan dilaksanakan. Yang Amat Berhormat juga menunjukkan keprihatinan beliau telah menubuhkan badan bertindak pelaksanaan negara dengan sendirinya mempengerusikan badan ini dan Ketua Setiausaha Negara juga menunjukkan beliau akan menyokong Perdana Menteri dan beliau juga akan turun padang dan tidak bergantung kepada laporan sahaja.

Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan memastikan Menteri-menteri menyampaikan laporan prestasi projek-projek di bawah mereka. Ini semua adalah langkah yang baik untuk memantau perkembangan projek tetapi, persoalan sekarang

kami semua saya percaya Barisan Nasional dan ahli-ahli juga ingin tahu. Ini semua adalah kata-kata, ini semua kata-kata tapi kita hendak tahu apa apakah masalah yang telah timbul di dalam rancangan Malaysia Ke-8 yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan ini.

Projek di bawah RMK-8, berapakah projek yang telah terbengkalai dan nilai dan kerugiannya? Dalam Dewan ini kita diberitahu ada 2300 lebih oleh Yang Berhormat Menteri hari itu, tapi berapakah nilai harga ini dan berapakah kos tambahan yang perlu untuk memulihkan projek ini perkara satu, perkara kedua adalah pihak mana yang terlibat dalam menggagalkan RMK-8 ini. Pihak mana yang bertanggungjawab dan siapa yang telah dihukum, siapakah yang akan dihadapkan ke mahkamah setakat ini. Kita hanya dengar disenaraikan hitam sahaja kontraktor-kontraktor. Kerana guna dengan pegawai *little Napoleon* itu. *Little Napoleon* yang telah menggagalkan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 itu. Apa tindakan diambil bagi mereka yang meluluskan kontraktor atau pemaju untuk menjalankan projek itu tetapi projek itu gagal. Mereka yang memilih kontraktor itu dengan kelulusan oleh Kementerian Kewangan ada setengah projek yang akhirnya sekarang terbengkalai.

Di mana mereka? Apa tindakan mereka? Selain itu, Yang Amat Berhormat ada dua hari yang lepas kata kesal tengok projek terbengkalai di Sarawak, penjara bernilai 165 juta dan kena tambah 42.7 juta lagi. Beliau berkata pemaju kontraktor tidak bertanggungjawab, *sub* kontraktor menjalankan kerja diberi tetapi buat kerja tidak elok kerana bayaran tidak diberi oleh kontraktor pertama ini.

Jadi, bagaimana boleh mengelakkan perkara ini berulang. Ini yang kita hendak tahu, kalau tidak hanya ini mekanisme ada badan bertindak pelaksanaan negaralah Ketua Setiausaha Negara turun padanglah, tiap-tiap laporan ada dari menterilah. Ini tidak memadai sebab mereka yang melihat butir-butir di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ini mereka lihat dia macam satu skim cepat kaya, skim cepat kaya bagi mereka sebab mereka tahu mereka akan terlepas, tidak ada apa tindakan termasuk juga dengan beberapa *little Napoleon* ini.

Jadi, apa mekanisme yang sedia ada. Seruan, gesaan, dan amaran ini sedap didengar. Kami hendak tahu boleh Yang Amat Berhormat bagi jaminan bahawa projek di bawah RMK-9 ini semua akan sekurang-kurangnya ada kebaikan di dalam pelaksanaannya dan tidak berulang insiden di bawah RMK-8 ini. Dan Yang Amat

Berhormat juga kata mahu satu kualiti kerja yang dihasilkan adalah baik dan bagaimana boleh pastikan ada *sub-sub* standard kualiti. Kalau kita lihat buat masa ini ada banyak projek-projek hanya diberi kepada golongan bumiputera sahaja. Bagaimana pula kepada mereka bukan bumiputera.

Yang Amat Berhormat kata, apabila menghadiri sempena menyambut perayaan Vasakhi, tidak akan membiarkan satu kaum pun terpinggir dalam agenda pembangunan sejajar dengan misi nasional ini. Beliau juga berkata “Selagi saya bernafas dipertanggungjawabkan dan diamanahkan itulah yang akan saya usahakan”. Tetapi, apakah di bawah projek Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan juga diberi projek-projek kepada kontrak bukan bumiputera yang lain. Ada Tuan Yang di-Pertua, ramai kontraktor-kontraktor bukan bumiputera mereka menerima projek melalui *sub-sub* dan menghasilkan kualiti kerja yang teruk dan inilah salah satu puncanya mengapa ada projek-projek terbengkalai.

Sebab main kontraktor yang telah mendapatkan projek itu untuk mereka tidak menjalankannya dan *sub-sub* kemudian tidak membayar kepada kontraktor kecil yang kebanyakannya adalah bukan bumiputera, bukan Melayu yang tidak dapat projek secara terus dan ada yang menghabiskan kerja-kerja tetapi tidak dibayar. Ini adalah satu contoh yang paling ketara adalah di bawah projek Universiti Teknologi Petronas yang mana melibatkan lebih kurang 2.2 juta untuk menyiapkan asrama di Universiti Teknologi Petronas di Teronok. Apabila saya sampaikan perkara ini kepada KLCC, pegawai KLCC kata, “Kami tidak campur tangan. Ini adalah antara *main* kontraktor dengan *sub* kontraktor”. Saya kata, “Perkara yang hendak saya sampaikan ialah kerana main kontraktor lantikan Pihak Petronas ini tidak bertanggungjawab, kerja-kerja disiapkan oleh *sub* kontraktor. Jadi, pohonlah atas keperimusiaan agar tolonglah, tuntutan bayaran untuk mereka”. Tetapi yang saya kesalkan, pihak Petronas kata, “Kami tidak campur tangan. Bagi kami asalkan kerja siap kami bayar”.

Apakah ini sikap yang betul? Jadi janganlah bagi di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ini jadi satu kesempatan kepada golongan kontraktor-kontraktor bumiputera yang tidak bertanggungjawab ini menjadikannya satu skim cepat kaya dan ambil peluang untuk menindas, menindas kontraktor-kontraktor yang lain yang tidak boleh memperoleh projek ini. Dan yang telah ambil projek tidak laksanakan projek, saya boleh bangkitkan

ini, ini adalah pengkhianat bangsa dan penghalang kemajuan negara. Apa tindakan? Saya hendak tanya, lebih kontrak diberi.

Apakah tindakan akan diambil Rancangan Malaysia Kelapan. Apa tindakan yang telah diambil kepada mereka ini; yang tidak habiskan projek yang terlibat di dalam memutuskan memilih pemaju kontraktor ini, terlepas. Jadi, apa harapan Yang Amat Berhormat kata kita mesti capai ini tidak boleh *delay* lagi projek di RMK -9.

Tetapi, yang RMK-8 itu apa tindakan. Sama juga dengan pemberian polisi projek di antara di antara RMK-8, RMK-9 apa perbezaannya atau sama juga. Kalau sama juga ini semua yang dikata Yang Amat Berhormat sedap didengar sahaja. Bagaimana boleh capai Wawasan 2020 kalau demikian, lebih banyak kerugian. Jangan cakap jauh Tuan Yang di-Pertua, kita lihat setiap tahun laporan Ketua Audit Negara banyak masalah termasuk Kementerian dalam Negeri, projek pembinaan Ibu Pejabat Daerah Polis, laporan Ketua Audit hanya tengok empat projek buat audit. Empat pun satu pemaju yang dipilih kontraktor kewangan tidak kukuh dua, semua minta lanjutan masa tiga, banyak alasan diberi mengapa gagal yang di mana *auditor* kata tidak boleh diterima dan selepas itu kerana kegagalan itu untuk menyiapkan pada masa itu pihak kerajaan kena menggunakan wang rakyat untuk bayar sewa bangunan bagi pegawai-pegawai.

Jadi, bukannya pihak kerajaan dan pihak kami tidak menyokong bahawa kebajikan pegawai polis tidak penting tapi kita tengok sebanyak 170 juta untuk projek di mana RMK-8 untuk pembinaan IPT...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yackob]: Ya, minta gulung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:... 1.28 billion untuk kuarters PDRM.

Jadi saya haraplah dan perkara ini saya pohon semua jawapan yang saya bangkitkan tadi. Isu yang seterusnya yang saya bangkitkan adalah saya menyokong tindakan pihak Kabinet yang meminta pihak kementerian Perumahan untuk memberi definisi apa yang bermaksud *innocent behavior*. Tetapi persoalannya yang saya tanya sekarang adalah di bawah Kanun Keseksaan 377(d) sudah ada kesalahan jika seseorang melakukan "*indecent gross indecency acts*" ia adalah satu kesalahan. Apa perlu satu garis panduan lagi satu undang-undang kecil lagi di bawah Undang-undang

Kecil di bawah kementerian ini lagi. Saya mohon agar tuduhan ke atas pasangan yang mereka hanya *holding hands* memegang tangan itu ditarik balik, dibatalkan.

Saya juga ingin meluahkan kecewa saya dengan kenyataan yang dibuat oleh JAKIM di mana pihak Kabinet telah meminta agar definisi kepada *indecent acts* dikaji oleh Kementerian Perumahan. JAKIM begitu angkuh sekali terus kata kita akan terus dengan tanggungjawab kami untuk menangkap mereka yang didapati membuat kerja-kerja *indecent acts* tindakan kelakuan yang kurang sopan dan lucah atau sumbang. Dan dia kata kalau pihak bukan Islam kami nampak dia bersama Islam kami akan bawa dia ke balai polis dan juga kami akan ambil tindakan ke atas mereka yang bukan Islam. Sekarang ini siapa bos? Ketua Eksekutif ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi JAKIM juga tidak dengar pandangan keputusan Kabinet. Tunggulah definisi. Ini akan menyebabkan krisis keyakinan.

Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjanji kepada pelajar ini, dia e-mail kepada saya. Pelajar ini dari tajaan JPA dan belajar di Dublin Island, kursus perubatan. Kos kehidupan di Dublin begitu tinggi dan tajaan yang diberi hanya 614 euro. Sewa 400 euro, *electricity internet* 50 euro, *transport* 60 euro dan juga lain-lain. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup semasa belajar di sana. Jadi saya haraplah semua yang saya bangkitkan ini pihak kementerian yang bertanggungjawab akan memberi jawapan. Dan yang MCA banyak cakap. Jadi saya haraplah perkara-perkara berkenaan isu yang saya telah bangkitkan berkenaan dengan *Indecent acts* ini dan kes terhadap pasangan ini akan ditarik balik. Minta Kabinet putuskan pada minggu yang akan datang. Jangan jadi kongsi nama sahaja tetapi tidak ada kongsi kuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kita bagi wanita terakhir, Yang Berhormat Bagan Serai. Lepas itu lelaki *control*.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyokong usul pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di Rancangan Malaysia Kesembilan ini peruntukan untuk wanita dalam rancangan ini adalah lebih kurang sama dengan peruntukan pada rancangan-rancangan Malaysia yang lepas. Jadi persoalannya ialah sejauh manakah kerajaan serius mahu melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun mengesahkan di Dewan ini baru-baru ini bahawa kita gagal mencapai peratusan 30% wanita selaku pembuat dasar dan keputusan sedangkan Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelapan dan kini Kesembilan telah pun memperuntukkannya maka dasar wanita negara yang digubal seawal 1989 juga gagal dicapai sepenuhnya. Adakah kita ini hanya membuat dasar demi dasar walhal pelaksanaannya masih merupakan satu angan-angan sahaja bagi kaum wanita.

Setiap kali Rancangan Malaysia dibentangkan, kami mendengar hal yang sama diperuntukkan kepada kaum wanita sedangkan pelaksanaannya gagal mencapai matlamatnya. Maka saya mohon mencadangkan kepada kerajaan agar menyediakan tempat yang maksimum ke tahap 30% kepada kaum wanita profesional untuk menyandang jawatan tinggi kerajaan bagi mengelakkan diskriminasi demi membela nasib dan sosial ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000 IPU ataupun *Inter Parliamentary Union* telah membuat satu *survey* dan daripada *survey* yang telah dijalankan *consensus* yang didapati adalah satu petikan yang saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin bacakan '*A democracy in which women are represented only "marginally" is not a real democracy. Women participation in policy making is a question of justice and equality. Anything less than equality for women in this area is a deficit of democracy.*' Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon supaya kerajaan menimbang dengan serius berkenaan dengan dasar ini dan kita lihat di buku Rancangan Malaysia Kesembilan ini di muka surat 307 bab 13 saya lihat di sini telah menekankan bahawa kerajaan, saya hendak baca apa yang dikatakan di sini bahawa 'penekanan akan diberikan untuk melantik lebih ramai wanita sebagai ahli majlis dalam pihak Berkuasa Tempatan'.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat cadangan ini semasa saya membahaskan titah di Raja beberapa minggu yang lepas dan saya begitu gembira bila membaca buku Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya ingin memberi sedikit statistik berkenaan dengan negara-negara lain di mana *representation* di PBT ini. Misalan di Chili, sudah ada 48%, Sweden 42%, Bolivia 34%, Finland 27%, Vietnam 26%, Nepal 24%, India 33%, Bangladesh 33.3% dan Malaysia hanya 11.5%.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, kita mempunyai sejumlah 3,150 Ahli-ahli Majlis di PBT kita dan 2,794 adalah dari kaum lelaki dan hanya 363 adalah daripada kaum wanita iaitu merupakan lebih kurang 11.5%. Jadi saya berharap di sini bahawa kerajaan akan berani membuat keputusan untuk melaksanakan dasar 30% ini dalam peringkat yang paling akar umbinya sekali iaitu dari mula daripada PBT.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sistem penyampaian, saya rasa Rancangan Malaysia Kesembilan akan gagal jika jentera pentadbiran kerajaan enggan mengubah sikap budaya kerja yang berteraskan budaya minda kelas pertama. Dasar kerajaan akan menjadi sia-sia sekiranya pihak pelaksana tidak serius dalam melaksanakan aspirasi kerajaan dan rakyat. Maka saya ingin membawa ke tengah pengalaman saya sendiri, apabila cuba berhubung dengan kementerian-kementerian khasnya.

Selaku wakil rakyat saya telah pun cuba memperoleh beberapa maklumat daripada beberapa kementerian melalui Unit Penyelidikan Parlimen di mana Unit Penyelidikan Parlimen telah menghantar surat melalui faksimili bertarikh 14.2.2006 kepada tiga kementerian berhubung maklumat carian saya berkenaan peruntukan dana bagi wanita di kementerian-kementerian. Kementerian-kementerian berikut ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sehingga hari ini, kami masih belum memperoleh sebarang maklumat balas daripada pegawai-pegawai berkenaan.

Saya khuatir apakah yang akan terjadi dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini jika kementerian dan seluruh jentera pentadbiran kerajaan tidak serius tentang tujuan kita. Untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan semua kementerian malah seluruh jentera pentadbiran kerajaan perlu dipertingkatkan sejajar dengan matlamat pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan jelas menyatakan sektor swasta akan mengetuai pertumbuhan ekonomi negara. Perkhidmatan Awam kita adalah penggerak kepada sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan.

Jadi janganlah pula jentera perkhidmatan ini menjadi penghalang dengan kewujudan pelbagai peraturan yang boleh menjadi kerengah birokrasi seperti yang telah diperkatakan oleh Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dengan izin adalah *to*

facilitate not to frustrate. Berdasarkan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perdagangan dan pembangunan di Asia, Malaysia masih merupakan salah satu destinasi yang menarik kepada pelabur-pelabur asing dirantau Asia. Kajian Bank Dunia juga menunjukkan pelabur dari luar lebih senang melabur di negara yang mempunyai kestabilan politik serta sistem penyampaian yang tidak ada kerendah birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan tidak menumpukan perhatian hanya kepada pembangunan, prasarana fizikal semata-mata. Sebaliknya tumpuan sama pentingnya ialah pembinaan *soft infrastructure* seperti mengukuhkan integriti penjawat awam, mengubah minda serta meningkatkan moral masyarakat. Tidak ada gunanya negara mempunyai modal insan yang cekap, bijaksana dan berketerampilan jika mereka tidak berwibawa mempunyai moral yang rendah atau tidak beretika. Rakyat akan sentiasa memerhati jika ada kelemahan pelaksanaan dan penguatkuasaan serta penyelewengan apatah lagi menyalahgunakan kuasa. Sememangnya penghormatan terhadap kewibawaan kerajaan pada rakyat bergantung kepada keunggulan personaliti, akhlak dan perilaku para pemimpinnya yang menjadi tonggak pemerintahan. Maka perbuatan rasuah di semua peringkat perlu ditentang habis-habisan dan ketelusan dalam pentadbiran perlu terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa kerajaan boleh mengadakan satu sistem di mana semua peringkat dalam meluluskan lesen dan sebagainya akan mempunyai satu struktur yang teratur supaya tidak terbiar kepada budi bicara pegawai-pegawai tetapi kalau semua mematuhi syarat-syarat yang ditentukan dia dapat diluluskan. Pembaziran harus dihentikan khasnya di jabatan-jabatan kerajaan. Saya mohon mencadangkan agar tindakan dan hukuman keras dikenakan terhadap kakitangan kerajaan khasnya ketua-ketua jabatan yang tidak mengamalkan budaya berjimat-cermat serta cuai, leka, malas dan tidak melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab. Amanah dan berintegriti selaku penjawat awam. Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Saya mohon mencadangkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam agar cerewet sedikit apabila memilih calon

kakitangan awam. Jangan jadikan jabatan kerajaan sebagai *dumping ground*. Saya juga cadangkan bahawa *key performance index* dilaksanakan di setiap kementerian dan jabatan kerajaan secepat mungkin. Saya rasa sudah tiba masanya penjawat awam dengan izin *shape up or ship out* kerana pelan integriti nasional menuntut kakitangan kerajaan bersikap dengan penuh berintegriti dan berkredibiliti di mana mereka inilah dengan izin *accountable* terhadap rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah penting untuk diinsafi, dikaji dan dihalusi secara *comprehensive* dan segera oleh semua pihak supaya seluruh resipi strategi dan dasar ke arah mewujudkan perpaduan patriotisme dan pembinaan ketahanan nasional di Malaysia agar benar-benar selaras dengan kedudukan dunia yang sedang dihambat ledakan ICT dan perkembangan bioteknologi. Arus globalisasi yang merentas dunia tidak mengenali bangsa ataupun agama.

Justeru saya harapkan semangat perpaduan negara kita sesama kaum dapat dipertahankan dan dipertingkatkan lagi kerana apabila bercakap mengenai perpaduan dan patriotisme negara, jangan kita sekadar mengibarkan jalur gemilang sewaktu sambutan hari kemerdekaan atau sekadar mendengarkan lagu kebangsaan dan mengikrarkan Rukun Negara tanpa mengetahui cabaran-cabaran strategik Wawasan 2020.

Rakyat Malaysia hendaklah memahami dan menghayati sejarah silam bahawa Kementerian Pertahanan negara amat bergantung kepada daya pertahanan perpaduan antara sesama kita. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Ada tujuh enam orang lagi. Okay.

6.05 ptg.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillah hirahmanirrahim. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010.

pembangunan yang seimbang. Kita tidak boleh bertolak ansur terhadap pembangunan bandar dan luar bandar. Isu-isu seperti elektrik, air, jalan, kemiskinan dan sebagainya tidak boleh kita bertolak ansur. Mestilah kita pastikan pelaksanaannya. Saya pasti RM10 bilion yang diberikan tidak cukup. Saya harap kerajaan akan tambah. 14 tahun bukan masa yang jauh, ia adalah satu masa yang singkat yang akan berlalu begitu sahaja.

Pendidikan adalah satu perkara yang penting. Sekolah adalah tempat yang utama. Saya tidak hendak *blueprint* terlampau banyak. Saya tidak hendak Kementerian Pelajaran.....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Minta penjelasan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Tidak apalah, terima kasih. Saya tidak hendak Kementerian Pelajaran masih hendak berunding dengan JKR, masih hendak berunding dengan TNB, sekolah yang tidak ada elektrik hendak berunding mengenai air dan sebagainya. Saya hendak dalam jawapan ini Kementerian Pelajaran beri saya 100 sekolah fasa pertama yang akan dibuat tahun 2006. Mana sekolah yang hendak dipulihkan elektrik di negeri Sabah dan Sarawak mana? Mana nama-nama sekolah? Sudah boleh dijalankan. Kalau asyik hendak bincang TNB lagi, hendak bincang JKR lagi, berapa banyak bincang kita tidak habis?

Jadi saya harap pendidikan tidak ada kompromi untuk kita. Pendidikan bahasa Cina, bahasa Tamil terus buat. Orang hendak masuk tidak hendak masuk sekolah kita, kita jalan terus. Apa kita hendak fikir? Memperkasakan. Kita mesti serius dalam isu pendidikan. Bukan hendak main-main. 14 tahun tidak lama, 14 tahun cepat, sekejap. Saya minta jawapan khusus daripada Kementerian Pelajaran, 100 sekolah yang paling teruk, yang hendak diperbaiki pada tahun 2006, berapa jumlah tiap-tiap satu sekolah, sekolah kebangsaan apa berapa jumlahnya, *timeframe* bila hendak siap dan pemantauan bagaimana hendak pastikan ia akan siap.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan memainkan peranan yang penting. Kemiskinan mesti dihapuskan. Tetapi saya ingatkan kepada kita, jangan kita ambil kesempatan atas kemiskinan orang. Hari ini kita lancarkan tabung. Kita beri SMS RM10 untuk konon-konon beri orang miskin. Betulkah orang miskin dapat RM10? Berapa saya hendak tahu ini! Saya hendak tahu RM10 yang saya berikan melalui SMS, berapa syarikat komunikasi ambil? Berapa pengurusan ambil? Buat realiti TV,

“Bersamamu” umpamanya. Datang kawasan kita, ada beri salam? Beri salam wakil rakyat tidak ada. ADUN, Ahli Parlimen ditinggalkan. Bawa orang susah pergi Jabatan Kebajikan Masyarakat minta keutamaan! Kita juga hari-hari hantar dekat Jabatan Kebajikan Masyarakat, bukan kita tutup mata! Tetapi mentang-mentang masuk TV hendak ada keutamaan. Saya ingatkan kita bekerja ikhlas lillahi taala bukan untuk publisiti! [Tepuk]

Siapa yang berhak dia berhak! Jangan hanya kerana kita hendak masuk TV! TV3 datang ambil gambar depan Jabatan Kebajikan masyarakat hari ini pergi esok dapat! Apa ini?! Habis surat wakil rakyat jadi apa?! Berpuluh-puluh surat kita hantar kakitangan tidak cukup “alon-alonlah” itu bahasa isteri saya. Sabar sahajalah dia kata.

Selepas itu paparkan kemiskinan, beri dalam tabung wujudkan tabung, berapa daripada tabung ini benar-benar orang miskin dapat? Berapa dia ambil untuk pengurusan? Kalaulah kita beri itu untuk anak yatim haram dia makan, duit anak yatim. Kenapa tidak dia bukakan akaun orang itu, paparkan nombor akaun orang itu kita derma terus kepada orang itu. Apa hendak tabung-tabung? Saya minta satu audit yang menyeluruh saya tidak tahulah Kementerian Kewangankah, Kebajikankah penyata khusus tahun 2005 tabung-tabung ini termasuk SMS-SMS yang kita kirimkan untuk tujuan membantu supaya tidak ada orang yang mengambil kesempatan di atas kemiskinan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rumah, rumah penting. Kebanyakan rumah kos rendah buat, mana pemaju tidak hendak buat singkirkan, *be serious*. Jangan rumah murah ditaruk di hujung *lay out* pelan, Ahli-ahli Majlis, orang-orang yang berkuasa di taruk di ceruk satu sudut untuk orang-orang bumiputera duduk. Tetapi sampai bila kita hendak duduk rumah murah? Cukuplah satu generasi. Saya mengharamkan generasi saya yang kedua untuk duduk rumah murah. Kita mesti mengharamkan generasi kita yang kedua untuk duduk rumah murah.

Kuota, kita ada kuota kita pergi, kuota sudah habis encik minta maaf banyaklah sudah penuh. Kita jumpa lagi, kuota sudah tidak ada. tunggu satu bulan dia pergi hantar *proposal* cadangan minta tukar bumiputera kepada kuota antarabangsa. Tidak ada perubahan kuota saya minta kerajaan tegas. Kalau kita tidak buat perubahan dia akan jual juga, *believe it or not?* Jangan kita berkompromi atas kepentingan kita. Kuota

selalu dipermainkan di merata-rata tempat. Saya minta kerajaan membuat satu peraturan undang-undang apa juga supaya kuota ini tidak diubahkan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan nasional. Kita hendak perpaduan saya hendak tanya kepada kementerian. Kita hendak perpaduan nasional atas bahasa apa, bahasa apa? Ada orang sampai tingkatan lima pun tidak pandai Bahasa Melayu, tidak pandai Bahasa Melayu tetapi dia tidak hairan sebab apa, dalam surat khabar hendak cari kerja *referable* Bahasa Mandarin, apa ada hal? Perpaduan nasional dalam bahasa isyarat agaknya yang kita hendak. Apa yang kerajaan hendak buat, apa dasar kerajaan terhadap bahasa perpaduan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan ucapan saya yang lepas apa kerajaan boleh buat, ternyata kerajaan tidak boleh buat apa.

Hak sembahyang dinafikan, apa kerajaan boleh buat? Nah, ini jawapan kerajaan, jawapan bertulis, kerajaan tidak boleh buat apa. Hak aurat orang Islam dinafikan, apa kerajaan boleh buat? Nah, ini jawapan bertulis kerajaan tidak boleh buat apa. Hak untuk bersolat dinafikan. Hari ini kita pergi restoran tengok saya minta menteri walaupun tidak ada saya tunjuk tempat dia. Arahkan penguat kuasa pergi, restoran-restoran halal dia tulis, halal, halal. Halal cara dia, berapa banyak kita sudah ambil tindakan? Apa kita boleh buat? Nah, sekarang kalau kerajaan serius gubal undang-undang. Ambil tindakan kepada mereka yang menafikan hak orang Islam untuk sembahyang. Nah, kalau kerajaan betul-betul, gubal undang-undang. Ambil tindakan ke atas penafian hak menutup aurat orang Islam.

Kalau sekadar kerajaan jawab, belum ada garis panduan atau peraturan, baik tidak payah jawab. Kalau diberhentikan kerja saya tanya apa kerajaan boleh buat dia pakai tudung, dia kena berhenti kerja. Apa kerajaan jawab? Setakat ini kerajaan hanya mengeluarkan garis panduan berpakaian. Serius tidak kerajaan? Sungguh-sungguh Lillahi Taala, (*Membaca sepotong ayat Al-Quran*). Gubal undang-undang supaya hak orang Islam untuk menutup aurat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Ini yang terakhir sekali, pembangunan. Pembangunan memang penting. Tahun 2000, Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran datang ke tempat saya Sekolah Menengah Dato' Onn, tolonglah

Sekolah Menengah Dato' Onn. Tahun 2000, janji hendak buat dewan sampai hari ini berpuluh surat hantar, habuk jawapan pun tidak ada. Kita orang tempat kita, macam-macam hendak tahu. Rancangan Malaysia Kesembilan buku ini sudah bentang. Bila lagi kita hendak keluarkan *pendetailan*? Kita buat macam-macam hantar, buku ini saya buat tujuh peringkat kita hantar daripada daerah, negeri, SUB, KSU, Menteri, Perdana Menteri, EPU semua saya hantar. Bila agaknya, bila agaknya? Kita hendak jalan sudah ini, kita hendak jalan.

Kalau setakat kita hendak diam sahaja cerita di awang-awang, 14 tahun tidak jadi apa negara kita sudah. *Now*, kita sekarang masa untuk kita buat kerja *detailkan*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum Ya Syed.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Rosak. Cubalah tidak apalah *sorry* saya minta maaf.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sahabat, sahabat. Hendak bagi dia bertenang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik tadi Yang Berhormat saya telah mengkaji semasa Yang Berhormat bercakap pasal tutup aurat ini. Cuma saya hendak berpesan kepada orang bukan Islam, jangan mempertikaikan undang-undang Islam yang dijalankan oleh JAKIM. JAKIM dia bertindak ke atas orang-orang beragama Islam. Jadi, kalau kita pertikaikan tutup aurat ini terhadap orang Islam ini adalah, satu tidak penghormatan kepada orang bukan Islam. Saya tahu nada Yang Berhormat tadi cukup marah. Jadi, Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih. Saya beritahu kerana Allah, siapa hendak bercakap dengan saya di luar dari Parlimen ini *at any time*, saya akan pertahankan. Bukan tudung tetapi tutup kepala jangan jadikan isu. Sedangkan kita tidak pernah membangkitkan banyak isu yang kita patutnya mendapat hak. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pembangunan, isu-isu memang terlampau banyak tetapi saya minta jawapan daripada kementerian pada kali ini *detail*. Kita janganlah *blueprint* terlampau banyak. Kita janganlah menyusun kertas kerja yang membolehkan kita pergi bulan yang

sebenarnya kita tidak boleh buat. Kita sungguh-sungguhlah atas apa yang kita hendak buat. Saya ucap terima kasih, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Langkawi.

6.19 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006. Tuan Yang di-Pertua saya mengikuti pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan teliti, dengan khusyuk. Dan di akhirnya dengan doa yang begitu panjang, jadi kita haruslah memikirkan sesuatu untuk menentukan ianya berjaya.

Saya juga amat tertarik hati dengan pesanannya berkenaan dengan pencemaran. Pencemaran ini adalah satu benda yang kita perlu jauhkan. Walau bagaimanapun saya ingin membawa Kementerian tertentu kepada apa yang berlaku di kepulauan Paya-paya iaitu tiga buah pulau, Pulau Paya, Pulau Kaca dan Pulau Embun. Menjadi tarikan pelancong yang begitu banyak sekali datang. Untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 10 ribu orang pergi ke Pulau Paya tiap-tiap bulan. 10 ribu orang ini akan mandi, jadi bila mandi Tuan Yang di-Pertua, ia mengeluarkan peluh. Bila mengeluarkan peluh, ia akan *effect* ataupun ia akan membuatkan kemasinan air telah kurang. Dalam lain perkataan, segala batu karang dan yang lainnya akan tercemar dan akan mati. Bila mati jadi tidak ada orang akan pergi. Saya mintalah pihak universiti ataupun pihak tertentu mengadakan kajian terperinci berkenaan *caring capacity* yang boleh - sebagaimana beberapa ratus orang, 300 orang kah, 100 orang kah yang boleh pergi ke Pulau Paya, yang lainnya tak boleh mandi. Saya mintalah pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga pihak MARDI, pihak universiti-universiti USM, UTM, UiTM, dan seterusnya lain-lain agensi untuk meneliti dengan sebaik mungkin.

Keduanya berkenaan dengan produk pelancongan. Jadi saya amat tertarik hati dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam RMK-9 iaitu kita hendaklah memupuk budaya *maintenance* atau budaya selenggaraan. Kerana kalau kita buat produk pelancongan, tak dijaga, tak dibela, kotor, kadang-kadang busuk, sampah sarap bertaburan, maka sudah tentulah dari segi Langkawi, tidak ada orang

datang ke Langkawi dan Malaysia seluruhnya. Kalau kita lihat dari segi ini, maka saya harap pihak kementerian berkenaan supaya menjaga sesamalah dengan kita penduduk Langkawi dan Malaysia seluruhnya untuk menjaga produk-produk pelancongan ini dengan sebaik mungkin. Kerana kita telah belanja berjuta ringgit dan akan lingkup seterusnya kalau tak dijaga dengan baik.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minggu sudah ataupun sebulan lepas, bukanlah nak cerita Langkawi tapi saya terpaksa cerita yang ini. Shah Rukh Khan, pelakon Bollywood yang terkenal, buat filem "Don" di Langkawi. Yang mana dilakukan 80% di Langkawi dan Kuala Lumpur dan 20% di India. Saya difahamkan dia amat kagum dengan keindahan dan keunikan Langkawi. Dan saya percaya bila Tuan Yang di-Pertua dapat melihat "Don" itu maka nampaklah terpampang Langkawi, katakan *Cable Car* yang dibuat lakonan di atas itu.

Yang ketiganya berkenaan dengan, saya ulang sekali lagi. Saya ini menghadapi masalah dari segi feri *services*. Jadi dalam ucapan saya yang lepas, saya telah mengulang lagi bahawasanya saya mintalah pihak feri Kementerian Pengangkutan, KSU ke, Menteri ke, semualah pergi ke Langkawi, tengok, lihat dengan sendirinya apa yang berlaku. Kadang-kadang itu, nak cerita pun malu orang. Satu hari saya balik daripada Langkawi ke Kedah. Jadi seorang wanita yang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat kata balik dari Langkawi ke Kedah? Langkawi tu daripada Kedah Yang Berhormat. *[Ketawa]*.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Langkawi ke Kuala Kedah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Langkawi ke Alor Setar.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Minta maaf, Langkawi ke Alor Setar. Dan seorang perempuan yang telah mengandung sarat, mungkin masalah komunikasi maka dihantar ke Alor Setar. Dalam perjalanan dia melahirkan anak, dalam bot, dalam feri tanpa perlindungan, tanpa orang kata sekatan. Inikah kita sebagai zaman moden yang entah, tak tahulah saya nak cerita. Betapa aibnya ibu berkenaan, betapa aibnya ibu bapanya yang melihat anaknya melahirkan anak di dalam feri. Saya tanya kepada mereka, apakah ini selalu berlaku? Selalu berlaku Dato', yang ialah, ada yang mati, yang dalam perjalanan ke Alor Setar sudah tentulah ada yang mati, ada yang seterusnya.

Saya mintalah pihak Kementerian Pengangkutan datanglah, saya telah beritahu dulu, minta Menteri pi tengok, janganlah hanya asyik melihat keindahan Langkawi tapi pergi melihat, buat kerja sikit. Kerana pada saya ialah benda yang memalukan, benda yang memalukan kerana kita nak tarik pelancong. Melihat keadaan sedemikian, maka sudah tentulah, tak tahulah para pelancong akan datang ataupun tidak kerana itu melambangkan budaya kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, nak bagi jalan?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tak payah batuk Yang Berhormat, saya dah beritahu jangan batuklah, nanti menjangkit dekat orang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Langkawi. Saya tak tahulah anak yang dilahirkan itu dinamakan nama feri ke, nama apa, Wallahualam. *[Ketawa]*

Tapi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan ataupun kepada Kementerian Kesihatan. Kita adakan feri ambulans khusus untuk pesakit-pesakit di Pulau Langkawi. Jadi feri ambulans ini digunakan untuk bawa jenazah, untuk bawa orang sakit, kerana saya faham Tuan Yang di-Pertua, feri itu kalau kita naik, lama-lama kita lemas perut, dia tak besar, feri tu kecil. Jadi kalau orang sakit, bayangkanlah, dia bagi tidur, duduk tang tempat bubuh barang tu. Jadi Yang Berhormat minta, minta pada kerajaan ini, Rancangan Malaysia Kesembilan minta satu feri ambulans ataupun untuk digunakan kepada pesakit-pesakit di Pulau Langkawi untuk dibawa ke Alor Setar. Kalau tidak makin ramai akan melahirkan anak dalam feri. Jadi Yang Berhormat pun, kasihanlah dekat dia, kawan pun tinggal kulit dengan tulang sahaja. Jadi, mintalah, minta.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai yang begitu prihatin. Memanglah, dah lama minta Yang Berhormat, tak larat dah. Cakap ni, dah tak larat cakap dah. Dah cakaplah Kementerian Kesihatan semacam, Pejabat Daerah semacam, semua semacam, tak ambil tahu langsung, tak ambil prihatin. Ada yang itu dikatakan, kadang-kadang tu pegawai yang bertugas di Langkawi, duduk di Alor Setar. Jadi depa tak menghayati apa yang berlaku di Langkawi. Tapi itulah, saya nak *complaint* kawan-kawan kita juga. Jadi itulah yang berlaku.

Perkara yang keempat ialah berkenaan ikan tuna. Tempat kita, ialah saya telah bangkitkan perkara ini tahun lepas iaitu ada satu kumpulan daripada Jepun dan Taiwan untuk melabur mengadakan pekan tuna di Langkawi. Saya telah bertanya Kementerian Pertanian berkenaan, tapi jawapannya tak menyenangkan hati saya. Saya nak tahu, dia kata hari tu, Menteri Pertanian kata, mereka adakan di Batu Maung, betul. Dan juga diadakan lain-lain tempat, tak apa. Tapi saya nak tahu berapakah harga untuk melaburkan di Batu Maung? Berapa ratus juta ringgit yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk melabur di Batu Maung?

Padahal di Langkawi terdapat tempat yang begitu indah, atau jeti sudah pun siap disediakan. Saya percaya pelabuhan ini sudah disediakan. Hanya hendak buat sedikit sebanyak seperti kilang dan sebagainya. Ini pun pelabur akan buat. Dengan lain perkataan, kepada kerajaan kosong, tidak belanja apa. Sekarang saya hendak tahu kepada kerajaan, Kementerian Pertanian, berapakah pelaburan LKM di Batu Maung? Siapa yang keluar duit itu? Adakah kerajaan atau pelabur? Saya difahamkan Batu Maung diberi kepada pihak swasta untuk diswastakan. Tetapi saya hendak tahu berapakah pelaburan kepada LKM? Kerana saya difahamkan kerajaan akan juga melaburkan ratusan juta ringgit. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Ya. Jadi perkara satu lagi ialah berkenaan dengan *biotech*. Ini berkaitan dengan Langkawilah. Saya hendak kalau boleh pihak universiti ataupun pihak MARDI ataupun pihak Kementrerian Pertanian mengadakan kajian terhadap gamat. Sekarang ini gamat telah menjadi hendak dikatakan pupus tidak juga, tetapi disebabkan penggunaan yang begitu banyak, maka gamat telah pun hampir pupus. Jadi saya hendak tahulah, saya hendak ceritakanlah sedikit di sini berkenaan dengan air gamat ini. Air gamat, minyak gamat, *sea cucumber*, jeli gamat dan sebagainya. Ianya amat berkhasiat. Anak lelaki saya terkena air panas, sapu ini. Sebelum pergi klinik, dia sapunya air gamat kemudian bawa pergi klinik, dalam lain perkataan boleh dikatakan serap dengan begitu baik. Seorang lagi, anak perempuan saya. Jatuh dan terhantuk dan bibirnya macam terkopak sikit. Giginya berdarah. Jadi disapu air gamat dan pendarahan berhenti kemudian dibawa pergi klinik. Bibirnya bercantum semula. Itu yang berlaku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, Yang Berhormat hendak terang Yang Berhormat lupa. Air gamat ini juga Tuan Yang di-Pertua, untuk wanita-wanita yang baru melahirkan. Seorang wanita yang baru beranak, dia minum air gamat, Insya-Allah luka-luka dalaman itu cepat baik. Jadi gamat ini Tuan Yang di-Pertua, dia menangkap yang luka. Jadi kita hendak Kementerian Pertanian macam Yang Berhormat katakan tadi, buat kajian. Bukan senang Yang Berhormat. Kalau ada luka tangan, luka dan sebagainya, dia tangkup balik, darah pun berhenti Yang Berhormat. Betul Yang Berhormat?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Itulah yang berlaku kepada anak saya. Dan satu lagi saya cerita. Ini kepada anak saudara saya. Dia ada penyakit kulit sedikit. Kulit tangan mengelupas. Dia pergi ke doktor, banyak doktor dia sudah pergi. Tetapi, macam itu juga. Bila saya bagi tahu dia, mungkinlah bubuh air gamat, minyak gamat, cubalah. Dia bubuh air gamat, dua minggu kemudian, lega. Itulah yang saya katakan. Kalau boleh pihak universiti buatlah kajian yang tertentu. Mungkin ini satu perkara yang kita terlupa, ataupun tidak teringat yang saya percaya dapat menjadikan satu produk daripada *biotechnology* yang kita ada. Terima kasih. Fasal sudah hujung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Libaran.

6.34 ptg.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan atas pembentangan rancangan pembangunan lima tahun negara yang begitu komprehensif. Saya dapati, penekanan kerajaan ke atas lima teras utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, melegakan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memfokuskan perbincangan saya tentang keseimbangan pembangunan antara negeri-negeri dan juga wilayah. Satu perkara yang menarik perhatian saya, dalam Rancangan Malaysia yang Kesembilan ini ialah komitmen kerajaan untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan di antara negeri. Peruntukan besar kerajaan diberikan kepada negeri-negeri mundur seperti Sabah yang memperoleh lebih kurang RM16 bilion, terima kasih. Sarawak, Kelantan dan Terengganu dalam hal ini adalah bukti kesungguhan kerajaan dalam menangani

masalah keseimbangan ini. Walaupun dalam kes Kelantan contohnya, ditadbir oleh bukan dari parti pemerintah.

Tetapi dari aspek pendidikan dan juga kesihatan, lebih jauh baik daripada negeri-negeri yang ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional. Dari segi kesihatan misalnya, pada tahun 2005, data menunjukkan nisbah doktor dan pesakit. Di Kelantan contohnya, seorang doktor, pesakit lebih kurang 1,596 orang iaitu lebih maju daripada negeri Sabah. Di mana seorang doktor, kalau di Sabah; pesakit lebih kurang 2,719 orang. Sarawak, 1 kepada 2,078 orang. Manakala negeri-negeri yang lain, adalah begitu jauh baik daripada negeri Sabah. Atas keprihatinan kerajaan untuk membaiki ketidakseimbangan ekonomi dan pembangunan antara negeri, saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada lima perkara, iaitu dari segi indeks komposit pembangunan mengikut negeri.

Data tahun 2005, menunjukkan negeri Sabah adalah negeri yang dari segi komposit pembangunan adalah terendah sekali berbanding dengan negeri-negeri lain. Dari segi pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar, negeri Sabah adalah negeri yang kelima terendah sebanyak 5.8% selepas negeri Kelantan, Perlis, Perak dan Terengganu. Dari segi kadar kemiskinan, Sabah juga adalah negeri yang termiskin sekali di Malaysia, dengan kadar kemiskinannya pada tahun 2004 adalah 23% berbanding dengan Kelantan 10.6%, Terengganu 15.4%, Sarawak 7.5%, Kedah 7.4% dan Perlis 6.3%. Lain-lain negeri, kadar kemiskinan mereka adalah kurang daripada 2%.

Data ini menunjukkan dengan jelas betapa jurang kemiskinan antara negeri Sabah dan negeri-negeri lain adalah begitu besar sekali. Dari segi kadar pertumbuhan purata penduduk bandar, Sabah adalah negeri yang menerima proses perbandaran yang begitu pesat berbanding dengan negeri-negeri lain dengan kadar pertumbuhan puratanya 2.9%. Kadar perbandaran ini tentunya banyak menimbulkan masalah kepada bandar-bandar di negeri Sabah. Penghijrahan ini adalah, mereka yang datang dari kawasan pedalaman. Yang tidak mempunyai kemahiran, mereka datang untuk mencari peluang pekerjaan di bandar yang tidak mampu menampung kehadiran mereka dengan peluang pekerjaan.

Akibatnya Tuan Yang di-Pertua, banyak timbul masalah gejala sosial. Melihat kepada data di atas, apa yang nyata adalah tiga perkara utama. Wujud

ketidakseimbangan pembangunan yang ketara antara negeri-negeri di Malaysia dan Wilayah. Kedua, negeri Sabah juga adalah negeri yang termiskin dan mundur sekali, diikuti oleh Kelantan, Terengganu dan Perlis. Ketiganya, keseimbangan pembangunan antara negeri-negeri ini menyebabkan berlakunya penghijrahan yang ketara hingga mewujudkan proses perbandaran yang mengakibatkan kepada berlakunya gejala sosial yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab berlakunya masalah ketidakseimbangan pembangunan yang serius antara wilayah dan negeri, menjadikan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengatasinya, maka saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan, iaitu mewujudkan peluang pekerjaan di negeri yang mundur supaya rakyat tidak berhijrah ke tempat lain.

Penhijrahan seperti yang saya sebutkan tadi memang banyak menimbulkan masalah.

Kedua, menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan bekalan elektrik bagi menarik pelabur asing untuk datang ke Sabah Sarawak dan negeri-negeri yang mundur.

Ketiga, menyediakan tenaga kerja yang cukup dalam aspek profesional, mahir, separuh mahir dan juga buruh kasar. Dalam hal ini saya kira negeri Sabah dan negeri-negeri mundur lain perlu diberi perhatian supaya negeri ini boleh membangun selari dengan kemajuan pesat yang dicapai oleh negeri-negeri lain. Saya yakin sekiranya kerajaan tidak memberikan perhatian dalam aspek ini, matlamat kerajaan untuk mengujudkan pembangunan seimbang seperti yang tertara dalam Rancangan Malaysia, sudah tentu perkara ini sukar untuk dicapai. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ialah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Strategi kerajaan ini adalah amat dialu-alukan kerana dalam menjadikan negara maju, tingkat kualiti hidup rakyat adalah mustahak. Namun, untuk menjadi negara maju, bukanlah mudah kerana negara kita masih lagi menghadapi masalah kemiskinan tegar yang serius. Data tahun 2004, menunjukkan sekali lagi Sabah merupakan negeri yang mempunyai kemiskinan tegar yang terbanyak iaitu 6.5% diikuti oleh Terengganu, 4.4%, Perlis 1.7%, Kedah, Kelantan masing-masing 1.3%, Sarawak 1.2% dan lain-lain negeri kurang dari 1%. Dari segi jurang kemiskinan tegar, antara penduduk bandar dan luar bandar pula, purata kadar kemiskinan tegar di bandar ialah 0.9%, manakala di luar bandar ialah 21.1%. Data ini menunjukkan tiga perkara.

Pertama, jurang kemiskinan antara negeri dengan negeri dan antara bandar dengan luar bandar adalah masih luas.

Kedua, Sabah masih lagi merupakan negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tegar yang paling tinggi ini negara kita.

Ketiganya kemiskinan tegar ini menyebabkan kerajaan perlu berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Banyak perkara yang perlu dilakukan. Ini kerana kualiti taraf hidup yang baik bererti, rakyat boleh menikmati sekurang-kurangnya kemudahan asas yang diperlukan oleh manusia seperti kemudahan perumahan, kesihatan, pendidikan dan bekalan elektrik dan air. Dalam konteks data yang ada, tahap Rancangan Malaysia adalah masih rendah. Pada tahun 2005, liputan bekalan elektrik di semenanjung misalnya ialah 9.6%, Sabah 72.8% dan Sarawak 80.8%.

Liputan ini, kita jangka meningkat di Semenanjung Malaysia kepada 98.8% pada tahun 2010, Manakala Sabah, 80.6% dan Sarawak 92.9%. Dari segi pembangunan jalan raya pula, indeks pembangunan jalan menunjukkan masih lagi banyak jalan raya yang perlu kita bina. Ini kerana IPG di Malaysia masih rendah. Dengan Sabah dan Kelantan adalah negeri yang memerlukan pembinaan jalan raya yang banyak. Di Sabah adalah 0.80 pada tahun 2000 dan 1.10 pada tahun 2005. Manakala di Kelantan pula adalah 0.60 pada tahun 2000 dan kekal pada indeks sama pada tahun 2005. Lain-lain negeri adalah mempunyai indeks pembangunan jalan yang lebih daripada 1 mata.

Dari segi bekalan air pula, pada tahun 2005 menunjukkan 98 kawasan bandar dan 92 kawasan luar bandar di Malaysia adalah mendapat bekalan air. Dari segi ini, negeri yang menikmati bekalan air terendah bagi kawasan bandar ialah Kelantan, 80% dan Sabah dengan 90%. Manakala bagi kawasan luar bandar pula ialah Kelantan dengan 60% dan Sabah dengan 61%. Lain-lain negeri 100% bagi kawasan bandar dan 92% ke atas kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Data ini menunjukkan dua perkara. Pertama; Sabah masih lagi merupakan negeri yang mempunyai taraf hidup rakyat yang lain rendah dari segi kemudahan bekalan air, elektrik, jalan raya. Kedua; kualiti hidup rakyat antara negeri adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, dengan senario seperti di atas adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kerajaan mengambil inisiatif yang serius dalam memperbetulkan keseimbangan pembangunan dan taraf hidup rakyat di semua pelosok di negara kita. Saya amat mengharap agar peruntukan pembangunan untuk setiap negeri yang mundur dapat dibelanjakan dengan cara yang paling baik dan berkesan. Ramai Ahli Parlimen dan kerajaan sudah tentu mengambil langkah tentang penyampaian projek ini.

Untuk menjayakan pelaksanaan projek pembangunan yang dirancang tersebut, saya ingin mencadangkan supaya pelaksanaan projek pembangunan tersebut mengambil kira perkara-perkara berikut.

Pertama, setiap projek yang hendak dilaksanakan mestilah di bincang terlebih dahulu dengan ahli-ahli ataupun pemimpin-pemimpin di kawasan masing-masing terutama sekali Ahli Parlimen kawasan berkenaan. Ini kerana Ahli Parlimen di kawasan berkenaan lebih mengetahui apa yang dikehendaki oleh rakyat dan apa yang perlu dilakukan oleh rakyat di kawasan berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang hendak saya sentuh dalam ucapan ini ialah mengenai modal insan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendekkan Yang Berhormat.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Ya, sebagai institut negara mencapai matlamat negara maju, modal insan ini dalam definisinya yang mudah ialah menggunakan sumber manusia seperti ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai modal untuk mengerakkan dan menjana pembangunan negara. Dalam hal ini saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan kemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan bagi membangunkan generasi masa depan yang berilmu dan berketerampilan. Saya amat gembira dengan peruntukan besar yang diberikan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan terutama Sabah diberikan sebanyak lebih kurang RM2.78 bilion dalam pendidikan ini. Cuma Tuan Yang di-Pertua, dari tahun ke setahun dan seterusnya saya dapati tidak banyak berlaku perubahan. Dari segi kemudahan pendidikan di kawasan pedalaman. Lawatan saya contohnya ke kampung-kampung di daerah saya, mendapati sekolah masih lagi dalam keadaan daif. Prasarana masih belum mencukupi dan kutipan untuk pelajar semakin tinggi.

Adalah jelas bahawa kementerian telah menetapkan kadar yuran yang rendah untuk pelajar, tetapi apabila mula belajar, terlalu banyak kutipan yang dibuat oleh pihak sekolah ke atas anak-anak. Rungutan sering saya terima daripada para ibu bapa dalam hal ini. Anak-anak mereka meminta membayar yuran kelas, yuran perpustakaan, yuran sukan, yuran pasukan, yuran persatuan, yuran keceriaan kelas, yuran PIBG tidak ada pelbagai yuran lagilah Tuan Yang di-Pertua. Ada kalanya guru-guru memaksa murid-murid membeli buku-buku rujukan tambahan dan cerita yang dijual oleh syarikat-syarikat penjual buku di sekolah. Tidak cukup dengan itu, anak-anak juga dipaksa untuk menjual kupon atau juga mengutip derma *jogathon* dengan perlu pergi dari rumah ke rumah memohon derma bagi memenuhi kad yang diberikan oleh guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat ya.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Sedikit lagi. Yuran tambahan kerja kutipan derma yang dikenakan oleh pihak sekolah ini menyebabkan ibu bapa menjadi resah. Anak-anak yang tidak berwang takut untuk ke sekolah. Mengapa hal ini masih berlaku sedangkan kerajaan telah menetapkan kadar yuran yang sewajarnya. Saya berharap agar kementerian dapat menyasihat hal ini dan kalau sebenarnya pihak sekolah memerlukan dana ini, kenapa pihak kementerian tidak menambah untuk keceriaan sekolah ataupun demi masa depan anak-anak yang bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara iaitu di kawasan saya. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan memang saya berterima kasih kepada kerajaan kerana ada tiga sekolah menengah telah dibina di kawasan ini. Tetapi yang mengecewakan kepada saya ialah sekolah-sekolah ini berdekatan di antara satu dengan yang lain, lebih kurang 3 kilometer. Kedudukannya pula kebanyakannya di pinggir bandar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak kementerian pada tahun ini, pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya difahamkan bahawa ada tiga buah sekolah menengah akan diwujudkan supaya sekolah ini seperti yang kita pohon hendaklah diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar di mana ibu bapa anak-anak luar bandar senang menghantar anak-anaknya dalam mendidik anak-anak mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

6.52 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kerusi saya berada di selekoh Dewan ini. Mikrofon ini berada di sebelah kiri dan mengikut Peraturan Mesyuarat, saya masa berucap kena mengarahkan ucapan saya kepada Tuan Yang di-Pertua di sebelah kanan saya. Oleh itu saya mohonlah pihak pentadbiran boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh berdiri sebelah sana.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya boleh masuk sempadan orang sedikitlah kerana dia tidak ada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Walau bagaimanapun saya minta supaya kalau boleh alihkan mikrofon ini ke sebelah kanan dan tukar mikrofon yang boleh dilaraskan, *adjustable*, mengikut ketinggian seseorang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertema “Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang” merupakan satu rancangan yang ingin memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat kerana penekanan utama adalah kepada pembangunan sumber manusia dan pembangunan fizikal. Rancangan Malaysia Kesembilan memetakan strategi-strategi pembangunan negara untuk tempoh 2006 hingga 2010. Strategi-strategi ini perlu mengambil kira perubahan pantas landskap global dan perlu memastikan negara kita kekal dengan daya persaingan yang tinggi dalam persekitaran dunia yang semakin mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam pencapaian Misi Nasional. Pembangunan modal insan harus dilakukan secara *holistic* melalui pendidikan, latihan, pembelajaran sepanjang hayat dan ajaran agama. Pendidikan wajib di peringkat rendah yang dilancarkan kerajaan pada

tahun 2003 merupakan langkah bijak bagi memastikan setiap warganegara dapat menikmati pelajaran peringkat rendah.

Bagi mencapai matlamat pendidikan wajib ini, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang cukup dan baik bagi setiap rakyatnya. Kelengkapan seperti sekolah-sekolah, guru-guru terlatih, buku-buku, prasarana dan sebagainya perlu diutamakan. Pendidikan yang berkesan bermula dari kanak-kanak haruslah berterusan sehingga seseorang itu menjadi dewasa. Kerajaan mesti komited bagi mengurangkan buta huruf dewasa sebanyak 50% menjelang tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM45.1 bilion akan diperuntukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan dan latihan. Antaranya sebanyak RM4.84 bilion telah diperuntukkan kepada sekolah rendah sebagai peruntukan pembangunan berbanding dengan RM5.37 bilion pada Rancangan Malaysia Kelapan yang menunjukkan penyusutan sebanyak RM0.53 bilion bersamaan dengan 9.9%. Penyusutan peruntukan ini agak memeranjatkan memandangkan bilangan pelajar sekolah rendah bertambah dari RM2.91 juta pada tahun 2000, RM3.04 juta pada tahun 2005 ke RM3.2 juta pada tahun 2010.

Di samping itu, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, perbelanjaan Kementerian Pelajaran adalah RM24.17 bilion berbanding peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan hanyalah RM16.96 bilion dan sasaran inisiatif pembiayaan swasta, *private finance initiative* (PSI) adalah sebanyak RM6.24 bilion sahaja. Mengikut deklarasi pendidikan yang diadakan pada 25 April 2000, dengan izin, *NGO declaration on education for all*, kerajaan digalakkan membelanjakan sebanyak 6% daripada GNP untuk pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan yang bermutu bermula dengan prasarana yang baik. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan bagi menyediakan tempat pengajaran yang mencukupi bagi pendidikan peringkat rendah. Pembinaan sekolah yang baru di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru, penambahan bilik darjah di sekolah yang sedia ada serta peruntukan kewangan yang sama rata harus dipergiat dan disalurkan dengan secepat mungkin.

Pembinaan sekolah rendah yang baru sebanyak 180 buah di seluruh pelosok negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan amat dialu-alukan. Namun demikian, kerajaan kena mengambil kira sumbangan dan pembinaan sekolah kebangsaan SJKC dan SJKT. Sekolah-sekolah baru semua aliran perlu dibina di kawasan berkepadatan penduduk tinggi dan terbuka untuk pilihan pelajar seperti sistem pengambilan dan kemasukan yang sedia ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan seharusnya ditumpukan kepada segenap lapisan tanpa mengira agama, keturunan atau sekolah perantaraan. Masalah kekurangan guru, bilik darjah atau buku yang menjejaskan proses pelajaran harus diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Komitmen kerajaan untuk memperkasakan Dasar Pendidikan Negara kepada semua sekolah adalah perlu agar negara kita sentiasa bersedia menghadapi cabaran menjelang tahun 2020.

Keterampilan negara China sebagai sebuah gergasi ekonomi dunia dan kemaraan negara India sebagai pada masa terdekat dalam pasaran dunia pada zaman globalisasi ini berkehendakkan rakyat Malaysia mempunyai pandangan dunia yang luas, *world view*, dengan izin, tidak mempunyai sikap berkubu dan sentiasa meletakkan diri dalam senario antarabangsa. Oleh yang demikian, kerajaan kita khasnya Kementerian Pelajaran harus menitikberatkan kesaksamaan dari segi mutu kemudahan pelajaran di semua peringkat dari sekolah rendah, sekolah menengah sehinggalah peringkat pengajian tinggi. Kesaksamaan ini termasuklah kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan keturunan minoriti termasuklah mereka di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada peruntukan kerajaan, penyertaan sektor swasta dan persendirian memainkan peranan yang penting dalam usaha membina modal insan. Sebagai contoh, dua syarikat surat khabar tanah air ini telah berusaha mengumpul dana pendidikan semenjak dua dekad yang lepas. Mereka menganjurkan pementasan amal sebanyak 10 hingga 15 kali setahun bagi mengumpul sumbangan kewangan orang ramai.

Dua syarikat berkenaan berjaya mengumpul secara purata sebanyak RM12 juta hingga RM15 juta bagi membantu 20 buah hingga 25 buah sekolah setiap tahun. *Nanyang Siang Pau* misalannya, dalam tempoh lebih kurang 20 tahun telah mengumpul derma untuk institusi pendidikan melebihi RM269 juta, manakala *Sin Chew Jit Poh* mengumpul derma melebihi RM140 juta dalam tempoh 12 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja amal sebegini harus diberi insentif oleh kerajaan agar lebih banyak institusi swasta, organisasi atau perseorangan tampil membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan prestasi pendidikan. Bagi mencapai objektif ini, terutama mencapai memperoleh PFI sebanyak RM6.24 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan perlu memberi imbuhan tertentu bagi menggalakkan orang ramai membuat sumbangan kepada usaha penambahbaikan sistem pendidikan amnya dan sekolah-sekolah pelbagai aliran.

Insentif-insentif seperti berikut saya cadangkan:

- (i) pemotongan atau pengecualian cukai -

Tuan Yang di-Pertua, pemotongan cukai berganda pada jumlah yang disumbangkan kepada mana-mana sekolah harus dikuatkuasakan. Kerajaan harus membenarkan syarikat swasta atau perseorangan mendapat potongan cukai berganda pada sumbangan kewangan kepada sekolah. Langkah ini bukan sahaja meringankan beban kerajaan dalam meningkatkan infrastruktur sekolah malahan menggalakkan semangat penyayang sektor swasta dan tanggungjawab kemasyarakatan.

- (ii) penawaran bayaran bunga perbankan yang berpatutan -

Tuan Yang di-Pertua, tawaran bunga, *interest*, dengan izin, yang berpatutan seperti kurang daripada kadar bunga semasa di pasaran harus diberikan kepada syarikat, organisasi atau perseorangan yang membuat sumbangan kewangan yang melebihi sesuatu jumlah minimum setiap tahun, misalnya RM100 ribu bagi syarikat boleh dilaksanakan.

- (iii) keutamaan pembaharuan lesen atau memanjangkan jangka masa bayaran balik pinjaman syarikat-syarikat tertentu -

Tuan Yang di-Pertua, semasa memperbaharui lesen perniagaan, kerajaan boleh memberi keutamaan kepada syarikat yang memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah. Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menggalakkan syarikat perbankan institusi kewangan memanjangkan jangka masa bayar balik

pinjaman bagi mereka yang menderma kepada pembinaan dan penambahbaikan sekolah.

- (iv) pengecualian cukai kepada tanah sekolah sumbangan pihak swasta -

Semua tapak pembinaan sekolah rendah baru dan yang sedia ada harus dikecualikan daripada cukai tanah dan cukai harta. Di samping itu selain daripada tapak rizab sekolah seperti yang dikehendaki dalam syarat pemajuan bagi tapak tambahan untuk sekolah yang disumbangkan oleh sektor swasta, pihak pemberi tapak tanah patut diberi insentif dalam bentuk pengecualian cukai dengan mengambil kira nilai semasa tapak berkenaan.

- (v) pemberian kemudahan pengecualian cukai kepada sekolah rendah -
Tuan Yang di-Pertua, kemudahan pengecualian cukai hendaklah diberi kepada semua sekolah rendah dan badan-badan yang berhubung kait seperti Lembaga Pengurus Sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Pemberian kemudahan pengecualian cukai ini hendaklah secara langsung tanpa kerenah birokrasi yang menyulitkan dan melambatkan usaha pungutan dana pembangunan sekolah. Ini adalah memandangkan bahawa badan-badan tersebut perlu memberi bantuan kewangan untuk penambahbaikan dan pembangunan sekolah bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan PIBG 1998.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berkaitan dengan parity kuasa beli, *purchasing power parity* dan pendapatan isi rumah. Saya hendak cadangkan di sini bahawa oleh kerana kejadian kemiskinan juga telah menurun secara konsisten di negara kita di mana 8.5% pada 1999 sehingga 5.7% pada tahun 2004 sementara kemiskinan bandar telah meningkat daripada 11.9% ke 14.1% antara 1999 hingga tahun 2004. Akan tetapi yang

menariknya ialah dalam tempoh yang sama antara 1999 dan 2004, *coefficient gini*, pekali gini iaitu indeks mengukur ketidaksamaan keseluruhannya telah meningkat daripada 0.452 ke 0.462.

Dengan itu corak pendapatan isi rumah Malaysia boleh diringkaskan seperti berikut.

- (i) perbezaan antara kaum sedang menurun;
- (ii) kejadian kemiskinan keseluruhannya juga sedang menurun;
- (iii) kejadian kemiskinan bandar lebih jarang di kawasan bandar tetapi ia sedang meningkat; dan
- (iv) *coefficient gini* sedang meningkat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya perbezaan pendapatan isi rumah di kalangan rakyat dikaji semula untuk mendapatkan gambaran yang lebih sempurna dan seimbang terhadap pengagihan kekayaan dalam negara. Selepas Rancangan Malaysia lima tahun, ini adalah kali pertama pendapatan isi rumah disasarkan untuk parity atau persamaan pendapat di kalangan berbilang kaum. Sementara sebelum ini tumpuannya adalah 30% ekuiti bumiputera. Sekiranya dasar persamaan atau parity pendapatan telah beralih daripada ekuiti kepada pendapatan isi rumah seperti yang tersirat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, maka ia adalah munasabah untuk rakyat memahami sepenuhnya terhadap prinsip sukatan ketidaksamaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Maka akhirnya saya mencadangkan kita menggunakan parity kuasa beli, *purchasing power parity* yang dikenali di peringkat antarabangsa sebagai satu metodologi untuk membandingkan taraf kehidupan yang lebih adil dan sempurna. Walaupun penggunaan kaedah penyelarasan DPP akan mengabaikan faktor kadar pertukaran dalam kes ini tetapi ia boleh diubahsuaikan dengan mengambil kira kelainan dalam kadar inflasi antara kawasan pedalaman dan bandar, cara hidup, sewa, penggadaian, rumah dan semua ini harus diambil kira apabila membandingkan perbezaan pendapatan isi rumah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis dahulu.

7.07 mlm.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah dapat membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam rangka kerja misi nasional daripada tahun 2006 ke tahun 2020 iaitu 15 tahun yang akan datang.

Kalau kita lihat dalam misi nasional ini, dia akan menumpukan usaha negara kepada bidang-bidang utama yang akan membawa kepada pencapaian Wawasan 2020 iaitu antaranya ialah keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, pembangunan modal insan, integrasi nasional, hubungan antara kaum, pengagihan pendapatan dan kekayaan serta mutu hidup rakyat. Jadi untuk mencapai misi nasional ini dibuat dalam lima teras.

Saya akan membincangkan berdasarkan kepada bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Jadi yang pertama sekali bagi saya ialah usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kita tahu banyak usaha telah dilaksanakan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup rakyat dan rasa saya banyak perkara telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya mengenai perkara ini.

Jadi di sini saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara. Antaranya ialah kalau kita lihat kesan daripada kesejahteraan dan kemakmuran negara, ramai rakyat atau masyarakat dalam negara ini yang menghadapi masalah kegemukan. Ini contohnya macam saya juga, obesiti. Saya mengucapkan tahniah kepada PLKN kerana telah memberi peluang kepada seorang yang gemuk, dulu yang obes terpaksa bekerja bersungguh-sungguh untuk menurunkan badannya dan dapat menyertai program PLKN. Tetapi itu seorang.

Saya percaya dalam negara ini ramai pelajar yang obes dan saya memohon atau mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan melalui program PLKN ini untuk mengkhususkan program bagi PLKN selama tiga bulan khusus pemilihannya adalah untuk pelajar-pelajar Tingkatan Lima yang mempunyai masalah kegemukan ini.

Jadi dengan cara ini mereka boleh duduk di kem selama tiga bulan dan diajar ditunjuk cara dan sebagainya bagaimana untuk membuat makanan yang seimbang dan juga mengamalkan cara hidup yang sihat. Jadi apa yang kita harapkan dengan duduk di dalam kem selama tiga bulan ini mereka sekurang-kurangnya telah dapat mengamalkan budaya hidup atau kualiti hidup yang sihat ini dan akhirnya apabila mereka keluar mereka boleh terus mengamalkan kualiti hidup yang sihat.

Berdasarkan untuk meningkatkan kualiti hidup sihat ini juga kita perlu mewujudkan banyak kemudahan-kemudahan prasarana dan saya percaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan kementerian-kementerian yang berkaitan akan banyak mengadakan program-program seperti ini. Hanya saya hendak bawa satu e-mail yang saya dapat tadi yang diberi oleh BNBBC penduduk dari kawasan saya dia kata "Saya salah seorang penduduk Kampung Rengai Mukim Penjong, DUN Benta, Parlimen Lipis ingin mengetengahkan permasalahan kampung saya dan diharapkan ia mendapat perhatian Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kampung saya masih belum mempunyai kemudahan talian telefon tetap. Ketiadaan kemudahan ini amat menyukarkan kami jika berlaku hal-hal kecemasan.

Yang kedua, saya dan penduduk kampung amat berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan lampu jalan di kampung kami tetapi amat malang lampu tersebut telah dua tahun rosak, *bulb* nya tidak diganti dua tahun. Dan Kampung Rengai ini sebenarnya adalah kampung yang agak terpencil kerana ia terletak di seberang sungai tidak ada jalan raya yang besar. Jika penduduknya ataupun yang tinggal di luar yang mempunyai kereta. Apabila mereka balik ke kampung mereka akan meninggalkan kereta mereka di sepanjang laluan daripada Lipis ke Kuala Lumpur atau Lipis ke Raub dan mereka akan berjalan kaki menyeberang sungai melalui jambatan gantung balikhlah ke rumah masing-masing. Dan ada juga yang menggunakan motosikal. Jadi begitulah keadaannya. Bagi saya perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana setelah 47 tahun merdeka kita masih lagi ada kawasan sedemikian. Itu satu daripada kampungnya. Dan kemungkinan juga banyak lagi kampung-kampung yang lain yang mempunyai keadaan yang sama. Kita boleh bercakap tentang hendak menjadi warga kelas pertama dan sebagainya tetapi kalau kemudahan prasarana pun belum ada bagaimana kita hendak menjadi warga kelas pertama.

Seterusnya untuk meningkatkan kualiti hidup juga bagi saya kita perlu mendapat maklumat yang cepat, tepat dan kalau boleh percuma. Di sini kalau kita lihat satu daripada media bagi orang-orang kampung untuk mendapatkan maklumat ialah melalui siaran televisyen dan juga radio. Amat malanglah kalau ada kawasan-kawasan di Malaysia ini yang terlindung, kawasan-kawasan yang dipanggil sebagai kawasan terlindung di mana siaran TV 1 dan 2 dan mungkin juga siaran TV yang lain tidak jelas. Begitu juga dengan siaran radio dan sebagainya. Satu daripada tempatnya adalah di kawasan saya banyak kawasan-kawasan yang terlindung ini. Untuk rakyat menikmati maklumat ataupun menerima maklumat yang murah tidak adalah. Kalau hendak tengok siaran TV 1 banyak hujan rintik. Kalau hendak mendapatkan siaran yang baik kena menggunakan Astro tetapi kena bayar. Jadi di sini peluang untuk rakyat mendapatkan kemudahan yang murah dan tepat ini perlu kita ambil kira. Jadi saya mintalah kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Penerangan memikirkan perkara ini.

Seterusnya saya hendak pula kepada kualiti hidup juga bagi saya selain daripada itu ialah dari segi kemudahan atau peluang untuk mendapat pendidikan. Bagi saya di peringkat pra sekolah sepatutnya semua Sekolah Kebangsaan dalam proses kita hendak memperkasakan Sekolah Kebangsaan semua Sekolah Kebangsaan ada kelas pra sekolah. Tidakkah macam sekarang ini kalau kita lihat ada sekolah-sekolah tertentu sahaja yang mempunyai kelas pra sekolah, kerana untuk menubuhkan sebuah kelas pra sekolah ada syarat minimumnya dari segi *enrolment*. Ini menyebabkan ada kanak-kanak yang duduk di kampung yang terpencil yang jauh yang mungkin sekolahnya merupakan sekolah yang dekat merupakan sekolah yang kurang murid jadi peluang untuk pergi ke pra sekolah ini ada. Kalau kita lihat peratusan rakyat Malaysia yang menerima pendidikan pra sekolah hanyalah sebanyak 88.3% dan yang masuk tahun satu walaupun kita cuba mewajibkan pendidikan Sekolah Rendah hanya 98.48%.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ada banyak lagi ni.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung yang banyak tu lah.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Banyak yang gulung ya! Bagi saya kualiti hidup juga berkait dengan jati diri. Bila berkait dengan jati diri bermakna

berkait juga dengan pembinaan bangsa. Saya melihat sekarang ini bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia telah mula merosot dan mula ketinggalan. Ini kesan daripada bahasa Melayu telah ditidakkan ataupun di *deny* kalau dalam bahasa Inggeris dengan izin. Keupayaannya sebagai bahasa Sains dan Teknologi apabila di sekolah-sekolah bahasa Sains dan Teknologi ini telah menggunakan mata pelajaran Sains dan Matematik telah menggunakan bahasa Inggeris. Kesannya Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan yang telah kita bina selama ini telah tertinggal dan memang kita dan beri peluang untuk menjadi bahasa Sains dan Teknologi.

Mungkin kerana dahulu perkiraan dibuat sebab banyak masalah kelemahan dalam bahasa Inggeris tetapi setelah saya juga sebagai guru dan telah saya mencari berbagai-bagai cara pemikiran dengan rakan-rakan dan sebagainya maka saya tidak nampak kalau orang lemah dalam Geografi misalnya kita tidak adakan mata pelajaran Sejarah. Orang lemah bahasa Inggeris tetapi kita jangan ajar bahasa Melayu dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Saya tidak mahu begini, kita membuat keputusan yang silap kerana kita mendapat maklumat dan nasihat yang tersalah nasihat daripada orang yang memberi nasihat. Saya tidak mahu bahasa Melayu nanti menjadi tulisan jawi. Sehingga sekarang kesan daripada keputusan yang silap yang dibuat pada tahun 60-an sampai sekarang tulisan jawi yang juga mendukung bahasa Melayu telah mati berkubur dan daripada kecillah saya ingat sampai sekarang bila kita menyebut tulisan jawi orang akan mengatakan orang yang membunuh tulisan jawi ialah Menteri A bin B.

Jadi kita tidak hendak perkara ini esok berlaku pula 20 atau 30 tahun lagi ada lagi orang mengatakan bahawa yang membunuh bahasa Melayu ialah Menteri A bin B sampai bila-bila.

Lepas itu barulah kita terfikir balik dan barulah kita hendak memikirkkan ini. Di mana jati diri kita? Adakah kita hendak menjadi bangsa pisang? Luar kulitnya kuning tapi isinya putih. Jadi fikir-fikirkanlah. Ini dengan hati saya yang tulus ikhlas, fikir-fikirkan balik tentang perkara ini dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:rasa saya yang terakhir sebab banyak lagi hendak cakap tapi pasal Tuan Yang di-Pertua cukuplah dua tiga kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Bagi saya untuk meningkatkan kualiti hidup juga seseorang perlu mempunyai pekerjaan yang tetap dan mempunyai masa depannya. Jadi ini saya sangat runting dengan pegawai-pegawai kontrak permulaan, bukan pegawai kontrak yang setelah mereka pencen diberi kontrak tapi pegawai-pegawai awam yang telah dilantik secara kontrak dalam perkhidmatan dan mereka ini nampaknya tidak dibela nasib mereka. Kita bercakap tentang perkhidmatan yang baik, perkhidmatan yang cemerlang dan sebagainya. Tapi bagaimana mereka hendak cemerlang dan sebaiknya kalau mereka terpaksa sentiasa memikirkan tentang masa depan mereka.

Pegawai-pegawai atau pekerja yang dilantik sebagai pegawai PKS ini, kedudukannya sangat tidak jelas. Pegawai PKS. Saya hairan juga. Sepatutnya kita tidak ada lagi pegawai PKS dan sebagainya. Semua pegawai dilantik dengan cepat. Jadi pegawai-pegawai PKS ini, sudah berapa kali di antara mereka saya percaya memohon. Mereka diletakkan sama dengan calon-calon lain bila hendak memohon kerja dan sebagainya dan sampai masa kalau kontrak mereka habis mereka berhenti sedangkan mereka juga telah ada komitmen dan sebagainya. Jadi apa yang saya harapkan ialah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam memikirkan balik perkara ini dan berilah keutamaan kepada pegawai-pegawai yang melantik secara kontrak ini untuk masuk kepada perkhidmatan PTD, perkhidmatan pegawai tadbir, kaunselor dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Beri keutamaan kepada mereka. Kalau tidak mereka sudah kita perah tenaga dan akhirnya mereka terpaksa meninggalkan kerja setelah berkhidmat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:mungkin sepuluh atau lima tahun. Dan saya rasa yang terakhir ini saya hendak sebut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua yang terakhir Yang Berhormat, berapa kali akhir sudah.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Yang terakhir akhir. *[Ketawa]* Bagi saya untuk kita terus maju selain daripada kualiti hidup tadi kita juga harus memikirkan bagaimana cara yang terbaik untuk kita memberi *further education* ataupun *continuing education* dengan izin. Jadi ini saya mengharapkan supaya semua Parlimen terutama yang tidak ada pusat-pusat pengajian tinggi mempunyai kolej komuniti. Kolej komuniti tidak semestinya besar dan sebagainya. Memadai mungkin dengan lima atau enam kelas tetapi apa yang penting dia dapat memberi peluang kepada seluruh masyarakat untuk memperbaiki hidup mereka dan mengikut kelas-kelas yang sesuai bagi mereka sebagai mata pelajaran atau pelajaran berterusan.

Jadi akhir kata, saya hendak menggulung di sini saya hendak quote balik apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu kita hendakkan kejayaan lebih unggul demi membina tamadun dan menjulang martabat bangsa, yang agama persekutuannya adalah agama Islam, masyarakatnya mengamalkan prinsip-prinsip hadhari dalam Islam dan yang pentingnya bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan bahasa yang digunakan dalam semua segenap pelosok bukan sahaja sebagai bahasa pasar harian tapi bahasa sains dan teknologi. Dan akhir yang terakhir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:oleh kerana saya merupakan penghujung....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:saya penghujung....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:jadi saya mintalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kenalah ikut peraturan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okay saya mintalah, habis sudah. Saya mintalah supaya Lipis tidak ketinggalan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kanowit.

7.25 mlm.

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga sama-sama terlibat dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya akan terus kepada isu-isu yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sasaran dasar ekonomi baru dan dasar-dasar pembangunan negara semenjak Malaysia merdeka adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Dalam misi nasional dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan ini menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif bagi membasmi kemiskinan telah menjadi teras ketiga rancangan ini yang sekali gus bertujuan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Di Sarawak, dilaporkan bahawa kadar kemiskinan adalah masih tinggi terutamanya di kalangan penduduk di luar bandar. Tetapi anehnya tidak ada angka yang diberi dalam dokumen ini yang menunjukkan kadar kemiskinan itu yang sebenar dan mengikut kaum ataupun kawasan Parlimen ataupun daerah tertentu. Dari pengalaman kita sendiri kepada keadaan yang sebenar terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak, jelas peratusan penduduk yang masih di tahap kemiskinan adalah tinggi. Bagi Sarawak, angka 75% kemiskinan keseluruhannya dan 1.1% kemiskinan tegar adalah tidak menggambarkan keadaan sebenar rakyat yang miskin di luar bandar.

Jadi saya mencadangkan dan menyeru kepada kerajaan untuk membuat satu *survey* yang menyeluruh ke atas semua keluarga di Sarawak seperti profil keluarga dapat diperolehi dan ini akan menunjukkan keadaan sebenar kualiti dan taraf hidup

semua rakyat di Malaysia. Ini adalah penting bagi kerajaan dan juga Ahli-ahli Parlimen supaya dapat mengenal pasti kenapa kaum, kumpulan dan kawasan di daerah ataupun daerah tertentu itu masih jauh ketinggalan. Bagaimana pula dengan program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan selama ini? Apa kesannya dan masalah yang sebenar? Daripada profil keluarga dan maklumat berkenaan kawasan itu, maka dapatlah kita mengkaji dan memberi cadangan kepada kerajaan bagi mengubahsui pendekatan dan kaedah untuk mengatasi masalah kemiskinan ini.

Baru-baru ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga telah minta Ahli Parlimen untuk memberi cadangan bagi mengatasi masalah ini. Pada pendapat saya, bahawa selain daripada cadangan jangka panjang seperti pelajaran, kesihatan, dan meningkatkan sosioekonomi setempat jelas dari laporan pelaksanaan projek-projek kerajaan selama ini, bahawa masalah besar adalah sistem penyampaian, kebocoran projek dan salah sasaran.

Sebagai contoh, kita menerima laporan setiap tahun daripada pejabat daerah bahawa ada projek yang tidak dapat dilaksanakan oleh kerana jauh di pedalaman dan jabatan itu memberi penjelasan bahawa mereka tidak dapat pergi ke sana kerana tidak mempunyai cukup staf ataupun bajet P&P ataupun kemudahan asas seperti perahu untuk ke kawasan di hulu-hulu sungai. Jadi mengenai inilah masalah *delivery system* kerajaan yang kerap di bantah oleh Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini. Ianya perlu dimohon sepenuhnya dengan izin.

Kedua pula kalau kita melihat ialah masalah projek bocor yang juga selalu dibangkitkan di Dewan yang mulia ini di mana peruntukan yang memang mencukupi untuk satu-satu projek itu. cuma segelintir sahaja yang dapat sampai kepada rakyat oleh kerana ramai yang tercicir di tengah jalan kerana banyak *interested parties* dengan izin yang terlibat dan sebab itu pelaksanaan projek selalunya tidak mengikut spesifikasi oleh kerana kontraktor-kontraktor yang *last* sekali untuk mengendalikan projek itu terpaksa *cut cost* dia untuk mendapat keuntungan.

Jadi bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Ini adalah bergantung kepada semua lapisan masyarakat yang terlibat untuk benar-benar memahami hasrat kerajaan bagi menolong rakyat miskin dan bukan mengambil peluang untuk memperkayakan diri sendiri.sahaja tidak dapat mengatasi masalah ini kerana ianya masalah manusia. Masalah dalaman manusia. Manusia yang perlu menukar *mindset* dan melihat yang

sebenarnya agenda kerajaan yang tiap tahun memperuntukkan berbilion-bilion ringgit bagi tujuan membangunkan rakyat yang miskin untuk bersama-sama maju.

Tuan Yang di-Pertua, kaum dayak di Sarawak memang terkenal dengan tanah asal bumiputera mereka ataupun "Asia Land" yang terdapat di seluruh negeri Sarawak. Banyak program pembangunan tanah bumiputera ini telah dilaksanakan seperti untuk ladang sawit secara *joint venture* dengan agensi kerajaan ataupun swasta.

Kita mengalu-alukan kegiatan sebegini untuk tujuan menaikkan tahap ekonomi rakyat di luar bandar tetapi masalah mula timbul di mana mereka yang terlibat dalam projek ini tidak puas hati apabila lebih dana bonus apabila syer mereka itu tidak sampai walaupun sudah berpuluh tahun mereka terlibat dalam projek itu. Mereka pun tidak mengetahui apa yang sebenarnya terjadi dalam *joint venture company* itu sebab laporan untung rugi pun tidak diberi kepada mereka. Mereka juga tidak terlibat langsung dengan pengurusan projek-projek itu.

Jadi, apa yang telah dijanjikan dahulu sudah dilupakan. Tuan punya tanah sudah menjadi gelisah kerana pokok getah sudah habis ditebang untuk ladang kelapa sawit, mereka kehilangan rezeki yang besar oleh kerana sekarang ini harga getah sudah melambung naik tinggi dan ini yang membuat mereka tidak puas hati dan sering menuduh pihak kerajaan untuk ingin tahu bilakah hasil daripada projek seperti itu dapat sampai kepada mereka.

Jadi, ada juga di antara mereka yang mahu mengusahakan tanah sendiri dengan tanaman ladang kelapa sawit dan getah tetapi keupayaan mereka tidak sampai kerana modal tidak cukup, *skill* pun kurang dan bantuan pun masih kurang. Kerajaan sedar masalah ini dan mula memberi peruntukan untuk menolong mereka yang berminat dan mempunyai tenaga kerja. Tetapi masalahnya sekarang ini ialah syarat-syarat untuk mendapat bantuan daripada dana itu adalah *prohibitive*, dengan izin, oleh kerana ia memerlukan *land title* bagi tanah-tanah tersebut.

Kalau di kawasan luar bandar di Sarawak memang kegunaan tanah NCR belum ada *title*, dengan izin, tetapi kerana dari dahulu *recognize* status tanah itu sebagai NCR kalau pemilik tanah itu dapat membuktikannya melalui pejabat daerah ataupun ketua masyarakat. Tetapi sekarang ini saya difahamkan bahawa agensi kerajaan tidak lagi *recognize* pengesahan status NCR *land* itu sebab yang dahulunya, biasanya ditetapkan oleh pegawai daerah dan ketua masyarakat dan cuma sekarang ini Jabatan Tanah dan

Ukur sahaja yang dapat memberi keputusan terhadap status tanah NCR. Ini akan mengambil masa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, agensi kerajaan seperti MPOB yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dana bagi menolong rakyat miskin itu tidak dapat buat apa-apa, oleh kerana syarat-syarat untuk tanah itu adalah mesti ada *tittle*. Jadi, saya mencadangkan dan menyeru kepada kerajaan kalau betul-betul mahu menolong orang miskin bukan sahaja syarat bagi NCR perlu dikaji semula, malah mereka yang berminat dan mempunyai tenaga boleh juga diberi tanah kerajaan, *composted land* sebagai tujuan tersebut. Yang menjadi isu sekarang adalah mengapa *company* besar-besar boleh mendapat tanah kerajaan untuk ladang sawit, walhal rakyat yang miskin tidak diberi peluang ataupun tapak tanah untuk berusaha sendiri. Ini menjadi masalah kepada wakil rakyat apabila rakyat menyuarakan masalah sebegini. Kita merasa serba salah oleh kerana tidak dapat memberi jawapan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah terkini juga yang berkaitan dengan kerajaan untuk menolong rakyat miskin adalah Rumah Mesra. Di sini masalah syarat juga timbul kerana keluarga miskin yang ingin memohon projek itu mesti mempunyai lot tanah perumahan sendiri. Bagi rakyat di luar bandar, ini sudah menjadi *exclusion clause*, dengan izin, bagi mereka untuk mendapat rumah ini, oleh kerana mereka memang orang yang miskin dan tidak mempunyai tanah ataupun lot perumahan yang diperlukan.

Kedua pula, pelan-pelan Rumah Mesra itu ditetapkan sebagai rumah *detach*, tidak boleh ditukarkan kepada *semi-d* ataupun teres ataupun rumah panjang. Bagi kaum Iban atau orang Ulu di Sarawak yang tinggal di rumah panjang, ini juga menjadi *exclusion clause* lagi kepada mereka, oleh kerana pelan rumah itu tidak dapat diubah dan mereka pun tidak akan percaya kalau ingin memohon rumah sebegini.

Jadi saya mencadangkan dan menyeru kepada kerajaan dan kementerian yang bertanggungjawab supaya mengkaji semula syarat-syarat yang menghalang bagi kerajaan untuk menolong rakyat miskin ini. Kita juga mesti ingat, rakyat miskin memang miskin dan syarat-syarat sebegini perlu dikaji semula. Kalau salah ia juga nanti akan menjadi projek untuk orang yang sudah kaya, kroni-kroni tertentu pun dapat projek untuk membina beribu-ribu rumah di bandar dan rakyat miskin di luar bandar tidak akan dapat projek-projek itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jawapan ke atas semua kelemahan kemiskinan dan masalah ini adalah bergantung kepada pelajaran. Masalah kemiskinan ini juga mungkin faktor di mana prestasi sekolah di luar bandar begitu lemah dan ini seterusnya menyulitkan lagi hasrat kerajaan untuk meningkatkan jumlah pelajar dari luar bandar untuk masuk ke institusi pengajian tinggi. Akhirnya golongan ini tertinggal lagi.

Kalau kita lihat dari segi nisbah guru kepada murid, di luar bandar memang kurang nisbah murid kepada guru. Tetapi kita masih lihat bahawa prestasi sekolah di luar bandar adalah masih kurang. Kalau mengikut negara yang sudah maju, murid di sesuatu kelas itu tidak boleh melebihi 20 orang supaya cikgu ataupun guru dapat memberi tumpuan penuh pengajaran kepada murid-murid tertentu. Tetapi mengapa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: ...prestasi murid ini masih jauh ketinggalan dan inilah yang menjadi banyak soalan yang akan timbul. Jadi, untuk kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, dalam kesemua isu yang telah saya sentuh tadi, ia berkaitan dengan pelaksanaan program kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menaikkan taraf rakyat yang miskin. Maka, saya mengalu-alukan komitmen kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk menubuhkan satu badan induk untuk memantau semua projek kerajaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

Saya juga bercadang agar sebuah jawatankuasa ditubuhkan di semua kawasan Parlimen yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen sendiri supaya ia dapat menolong badan induk ini untuk lebih berkesan dalam kerja memantau pelaksanaan projek-projek kerajaan di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rembau.

7.37 mlm.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, objektif utama Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk mengukuhkan perpaduan nasional dengan tema Bersama Ke

arah Gemilang, Cemerlang dan Terbilang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Rancangan itu juga bertujuan untuk mengukuhkan asas ekonomi bagi fasa kedua Wawasan 2020 dengan memperkenalkan Misi Nasional dengan lima teras utama. Salah satu daripada lima teras utama itu ialah menangani ketidakseimbangan sosial ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mencapai kemajuan yang membanggakan dalam tempoh 15 tahun pertama Wawasan 2020. Asas ekonomi kekal kukuh dengan kadar inflasi 2.9% dan pengangguran pada tahap 3.1% dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Terdapat kemajuan ketara dalam usaha pembasmian kemiskinan yang menurun daripada 22.8% pada tahun 1990 kepada 5.7% pada tahun 2004.

Walaupun kemiskinan menurun kepada paras 5.7% pada tahun 2004, dan walaupun masih ada tompok-tompok ataupun, dengan izin, *pocket* kemiskinan di sana sini. Pengagihan pendapatan antara kumpulan masyarakat di Malaysia juga bertambah baik selaras dengan dasar yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dengan pengagihan. Namun demikian, hak milik bumiputera dalam sektor korporat telah berkurang dari 19.3% pada tahun 1990 kepada 18.9% pada tahun 2004.

Namun demikian, hak ekuiti masyarakat Cina meningkat daripada 38.9% pada tahun 2000 kepada 3.9% pada tahun 2004. Kalau diterjemahkan dari segi pemilikan modal saham, modal saham meningkat lebih dua kali ganda berbanding daripada ekuiti bumiputera iaitu meningkat daripada RM129.3 ribu juta kepada RM206.7 ribu juta. Peratusan syarikat bumiputera dalam semua sektor ekonomi juga masih rendah. Pemilikan bumiputera dalam bangunan dan premis komersial juga masih rendah di mana syarikat bumiputera hanya memiliki 12.7% dari bangunan komersial dengan masyarakat Cina yang memiliki 72.6% dan masyarakat India memiliki 5.4%.

Milik bumiputera dalam premis industri juga jauh masih rendah iaitu sebanyak 4.8% berbanding dengan masyarakat China memiliki 7.4% dan masyarakat India memiliki 1.5%. Oleh yang demikian, perwujudan semula UDA dan penubuhan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan modal sebanyak RM2 bilion sebagai dana untuk membeli hartanah komersial merupakan langkah yang sangat positif dalam usaha meningkatkan kekayaan bumiputera dan penglibatan mereka dalam sektor korporat yang kini lebih tertumpu pada pegangan ekuiti terutamanya dalam syarikat-syarikat tersenarai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan penubuhan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat meningkatkan lagi pemilikan premis perniagaan bumiputera khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru serta bandar-bandar lain di seluruh negara dan juga di pusat-pusat pertumbuhan baru seperti di Putrajaya dan lain. Sebab sekarang ini kalau di Kuala Lumpur sendiri kalau kita cabutkan bangunan milik PNB, milik Tabung Haji, milik LTAT, tidak ada apa yang tinggal.

Walaupun kerajaan belum umumkan lagi butir-butir lanjut mengenai bentuk struktur organisasi Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang akan ditubuhkan ini, saya berharap pihak kerajaan akan menggunakan Permodalan Sdn. Bhd. PNB sebagai model atau contoh memandangkan PNB telah berjaya menggembelng tabungan masyarakat bumiputera. Dalam masa yang sama meningkatkan ekuiti bumiputera di sektor korporat. PNB berjaya menggembelng lebih melalui PNB dan anak syarikatnya, anak milik penuh iaitu Amanah Saham Malaysia Berhad sebagai syarikat pengurusan saham amanah telah berjaya menggembelng permintaan lebih lapan juta pelabur bumiputera dengan pelaburan lebih RM50 bilion dalam 10 skim saham amanah yang diwujudkan dalam tempoh 24 tahun.

PNB juga mempunyai pengalaman yang luas dan boleh dibanggakan dalam pengurusan hartanah iaitu melalui Amanah Hartanah PNB yang diwujudkan pada tahun 1889 dan Amanah Hartanah PNB2 yang dilancarkan pada tahun 2001. Kedua-dua skim amanah hartanah ini diuruskan oleh Pelaburan Amanah Nasional Berhad PHNB iaitu anak syarikat 100% milik PNB. Kedua-dua skim amanah hartanah ini telah berupaya membayar dividen yang berpatutan secara berterusan sejak ianya dilancarkan sementara hartanah yang ada di dalam portfolio AHB dan AHB2, terutama terletak di Lembah Klang telah menikmati penghunian yang penuh, dengan izin *enjoying full occupancy*.

Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang akan diwujudkan ini akan dapat berjalan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya meningkatkan pemilikan hartanah bumiputera terutama hartanah komersial di bandar-bandar utama. Saya ingin mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (1) Ditubuhkan syarikat pengurusan amanah hartanah yang dikenali sebagai Pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera, PHB sebagai anak syarikat milik Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dengan sebahagian sahamnya diberikan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan majlis-majlis agama Islam negeri. Dengan adanya pemilikan saham oleh kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri akan meningkatkan lagi komitmen kerajaan negeri dan memberi peluang kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk menjayakan lagi matlamat meningkatkan pemilikan hartanah komersial bumiputera di bandar-bandar
- (2) Tenaga pengurusan syarikat PHNB hendaklah diuruskan oleh mereka yang betul-betul profesional, amanah, berpengetahuan dan pakar dalam bidang hartanah
- (3) Mewujudkan Institut Latihan Hartanah bagi melatih dan mengeluarkan profesional dalam bidang hartanah
- (4) Mewujudkan skim-skim atau tabung-tabung amanah hartanah dengan sahamnya dijual kepada orang ramai, individu bumiputera, koperasi, pertubuhan-pertubuhan kebajikan milik bumiputera dan jawatankuasa-jawatankuasa masjid di seluruh negara. Bab permulaan adalah dicadangkan supaya had maksimum tabung ini adalah sebanyak RM1 bilion atau sekurang-kurangnya RM500 juta. Skim atau tabung baru boleh diwujudkan berikutnya jika tabungan skim yang pertama telah penuh. Dengan tertubuhnya Skim Amanah Hartanah ini akan memberi peluang kepada individu dan institusi bumiputera di seluruh negara untuk melabur dalam Skim Amanah Hartanah yang diwujudkan. Ini akan memastikan bahawa YAHB, PHNB akan terus mendapat aliran wang tunai yang mencukupi untuk membeli bangunan-bangunan komersial di samping melabur dalam institusi pelaburan yang menguntungkan kerana peruntukan RM2 bilion yang disediakan dirasakan tidak mencukupi pada jangka panjang.

- (5) Mewujudkan jawatankuasa pemantauan, ini penting. Jawatankuasa pemantauan pemilikan hartanah bumiputera di setiap pihak berkuasa tempatan termasuk di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan juga di Majlis-majlis Perbandaran yang lain bagi memastikan supaya kuota 30% permit perniagaan baru untuk bumiputera di bandar-bandar dipatuhi. Jawatankuasa ini hendaklah melapor terus kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri secara berkala.

Saya menyebutkan perkara ini sebab dalam Rancangan Malaysia Kelapan banyak bangunan strategik, rumah-rumah kedai yang diperuntukkan kepada bumiputera biasanya dia bagi di belakang-belakang sahaja. Kadang-kadang sama ada penentuannya hanya ditentukan oleh PBT sahaja mengikut budi bicara PBT. Kita tanya macam mana, tidak ada arahan bertulis kata dia. Jadi kita tidak hendak perkara ini berlaku lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui langkah-langkah ini saya yakin bukan sahaja kerajaan akan dapat meningkatkan lagi bilangan bangunan komersial milik bumiputera di bandar-bandar tetapi juga akan memberi peluang kepada masyarakat dan institusi bumiputera sama ada di bandar atau di luar bandar, melabur secara terus dalam bidang hartanah yang sebelum ini mereka tidak mampu atau berpeluang melakukannya. Ini pada jangka panjangnya akan juga meningkatkan lagi bilangan pengusaha bumiputera di bandar-bandar selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat perdagangan bumiputera dan seterusnya mewujudkan perpaduan negara.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah soal program pembasmian kemiskinan yang saya sebut tadi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan beberapa program SPKR ataupun Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat ini dulu dipanggil PPRT telah dilaksanakan dengan penglibatan bahagian agensi kerajaan. Belanjanya ialah lebih kurang RM589.5 juta bagi 10 program, lebih setengah bilion. Dan antara program ini termasuklah program pembangunan minda insan, program latihan dan pendidikan, program bantuan rumah, program peningkatan pendapatan, program taman makanan seimbang, program pertanian, program pembangunan masyarakat setempat.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya minta pihak kementerian yang berkenaan membuat kajian keberkesanan dan impak bagi setiap program yang dilaksanakan. Saya menyebutkan perkara ini sebab didapati contohnya program PPMS, Program Pembangunan Masyarakat Setempat di kawasan saya di 'Ugon Mulu' iaitu ada 15 buah rumah dibina, rumah satu bilik tetapi yang duduk itu sampai 10 orang termasuk anak daranya. Dan kalau benda ini berterusan mungkin wujud masalah sosial, itu satu. Yang keduanya ada dewan dan ada rakan-rakan korporat yang bantu bagi mesin jahit, ada tiga empat tetapi tidak dapat digunakan sebab tidak ada orang yang hendak mengajar.

Jadi saya haraplah pihak-pihak kementerian menempatkan penyelia-penyelia Kemas yang berkelayakan bagi memberi bimbingan kepada peserta PPRT ini sebab peserta PPRT ini bukan sahaja miskin duit tetapi dia miskin semangat, miskin harta, miskin sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah soal sistem penyampaian *delivery system*. Ini penting khususnya di peringkat daerah, banyak projek kita terbengkalai atau tidak berjalan sepenuhnya atau tidak mencapai matlamatnya kerana kita mungkin kurang memberi tumpuan kepada soal *delivery system* ini khususnya di peringkat daerah.

Misalnya adakah bilangan pegawai di peringkat daerah cukup, beban kerjanya macam mana banyakkah atau sedikit. Gred pegawai macam mana rendahkah dan sebagainya misalnya Pegawai Pertanian di kawasan saya, baru naik gred Kumpulan A, Gred 41 tetapi pegawai tidak ada. Pegawainya tidak ada, mesin ada empat, tiga selalu rosak sedangkan Rembau daerah pertanian kita hendak bangunkan sebagai jelapang sayur. Jadi inilah masalah-masalah yang perlu ditengok. Kemudian latihan, adakah latihan dan kursus untuk pegawai cukup, adakah perlu ditambah? Kemudian dari segi motivasi untuk pegawai-pegawai macam-mana, insentif dia adakah mencukupi?

Tempat kerja macammana, adakah perlu digilirkan adakah terlalu lama dan bagaimana pemantauan secara berkala ataupun ikut cakap negeri Sembilan "ikut sodap ajo". Ini penting sebab saya apa saya lihat, kalau pegawai-pegawai di peringkat daerah ini diberikan galakan, insentif yang bersesuaian, latihan yang cukup saya percaya Rancangan Malaysia Kesembilan akan mencapai kejayaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, soal yang saya hendak bangkitkan ialah soal memperkasakan Sekolah Kebangsaan. Dalam hubungan ini saya minta semua pihak termasuk pihak pembangkang menyokong usaha kerajaan untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan kerana ianya merupakan satu agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia Kesembilan. Ini kerana agenda ini mempunyai dua matlamat utama iaitu menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana, sebagai pusat mengumpul perpaduan kaum dan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan meliputi bidang akademik dan bukan akademik.

Jadi tidak payah lagi macam ada rakan sebut hari itu hendak ada pula sekolah berbagai-bagai rupa bangsa. Sekolah Kebangsaan bukan untuk orang Melayu sahaja untuk semua kaum. Di Sekolah Kebangsaanlah kita pupuk perpaduan dan kita harap Sekolah Kebangsaan ini akan memainkan peranan yang dulunya dimainkan oleh sekolah aliran Inggeris sebelum tahun 70-an di mana semua kaum bersekolah di situ. Orang Tionghoa, orang India sama belajar sama di padang permainan sama di kantin. Tetapi takkan kita hendak wujudkan balik sekolah aliran Inggeris, itu satu langkah ke belakang.

Jadi apa yang penting ialah sekarang ini soal memperkasakan ini dipercepatkan. Misalnya soal menghantar guru bahasa Mandarin ke sekolah kebangsaan, perlu disegerakan. Mungkin Kementerian tidak mampu untuk buat semua sekolah sebab kita ada lebih 5, dekat 6 ribu sekolah kebangsaan di seluruh negara. Apa yang penting kita mulakan di bandar-bandar besar dan bandar-bandar kecil atau boleh juga kita mulakan di sekolah-sekolah yang dulunya asal sekolah aliran Inggeris. Macam di kawasan saya, Sekolah 'UREC', di Port Dickson High School, di Seremban KGV, Saint Paul dan sebagainya yang masih ada lagi imej sekolah berbagai kaum.

Jadi saya yakin kalau ini dapat dijalankan, usaha kita untuk mewujudkan perpaduan negara dan di peringkat yang lebih awal akan dapat dicapai. Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Sapi, lepas itu Kuala Selangor.

7.51 mlm.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil kesempatan di dalam perbahasan RMK9 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31hb Mac 2006. Saya akan membawa tiga isu yang penting untuk Kementerian yang berkenaan dan harap dapat jawapan atau pandangan untuk kebaikan negara kami yang dicintai.

Pendidikan. Saya berbangga kerana Perdana Menteri pernah berkata komen apabila diminta oleh *reporter* atas Perhentian Semi Crooked Bridge projek minggu lalu. Saya petik, “*for the people, of the people and by the people*” dengan izin, bahasa Malaysia ialah “*untuk rakyat, kerana rakyat dan oleh rakyat*”. Saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana begitu komited terhadap kepentingan rakyat seperti yang dikatakan oleh beliau bahawa beliau tidak akan membiarkan mana-mana kaum dipinggirkan daripada agenda pembangunan negara selari dengan misi kebangsaan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Malangnya seruan Perdana Menteri ini tidak berapa dipraktikkan.

Kita semua sedar tentang *phrase* dengan izin, “*once in a lifetime*”. Sehubungan dengan itu, dalam masa memikul tanggungjawab sebagai Menteri Pelajaran saya suka mengatakan bahawa Menteri Pelajaran haruslah lebih berani dan bersikap terbuka apabila membuat keputusan penting seperti keputusan memperkenalkan mata pelajaran bahasa seperti Tamil dan Mandarin serta mata pelajaran bahasa yang lain di sekolah kebangsaan bagi memberikan pelajar-pelajar *option* untuk memilih mata pelajaran yang ingin mereka pelajari. Sedangkan bahasa Perancis dan bahasa Jerman ditawarkan sebagai mata pelajaran *option* di sekolah-sekolah UK kerana bahasa-bahasa ini lebih dikenali di *continent Europe*.

Maka saya tidak nampak mengapa bahasa Tamil, Mandarin tidak dapat ditawarkan sebagai mata pelajaran *option* di sekolah kebangsaan. Sedangkan kita sedar bahawa potensi dan kelebihan kedua-dua bahasa ini negara India dan China yang mana secara tidak langsung menyediakan peluang perniagaan yang lebih luas dan besar. Bahasa-bahasa ini boleh menjadi aset kepada Malaysia dan peluang ini tidak harus dilepaskan. Saya sudah tentu bahawa tidak ada sesiapa pun yang dibenarkan bercakap untuk merendahkan taraf bahasa kebangsaan dan budaya kita. Jika

selama ini kita membenarkan dan memberikan tumpuan terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris, saya fikir bahawa adalah adil dan penting jika bahasa-bahasa lain ini dipelajari kerana kedudukan negara-negara seperti India dan China hampir dengan Malaysia.

Kita mesti sedar kepentingan kuasa bahasa atau *power of language* dengan izin kerana kalau bukan disebabkan bahasa Inggeris mungkin UK tidak dikenali juga sebagai *Great Britain*. Jadi Menteri Pelajaran kita harus memastikan bahawa kita mesti memberi perhatian terhadap usaha-usaha melengkapkan generasi masa depan kita dengan mengetahui berbagai bahasa. Untuk tujuan itu, kita perlu menyediakan lebih ramai guru yang mahir mengajar bahasa-bahasa itu dan kalau perlu guru-guru sedemikian bolehlah kita import dari negara ibunda mereka di Taiwan, China dan India supaya kita mempunyai guru-guru bahasa ini dengan segera.

Sementara kita melatih guru-guru tempatan untuk keperluan masa depan, biarlah tunggu-tunggu lagi dapat statistik yang sesuai dan *implement* sahaja. Saya ingin menekankan bahawa nama sekolah kebangsaan diterjemahkan kepada sekolah awam atau *public school* dengan izin, kerana semua tahu bahawa pelajar-pelajar sekolah kebangsaan terdiri daripada mereka yang berketurunan Melayu, Cina, India dan etnik-etnik minoriti dari Sabah dan Sarawak yang lain. Dan ini selari dengan kata-kata Perdana Menteri, "untuk rakyat, kerana rakyat dan oleh rakyat". Tidak bolehkah sekolah-sekolah menawarkan mata pelajaran bahasa-bahasa lain untuk generasi masa depan kita. Saya serahkan kepada keupayaan Menteri Pelajaran untuk menjawabnya. Kalau boleh bila diimplementasikan?

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang asing yang memasuki negara ini melalui saluran yang sah di pintu-pintu masuk utama negara ini sama ada dengan menggunakan passport, dokumen perjalanan sementara ataupun dokumen kerajaan sementara tidak diketahui jumlahnya. Sebahagian daripada mereka menyalahgunakan dokumen perjalanan ini dengan tinggal melebihi had waktu yang dibenarkan. Mereka ini adalah juga yang masuk ke negara ini melalui saluran yang tidak sah. Kes-kes seperti ini banyak berlaku di Sabah. Ini disebabkan Sabah adalah negeri yang paling banyak dibanjiri oleh pendatang asing tanpa dokumen yang kita kenali sebagai pendatang asing tanpa izin atau PATI ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat banyak kes yang pendatang asing tanpa izin ini akhirnya mendapat taraf kerakyatan Malaysia melalui pengeluaran dokumen diri kad pengenalan mutu tinggi (KPT) atau My Kad. Kad oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab sama ada melalui pintu belakang dan ada yang didaftarkan untuk memperolehi kad pengenalan melalui pendaftaran bergerak yang dianjurkan oleh penduduk tempatan. Persoalannya bagaimanakah kedudukan warganegara Malaysia yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)? Berapakah bilangan mereka itu? Tidak adakah hukuman yang lebih berat yang boleh dikenakan oleh kerajaan terhadap pengkhianat negara ini seperti hukuman sebat dan sebagainya. Rakyat ingin tahu siapakah mereka ini? rakyat ingin tahu. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengenakan yang lebih berat seperti yang dikenakan terhadap pengedar dadah umpamanya kerana kesan negatif yang ditimbulkan oleh mereka ini sama bahayanya dengan pengedaran najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar bahawa beberapa projek kerajaan yang dikendalikan oleh *Project Management Consultant*, iaitu PMC telah gagal disebabkan oleh kekurangan tenaga pengurusan yang berkemahiran dalam skop projek tersebut. Masalah ataupun kesalahan bukan PMC sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PMC dilantik biasa dilantik dan mulai kerja ataupun design projeknya, dia akan mulai. Perbincangan *Agreement* ataupun *Fee Negotiation* diikuti dan saya diberitahu, biasanya main power kena potong dan di dalam perbincangan. Dengan itu, PMC kena paksa untuk potong main power juga. So, siapa salah? Siapa yang bawa *failure* projek itu? Saya ingin menekankan bahawa projek-projek yang dikendalikan oleh PMC seumpamanya di Sabah, seperti projek pembinaan sekolah menengah dan rendah, tidak langsung mengalami masalah. Semua projek berjaya disiapkan. Jadi, jika kerajaan mengambil keputusan untuk tidak menggunakan khidmat PMC, bermakna kerajaan tidak membantu sektor swasta, sektor profesional. Iaitu *engineer*, arkitek, quantity surveyor, lain-lain.

Saya ingin mencadangkan supaya sektor swasta diberi peluang melaksanakan projek-projek besar kerajaan. Jabatan Kerja Raya yang memang diketahui mempunyai tanggung jawab dan tugas yang besar dalam projek kerajaan dahulu, patut diberi tugas penyenggara ataupun *maintenance* projek-projek yang disiapkan. Penglibatan sektor swasta dalam projek kerajaan ini sekurang-kurangnya akan dapat menggembirakan

mereka dan melancarkan ekonomi negara lagi. Oleh itu, saya suka mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, lebih banyak peranan dan tanggung jawab diberi kepada sektor swasta dalam projek kerajaan kerana terbukti sektor swasta lebih efisien dalam tugas mereka. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor, lepas itu Pasir Puteh.

8.03 mlm.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat malam serta salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor bangun untuk turut menyokong Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac yang lalu. Bagi pihak seluruh rakyat dan pengundi di Parlimen Kuala Selangor, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pak Lah yang bersungguh-sungguh untuk memacu pembangunan negara berteraskan lima perkara, untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Rakyat di seluruh negara menyambut baik rancangan kerajaan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara negeri, wilayah, bandar dan luar bandar.

Ini kerana, kerajaan mahu melihat semua negeri maju, termasuk Sabah, Sarawak dan juga Kelantan. Namun pembangunan seimbang yang hendak diwujudkan oleh kerajaan, seharusnya tidak melihat sama ada sebuah negeri itu telah maju ataupun tidak. Selangor sudah diisytiharkan sebagai sebuah negeri yang maju. Namun, kita harap kerajaan tidak mengabaikan pembangunan kawasan-kawasan, khususnya kawasan di luar bandar dan juga di kampung-kampung. Pembangunan Lembah Klang begitu pesat dan dengan konsep *disperse development*, dengan izin, untuk membangunkan atau menyebarkan pembangunan keluar daripada Lembah Klang, amat dialu-alukan dan hari ini kerajaan merancang untuk mewujudkan pembangunan koridor utara, koridor timur dan juga koridor di selatan termasuk koridor di Sabah dan juga Sarawak.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, oleh sebab daerah Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam termasuk Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sungai Besar,

Sabak Bernam dan juga di selatan Perak seperti Hutan Melintang, saya suka mencadangkan kepada kerajaan supaya diberikan perhatian bagi membangunkan koridor Selangor utara ini ataupun Anjung Selangor utara.

Kerana kita sedia maklum bahawa kawasan ini merupakan kawasan pertanian, kawasan yang menjadi tarikan pelancongan yang saya fikir sudah tiba masanya arus pembangunan bandar dapat dibawa keluar bandar agar bukan sahaja bandar, pekan malah kampung dan dapat mewujudkan beberapa pusat pertumbuhan baru. Umpamanya hari ini di Kuala Selangor, wujud pembangunan bandar satelite seperti Puncak Alam dan juga Taman Saujana serta kawasan persekitaran yang dibangunkan oleh pihak swasta yang saya fikir pembangunan ini perlu diselaraskan dan peranan kerajaan untuk memantau dan menyelaraskan pembangunan agar beberapa kemudahan asas tidak tertinggal untuk kepentingan penduduk di kawasan ini. Umpamanya, soal pertambahan penduduk yang begitu pesat perlunya sekolah kebangsaan, sekolah menengah, balai polis, bomba dan sebagainya yang pihak pemaju kalau kerajaan tidak memantau pembangunan ini, kita terlepas pandang. Inilah sebenarnya yang berlaku di kawasan ini.

Di samping, saya ingin juga menyarankan kepada kerajaan kalau hari ini, kita wujud konsep pembangunan Multimedia Super Coridor, Kuala Lumpur ke Cyberjaya dan Putrajaya. Saya juga ingin mencadangkan supaya bandar pusat pentadbiran Kuala Selangor yang melalui sungai Selangor yang pernah kita berbahas panjang, sungai yang tercemar dan wujudnya satu pusat pertumbuhan baru Berjantai Bestari. Saya yakin dan percaya bahawa pembangunan di pinggir kiri dan kanan sungai Selangor, yang kebanyakan kampung-kampung merupakan kampung tradisional yang perlukan satu konsep pembangunan bersepadu. Di mana semua kementerian, jabatan dan agensi dapat merancang pembangunan untuk membasmi kemiskinan. Apatah lagi hari ini kita berharap kerajaan khususnya Jabatan Kerja Raya dapat menyegerakan pelaksanaan dua buah projek lebuhraya iaitu, Templer Park ke Asam Jawa, dan juga coastal highway ataupun lebuhraya pantai yang akan jadi pemangkin kepada pembangunan seimbang yang saya sebutkan tadi.

Dalam konteks ini, saya lihat bagi memastikan perancangan dapat dilaksanakan dengan baik dan juga berkesan, kita perlu menitikberatkan soal delivery system ataupun sistem penyampaian. Kalau hari ini, kita lihat di peringkat pusat kita ada Unit Perancang

Ekonomi, kita ada ICU, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, dan di peringkat negeri kita ada Jabatan Pembangunan Negeri dan kita ada Unit Perancang Ekonomi Negeri. Tetapi di peringkat daerah, sebagai pusat institusi yang cukup penting bagi memastikan bukan sahaja soal perancangan, soal pelaksanaan, soal pemantauan, soal penilaian, dan juga penguat kuasa kepada undang-undang yang telah dibuat oleh kerajaan. Oleh itu, hari ini kita bercakap soal pegawai daerah sebagai ketua pentadbir di peringkat daerah yang dibebankan dengan begitu banyak tugas dan tanggung jawab. Terpaksa mempengerusikan mesyuarat, menghadiri berpuluh-puluh mesyuarat yang saya fikir tidak dapat dilaksanakan secara berkesan. Oleh itu saya mencadangkan, sudah tibalah masanya bahawa di peringkat daerah ini ataupun pejabat daerah ini dinaiktaraf.

Umpamanya kita harus memisahkan pejabat pentadbiran tanah dengan pejabat pentadbiran daerah yang mana hari ini di pejabat daerah kita ada Ketua Penolong Pegawai Daerah Tanah. Saya fikir sudah tiba masanya kita khususkan pekerjaan Ketua Penolong Pegawai Daerah Tanah ini sebagai Pentadbir Tanah yang harus melunaskan isu dan masalah yang tertunggak yang begitu banyak yang bersangkutan tentang tanah. Sama ada tanah terbiar, tanah pusaka, dan saya kira hari ini di luar bandar terlalu banyak tanah-tanah yang terbiar yang bertaburan dan pagi tadi kita dengar Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendak membangunkan tanah terbiar dengan usaha yang dijalankan oleh FELCRA, tidak cukup, tidak berkesan dan juga Ahli Parlimen Sri Gading hari ini mencadangkan supaya diwujudkan sebuah perbadanan untuk mentadbir, mengurus, membangunkan tanah terbiar ini.

Yang penting hari ini mekanisme yang bersesuaian di mana kerajaan perlu serius dan prihatin. Kalaulah tanah terbiar ini yang terbiar kerana disebabkan faktor teknikal kerana sawah tidak dapat bekalan air ataupun kerana faktor tenaga kerja. Belia berpindah ke bandar yang tinggal yang tua dan juga soal perundangan yang berkaitan dengan soal harta pusaka ini, kalau tidak ditangani cepat, saya khawatir matlamat pembangunan seimbang tidak dapat diwujudkan, malah harta atau tanah yang dimiliki oleh orang Melayu satu ketika nanti akan terlepas, tergadai, terjual kepada pihak-pihak yang lain.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya pejabat pembangunan luar bandar (PLB) hari ini yang diketuai oleh Ketua Penolong Daerah Pembangunan dinaik

taraf sebagai Jabatan Pembangunan Daerah yang mana pegawai ini akan khusus memikirkan soal pembangunan, soal pembangunan luar bandar dan lain-lain persoalan.

Begitu juga dengan soal pentadbiran keselamatan yang saya kira bolehlah pegawai daerah sebagai ketua untuk menyelaraskan perkara ini. namun, pihak berkuasa tempatan mesti dipisahkan dan diketuai oleh sama ada Tuan Yang di-Pertua, ataupun Datuk Bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Okey. Di samping itu, saya melihat mekanisme yang wujud di peringkat daerah hari ini, kita ada Jawatankuasa Tindakan Daerah. Begitu banyak jabatan dan agensi yang hendak dipantau dari segi pelaksanaan projek-projek jabatan dan saya tidak fikir pegawai daerah yang mempengerusikan mesyuarat ini dapat melihat perkara ini secara terperinci dan saya suka mencadangkan kepada kerajaan, supaya aspek perancangan yang saya sebutkan tadi dititikberatkan diwujudkan semula fungsi Jawatankuasa Perancangan Daerah yang mana jawatankuasa ini bertanggungjawab hendak melihat secara mikro perancangan di peringkat daerah yang melibatkan jabatan dan agensi.

Kalau hari ini kementerian jabatan bertindak secara *departmental* dengan izin sama ada merancang atau melaksanakan secara bersendirian dan malah kalau kita lihat hari ini, jabatan agensi di bawah Kementerian Pertanian tidak *well co-ordinated*, tidak diselaraskan dengan berkesan kerana pegawai daerah tadi banyak tugas dan Jawatankuasa Pertanian ini cukup pening untuk digerakkan setiap bulan untuk mengadakan mesyuarat bagi membangunkan sektor pertanian.

Kita lihat di kampung-kampung bukan sahaja soal tanah terbiar, hari ini Kementerian Pertanian ada program untuk menambahkan pendapatan petani-petani nelayan peruntukannya tidak memadai dan konsep perancangan dan pelaksanaan jabatan bergantung kepada mereka yang datang hendak berurusan, hendak minta pertolongan, hendak minta bantuan. Sepatutnya kita sudah ada database, kita ada kumpulan sasar yang berkaitan dengan mereka yang dikategorikan miskin tegar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: ataupun miskin supaya kita turun padang, merancang untuk kepentingan mereka.

Di samping itu, yang akhir Tuan Yang di-Pertua, isu penguatkuasaan. Hari ini kita lihat Jabatan Alam Sekitar yang memantau atau menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pencemaran sungai, parit begitu juga udara. Kita juga ada pihak berkuasa tempatan yang menguatkuasakan soal undang-undang yang sama, yang melibatkan pemberian lesen. Begitu juga pejabat tanah yang bertanggungjawab untuk memberi kebenaran dari segi kegunaan tanah.

Satu ketika dahulu saya lihat kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam bilangan 1 tahun 2001, di mana pekeling ini Ketua Setiausaha Negara mencadangkan satu garis panduan, pelaksana sistem pemantauan penguatkuasaan undang-undang di peringkat pentadbiran daerah.

Apa sudah jadi kepada jawatankuasa ini? sudah berlalu lima tahun dan kita lihat isu penguatkuasaan ini bukan sahaja perlu ditangani, diselesaikan di peringkat pusat atau di peringkat negeri yang penting segala kejadian ini, segala peristiwa yang kita lihat selama ini berlaku di peringkat akar umbi. Sudah tiba masanya jawatankuasa ini gerakan semula dan pegawai daerah bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau berdasarkan aduan-aduan orang ramai dan juga inilah salah satu cara untuk mengelakkan kebocoran atau berlakunya elemen 'kautim' ataupun rasuah yang berlaku di jabatan-jabatan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bukan senang dapat bercakap akhir.

8.16 mIm.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun saya terakhir, tetapi tidak lemah semangat. Sebab dahulu pun

saya angkat sumpah akhir selepas tiga bulan. Datuk Alwi angkat bersama ramai-ramai tetapi saya angkat sumpah tiga bulan selepas. Pada hari ini saya terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana atas limpah kurniaNya, serta hidayahNya saya dapat bersama untuk membincang atau turut membincang Rancangan Malaysia Kesembilan ini, 2006 hingga 2010. Pertama kali kita melihat kepada diperancangan Malaysia kesembilan.....

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sik bangun Yang Berhormat, hendak tanya soalan.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, mana lebih afdal ucapan atau doa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Doa.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Kalau Yang Berhormat anggap doa lebih afdal, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat membaca doa selamat supaya perbahasan kita ini diberkati oleh Allah S.W.T. cantik *finishing* dia. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, lepas ini saya sudah dengan doa pendek *[Ketawa]*

Jadi kalau hendak baca doa pun, *[membaca doa]*

Beberapa Ahli: *[Amin]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Belum habis lagi...Ya Allah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan ini untuk berbahas.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, ya. Tetapi saya hendak beri semangat sedikit. "Tunjukilahlah Ya-Allah kepada kami perkara yang benar, itulah yang benar, pandulah kami untuk mengikutinya. Tunjukkanlah kami kepada yang batil, itu adalah batil supaya kami meninggalkannya".

Maka sebelum saya akhir, saya hendak menyatakan bahawa dua dalam teras ini yang saya akan sebut ialah teras yang pertama ini adalah cukup penting bagi meningkatkan taraf sosioekonomi khususnya bagi rakyat kita di negara ini, khususnya dalam aspek pertanian. Saya merasa terpenggil untuk menyatakan bahawa 50 ribu lebih keluarga tani di dalam kawasan KADA Pasir Puteh dan negeri Kelantan. Untuk

meningkatkan pengeluaran padi, beras, sayuran, buah-buahan, ternakan pembangunan industri hiliran itulah termasuk ikan, sadin, baja dan lain-lain boleh diwujudkan di Kelantan.

Jadi saya ingin menyatakan di sini bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan-rungutan yang tidak habis-habis tentang tembakau. Habis tembakau ini dua minit, saya akan berhenti, Tuan Yang di-Pertua.

MTC wujud 1959, LTM wujud 1973, kedua-dua badan ini diwujudkan untuk tujuan membela petani-petani ataupun pengawet-pengawet tembakau, kemudian diwujudkan pula satu sistem baru yang diadakan dalam satu seminar melibatkan kementerian.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun, kena bagi dahulu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Agaknya sampai bila Kelantan bergantung dengan tembakau.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ledang. Kita akan tutup cerita tembakau ini 2010, paling lama 2015. Saya sudah berpakat semua sekali, penanam pengawet supaya gulung tikar bantal, mereka sanggup dengan syarat pertahankan dahulu kuota sehingga 2010, kemudian harga kita kekalkan lebih RM40 itu dan subsidi baja diteruskan, maka mereka sanggup memberhentikan daripada menanam tembakau dengan kita memberi satu *exit scheme*, keluar daripada tembakau ialah tanaman secara integrasi, iaitu timun madu, labu madu, jagung madu.....*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua madu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Semua madu. *[Disampuk]* Jarak madu, untuk menjadikan bio petrol. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Biodiesel. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Dewan yang mulia ini dapat menimbangankan kedudukan 28,888 keluarga tani tembakau di seluruh negara, 70% ialah

Kelantan, 70% adalah Pasir Puteh, Bachok. 70% daripada 28,888. Maka, saya minta supaya kita memberi haknya dahulu sementara kita hapuskan tembakau ini kerana mereka telah dapat melahirkan anak, cucu dari sekolah rendah sampai ke peringkat universiti hasil daripada penanaman tembakau. Maka, teraniaya kerana penanam pengawet ini diperkudakan oleh pengilang-pengilang rokok. Jangan marahlah pengilang rokok.

Sebab apa saya kata diperkudakan, oleh kerana mereka diberi import daun tembakau tetapi tidak dikenakan cukai. Cukai ini disimpan di bawah satu tabung iaitu Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu tahu berapa banyak duit pada masa itu ialah lebih RM200 juta, bukan duit kerajaan yang pure tetapi duit daripada cukai yang tidak dipungut. Maka duit yang RM200 juta ini kita perlu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan kepada penanam pengawet yang sedang nazak hendak gulung tikar bantal ini kena bagi duit itu, hanya perlu ialah lebih kurang RM165 juta tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas telah pun menyampai sebanyak RM50 juta untuk menyelesaikan masalah ini. Kita masih ada baki RM119 juta.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, saya hendak penjelasan sebab sudah tengah malam, belum tengah malam, hisap rokok dalam Islam makruh. Seseengah mazhab mengharamkan hisap rokok, bayak mazhab haramkan kecuali Mazhab Syafie sahaja kata makruh. Jadi, kita tanam tembakau untuk bagi buat perkara makruh, Yang Berhormat bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, apa hukumnya Yang Berhormat sebenarnya?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, dia sama tahu, dia tanya hukum juga. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Ketereh ini anak tok guru, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya makruh tetap makruh, tidak haram, buat tidak dapat pahala tetapi "*muslihat ammah, muslihat umum*" kepada 28 ribu (penanam) saya sebut tadi ataupun Pasir Puteh, Bachok ada 15 ribu penanam pengawet kita kena ambil kira.

Kalau kita hendak hapuskan sekali gus tanpa memberi satu alternatif, maka sudah tentu satu kezaliman yang berlaku sebab itulah bagi saya, saya berfikir setelah dua tahun lebih saya jadi Yang Berhormat ini, wakil rakyat ini, bagi kerajaan negeri

memang tidak ada jalan. Menteri Besar Kelantan sudah lama berfikir, pening berfikir hendak adakan alternatif kepada tembakau tetapi tidak dapat.

Maka saya Insya-Allah, saya janji dengan cara *exit scheme*, keluar daripada tembakau ini kita beri tanaman integrasi dengan cara timun madu, jagung madu, limau madu, pelbagai madu tetapi dengan syaratnya kena buat satu – LTM ataupun Kementerian Pertanian kena buat satu kilang untuk proses jagung madu.

Yang keduanya kita hendak supaya FAMA bergerak sebagai *marketing*, ataupun pemasaran dan kita hendak supaya MARDI kaji bagaimana *packaging* yang sesuai untuk dihantar ke Mekah, hantar ke Mesir, hantar ke mana. Saya baru balik dari Turki, saya makan ubi kayu dari Malaysia. *[Disampuk]* Ubi kayu madu yang kuning. Saya makan di Turkey di *hotel five star*, saya tengok hebat, rupanya ubi kayu dari Malaysia. Barangkalilah, yang dibuat di Selangor dan Johor.

Jadi, kenapa kita tidak boleh mewujudkan satu kilang dan kita wujudkan kenaf, bukan wujud, tanam kenaf. Kenas sekarang ini akan boleh buat kertas, boleh buat aksesori kapal terbang, buat aksesori kereta kenaf. Kelantan panggil 'kenap'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya dengar 'kenas'.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, kenaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kenaf!

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi, kenaf ini akan wujud kilang di Penang, dan akan wujud kilang di setiap daerah. Maka saya rasa inilah salah satu daripadanya menjawab persoalan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh tadi supaya ada jalan keluar, kita tidak hendak kekal dengan makruh. Saya tahu hukum, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tahu *muslihat ammah*. Kalau saya tutup 10 ribu, 15 ribu penanam pengawet tembakau ini, mana saya hendak bagi duit. Yang Berhormat tidak mampu.

Hendak bagi duit ada RM500 ribu itu pun habis begitu sahaja, tidak akan cukup. Maka sebab itulah kita hendak supaya betul-betul kita memberi pertimbangan dalam soal ini sebelum golong tikar bantal. 2010 kita akan gulung tikar bantal dan kita akan hapuskan tembakau untuk digantikan dengan tanaman lain. *[Disampuk]*

Sebelum akhir, Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi. Yang kelima, teras yang kelima ini ialah *delivery system*. Banyak kita bercakap penerapan nilai Islam pada tahun

1984, kita tengok Tonggak Dua Belas, kita tengok bagaimana teras perkhidmatan awam, semua ini adalah – saya tidak perlu bilang kerana masa, kalau hendak saya akan beri secara bertulis, [*Ketawa*] dan kita tengok

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi pada siapa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Kalau mana-mana yang perlulah, Ahli-ahli Yang Berhormat terutama pembangkang. Hari ini saya ingat saya hendak bercakap ini kerana untuk pembangkang tidak ada, dia tidak boleh terima, sebagaimana dia tidak boleh terima Islam hadhari sebagai satu pendekatan untuk RMK-9. Kenapa dia tidak boleh terima? Ini satu benda yang tidak patut. Kenapa kita boleh menerima, membangun bersama Islam kita tidak komen, kenapa kita boleh menerima Bandaraya Islam walaupun tidak bentuk bandar raya Islam? Kita senyap sahaja. Kenapa dia tidak boleh terima Islam hadhari sebagai satu pendekatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Ini bererti mereka tidak faham syariah, mereka faham *common law*, tidak faham syariah *law*. Itu sahaja pokoknya, kita biarlah, jangan lawan dialah. Kita buat cara kita.

Maka saya rasa bertepatanlah dengan doa yang saya baca tadi, maka kita doakan RMK-9 akan mendapat sambutan dari semua pihak termasuklah parti-parti pembangkang walaupun dia tidak ada, termasuklah juga rakyat jelata. Kita hendak menyahut seruan kerana RM200 bilion adalah satu angka yang besar berbanding RMK-8 sebanyak RM170 bilion.

Di Kelantan, kita cukup berbangga walaupun masih diperintah oleh Pembangkang tetapi Perdana Menteri prihatin memberi juga RM7.6 bilion, tepuk sikit. [*Tepuk*] Kalau saya jadi PM, saya bagi kurang macam saya bagi dulu, RM3 lebih. Bukan saya bagi, yang RMK-8 dulu. Tetapi kerana prihatinnya Yang Amat Berhormat, dia tidak pilih kasih. Kalau ada lagi orang PAS atau DAP kata ada diskriminasi, itu adalah cakap politik. Tidak ada diskriminasi! Universiti pun diberi.

Cuma universiti itu saya tidak berebutlah, hendak buat di Ketereh atau Pasir Puteh, pilihlah. Tanah di Pasir Puteh banyak. Kalau hendak buat di Ketereh pun tidak apa, yang pentingnya universiti di Kelantan wujud. Ini adalah satu kebanggaan. Bukan sahaja rakyat Kelantan bangga, rakyat Malaysia kerana universiti itu bukan universiti Kelantan, universiti Malaysia. Bagaimana Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Jangan kata saya bangga sebab Yang Berhormat bagi Ketereh kata boleh Universiti Kelantan. Tidak! Universiti Malaysia. Kerana yang akan masuk ke situ ialah semua rakyat dalam negara kita.

Maka dengan kata-kata demikian, saya dengan penuh khusyuk tawaduk Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas RMK-9 ini dengan RM220 bilion - tambah lagi RM20 bilion. Minta *Hansard* perbetulkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah selesai. Seramai 101 orang ahli telah ikut membahar. Kita telah selesai pembaharasan dan mulai daripada esok serta empat hari di minggu hadapan adalah jawapan daripada kementerian. Esok dimulai dengan jawapan daripada Kementerian Kewangan.

Dengan demikian, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.32 malam.